JUZU' KE-12

SURAH YUSUF

SURAH KE

12

SURAH YUSUF

Surah Nabi Yusuf

(Makkiyyah)

JUMLAH AYAT

111

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Surah ini ialah Surah Makkiyah. Ia diturunkan selepas Surah Hud dalam sa'at-sa'at genting yang telah kita huraikan dalam Muqaddimah Surah Yunus dan Muqaddimah Surah Hud, iaitu di antara masa Tahun Duka - kerana kematian Abu Talib dan Siti Khadijah yang menjadi penyokong kuat Rasulullah s.a.w. dengan - masa Perjanjian al-'Aqabah yang pertama dan yang kedua, di mana Allah telah memberi jalan keluar berhijrah ke Madinah kepada Rasulullah s.a.w., kepada kelompok Muslimin yang ada bersama beliau dan kepada da'wah Islamiyah. Berdasarkan hakikat inilah surah ini merupakan salah satu surah yang diturunkan di sa'at-sa'at genting dalam sejarah da'wah dan dalam hidup Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin yang bersama beliau di Makkah.

Keseluruhan surah ini ialah Makkiyah belaka. Ini bertentangan dengan keterangan di dalam Mushaf al-Amiri bahawa ayat-ayat (1, 2, 3, 7) dari surah ini adalah diturunkan di Madinah. Sebenarnya ayat (1 - 3) yang berbunyi:

الٓر ۚ تِلْكَ ءَايَـٰتُ ٱلْكِتَـٰبِ ٱلْمُبِينِ ﴿١﴾ إِنَّآ أَنزَلْنَـٰهُ قُرْءَٰنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾ نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ ٱلْقَصَصِ بِمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ هَـٰذَا ٱلْقُرْءَانَ وَإِن كُنتَ مِن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلْغَـٰفِلِينَ ﴿٣﴾

"Alif. Laam. Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat jelas(1). Sesungguhnya Kami telah menurunkannya dengan bahasa Arab supaya kamu mengerti(2). Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) seindah-indah kisah dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu dan sesungguhnya engkau sebelum ini adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui"(3)

merupakan pendahuluan yang sesuai bagi ayat selepasnya yang memulakan secara langsung penceritaan kisah Yusuf a.s. yang berbunyi:

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَـٰٓأَبَتِ إِنِّى رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِى سَـٰجِدِينَ ﴿٤﴾

"(Kenangilah) ketika Yusuf berkata kepada bapanya: Wahai bapaku! Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan. Aku melihat semuanya sujud kepadaku."(4)

Kemudian penceritaan itu diteruskan sehingga akhirnya. Kata-kata pendahuluan kisah ini yang dimulakan dengan firman Allah yang berbunyi:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ ٱلْقَصَصِ بِمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ هَـٰذَا ٱلْقُرْءَانَ وَإِن كُنتَ مِن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلْغَـٰفِلِينَ ﴿٣﴾

"Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) seindah-indah kisah dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu dan sesungguhnya engkau sebelum ini adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui"(3)

jelas merupakan satu pendahuluan yang sesuai yang mengiringi turunnya ayat-ayat kisah itu.

Begitu juga huruf-huruf potongan (Alif, Laam, Raa',) dan penjelasan yang menyatakan bahawa ayat-ayat itu adalah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat nyata dan penjelasan yang menyatakan bahawa Allah telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an di dalam bahasa Arab merupakan bukti yang membayangkan suasana ayat-ayat Al-Qur'an Makkiyah dan suasana menghadapi kaum Musyrikin di Makkah dengan mengemukakan hujjah bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan dalam bahasa Arab (bahasa mereka sendiri) kerana mereka telah mendakwa ada seorang asing yang bukan dari bangsa Arab yang telah mengajar Al-Qur'an ini kepada Rasulullah s.a.w. Begitu juga penjelasan yang menyatakan bahawa Al-Qur'an ini adalah wahyu dari Allah membuktikan bahawa Nabi s.a.w. sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui tentang arah tujuan dan maudhu'-maudhu' pembicaraan Al-Qur'an.

Di samping itu, pendahuluan ini adalah sesuai dengan kata kesimpulan kisah itu yang disebut pada akhirnya, iaitu firman Allah Ta'ala:

ذَٰلِكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ ۖ وَمَا كُنتَ
لَدَيْهِمْ إِذْ أَجْمَعُوٓا۟ أَمْرَهُمْ وَهُمْ يَمْكُرُونَ ﴿١٠٢﴾

"Itulah di antara berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu, sedangkan engkau tidak pernah ada bersama mereka (saudara-saudara Yusuf) ketika mereka membuat keputusan sebulat suara (terhadap Yusuf dan ketika mereka merancangkan rencana jahat mereka."(102)

Oleh itu jelaslah di sana ada hubungan yang kuat di antara kata pendahuluan dengan kata kesimpulan, dan dari hubungan ini jelaslah bahawa kata pendahuluan itu diturunkan sekaligus dengan kisah dan kata kesimpulannya.

Adapun ayat yang ketujuh, maka susunan ayat-ayat selanjutnya itu sama sekali tidak sempurna tanpa ayat ini. Adalah tidak mungkin surah ini diturunkan di Makkah tanpa ayat yang ketujuh ini, kemudian ditokok semula kepadanya di Madinah, kerana di dalam ayat yang kelapan terdapat satu dhamir (ganti nama) yang dikembalikan kepada Yusuf dan para saudaranya yang disebut di dalam ayat yang ketujuh. Tentulah tidak sempurna turunnya ayat yang kelapan ini tanpa diturunkan bersamanya ayat yang ketujuh. Inilah bunyi nas dua ayat tersebut:

لَّقَدْ كَانَ فِى يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِۦٓ ءَايَٰتٌ لِّلسَّآئِلِينَ ﴿٧﴾
إِذْ قَالُوا۟ لَيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَىٰٓ أَبِينَا مِنَّا وَنَحْنُ
عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya di dalam kisah Yusuf dan para saudaranya itu terdapat bukti-bukti (Uluhiyah) Allah kepada orang-orang yang bertanya(7). Ketika mereka (saudara-saudara Yusuf) berkata: Sesungguhnya Yusuf dan adiknya itu lebih disayangi bapa kita dari kita semua, sedangkan kita ramai. Sesungguhnya bapa kita dalam kekeliruan yang amat nyata."(8)

Keterangan ayat-ayat ini membuktikan secara pasti bahawa kedua-dua ayat ini diturun sekaligus di dalam satu rangkaian yang bersambung-sambung.

Keseluruhan surah ini merupakan satu unit yang padu. Ia membawa ciri-ciri surah Makkiyah yang jelas sama ada dari segi pokok pembicaraannya, suasana-suasananya, bayangan-bayangan dan saranan-saranannya, malah ia juga secara khususnya membawa ciri-ciri zaman genting yang mencemaskan itu. Ketika Rasulullah s.a.w. menghadapi kesepian, kesendirian dan tersisih dalam masyarakat jahiliyah Quraisy sejak berlakunya Tahun Duka dan ketika kaum Muslimin turut menderita bersama beliau di dalam kesulitan itu, maka tepat dengan waktu inilah Allah menceritakan kepada nabi-Nya yang mulia kisah saudaranya yang mulia, iaitu kisah Nabi Yusuf bin Ya'kub bin Ishaq bin Ibrahim 'alayhim Salawatullahi wasalamu-Hu ajma'in ketika beliau sedang menghadapi berbagai-bagai ujian dan cubaan, iaitu ujian tipu daya adik beradik, ujian dibuang ke dalam perigi yang penuh dengan ketakutan dan kengerian, ujian menjadi hamba abdi yang berpindah seperti barang dagangan dari satu tangan ke satu tangan di luar kemahuannya dan tanpa mendapat sebarang perlindungan dan pembelaan dari dua ibubapa dan keluarganya, juga ujian menghadapi fitnah tipu daya perempuan al-'Aziz dan wanita-wanita yang lain dan sebelum itu beliau telah menghadapi ujian godaan nafsu berahi dan fitnah pesona, juga ujian hidup di dalam penjara setelah hidup mewah dan senang-lenang di istana al-'Aziz, kemudian ujian kesenangan dan memegang kuasa yang mutlak dalam mengendalikan urusan bekalan makanan rakyat jelata dan memerintah mereka. Dialah yang berkuasa memberi roti untuk makanan mereka, kemudian ujian perasaan manusia apabila beliau menemui saudara-saudara beliau yang telah membuang beliau dalam perigi, dan pada zahirnya merekalah yang menjadi punca segala ujian dan penderitaan yang telah dialami beliau. Inilah ujian-ujian penderitaan yang ditanggung Yusuf a.s. dengan sabar. Di tengah-tengah ujian dan penderitaan inilah beliau mengembangkan da'wahnya kepada 'aqidah Islam dan beliau telah berjaya keluar dari ujian-ujian dan penderitaan itu dengan hati yang bulat dan ikhlas kepada Allah. Do'a dan minat beliau yang paling akhir di sa'at-sa'at kejayaan beliau mengatasi seluruh ujian dan penderitaan itu dan di sa'at-sa'at pertemuan beliau dengan dua ibubapanya dan sekalian saudaranya, juga di sa'at-sa'at mimpinya telah menjadi kenyataan (iaitu mimpi yang diceritakan beliau):

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ إِنِّى رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ
كَوْكَبًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِى سَٰجِدِينَ ﴿٤﴾

"(Kenangilah) ketika Yusuf berkata kepada bapanya: Wahai bapaku! Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan: Aku melihat semuanya sujud kepadaku."(4)

Do'a dan minat beliau yang paling akhir di sa'at-sa'at itu ialah beliau berdo'a dengan tulus ikhlas kepada Allah, di mana dia memusatkan seluruh jiwa raganya kepada Allah sebagaimana digambarkan oleh Al-Qur'an:

فَلَمَّا دَخَلُوا۟ عَلَىٰ يُوسُفَ ءَاوَىٰٓ إِلَيْهِ أَبَوَيْهِ وَقَالَ
ٱدْخُلُوا۟ مِصْرَ إِن شَآءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ ﴿٩٩﴾
وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى ٱلْعَرْشِ وَخَرُّوا۟ لَهُۥ سُجَّدًا ۖ وَقَالَ
يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأْوِيلُ رُءْيَٰىَ مِن قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّى
حَقًّا ۖ وَقَدْ أَحْسَنَ بِىٓ إِذْ أَخْرَجَنِى مِنَ ٱلسِّجْنِ وَجَآءَ
بِكُم مِّنَ ٱلْبَدْوِ مِنۢ بَعْدِ أَن نَّزَغَ ٱلشَّيْطَٰنُ بَيْنِى وَبَيْنَ

إِخْوَتِىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى لَطِيفٌ لِّمَا يَشَآءُ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٠٠﴾
رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِىِّۦ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

"Dan apabila mereka masuk menemui Yusuf, dia pun memeluk dua ibubapanya dan berkata: Masuklah ke negeri Mesir insya Allah dalam keadaan aman sentosa (99). Dan dia mengangkatkan kedua ibubapanya ke atas singgahsana dan sekalian mereka pun merebahkan diri sujud kepada Yusuf, lalu Yusuf berkata: Wahai bapaku! Inilah ta'bir mimpiku sebelum ini. Sesungguhnya Tuhanku telah menjadikan mimpi itu suatu kenyataan. Dan sesungguhnya Tuhanku telah mengurniakan layanan yang sebaik-baiknya kepadaku apabila Dia mengeluarkanku dari penjara dan membawa kamu ke mari dari desa Sahara setelah syaitan merosakkan hubungan di antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Halus terhadap sesuatu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(100). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian dari kuasa pemerintahan dan Engkau telah mengajarkanku sebahagian dari ta'bir mimpi. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi! Engkaulah Pelindungku di dunia dan di Akhirat, (wahai Tuhanku!) wafatkanku sebagai seorang Muslim dan gabungkanku dengan para solehin."(101)

Demikianlah permintaan beliau yang terakhir setelah berada dalam ni'mat kuasa, kesenangan dan pertemuan dengan orang tua dan saudara maranya iaitu beliau memohon semoga beliau diwafatkan Allah sebagai seorang Muslim dan digabungkannya ke dalam golongan para Solehin setelah sekian banyak mengharungi penderitaan dan ujian dan setelah sekian lama bersabar dan mencapai kejayaan yang besar.

Oleh sebab itu tidaklah dihairankan bahawa surah ini - yang memuatkan kisah Nabi Yusuf yang mulia ini dengan kata-kata kesimpulannya (yang menarik) dan diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin yang berada bersama beliau di sa'at-sa'at yang genting itu - merupakan suatu hiburan kepada beliau, juga suatu lipuran untuk mententeramkan hati kaum Muslimin yang tertindas, terpencil dan tersisih itu.

Malah di sa'at ini juga fikiran saya merasa bahawa surah itu memberi saranan yang jauh bahawa beliau akan dikeluarkan Allah dari negeri Makkah ke sebuah negeri lain dan di sanalah beliau akan mendapat kemenangan dan kedudukan yang teguh walaupun keluarnya beliau dari Makkah itu pada zahirnya berlaku di bawah paksaan dan ancaman sebagaimana Nabi Yusuf a.s. dikeluarkan dari pemeliharaan ayahandanya untuk menghadapi segala ujian ini dan kemudian berakhir dengan mencapai kemenangan dan kedudukan yang teguh:

وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلِنُعَلِّمَهُۥ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمْرِهِۦ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢١﴾

"Dan demikian Kami memberi kedudukan yang baik kepada Yusuf di negeri itu supaya dapat Kami mengajarnya sebahagian dari ta'bir mimpi. Dan Allah amat berkuasa dalam segala urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(21)

Perencanaan itu berlaku sejak kaki beliau mulai memijak bumi Mesir lagi (dan tinggal) di istana al-'Aziz walaupun di waktu itu beliau masih seorang kanak-kanak yang dijual beli seperti hamba abdi.

Fikiran yang terlintas di dalam hati saya di waktu itu telah membuat saya mengalami satu perasaan yang tertentu terhadap kata-kata kesimpulan Al-Qur'an yang disebut selepas kisah itu walaupun saya hanya dapat menyebut perasaan itu secara sepintas lalu dan tidak dapat mengungkapkannya (dengan jelas). Kata-kata kesimpulan yang mengiringi kisah itu berbunyi:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِىٓ إِلَيْهِم مِّنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰٓ ۗ أَفَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۗ وَلَدَارُ ٱلْءَاخِرَةِ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٠٩﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا ٱسْتَيْـَٔسَ ٱلرُّسُلُ وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُمْ قَدْ كُذِبُوا۟ جَآءَهُمْ نَصْرُنَا فَنُجِّىَ مَن نَّشَآءُ ۖ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُنَا عَنِ ٱلْقَوْمِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١١٠﴾
لَقَدْ كَانَ فِى قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

"Dan Kami tidak utuskan sebelummu melainkan lelaki-lelaki dari penduduk kota yang Kami wahyukan kepada mereka. Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat sebelum

mereka, dan sesungguhnya negeri Akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa, tidakkah kamu berfikir?(109). Sehingga apabila para rasul itu tidak mempunyai harapan dan yakin bahawa mereka terus didustakan, maka datanglah pertolongan Kami kepada mereka, lalu diselamatkan mereka yang Kami kehendaki, dan 'azab Kami tidak sekali-kali dapat ditolakkan dari golongan orang-orang yang berdosa (110). Sesungguhnya di dalam kisah-kisah mereka terdapat pengajaran kepada orang-orang yang berakal. Al-Qur'an itu bukanlah cerita yang diada-adakan, tetapi ia membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya dan ia merupakan penjelasan terhadap segala sesuatu, juga sebagai hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(111)

Itulah saranan (Ilahi) yang menerangkan perjalanan Sunnatullah apabila para rasul-Nya hampir-hampir merasa putus harapan sebagaimana yang dirasakan oleh Yusuf a.s. dalam penderitaannya yang lama itu dan itulah isyarat (Ilahi) yang menerangkan jalan keluar yang menyusahkan tetapi akhirnya akan membawa kepada keselamatan yang dicita-citakan mereka.

Itulah saranan dan isyarat yang dapat ditangkap oleh hati yang Mu'min yang hidup dan bernafas dalam sa'at-sa'at genting seperti itu. Ketika itulah ia merasa dan nampak (maksud) saranan dan isyarat (Ilahi) dari jauh itu.

Surah ini mempunyai cirinya yang unik kerana ia memuatkan kisah Nabi Yusuf a.s. sepenuhnya, sedangkan kisah-kisah Al-Qur'an yang lain dari kisah Yusuf adalah disebut sekadar beberapa babak sahaja yang sesuai dengan maudhu' surah, arah tujuannya dan suasananya. Hingga kisah-kisah yang disebut sepenuh di dalam satu surah seperti kisah-kisah Hud, Soleh, Lut dan Syu'ayb adalah diceritakan secara ringkas sahaja, tetapi (berlainan dengan) kisah Yusuf ia diceritakan sepenuhnya dengan panjang lebar dalam satu surah sahaja. Itulah ciri yang unik (surah ini) di antara seluruh surah-surah Al-Qur'an yang lain.

Ciri istimewa ini amat sesuai dengan tabi'at kisah ini yang diceritakan dengan sempurna, iaitu dimulai dengan cerita mimpi Yusuf dan diakhiri dengan penta'biran mimpi itu. Cerita ini tidak sesuai untuk diceritakan secara menyebut sebabak atau beberapa babak sahaja dalam satu surah yang tertentu kemudian babak-babak selanjutnya disebut di dalam surah yang lain pula.

Ciri istimewa ini telah membolehkan surah ini melakukan penceritaan yang sempurna dari segala segi di samping mencapai matlamat asal yang menjadi tujuan dari penceritaan kisah ini dan tujuan kata-kata kesimpulan yang dikemukakan selepasnya.

Kami perlu membuat ulasan yang agak terperinci mengenai cara penceritaan yang sempurna kisah ini untuk mendedahkan cara penceritaan Al-Qur'an yang unik itu. Wabillahit-taufiq.

* * * * * *

Kisah Nabi Yusuf a.s. yang disebut di dalam surah ini merupakan satu contoh yang sempurna yang menunjukkan bagaimana metodologi Islam menceritakan kisah itu dengan pengungkapan yang seni, yang meliputi pengungkapan jiwa, 'aqidah, didikan dan program Islamiyah. Walaupun metodologi Al-Qur'an itu satu sahaja dari segi maudhu' pembicaraan dan pengungkapan, namun kisah Yusuf a.s. nampak jelas merupakan satu pameran istimewa untuk menunjukkan metodologi itu dari segi pengungkapan yang seni.

Kisah ini menayangkan syakhsiyah Nabi Yusuf a.s., iaitu watak utama di dalam kisah ini dengan tayangan yang sempurna yang meliputi segala bidang hidupnya dan segala sudut kehidupan itu di samping meliputi segala reaksi watak ini terhadap liku-liku dan bidang-bidang hidup itu, juga menayangkan segala ujian yang dialami watak utama itu, iaitu ujian-ujian yang berbagai-bagai rupa dan arah tujuannya, ujian-ujian kesusahan dan penderitaan, ujian-ujian kesenangan dan kemewahan, ujian-ujian nafsu berahi, ujian memegang kuasa, ujian-ujian emosi dan perasaan manusia terhadap berbagai-bagai situasi dan peribadi, tetapi dari tengah kancah berbagai-bagai ujian itu hamba yang soleh Yusuf a.s. telah berjaya keluar dengan selamat, dengan hati yang bersih dan ikhlas babaknya yang akhir, di mana beliau berdo'a kepada Allah dengan sebuah do'a yang khusu' yang membayangkan hasrat kembali kepada Allah sebagaimana telah kami terangkan di akhir ceraian yang silam.

Di samping menayangkan watak utama kisah ini, ia juga menayangkan watak-watak sampingan yang lain dengan melakukan pemusatan-pemusatan yang berbagai-bagai cara dan menggunakan ruang-ruang, dimensi-dimensi, cahaya-cahaya dan bayangan-bayangan yang berbeza. Kisah itu menggambarkan jiwa manusia di alam kenyataannya masing-masing yang dapat dilihat di dalam berbagai-bagai contoh, iaitu contoh watak Nabi Ya'kub a.s. selaku bapa yang penyayang dan selaku nabi yang yakin dan berhubung rapat dengan Allah, contoh watak saudara-saudara Yusuf yang diharui dorongan-dorongan cemburu, hasad dengki dan dendam kesumat. Dorongan mengadakan pakatan dan merancangkan rencana jahat, dorongan menghadapi kesan-kesan jenayah dan dorongan kelemahan dan kebingungan dalam menghadapi cabaran itu. Hanya seorang sahaja dari mereka yang berbeza dengan wataknya yang sama sifatnya di sepanjang perjalanan kisah dan babak-babaknya, juga contoh perempuan al-'Aziz dengan naluri-naluri dan keinginan-keinginan keperempuanannya yang terburu-buru hasil ciptaan dan pimpinan masyarakat jahiliyah Mesir di istana raja-raja, di samping mempunyai watak-watak keperibadian yang tersendiri yang dapat dilihat dengan jelas dalam kelakuan dan tindak-tanduknya iaitu sejelas kesan-kesan alam sekitarnya, juga contoh wanita-wanita dari golongan atasan Mesir yang dipengaruhi jahiliyah dan contoh cahaya-cahaya yang disorotkan mereka ke atas masyarakat dan seterusnya

contoh logik mereka sebagaimana dapat dilihat dalam perbualan sekumpulan wanita tentang perempuan al-'Aziz dan jejakanya Yusuf, juga dapat dilihat pada tingkah laku mereka menggoda Yusuf dan ancaman perempuan al-'Aziz terhadap Yusuf dalam menghadapi cabaran wanita-wanita itu dan dapat dilihat di belakang tabir istana-istana dengan aneka pakatan dan komplot yang jahat, dan khususnya dapat dilihat dalam tindakan pemerintah mempenjarakan Yusuf, juga contoh pembesar al-'Aziz yang terpengaruh kepada kelas kebangsawanannya dan alam sekitarnya dalam menghadapi jenayah-jenayah kehormatan di tengah-tengah masyarakatnya, juga contoh Raja Mesir yang muncul sebentar kemudian menghilangkan diri sebagaimana al-'Aziz menghilangkan diri selepas itu di bawah bayangan gelap di ruang pentas pertunjukkan yang indah itu. Di sana sifat-sifat manusia kelihatan cukup jelas dan nyata dalam kumpulan watak-watak dan masyarakat-masyarakat itu, dalam berbagai-bagai situasi dan adegan kisah dan dalam berbagai-bagai harakat dan perasaan.

Di samping kisah ini menggambarkan dengan sempurnanya segala ciri-ciri waqi'iyah (realisme) yang baik dan sepadu, juga menggambarkan ciri-cirinya pada setiap watak, setiap keadaan dan setiap fikiran, maka kisah ini juga merupakan contoh yang sempurna bagaimana metodologi Islam menggambarkan sesuatu kisah dengan pengungkapan yang seni, benar, indah, mendalam dan dengan waqi'iyah atau realismenya yang sihat, iaitu satu metodologi penggambaran yang tidak mengabaikan mana-mana lintasan fikiran manusia pun yang sebenar/realistik dan dalam waktu yang sama penggambaran itu tidak menciptakan paya lumpur (seni lucah) yang kotor yang dinamakan sebagai aliran seni/realisme seperti paya lumpur yang kotor yang diciptakan oleh aliran seni realisme jahiliyah Barat.

Kisah ini telah mengumpulkan berbagai-bagai bentuk kelemahan manusia, termasuk kelemahan di sa'at-sa'at didesak nafsu berahi, ia menggambarkan jiwa manusia dalam situasi ini dengan realismenya yang sempurna tanpa sebarang pemalsuan dan tanpa mengabaikan sebarang gerak haqiqi jiwa atau situasi. Penggunaan kisah ini sama sekali tidak pernah turun ke tahap yang rendah untuk menciptakan paya seni yang kotor (lucah) yang dijijik oleh fitrah yang sihat, iaitu paya seni kotor yang dinamakan mereka di abad jahiliyah dua puluh ini sebagai aliran seni/realisme atau dinamakan mereka di masa kebelakangan ini sebagai aliran seni/naturalisme.

Kisah ini tetap merupakan suatu gambaran yang bersih yang mengungkapkan realisme yang sempurna di samping mengandungi berbagai-bagai watak dan babak iaitu:

- (Pertama gambaran watak) saudara-saudara Yusuf, di mana perasaan hasad dengki yang kecil semakin lama semakin bertambah besar di dalam hati mereka hingga menutupi hati nurani mereka dan menyebabkan mereka tidak ternampak aspek keburukan dan kekejiannya dan betapa besarnya jenayah yang hendak dilakukan mereka itu. Kemudian mereka ternampak satu alasan syar'i yang dapat mengeluarkan mereka dari dosa jenayah itu. Ini berdasarkan kenyataan hidup mereka dalam masyarakat yang kuat berpegang dengan agama - mereka adalah anak-anak Nabi Allah Ya'kub ibn Ishaq ibn Ibrahim 'alayhim Salawatullah wasalamu-Hu - dan kesan-kesan masyarakat ini di dalam pemikiran, perasaan dan adat resam mereka. Inilah sebab yang memerlukan mereka mencari satu alasan dan satu jalan yang boleh menghalalkan mereka melakukan jenayah yang keji itu:

لَّقَدْ كَانَ فِي يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِۦٓ ءَايَٰتٌ لِّلسَّآئِلِينَ ﴿٧﴾

إِذْ قَالُوا۟ لَيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَىٰٓ أَبِينَا مِنَّا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾

ٱقْتُلُوا۟ يُوسُفَ أَوِ ٱطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهُ أَبِيكُمْ وَتَكُونُوا۟ مِنۢ بَعْدِهِۦ قَوْمًا صَٰلِحِينَ ﴿٩﴾

قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ لَا تَقْتُلُوا۟ يُوسُفَ وَأَلْقُوهُ فِي غَيَٰبَتِ ٱلْجُبِّ يَلْتَقِطْهُ بَعْضُ ٱلسَّيَّارَةِ إِن كُنتُمْ فَٰعِلِينَ ﴿١٠﴾

قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَ۫نَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُۥ لَنَٰصِحُونَ ﴿١١﴾

أَرْسِلْهُ مَعَنَا غَدًا يَرْتَعْ وَيَلْعَبْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿١٢﴾

قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِيٓ أَن تَذْهَبُوا۟ بِهِۦ وَأَخَافُ أَن يَأْكُلَهُ ٱلذِّئْبُ وَأَنتُمْ عَنْهُ غَٰفِلُونَ ﴿١٣﴾

قَالُوا۟ لَئِنْ أَكَلَهُ ٱلذِّئْبُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّآ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿١٤﴾

فَلَمَّا ذَهَبُوا۟ بِهِۦ وَأَجْمَعُوٓا۟ أَن يَجْعَلُوهُ فِي غَيَٰبَتِ ٱلْجُبِّ ۚ وَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُم بِأَمْرِهِمْ هَٰذَا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٥﴾

وَجَآءُوٓ أَبَاهُمْ عِشَآءً يَبْكُونَ ﴿١٦﴾

قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَآ إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِندَ مَتَٰعِنَا فَأَكَلَهُ ٱلذِّئْبُ ۖ وَمَآ أَنتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَٰدِقِينَ ﴿١٧﴾

وَجَآءُو عَلَىٰ قَمِيصِهِۦ بِدَمٍ كَذِبٍ ۚ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا ۖ فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۖ وَٱللَّهُ ٱلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya di dalam kisah Yusuf dan para saudaranya itu terdapat bukti-bukti (Uluhiyah) Allah kepada orang-orang yang bertanya(7). Ketika mereka (saudara-saudara Yusuf) berkata: Sesungguhnya Yusuf dan adiknya itu lebih disayangi bapa kita dari kita semua, sedangkan kita ramai. Sesungguhnya bapa kita dalam kekeliruan yang amat nyata(8). (Kata setengah mereka): Hendaklah kamu bunuhkan Yusuf atau buangkan dia di suatu tempat (yang jauh) supaya kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu sahaja dan selepas itu kamu boleh kembali menjadi orang-orang yang baik(9). Salah seorang dari mereka berkata: Janganlah kamu membunuh Yusuf, tetapi buangkan dia ke dasar perigi sahaja supaya dia dapat dipungut oleh setengah-tengah kafilah jika kamu berazam melakukannya(10). Lalu mereka berkata: Wahai bapa kami! Mengapa bapa tidak menaruh kepercayaan kepada kami terhadap (keselamatan) Yusuf sedangkan kami sekalian ikhlas kepadanya?(11). Biarkanlah dia keluar bersama kami besok supaya dia dapat bersukaria dan bermain-main dan sesungguhnya kami sekalian akan menjaganya(12). Jawab (bapanya)! Sesungguhnya pemergian kamu membawanya bersama kamu itu akan mendukacitakan aku dan aku pula bimbang dia akan dimakan serigala, sedangkan kamu lalai dari menjaganya(13). Mereka berkata: Seandainya dia dimakan serigala, sedangkan kami sekumpulan yang ramai tentulah kami ini benar-benar orang-orang yang rugi (tidak berguna)(14). Apabila mereka pergi membawa Yusuf bersama mereka dan bersepakat untuk membuangkannya ke dasar perigi dan (ketika inilah) kami wahyukan kepada Yusuf. Sesungguhnya engkaulah yang akan menceritakan sendiri kepada mereka tentang perbuatan mereka ini, sedangkan mereka tidak sedar(15). Dan kemudian mereka datang mendapatkan bapa mereka di waktu senja sambil (berpura-pura) menangis(16). Mereka berkata: Wahai bapa kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf di sisi barang-barang kami lalu dia dimakan serigala dan sudah tentu bapa tidak akan percaya kepada kami walaupun kami bercakap benar(17). Dan mereka datang membawa bajunya (yang berlumuran) dengan darah palsu, lalu Ya'kub pun berkata: Bahkan kamu sebenarnya telah digodakan oleh nafsu kamu supaya melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan) bersabar dengan sebaik-baiknya dan hanya kepada Allah jua yang dipohonkan pertolongan tentang perkara yang diceritakan kamu itu."(18)

Demikianlah kita dapati watak mereka tetap tidak berubah-ubah di dalam setiap babak kisah selepas itu, di samping kita dapati hanya seorang sahaja dari mereka (saudara tertua) yang mempunyai sikap yang sama dari awal kisah hingga ke akhirnya. Sebaik sahaja mereka membawa adik Yusuf kepada Yusuf setelah beliau meminta dari mereka supaya membawakannya, sedangkan mereka tidak mengenali beliau dan mengganggap beliau, sebagai pemerintah negeri Mesir ketika mereka datang dari negeri mereka Kan'an untuk membeli gandum dari beliau pada tahun-tahun ditimpa kemarau yang dahsyat. Di sini Allah mengaturkan satu helah kepada Yusuf supaya menahan saudaranya itu dari mereka dengan alasan piala-piala sukatan diraja telah ditemui di dalam karung kenderaannya. Sebaik sahaja mereka melihat hal ini, sedangkan mereka tidak mengetahui rahsia di sebaliknya, maka kudis hasad dengki mereka yang lama terhadap Yusuf itu terus pecah kembali:

قَالُوٓا۟ إِن يَسْرِقْ فَقَدْ سَرَقَ أَخٌ لَّهُۥ مِن قَبْلُ ۚ فَأَسَرَّهَا يُوسُفُ فِى نَفْسِهِۦ وَلَمْ يُبْدِهَا لَهُمْ ۚ قَالَ أَنتُمْ شَرٌّ مَّكَانًا ۖ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَصِفُونَ ﴿٧٧﴾

"Mereka berkata: Sekiranya dia (Bunyamin) mencuri, maka sesungguhnya saudaranya juga pernah mencuri sebelum ini, lalu Yusuf menyembunyikan perasaannya di dalam hatinya dan dia sama sekali tidak memperlihatkannya kepada mereka, kemudian ia berkata (di dalam hatinya): Kamulah yang lebih buruk kedudukannya, dan Allah lebih mengetahui tentang apa yang diceritakan kamu itu."(77)

Begitu juga kita dapati watak mereka tidak berubah-ubah ketika mereka menceritakan tragedi yang kedua itu kepada bapa mereka yang sudah tua dan sedang berdukacita itu. Sebaik sahaja mereka dapati bapa mereka kembali bersedih terhadap Yusuf, maka perasaan dendam kesumat mereka yang lama itu pun terus meluap tanpa memelihara ketuaan bapa mereka dan tragedi sedih yang dialami:

وَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰٓأَسَفَىٰ عَلَىٰ يُوسُفَ وَٱبْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ ٱلْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ ﴿٨٤﴾

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ تَفْتَؤُا۟ تَذْكُرُ يُوسُفَ حَتَّىٰ تَكُونَ حَرَضًا أَوْ تَكُونَ مِنَ ٱلْهَٰلِكِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan dia (Ya'kub) berpaling dari mereka seraya berkata: Alangkah dukanya hatiku terhadap Yusuf dan kedua-dua matanya menjadi putih kerana dukacita. Dan dia amat tabah memendam duka nestapa(84). Ujar mereka: Demi Allah bapa masih terus terkenangkan Yusuf sehingga bapa mengidap penyakit atau termasuk dalam golongan orang-orang yang binasa."(85)

Kejadian yang sama juga telah berlaku apabila Yusuf menghantar bajunya kepada bapanya di akhir kisah itu setelah beliau mengenalkan dirinya kepada mereka, iaitu ketika mereka melihat bapa mereka mencium bau Yusuf. Perhubungan batin yang membuktikan betapa mendalamnya kasih sayang di

antara keduanya itu telah membangkitkan kemarahan mereka. Justeru itu mereka tidak dapat lagi menahan diri mereka dari memarahi dan mencelakan bapa mereka:

وَلَمَّا فَصَلَتِ ٱلۡعِيرُ قَالَ أَبُوهُمۡ إِنِّي لَأَجِدُ رِيحَ يُوسُفَۖ لَوۡلَآ أَن تُفَنِّدُونِ ﴿٩٤﴾

قَالُواْ تَٱللَّهِ إِنَّكَ لَفِي ضَلَٰلِكَ ٱلۡقَدِيمِ ﴿٩٥﴾

"Dan apabila kafilah itu bertolak, berkatalah bapa mereka: Sesungguhnya aku mencium bau Yusuf jika kamu tidak menuduhku nyanyuk(94). Jawab mereka: Demi Allah, sesungguhnya bapa masih dalam kekeliruan yang lama."(95)

• (Yang kedua: gambaran watak) perempuan al-'Aziz dalam pertarungannya dengan nafsu berahi yang berkobar-kobar yang telah membutakan matanya dari memandang sesuatu yang lain. Dia tidak lagi menghiraukan rasa malu keperempuanannya dan tidak pula mempedulikan kehormatan dirinya, kedudukan sosialnya dan gambaran yang memalukan keluarganya. Namun begitu, dia telah menggunakan segala tipu helah perempuan untuk membersihkan dirinya atau mempertahankan orang yang dicintainya dari kesalahan-kesalahan tohmahan yang dilemparkan kepadanya dan untuk menentukan hukuman yang tidak membawa maut kepadanya, atau untuk membalas angkara wanita-wanita lain menerusi kelemahan nafsu berahi semulajadi yang ada pada diri mereka setelah ia mengetahuinya dari dirinya, atau untuk berbangga dengan nafsu seksualnya setelah terbuka rahsia kelemahan tekadnya dan keangkuhan dirinya di hadapan orang yang dicintainya dan setelah dia mengetahui bahawa wanita-wanita yang lain juga berdiri di bumi yang sama, di mana seorang wanita tidak mempunyai apa-apa perasaan malu dan segan dan tidak memandang perbuatan memuaskan keinginan-keinginan seksual itu sebagai suatu yang memalukan. Walaupun Al-Qur'an memberi gambaran dan pengungkapan yang jujur, benar dan realistik mengenai contoh manusia yang dipengaruhi keinginan seksual dengan segala realitinya dan segala tabi'atnya di sa'at itu, namun pengungkapan atau penceritaan Al-Qur'an yang seharusnya menjadi contoh tertinggi bagi pengungkapan seni Islam itu tidak pernah meninggal cirinya yang bersih walau sekali pun hingga di sa'at-sa'at ia menggambarkan detik-detik kebogelan jiwa dan jasmani dengan nafsu haiwaniyahnya yang melonjak-lonjak. Ia tidak pernah meninggalkan cirinya yang bersih itu untuk menciptakan paya seni yang kotor dan jijik, di mana bergelimangnya para penulis novel aliran realisme dan aliran naturalisme di zaman jahiliyah yang malang ini dengan alasan demi kesempurnaan pengungkapan seni.

وَقَالَ ٱلَّذِي ٱشۡتَرَىٰهُ مِن مِّصۡرَ لِٱمۡرَأَتِهِۦٓ أَكۡرِمِي مَثۡوَىٰهُ عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوۡ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدٗاۚ وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلِنُعَلِّمَهُۥ مِن تَأۡوِيلِ ٱلۡأَحَادِيثِۚ وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمۡرِهِۦ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٢١﴾

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُۥٓ ءَاتَيۡنَٰهُ حُكۡمٗا وَعِلۡمٗاۚ وَكَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿٢٢﴾

وَرَٰوَدَتۡهُ ٱلَّتِي هُوَ فِي بَيۡتِهَا عَن نَّفۡسِهِۦ وَغَلَّقَتِ ٱلۡأَبۡوَٰبَ وَقَالَتۡ هَيۡتَ لَكَۚ قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِۖ إِنَّهُۥ رَبِّيٓ أَحۡسَنَ مَثۡوَايَۖ إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

وَلَقَدۡ هَمَّتۡ بِهِۦۖ وَهَمَّ بِهَا لَوۡلَآ أَن رَّءَا بُرۡهَٰنَ رَبِّهِۦۚ كَذَٰلِكَ لِنَصۡرِفَ عَنۡهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلۡفَحۡشَآءَۚ إِنَّهُۥ مِنۡ عِبَادِنَا ٱلۡمُخۡلَصِينَ ﴿٢٤﴾

وَٱسۡتَبَقَا ٱلۡبَابَ وَقَدَّتۡ قَمِيصَهُۥ مِن دُبُرٖ وَأَلۡفَيَا سَيِّدَهَا لَدَا ٱلۡبَابِۚ قَالَتۡ مَا جَزَآءُ مَنۡ أَرَادَ بِأَهۡلِكَ سُوٓءًا إِلَّآ أَن يُسۡجَنَ أَوۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿٢٥﴾

قَالَ هِيَ رَٰوَدَتۡنِي عَن نَّفۡسِيۚ وَشَهِدَ شَاهِدٞ مِّنۡ أَهۡلِهَآ إِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن قُبُلٖ فَصَدَقَتۡ وَهُوَ مِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ﴿٢٦﴾

وَإِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٖ فَكَذَبَتۡ وَهُوَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٧﴾

"Dan berkatalah orang dari negeri Mesir yang telah membeli Yusuf kepada perempuannya: 'Berilah kepadanya tempat dan layanan yang baik semoga dia berguna kepada kita atau kita ambilkannya sebagai anak angkat.' Dan demikianlah Kami memberi kedudukan yang baik kepada Yusuf di negeri itu supaya dapat Kami mengajarnya sebahagian dari ta'bir mimpi. Dan Allah amat berkuasa dalam segala urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(21). Dan apabila dia sampai umur dewasanya Kami kurniakan kepadanya hikmat dan ilmu pengetahuan. Demikianlah Kami memberi balasan kepada Para Muhsinin(22). Dan perempuan

(al-'Aziz) menggoda Yusuf yang tinggal di rumahnya, lalu ia menutup segala pintu seraya berkata: Marilah ke sini! Jawab Yusuf. Aku berlindung kepada Allah. Sesungguhnya Dia adalah Tuhanku yang telah memberi tempat kediaman yang baik kepadaku. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan beruntung(23). Dan perempuan itu telah mengingininya dan Yusuf juga (hampir) mengingininya jika tidak kerana dia melihat bukti dari Tuhannya. Demikianlah (taqdir Kami) untuk menghindarkan darinya keburukan dan kejahatan. Sesungguhnya Yusuf itu adalah dari golongan hamba-hamba Kami yang terpilih(24). Dan kedua-duanya berlumba-lumba ke pintu dan perempuan itu menarik baju Yusuf dari belakang hingga terkoyak dan kedua-duanya tiba-tiba bertembung dengan tuannya (al-'Aziz) di muka pintu lalu dia terus berkata: Apakah balasan terhadap orang yang hendak melakukan kemungkaran terhadap isterimu selain dari dihukum penjara atau dikenakan kesiksaan yang amat pedih?(25). Jawab Yusuf. Dialah yang menggoda diriku. Lalu seorang saksi dari keluarga perempuan itu berkata: Jika bajunya terkoyak di hadapan, maka dialah yang benar dan Yusuf adalah dari golongan orang-orang yang berdusta(26). Dan jika bajunya terkoyak di belakang, maka dialah yang berdusta dan Yusuf adalah dari golongan orang-orang yang benar."(27)

فَلَمَّا رَءَا قَمِيصَهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُۥ مِن كَيْدِكُنَّ ۖ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾

يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَا ۚ وَٱسْتَغْفِرِى لِذَنۢبِكِ ۖ إِنَّكِ كُنتِ مِنَ ٱلْخَاطِـِٔينَ ﴿٢٩﴾

وَقَالَ نِسْوَةٌ فِى ٱلْمَدِينَةِ ٱمْرَأَتُ ٱلْعَزِيزِ تُرَٰوِدُ فَتَىٰهَا عَن نَّفْسِهِۦ ۖ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا ۖ إِنَّا لَنَرَىٰهَا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٣٠﴾

فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مُتَّكَـًٔا وَءَاتَتْ كُلَّ وَٰحِدَةٍ مِّنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ ٱخْرُجْ عَلَيْهِنَّ ۖ فَلَمَّا رَأَيْنَهُۥٓ أَكْبَرْنَهُۥ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَٰشَ لِلَّهِ مَا هَٰذَا بَشَرًا إِنْ هَٰذَآ إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾

قَالَتْ فَذَٰلِكُنَّ ٱلَّذِى لُمْتُنَّنِى فِيهِ ۖ وَلَقَدْ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ فَٱسْتَعْصَمَ ۖ وَلَئِن لَّمْ يَفْعَلْ مَآ ءَامُرُهُۥ لَيُسْجَنَنَّ وَلَيَكُونًا مِّنَ ٱلصَّٰغِرِينَ ﴿٣٢﴾

قَالَ رَبِّ ٱلسِّجْنُ أَحَبُّ إِلَىَّ مِمَّا يَدْعُونَنِىٓ إِلَيْهِ ۖ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّى كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٣٣﴾

فَٱسْتَجَابَ لَهُۥ رَبُّهُۥ فَصَرَفَ عَنْهُ كَيْدَهُنَّ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٤﴾

"Apabila dia (al-'Aziz) melihat baju Yusuf itu terkoyak dari belakang dia pun berkata: Sesungguhnya perbuatan itu adalah dari tipu daya kamu. Sesungguhnya tipu daya kamu amat besar(28). Wahai Yusuf, lupakanlah sahaja peristiwa ini, dan engkau (wahai Zulaykha), pohonkanlah keampunan terhadap dosamu kerana sesungguhnya engkau adalah dari golongan orang-orang yang bersalah(29). Dan berkatalah wanita-wanita di kota itu perempuan al-'Aziz menggoda budaknya. Cintanya telah meresap ke selaput hatinya. Sesungguhnya kami memandangnya berada di dalam kesesatan yang amat jelas(30). Apabila dia (perempuan al-'Aziz) mendengar kata nista mereka, diapun menyuruh orang memanggil mereka dan menyediakan tempat duduk untuk mereka, kemudian dia memberi sebilah pisau (pemotong makanan) kepada setiap orang dari mereka dan kemudian dia berkata (kepada Yusuf): Keluarlah di hadapan mereka. Apabila mereka melihatnya (Yusuf), mereka terus terpesona kepadanya dan terhiris tangan mereka sendiri seraya berkata: Maha Suci Allah! Ini bukannya manusia, sesungguhnya dia ini tidak lain melainkan seorang malaikat yang mulia(31). Berkatalah (perempuan al-'Aziz): Itulah dia lelaki yang kamu telah mencercakanku kerananya. Sesungguhnya akulah yang telah menggodanya, tetapi dia enggan. Dan demi sesungguhnya jika dia tidak mematuhi perintahku kepadanya nescaya dia akan dihukum penjara dan dia akan menjadi dari golongan orang-orang yang hina-dina(32). Berkatalah Yusuf. Wahai Tuhanku! Penjara itu lebih dicintaiku dari apa yang mereka pinta aku melakukannya, dan jika Engkau tidak menghindarkan tipu daya mereka dariku nescaya aku akan terpesona kepada mereka dan tentulah aku termasuk dalam golongan orang-orang yang bodoh(33). Lalu Allah memperkenankan do'anya dan menghindarkan tipu daya mereka darinya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(34)

Begitu juga kita bertemu dengan perempuan al-'Aziz sekali lagi selepas Yusuf masuk penjara kerana fitnah yang dilakukannya bersama wanita-wanita yang lain. Yusuf terpaksa merengkok di dalam penjara sehingga Raja negeri itu mendapat satu mimpi, kemudian seorang pemuda yang pernah dipenjara bersama beliau telah teringat bahawa Yusuf sahaja seorang yang amat pandai menta'birkan mimpi. Lalu Raja menyuruh supaya dibawa Yusuf mengadap baginda, tetapi beliau menolak sehingga baginda sanggup menyiasat semula kesnya dan membersihkan dirinya dari tohmah itu, lalu baginda pun memanggil perempuan al-'Aziz bersama perempuan-perempuan yang lain. Rupa-rupanya dia masih cintakan Yusuf walaupun dia telah mengalami perubahan-perubahan yang biasa akibat peredaran zaman, perkembangan umur, peristiwa-peristiwa dan keadaan-keadaan hidup di samping hatinya telah diresapi keimanan yang telah diketahuinya dari Yusuf menerusi perasaan-perasaan dan peristiwa-peristiwa yang berkesan yang dialaminya:

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ ٱئْتُونِى بِهِۦ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُ ٱلرَّسُولُ قَالَ ٱرْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ فَسْـَٔلْهُ مَا بَالُ ٱلنِّسْوَةِ ٱلَّٰتِى قَطَّعْنَ

أَيْدِيَهُنَّ ۚ إِنَّ رَبِّي بِكَيْدِهِنَّ عَلِيمٌ ﴿٥٠﴾
قَالَ مَا خَطْبُكُنَّ إِذْ رَٰوَدتُّنَّ يُوسُفَ عَن نَّفْسِهِۦ ۚ
قُلْنَ حَٰشَ لِلَّهِ مَا عَلِمْنَا عَلَيْهِ مِن سُوٓءٍ ۚ قَالَتِ ٱمْرَأَتُ
ٱلْعَزِيزِ ٱلْـَٰٔنَ حَصْحَصَ ٱلْحَقُّ أَنَا۠ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ
وَإِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٥١﴾
ذَٰلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّي لَمْ أَخُنْهُ بِٱلْغَيْبِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِي
كَيْدَ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٢﴾
وَمَآ أُبَرِّئُ نَفْسِيٓ ۚ إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا
رَحِمَ رَبِّيٓ ۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٣﴾

"Lalu berkatalah Raja (Mesir): Bawalah Yusuf kepadaku! Dan apabila utusan itu datang menemuinya dia pun berkata: Kembalilah kepada tuanmu dan tanyalah dia apakah sebenarnya cerita wanita-wanita yang telah menghiriskan tangan mereka sendiri? Sesungguhnya Tuhanku amat mengetahui tipu daya mereka(50). Bertanyalah (Raja Mesir kepada wanita-wanita itu): Apakah sebenarnya cerita kamu ketika kamu menggoda diri Yusuf? Jawab mereka: Maha Suci Allah! Kami tidak mengetahui sebarang kejahatan darinya. Lalu berkatalah perempuan al-'Aziz: Sekarang kebenaran telah terserlah. Sebenarnya sayalah yang menggoda dirinya dan sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang benar(51). (Pengakuanku) yang sedemikian itu supaya dia (Yusuf) mengetahui bahawa saya tidak mengkhianatinya walaupun dia tidak ada di sini dan sesungguhnya Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang yang khianat(52). Dan saya bukannya hendak membersihkan diri saya, kerana nafsu manusia selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali mereka yang dirahmati Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

• (Yang Ketiga: gambaran watak) Yusuf selaku hamba dan insan yang soleh. Pengungkapan Al-Qur'an tidak pernah memalsukan gambaran syakhsiyahnya selaku manusia walau sedikit pun ketika beliau menghadapi godaan perempuan dengan seluruh sifat kemanusiaannya selaku seorang yang lahir, pembesar dan terdidik di rumah nubuwwah dan kuat berpegang dengan agama. Sifat-sifat beliau selaku manusia dengan ciri-ciri kelahiran, didikan dan asuhan keagamaannya semuanya merupakan realiti hidup beliau dari segenap seginya. Beliau telah menjadi lemah apabila perempuan al-'Aziz menggodanya sehingga apabila beliau menginginginya tiba-tiba satu tali (hidayat Ilahi) menarik beliau dan menyelamatkan beliau dari terjerumus ke dalam kemungkinan itu. Beliau merasa lemah di hadapan godaan perempuan, di hadapan logik masyarakat itu, di hadapan suasana hidup di istana dan di hadapan wanita-wanita di istana, namun demikian beliau tetap berpegang kukuh dengan tali keimanan yang teguh. Di sana tidak ada satu pun imbasan palsu dalam gambaran syakhsiyah dan tabi'at beliau yang wujud di alam kenyataan, di samping di sana tidak ada bau dari paya-paya seni jahiliyah yang kotor, kerana inilah realiti yang bersih dari segala sudutnya.

• (Yang keempat: Gambaran watak) al-'Aziz dengan syakhsiyah dan tabi'atnya yang khusus, dengan sifat-sifat kebangsawanannya, dengan kelemahan kesedaran terhadap maruah atau kehormatan diri dan dengan sifat suka menonjol dan menjaga kedudukan sosial, suka menutup dan menyelamatkan apa yang telah berlaku. Segala ciri-ciri masyarakat di zaman itu dapat dilihat pada syakhsiyah al-'Aziz:

فَلَمَّا رَءَا قَمِيصَهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُۥ مِن كَيْدِ
كُنَّ ۖ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾
يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَا ۚ وَٱسْتَغْفِرِي لِذَنۢبِكِ ۖ إِنَّكِ
كُنتِ مِنَ ٱلْخَاطِـِٔينَ ﴿٢٩﴾

"Apabila dia (al-'Aziz) melihat baju Yusuf itu terkoyak dari belakang dia pun berkata: Sesungguhnya perbuatan itu adalah dari tipu daya kamu. Sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar(28). Wahai Yusuf lupakanlah sahaja peristiwa ini, dan engkau (wahai Zulaykha,) pohonkanlah keampunan terhadap dosamu kerana sesungguhnya engkau adalah dari golongan orang-orang yang bersalah."(29)

• (Yang kelima gambaran watak) wanita-wanita iaitu wanita-wanita masyarakat Mesir di zaman itu dengan segala sifat dan ciri mereka. Mereka membuat heboh tentang kejadian yang berlaku di antara perempuan al-'Aziz dan Yusuf yang telah digoda olehnya setelah jatuh cinta kepadanya. Kecaman-kecaman mereka lebih banyak menonjolkan perasaan irihati mereka terhadap perempuan al-'Aziz dari menunjukkan kemarahan mereka terhadap perbuatan itu sendiri. Kemudian sikap mereka yang terpesona kepada kecantikan rupa paras Yusuf dan akhirnya pengakuan mereka yang terbit dari perasaan keperempuanan yang mendalam terhadap kewajaran sikap perempuan al-'Aziz yang mereka heboh-hebohkan ceritanya dan mengecamkan pendiriannya. Perasaan yang dirasakan perempuan al-'Aziz terhadap pengakuan mereka telah mendorongkannya membuat pengakuan yang sepenuhnya kerana kini ia merasa aman berlindung di bawah naungan sifat-sifat keperempuanan mereka yang mudah menyerah kalah itu sebagaimana yang dibentuk dan dibimbing oleh masyarakat hidup mereka. Kemudian kegilaan hati mereka kepada Yusuf yang membuat mereka berusaha untuk menggoda dan memikat beliau walaupun pada mulanya mereka pernah menyatakan perasaan kagum mereka terhadap kebersihan dan kejujuran beliau yang jelas dalam pernyataan mereka:

حَٰشَ لِلَّهِ مَا هَٰذَا بَشَرًا إِنْ هَٰذَآ إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾

"Maha suci Allah! Ini bukannya manusia. Sesungguhnya dia ini tidak lain melainkan seorang malaikat yang mulia."(31)

Usaha mereka (untuk menggoda dan memikat Yusuf) itu dapat difahamkan dari perkataan Yusuf a.s.

قَالَ رَبِّ ٱلسِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِيٓ إِلَيْهِ ۖ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٣٣﴾

"Berkatalah Yusuf Wahai Tuhanku! Penjara itu lebih dicintaiku dari apa yang mereka pinta aku melakukannya, dan jika Engkau tidak menghindarkan tipu daya mereka dariku nescaya aku akan terpesona kepada mereka dan tentulah aku termasuk dalam golongan orang-orang yang bodoh."(33)

Ini bererti bukan sahaja perempuan al-'Aziz yang menggodakan Yusuf, malah semua wanita atasan itu cuba mengejar beliau.

• (Yang keenam: gambaran) masyarakat (di waktu itu), di mana ciri-cirinya dapat dilihat dari liku-liku kisah ini, juga dapat dilihat dalam tindakan yang telah diambil terhadap Yusuf walaupun beliau jelas tidak bersalah. Tindakan itu jelas sekali bertujuan untuk menutup tembelang yang sebenar dan menghapuskan kesan-kesannya tanpa memperdulikan walaupun seorang yang tidak bersalah seperti Yusuf itu menjadi korbannya.

ثُمَّ بَدَا لَهُم مِّنۢ بَعْدِ مَا رَأَوُا۟ ٱلْءَايَٰتِ لَيَسْجُنُنَّهُۥ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٣٥﴾

"Kemudian timbul fikiran kepada mereka setelah melihat tanda-tanda (kebenaran Yusuf) bahawa mereka pasti mempenjarakan Yusuf hingga ke suatu masa yang tertentu."(35)

• Apabila kita meneliti syakhsiyah Yusuf a.s. (dari awal hingga akhir) kita tidak akan luput dari ciri-ciri syakhsiyah ini di dalam mana-mana situasi kisah ini. Itulah syakhsiyah yang terpancar dari asas-asas sifat semulajadi masyarakat hidup yang sebenar yang dimanifestasikan pada seorang hamba dan insan yang soleh dengan segala sifat-sifat kemanusiaannya serta kesan-kesan kelahirannya di rumah nubuwwah juga kesan-kesan didikan dan agamanya:

Semasa merengkok dalam penjara, dalam suasananya yang suram dan gelap, beliau tidak lupa berda'wah kepada agamanya dengan cara yang halus dan bijaksana tetapi penuh azam dan tegas, iaitu da'wah yang memahami keadaan masyarakat dan pintu-pintu jiwa manusia. Begitu juga beliau tidak lupa menunjukkan contoh teladan yang baik dengan dirinya sendiri, iaitu dengan adab sopan dan tingkahlaku-tingkahlakunya yang baik yang menggambarkan ajaran agama yang dida'wahkannya di dalam penjara:

وَدَخَلَ مَعَهُ ٱلسِّجْنَ فَتَيَانِ ۖ قَالَ أَحَدُهُمَآ إِنِّيٓ أَرَىٰنِيٓ أَعْصِرُ خَمْرًا ۖ وَقَالَ ٱلْءَاخَرُ إِنِّيٓ أَرَىٰنِيٓ أَحْمِلُ فَوْقَ رَأْسِي خُبْزًا تَأْكُلُ ٱلطَّيْرُ مِنْهُ ۖ نَبِّئْنَا بِتَأْوِيلِهِۦٓ ۖ إِنَّا نَرَىٰكَ مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٣٦﴾

قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِهِۦٓ إِلَّا نَبَّأْتُكُمَا بِتَأْوِيلِهِۦ قَبْلَ أَن يَأْتِيَكُمَا ۚ ذَٰلِكُمَا مِمَّا عَلَّمَنِي رَبِّيٓ ۚ إِنِّي تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٣٧﴾

وَٱتَّبَعْتُ مِلَّةَ ءَابَآءِيٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۚ مَا كَانَ لَنَآ أَن نُّشْرِكَ بِٱللَّهِ مِن شَيْءٍ ۚ ذَٰلِكَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٨﴾

يَٰصَٰحِبَيِ ٱلسِّجْنِ ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾

مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ أَسْمَآءً سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

يَٰصَٰحِبَيِ ٱلسِّجْنِ أَمَّآ أَحَدُكُمَا فَيَسْقِي رَبَّهُۥ خَمْرًا ۖ وَأَمَّا ٱلْءَاخَرُ فَيُصْلَبُ فَتَأْكُلُ ٱلطَّيْرُ مِن رَّأْسِهِۦ ۚ قُضِيَ ٱلْأَمْرُ ٱلَّذِي فِيهِ تَسْتَفْتِيَانِ ﴿٤١﴾

"Dan turut masuk penjara bersama-sama dengannya ialah dua orang pemuda. Salah seorang dari keduanya berkata (kepada Yusuf): Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur. Dan berkata pula seorang lagi: Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku membawa roti di atas kepalaku, sebahagiannya dimakan burung, ceritakanlah kepada kami ta'birnya. Sesungguhnya kami memandang engkau dari golongan para Muhsinin(36). Jawab Yusuf: Tiada sebarang makanan yang diberi dan disampaikan kepada kamu berdua melainkan aku dapat menceritakan

kepada kamu tentang jenisnya sebelum ia sampai kepada kamu. Itulah sebahagian dari ilmu yang telah diajar Tuhanku kepadaku, kerana sesungguhnya aku telah meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah dan mereka mengingkarkan hari Akhirat(37). Dan aku telah mengikut agama datuk nenekku Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub. Tidaklah wajar bagi kami mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain. Itulah sebahagian dari limpah kurnia Allah kepada kami dan kepada manusia seluruhnya tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur (38). Wahai dua sahabat sepenjaraku! Apakah menyembah tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu lebih baik atau menyembah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa?(39). Kamu tidak menyembah selain dari Allah melainkan hanya nama-nama tuhan yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu. Allah tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Sesungguhnya kuasa penentuan hukum itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(40). Wahai dua sahabat sepenjaraku! Adapun (ta'bir mimpi) salah seorang dari kamu, maka dia akan menghidangkan minuman keras kepada tuannya, dan adapun seorang lagi, maka dia akan disalibkan dan sebahagian dari kepalanya akan dimakan burung. Perkara yang ditanyakan kamu itu telah pun diputuskan (Allah)."(41)

Walaupun begitu beliau adalah seorang manusia yang mempunyai kelemahan manusia. Beliau berusaha untuk melepaskan dirinya dari penjara dengan menyampaikan beritanya kepada Raja dengan harapan agar baginda dapat mengetahui rahsia pakatan yang zalim yang telah membawa beliau merengkok di dalam penjara yang gelap itu walaupun Allah S.W.T. telah menghendaki untuk mengajar beliau supaya jangan meletakkan pengharapan melainkan hanya kepada Allah sahaja:

وَقَالَ لِلَّذِي ظَنَّ أَنَّهُۥ نَاجٖ مِّنۡهُمَا ٱذۡكُرۡنِي عِندَ رَبِّكَ فَأَنسَىٰهُ ٱلشَّيۡطَٰنُ ذِكۡرَ رَبِّهِۦ فَلَبِثَ فِي ٱلسِّجۡنِ بِضۡعَ سِنِينَ ٤٢

"Dan Yusuf berkata kepada temannya yang difikirkannya selamat dari antara mereka berdua: Tolong sebutkan ceritaku kepada tuanmu, (tetapi) syaitan telah membuatnya terlupa menyebutkan (cerita Yusuf) kepada tuannya. Kerana itu dia terus merengkok di dalam penjara beberapa tahun."(42)

Kemudian ayat-ayat berikut memperlihatkan kepada kita begitulah sifat-sifat yang sama tokoh ini selepas beberapa tahun kemudian, di mana Raja Mesir mendapat mimpi yang tidak dapat dita'birkan oleh para kahin dan sami-sami kuil sehingga teman sepenjara beliau teringat kepada beliau, iaitu setelah beliau tamat menjalani latihan Rabbaniyah yang dikurniakan kepada hamba yang soleh, yang membuat beliau begitu yakin dan berserah kepada taqdir Allah dan begitu yakin dan tenteram terhadap nasib kesudahannya sehingga apabila Raja Mesir mengeluarkan perintah supaya beliau dibawa mengadap baginda setelah menta'birkan mimpi baginda itu, beliau menjawab dengan tenang dan yakin bahawa beliau tidak mahu meninggalkan penjara itu sehingga kesnya disiasat semula dan nama baiknya dibersihkan:

وَقَالَ ٱلۡمَلِكُ إِنِّيٓ أَرَىٰ سَبۡعَ بَقَرَٰتٖ سِمَانٖ يَأۡكُلُهُنَّ سَبۡعٌ عِجَافٞ وَسَبۡعَ سُنۢبُلَٰتٍ خُضۡرٖ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٖۖ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَأُ أَفۡتُونِي فِي رُءۡيَٰيَ إِن كُنتُمۡ لِلرُّءۡيَا تَعۡبُرُونَ ٤٣ قَالُوٓاْ أَضۡغَٰثُ أَحۡلَٰمٖۖ وَمَا نَحۡنُ بِتَأۡوِيلِ ٱلۡأَحۡلَٰمِ بِعَٰلِمِينَ ٤٤ وَقَالَ ٱلَّذِي نَجَا مِنۡهُمَا وَٱدَّكَرَ بَعۡدَ أُمَّةٍ أَنَا۠ أُنَبِّئُكُم بِتَأۡوِيلِهِۦ فَأَرۡسِلُونِ ٤٥ يُوسُفُ أَيُّهَا ٱلصِّدِّيقُ أَفۡتِنَا فِي سَبۡعِ بَقَرَٰتٖ سِمَانٖ يَأۡكُلُهُنَّ سَبۡعٌ عِجَافٞ وَسَبۡعِ سُنۢبُلَٰتٍ خُضۡرٖ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٖ لَّعَلِّيٓ أَرۡجِعُ إِلَى ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَعۡلَمُونَ ٤٦ قَالَ تَزۡرَعُونَ سَبۡعَ سِنِينَ دَأَبٗا فَمَا حَصَدتُّمۡ فَذَرُوهُ فِي سُنۢبُلِهِۦٓ إِلَّا قَلِيلٗا مِّمَّا تَأۡكُلُونَ ٤٧ ثُمَّ يَأۡتِي مِنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَ سَبۡعٞ شِدَادٞ يَأۡكُلۡنَ مَا قَدَّمۡتُمۡ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلٗا مِّمَّا تُحۡصِنُونَ ٤٨ ثُمَّ يَأۡتِي مِنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَ عَامٞ فِيهِ يُغَاثُ ٱلنَّاسُ وَفِيهِ يَعۡصِرُونَ ٤٩

"Berkatalah Raja (kepada para pembesarnya): Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan tujuh ekor lembu betina yang kurus dan (melihat) tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi kering. Wahai para pembesar! Terangkanlah ta'bir mimpiku jika kamu pandai menta'birkan mimpi(43). Jawab mereka: Itu adalah mimpi-mimpi yang celaru sahaja dan kami sekalian tidak mengetahui menta'birkan mimpi-mimpi itu(44). Lalu berkatalah teman (sepenjara) yang telah terselamat dari dua temannya dan teringat (kembali kepada Yusuf) setelah dilalui beberapa tahun: Saya sanggup menerangkan ta'birnya. Oleh itu hantarlah saya (ke penjara)(45). Wahai Yusuf orang yang amat benar! Terangkanlah kepada kami tentang (ta'bir mimpi) tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan tujuh ekor lembu betina

yang kurus dan tujuh tangkai bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi kering agar aku dapat kembali kepada para pembesar itu supaya mereka mengetahui(46). Jawab Yusuf: Kamu akan menanam tujuh tahun berturut-turut. Oleh itu segala bijian yang telah kamu tuai, maka biarkannya di dalam tangkainya kecuali sebahagian kecil dari bekalan yang kamu hendak makan(47). Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun kemarau yang besar yang akan memakan bekalan makanan yang kamu telah sediakannya untuk menghadapinya itu kecuali sebahagian kecil daripada bekalan yang kamu simpan (48). Kemudian selepas itu akan datang satu tahun yang diturunkan hujan yang cukup kepada manusia dan pada masa itulah mereka dapat melakukan kerja memerah (buah-buahan, biji-bijian dan sebagainya)."(49)

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ ٱئْتُونِى بِهِۦ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُ ٱلرَّسُولُ قَالَ ٱرْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ فَسْـَٔلْهُ مَا بَالُ ٱلنِّسْوَةِ ٱلَّٰتِى قَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ ۚ إِنَّ رَبِّى بِكَيْدِهِنَّ عَلِيمٌ ٥٠

قَالَ مَا خَطْبُكُنَّ إِذْ رَٰوَدتُّنَّ يُوسُفَ عَن نَّفْسِهِۦ ۚ قُلْنَ حَٰشَ لِلَّهِ مَا عَلِمْنَا عَلَيْهِ مِن سُوٓءٍ ۚ قَالَتِ ٱمْرَأَتُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْـَٰٔنَ حَصْحَصَ ٱلْحَقُّ أَنَا۠ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ وَإِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٥١

ذَٰلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّى لَمْ أَخُنْهُ بِٱلْغَيْبِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى كَيْدَ ٱلْخَآئِنِينَ ٥٢

وَمَآ أُبَرِّئُ نَفْسِىٓ ۚ إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ٥٣

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ ٱئْتُونِى بِهِۦٓ أَسْتَخْلِصْهُ لِنَفْسِى ۖ فَلَمَّا كَلَّمَهُۥ قَالَ إِنَّكَ ٱلْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ أَمِينٌ ٥٤

قَالَ ٱجْعَلْنِى عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلْأَرْضِ ۖ إِنِّى حَفِيظٌ عَلِيمٌ ٥٥

"Lalu berkatalah Raja (Mesir): Bawalah Yusuf kepadaku! Dan apabila utusan itu datang menemuinya, dia pun berkata: Kembalilah kepada tuanmu dan tanyakanlah dia apakah sebenarnya cerita wanita-wanita yang telah menghiriskan tangan mereka sendiri. Sesungguhnya Tuhanku amat mengetahui tipu daya mereka(50). Bertanyalah (Raja Mesir kepada wanita-wanita itu): Apakah sebenarnya cerita kamu ketika kamu menggoda diri Yusuf jawab mereka: Maha Suci Allah! Kami tidak mengetahui sebarang kejahatan darinya. Lalu berkatalah perempuan al-'Aziz: Sekarang kebenaran telah terserlah. Sebenarnya sayalah yang menggoda dirinya dan sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang benar(51). (Pengakuanku) yang sedemikian itu supaya dia (Yusuf) mengetahui bahawa saya tidak mengkhianatinya walaupun dia tidak ada di sini dan sesungguhnya Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang yang khianat(52). Dan saya bukannya hendak membersihkan diri saya, kerana nafsu selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali mereka yang dirahmati Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih(53). Dan Raja pun berkata: Bawalah dia (Yusuf) kepadaku, aku akan memilihnya sebagai penasihat khas kepadaku. Setelah Raja bercakap-cakap dengan Yusuf dia berkata kepadanya: Sesungguhnya engkau mulai hari ini adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan dipercayai di sisi kami(54). Yusuf berkata: Lantikkan saya sebagai pengarah perbendaharaan hasil bumi (Mesir). Sesungguhnya saya seorang penjaga yang berpengetahuan." (55)

Sejak masa inilah syakhsiyah Yusuf muncul dengan penuh kematangan, kesedaran, keyakinan dan ketenangan. Ia muncul seorang diri di pentas peristiwa-peristiwa, sementara watak-watak Raja, al-'Aziz, wanita-wanita dan masyarakat Mesir semuanya hilang di pentas itu. Ayat yang berikut menyediakan tapak permulaan bagi peralihan kisah dan realiti:

وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِى ٱلْأَرْضِ يَتَبَوَّأُ مِنْهَا حَيْثُ يَشَآءُ ۚ نُصِيبُ بِرَحْمَتِنَا مَن نَّشَآءُ ۖ وَلَا نُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ٥٦

وَلَأَجْرُ ٱلْءَاخِرَةِ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ٥٧

"Demikianlah Kami mengurniakan kepada Yusuf kedudukan yang tinggi di bumi (Mesir) dia bebas tinggal di mana sahaja dia suka. Kami limpahkan rahmat Kami kepada siapa sahaja yang Kami sukai dan Kami tidak sekali-kali mensia-siakan ganjaran para Muhsinin(56). Dan sesungguhnya ganjaran Akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa."(57)

Mulai dari waktu inilah kita melihat syakhsiyah Yusuf a.s. menghadapi berbagai-bagai ujian yang berlainan sifatnya dari ujian-ujian yang dialaminya di masa dahulu. Ujian-ujian itu dihadapi oleh beliau dengan kematangan kesedaran, ketenangan dan keyakinan yang telah diperolehinya itu.

- (Di sini) kita dapati Yusuf bagi pertama kalinya berdepan dengan saudara-saudaranya yang telah melakukan jenayah lama terhadap beliau. Di waktu ini beliau mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dan berkuasa dibandingkan dengan mereka, tetapi kita boleh melihat sifat tenang beliau dalam mengawalkan emosi dan tindak-tanduknya:

وَجَآءَ إِخْوَةُ يُوسُفَ فَدَخَلُوا۟ عَلَيْهِ فَعَرَفَهُمْ وَهُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ٥٨

وَلَمَّا جَهَّزَهُم بِجَهَازِهِمْ قَالَ ٱئْتُونِى بِأَخٍ لَّكُم مِّنْ أَبِيكُمْ

أَلَا تَرَوْنَ أَنِّيٓ أُوفِي ٱلْكَيْلَ وَأَنَا۠ خَيْرُ ٱلْمُنزِلِينَ ﴿٥٩﴾
فَإِن لَّمْ تَأْتُونِي بِهِۦ فَلَا كَيْلَ لَكُمْ عِندِي وَلَا تَقْرَبُونِ ﴿٦٠﴾
قَالُوا۟ سَنُرَٰوِدُ عَنْهُ أَبَاهُ وَإِنَّا لَفَٰعِلُونَ ﴿٦١﴾
وَقَالَ لِفِتْيَٰنِهِ ٱجْعَلُوا۟ بِضَٰعَتَهُمْ فِي رِحَالِهِمْ لَعَلَّهُمْ
يَعْرِفُونَهَآ إِذَا ٱنقَلَبُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan datanglah saudara-saudara Yusuf lalu mereka masuk menemuinya dan dia terus mengenali mereka, sedangkan mereka tidak mengenalinya(58). Dan apabila Yusuf siap membekalkan bekalan makanan kepada mereka, Yusuf pun berkata: Bawalah kepadaku saudara sebapa kamu, tidakkah kamu melihat bagaimana aku memberi sukatan bekalan yang cukup kepada kamu dan akulah sebaik-baik penerima tamu?(59). Oleh itu jika kamu tidak membawanya kepadaku, maka tiada lagi sukatan bekalan makanan untuk kamu di sisiku dan janganlah lagi kamu mendekatiku(60). Jawab mereka: Kami akan memujuk bapanya melepaskannya dan sesungguhnya kami akan melaksanakannya(61). Dan Yusuf berkata kepada orang-orang suruhannya: Masukkanlah barang-barang penukar mereka ke dalam karung-karung kenderaan mereka supaya mereka mengetahuinya apabila mereka pulang nanti kepada keluarga mereka semoga mereka kembali lagi."(62)

• (Kemudian) kita dapati beliau merancang - dengan perancangan Allah - bagaimana hendak mengambil saudaranya, dan di sini kita melihat syakhsiyah beliau yang matang, sedar, bijaksana, tenang, terkawal dan sabar:

وَلَمَّا دَخَلُوا۟ عَلَىٰ يُوسُفَ ءَاوَىٰٓ إِلَيْهِ أَخَاهُ ۖ قَالَ
إِنِّيٓ أَنَا۠ أَخُوكَ فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٦٩﴾
فَلَمَّا جَهَّزَهُم بِجَهَازِهِمْ جَعَلَ ٱلسِّقَايَةَ فِي
رَحْلِ أَخِيهِ ثُمَّ أَذَّنَ مُؤَذِّنٌ أَيَّتُهَا ٱلْعِيرُ إِنَّكُمْ
لَسَٰرِقُونَ ﴿٧٠﴾
قَالُوا۟ وَأَقْبَلُوا۟ عَلَيْهِم مَّاذَا تَفْقِدُونَ ﴿٧١﴾
قَالُوا۟ نَفْقِدُ صُوَاعَ ٱلْمَلِكِ وَلِمَن جَآءَ بِهِۦ حِمْلُ بَعِيرٍ
وَأَنَا۠ بِهِۦ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾
قَالُوا۟ تَٱللَّهِ لَقَدْ عَلِمْتُم مَّا جِئْنَا لِنُفْسِدَ فِي ٱلْأَرْضِ
وَمَا كُنَّا سَٰرِقِينَ ﴿٧٣﴾
قَالُوا۟ فَمَا جَزَٰٓؤُهُۥٓ إِن كُنتُمْ كَٰذِبِينَ ﴿٧٤﴾

قَالُوا۟ جَزَٰٓؤُهُۥ مَن وُجِدَ فِي رَحْلِهِۦ فَهُوَ جَزَٰٓؤُهُۥ ۚ
كَذَٰلِكَ نَجْزِي ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧٥﴾
فَبَدَأَ بِأَوْعِيَتِهِمْ قَبْلَ وِعَآءِ أَخِيهِ ثُمَّ ٱسْتَخْرَجَهَا
مِن وِعَآءِ أَخِيهِ ۚ كَذَٰلِكَ كِدْنَا لِيُوسُفَ ۖ مَا كَانَ
لِيَأْخُذَ أَخَاهُ فِي دِينِ ٱلْمَلِكِ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ
نَرْفَعُ دَرَجَٰتٍ مَّن نَّشَآءُ ۗ وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ
عَلِيمٌ ﴿٧٦﴾
قَالُوٓا۟ إِن يَسْرِقْ فَقَدْ سَرَقَ أَخٌ لَّهُۥ مِن قَبْلُ ۚ
فَأَسَرَّهَا يُوسُفُ فِي نَفْسِهِۦ وَلَمْ يُبْدِهَا لَهُمْ ۚ قَالَ
أَنتُمْ شَرٌّ مَّكَانًا ۖ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَصِفُونَ ﴿٧٧﴾
قَالُوا۟ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْعَزِيزُ إِنَّ لَهُۥٓ أَبًا شَيْخًا كَبِيرًا فَخُذْ
أَحَدَنَا مَكَانَهُۥٓ ۖ إِنَّا نَرَىٰكَ مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٧٨﴾
قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ أَن نَّأْخُذَ إِلَّا مَن وَجَدْنَا مَتَٰعَنَا
عِندَهُۥٓ إِنَّآ إِذًا لَّظَٰلِمُونَ ﴿٧٩﴾

"Dan apabila mereka masuk menemui Yusuf, maka dia pun membawa saudaranya (Bunyamin) ke tempatnya dan berkata: Sesungguhnya aku adalah saudaramu. Oleh itu janganlah engkau berdukacita lagi terhadap perbuatan yang telah dilakukan mereka(69). Apabila Yusuf siap membekalkan bekalan makanan kepada mereka dia pun meletak piala penyukat di dalam karung kenderaan saudaranya (Bunyamin), kemudian seorang penyeru berteriak: Wahai kafilah! Sesungguhnya kamu adalah pencuri(70). Mereka bertanya sambil datang menemui mereka: Apakah barang yang kamu hilang?(71). Jawab mereka: Kami kehilangan piala penyukat Raja dan kepada sesiapa yang dapat mengembalikannya akan diberi bekalan makanan seberat muatan seekor unta dan aku sendiri menjadi penjamin di atas pemberian ini(72). Mereka menjawab: Demi Allah, kamu sekalian tentulah mengetahui bahawa kedatangan kami bukannya bertujuan melakukan perbuatan yang merosakan di negeri ini dan kami tidak pernah menjadi pencuri-pencuri(73). Mereka berkata: Tetapi apakah balasannya jika kamu bohong?(74). Jawab mereka: Balasannya siapa yang didapati piala penyukat itu di dalam karung kenderaannya maka dia sendirilah yang menjadi balasannya (tebusannya). Demikianlah kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang zalim(75). Maka Yusuf lebih dahulu memeriksa karung-karung mereka sebelum memeriksa karung adiknya (Bunyamin), kemudian dia mengeluarkan piala penyukat itu dari karung adiknya. Demikianlah Kami mengatur (rencana) kepada Yusuf.

Sebenarnya dia tidak boleh mengambil adiknya menurut undang-undang Raja, melainkan jika dikehendaki Allah. Kamilah yang mengangkatkan darjat-darjat mereka yang Kami kehendaki dan di atas setiap yang berilmu itu ada lagi yang lebih tinggi ilmunya(76). Mereka berkata: Sekiranya dia (Bunyamin) mencuri, maka sesungguhnya saudaranya juga pernah mencuri sebelum ini, lalu Yusuf menyembunyikan (perbuatan itu) di dalam hatinya dan sama sekali tidak memperlihatkannya kepada mereka kemudian dia berkata (dalam hatinya): Kamulah yang lebih buruk kedudukannya, dan Allah lebih mengetahui tentang apa yang diceritakan kamu itu(77). Mereka berkata: Wahai Perdana Menteri! Dia mempunyai bapa yang sangat tua. Oleh itu ambillah salah seorang dari kami sebagai gantinya. Sesungguhnya kami melihat engkau dari para Muhsinin(78). Jawab Yusuf Aku berlindung pada Allah dari mengambil seorang yang lain kecuali orang yang kami jumpai barang-barang kepunyaan kami di sisinya. Sesungguhnya jika kami bertindak begitu - tentulah kami menjadi orang-orang yang zalim."(79)

• Kemudian kita bertemu pula dengan beliau setelah sempurna tempoh ujian yang dijalani Ya'kub a.s. Allah telah mentaqdirkan berakhirnya ujian-ujian yang menimpa beliau dan keluarganya dan Yusuf kembali rindu kepada dua ibubapanya dan keluarganya. Hatinya kasihan apabila melihat penderitaan saudara-saudaranya lalu beliau membuka kepada mereka rahsia dirinya sambil meluahkan kecaman yang halus dan memberi sepenuh kemaafan tepat pada waktunya. Seluruh suasana memang menyaran dan menduga kemaafan itu dari syakhsiyah beliau yang mempunyai sifat-sifat (yang tinggi) itu.

فَلَمَّا دَخَلُوا۟ عَلَيْهِ قَالُوا۟ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْعَزِيزُ مَسَّنَا وَأَهْلَنَا ٱلضُّرُّ وَجِئْنَا بِبِضَٰعَةٍ مُّزْجَىٰةٍ فَأَوْفِ لَنَا ٱلْكَيْلَ وَتَصَدَّقْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ يَجْزِى ٱلْمُتَصَدِّقِينَ ﴿٨٨﴾

قَالَ هَلْ عَلِمْتُم مَّا فَعَلْتُم بِيُوسُفَ وَأَخِيهِ إِذْ أَنتُمْ جَٰهِلُونَ ﴿٨٩﴾

قَالُوٓا۟ أَءِنَّكَ لَأَنتَ يُوسُفُ ۖ قَالَ أَنَا۠ يُوسُفُ وَهَٰذَآ أَخِى ۖ قَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّهُۥ مَن يَتَّقِ وَيَصْبِرْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٩٠﴾

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ لَقَدْ ءَاثَرَكَ ٱللَّهُ عَلَيْنَا وَإِن كُنَّا لَخَٰطِـِٔينَ ﴿٩١﴾

قَالَ لَا تَثْرِيبَ عَلَيْكُمُ ٱلْيَوْمَ ۖ يَغْفِرُ ٱللَّهُ لَكُمْ ۖ وَهُوَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٩٢﴾

ٱذْهَبُوا۟ بِقَمِيصِى هَٰذَا فَأَلْقُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِى يَأْتِ بَصِيرًا وَأْتُونِى بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

"Maka apabila mereka masuk menemui Yusuf, mereka berkata: Wahai Perdana Menteri! Kami dan keluarga kami telah ditimpa kesengsaraan dan kami membawa barang-barang penukar yang tidak berharga, oleh itu sempurnakanlah sukatan makanan untuk kami dan bersedekahlah kepada kami, sesungguhnya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang bersedekah(88). Ujar Yusuf: Adakah kamu mengetahui perbuatan yang telah kamu lakukan terhadap Yusuf dan adiknya ketika kamu masih jahil(89). Mereka bertanya: Apakah engkau sebenarnya Yusuf? Jawab Yusuf: Ya, akulah Yusuf dan ini adikku. Allah telah melimpahkan kurnia-Nya ke atas kami. Sesungguhnya barang siapa yang bertaqwa dan bersabar, maka sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan balasan pahala (para Muhsinin)(90). Ujar mereka: Sesungguhnya Allah telah mengutamakan engkau di atas kami dan sesungguhnya kami selama ini adalah orang-orang yang bersalah(91). Jawab Yusuf: Hari ini tiada sebarang kecaman lagi terhadap kamu. Semoga Allah memberi keampunan kepada kamu dan Dialah Yang Maha Pengasih di antara para pengasih(92). Pergilah kamu membawa bajuku ini dan letakkannya di atas wajah bapaku nescaya dia dapat melihat kembali dan bawalah semua keluarga kamu kepadaku."(93)

• Pada akhirnya tibalah babak agung yang amat indah, iaitu babak pertemuan yang mengumpulkan seluruh keluarga ketika Yusuf a.s. berada di kemuncak kekuasaan dan kemuncak penta'biran mimpinya yang telah menjadi kenyataan, dan di waktu inilah beliau mengeluarkan dirinya dari segala suasana itu dan memencilkan diri untuk bertawajjuh dan bermunajat dengan Allah dengan penuh keikhlasan dan mencampakkan segala-galanya di belakangnya.

رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِىِّۦ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian dari kuasa pemerintahan dan Engkau telah mengajarkanku sebahagian dari ta'bir mimpi. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi, Engkaulah Pelindungku di dunia dan di Akhirat, (wahai Tuhanku!) wafatkanku sebagai seorang Muslim dan gabungkanku dengan para Solehin."(101)

Itulah syakhsiyah yang sepadu dengan segala realismenya yang menggambarkan asas-asas yang sebenar dalam asuhan, didikan dan dalam persekitarannya.

• Dan (yang ketujuh gambaran watak) Ya'kub a.s. seorang bapa yang pengasih dan prihatin di samping seorang nabi yang yakin dan berhubung rapat dengan

Allah. Beliau menghadapi mimpi yang menyampaikan janji Ilahi yang dilihat oleh Yusuf itu dengan perasaan gembira dan bimbang serentak dalam satu waktu. Beliau memandang mimpi itu sebagai berita-berita gembira masa depan Yusuf yang cemerlang dan di waktu itu juga beliau bimbang dan takut kepada godaan-godaan syaitan di dalam jiwa anak-anaknya, Ciri-ciri syakhsiyah beliau dengan hakikatnya yang sempurna dari segala sudut itu dapat dilihat dengan jelas (dalam keterangan ayat-ayat berikut):

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ إِنِّى رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِى سَٰجِدِينَ ﴿٤﴾ قَالَ يَٰبُنَىَّ لَا تَقْصُصْ رُءْيَاكَ عَلَىٰٓ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا۟ لَكَ كَيْدًا ۖ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٥﴾ وَكَذَٰلِكَ يَجْتَبِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ وَيُتِمُّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكَ وَعَلَىٰٓ ءَالِ يَعْقُوبَ كَمَآ أَتَمَّهَا عَلَىٰٓ أَبَوَيْكَ مِن قَبْلُ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

"(Kenangilah) ketika Yusuf berkata kepada bapanya: Wahai bapaku! Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan. Aku melihat semuanya sujud kepadaku(4). Lalu berkatalah (bapanya): Wahai anakku! Janganlah engkau ceritakan mimpimu ini kepada saudara-saudaramu, nanti mereka merancang tipu daya yang tidak baik terhadapmu. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang amat nyata kepada manusia(5). Dan demikianlah Tuhanmu memilihmu dan akan mengajarmu sebahagian ta'bir mimpi dan akan menyempurnaan pengurniaan ni'mat-Nya kepadamu dan kepada keluarga Ya'kub sebagaimana Dia telah menyempurnakannya sebelum ini kepada datuk nenekmu Ibrahim dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(6)

Kemudian kita dapat melihat syakhsiyah Ya'kub ini juga dengan segala hakikatnya selaku seorang manusia dan seorang nabi ketika beliau dipujuk oleh anak-anaknya supaya melepaskan Yusuf (pergi bersama mereka) dan ketika mereka memeranjatkan beliau dengan berita kemalangan yang menimpa Yusuf:

قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَ۫نَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُۥ لَنَٰصِحُونَ ﴿١١﴾ أَرْسِلْهُ مَعَنَا غَدًا يَرْتَعْ وَيَلْعَبْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿١٢﴾ قَالَ إِنِّى لَيَحْزُنُنِىٓ أَن تَذْهَبُوا۟ بِهِۦ وَأَخَافُ أَن يَأْكُلَهُ ٱلذِّئْبُ وَأَنتُمْ عَنْهُ غَٰفِلُونَ ﴿١٣﴾ قَالُوا۟ لَئِنْ أَكَلَهُ ٱلذِّئْبُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّآ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿١٤﴾ فَلَمَّا ذَهَبُوا۟ بِهِۦ وَأَجْمَعُوٓا۟ أَن يَجْعَلُوهُ فِى غَيَٰبَتِ ٱلْجُبِّ ۚ وَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُم بِأَمْرِهِمْ هَٰذَا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٥﴾ وَجَآءُوٓ أَبَاهُمْ عِشَآءً يَبْكُونَ ﴿١٦﴾ قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَآ إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِندَ مَتَٰعِنَا فَأَكَلَهُ ٱلذِّئْبُ ۖ وَمَآ أَنتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَٰدِقِينَ ﴿١٧﴾ وَجَآءُو عَلَىٰ قَمِيصِهِۦ بِدَمٍ كَذِبٍ ۚ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا ۖ فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۖ وَٱللَّهُ ٱلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"Lalu mereka berkata: Wahai bapa kami! Mengapa bapa tidak menaruh kepercayaan kepada kami terhadap (keselamatan) Yusuf sedangkan kami sekian ikhlas kepadanya?(11). Biarkanlah dia keluar bersama kami besok supaya dia dapat bersukaria dan bermain-main dan sesungguhnya kami sekalian akan menjaganya(12). Jawab (bapanya): Sesungguhnya pemergian kamu membawanya bersama kamu itu akan mendukacitakan aku dan aku pula bimbang dia akan dimakan serigala, sedangkan kamu lalai dari menjaganya(13). Mereka berkata: Seandainya dia dimakan serigala, sedangkan kami sekumpulan yang ramai tentulah kami ini benar-benar orang-orang yang rugi (tidak berguna)(14). Apabila mereka pergi membawa Yusuf bersama mereka dan bersepakat untuk membuangkannya ke dasar perigi, dan (ketika inilah) Kami wahyukan kepada Yusuf. Sesungguhnya engkaulah yang akan menceritakan sendiri kepada mereka tentang perbuatan mereka ini, sedangkan mereka tidak sedar(15). Dan kemudian mereka datang mendapatkan bapa mereka di waktu senja sambil (berpura-pura) menangis(16). Mereka berkata: Wahai bapa kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf di sisi barang-barang kami lalu dia dimakan serigala, dan sudah tentu bapa tidak akan percaya kepada kami walaupun kami bercakap benar(17). Dan mereka datang membawa bajunya (yang berlumuran) dengan darah palsu, lalu Ya'kub pun berkata: Bahkan kamu sebenarnya digodakan oleh nafsu kamu supaya melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan) bersabar dengan sebaik-baiknya dan hanya kepada Allah jua yang dipohonkan pertolongan tentang perkara yang diceritakan kamu itu."(18)

Kemudian kita bertemu pula dengan syakhsiyah Ya'kub dengan segala realismenya itu ketika anak-anaknya memujuk beliau melepaskan saudara Yusuf (Bunyamin) satu-satunya penglipur hatinya yang masih tinggal baginya kerana saudara Yusuf itu telah diminta oleh pembesar Mesir (Yusuf) yang tidak dikenali mereka supaya membawanya mengadap beliau bersama mereka dengan janji bahawa beliau akan memberi bekalan makanan kepada mereka yang cukup untuk menghadapi tahun-tahun kemarau.

فَلَمَّا رَجَعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَبِيهِمْ قَالُوا۟ يَـٰٓأَبَانَا مُنِعَ مِنَّا ٱلْكَيْلُ فَأَرْسِلْ مَعَنَآ أَخَانَا نَكْتَلْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَـٰفِظُونَ ﴿٦٣﴾

قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَآ أَمِنتُكُمْ عَلَىٰٓ أَخِيهِ مِن قَبْلُ فَٱللَّهُ خَيْرٌ حَـٰفِظًا ۖ وَهُوَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٦٤﴾

وَلَمَّا فَتَحُوا۟ مَتَـٰعَهُمْ وَجَدُوا۟ بِضَـٰعَتَهُمْ رُدَّتْ إِلَيْهِمْ ۖ قَالُوا۟ يَـٰٓأَبَانَا مَا نَبْغِى ۖ هَـٰذِهِۦ بِضَـٰعَتُنَا رُدَّتْ إِلَيْنَا ۖ وَنَمِيرُ أَهْلَنَا وَنَحْفَظُ أَخَانَا وَنَزْدَادُ كَيْلَ بَعِيرٍ ۖ ذَٰلِكَ كَيْلٌ يَسِيرٌ ﴿٦٥﴾

قَالَ لَنْ أُرْسِلَهُۥ مَعَكُمْ حَتَّىٰ تُؤْتُونِ مَوْثِقًا مِّنَ ٱللَّهِ لَتَأْتُنَّنِى بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يُحَاطَ بِكُمْ ۖ فَلَمَّآ ءَاتَوْهُ مَوْثِقَهُمْ قَالَ ٱللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ ﴿٦٦﴾

وَقَالَ يَـٰبَنِىَّ لَا تَدْخُلُوا۟ مِنۢ بَابٍ وَٰحِدٍ وَٱدْخُلُوا۟ مِنْ أَبْوَٰبٍ مُّتَفَرِّقَةٍ ۖ وَمَآ أُغْنِى عَنكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَعَلَيْهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٦٧﴾

وَلَمَّا دَخَلُوا۟ مِنْ حَيْثُ أَمَرَهُمْ أَبُوهُم مَّا كَانَ يُغْنِى عَنْهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ إِلَّا حَاجَةً فِى نَفْسِ يَعْقُوبَ قَضَىٰهَا ۚ وَإِنَّهُۥ لَذُو عِلْمٍ لِّمَا عَلَّمْنَـٰهُ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

"Maka apabila mereka pulang kepada bapa mereka, mereka pun berkata: Wahai bapa! Kami tidak diberi sukatan bekalan. Oleh itu hantarlah saudara kami bersama kami supaya kami mendapat sukatan bekalan dan sesungguhnya kami sekalian sanggup menjaganya (63). Jawab Ya'kub: Aku tidak menaruh kepercayaan kepada kamu terhadap keselamatannya (Bunyamin) melainkan seperti aku telah menaruh kepercayaan kepada kamu terhadap keselamatan abangnya dahulu? (Yusuf) Allahlah (jua) sebaik-baik Penjaga dan Dialah Maha Pengasih di antara para pengasih(64). Dan apabila mereka membuka barang-barang mereka (tiba-tiba) mereka dapati barang-barang penukar mereka telah dikembalikan semula kepada mereka, lalu mereka berkata: Wahai bapa kami! Kami bukannya bertindak melampau. Lihatlah barang-barang penukar kami telah dikembalikan semula kepada kami, sedangkan kami perlu memberi makanan kepada keluarga kami dan kami sanggup menjaga keselamatan saudara kami (Bunyamin) dan kami akan mendapat sukatan bekalan tambahan sebanyak seberat muatan seekor unta. Itulah sukatan yang senang (diperolehi)(65). (Ya'kub) berkata: Aku sekali-kali tidak akan melepaskan (Bunyamin) pergi bersama kamu sehingga kamu memberikan janji yang teguh atas nama Allah kepadaku bahawa kamu pasti akan membawanya kembali kepadaku kecuali kamu dikepung (musuh), dan setelah mereka memberikan kepadanya janji mereka, maka dia (Ya'kub) pun berkata: Allah adalah saksi di atas apa yang kita ucapkan(66). Dan Ya'kub berkata: Wahai anak-anakku! Janganlah kamu semua masuk (Kota Mesir) dari satu pintu sahaja, tetapi masuklah melalui pintu-pintu yang berlain-lainan, tetapi aku tidak dapat menyelamatkan kamu dari (kehendak) Allah sedikit pun, kerana kuasa penentuan hukum itu hanya milik Allah sahaja. Kepada Allah aku berserah, dan kepada Allah juga hendaklah mereka yang bertawakkal itu berserah(67). Dan apabila mereka masuk (Kota Mesir) mengikut sebagaimana yang dipesan oleh bapa mereka, maka tiada suatu pun yang dapat menyelamatkan mereka dari (kehendak) Allah. Itu hanya suatu keinginan di dalam hati Ya'kub yang telah ditunaikannya. Dan sesungguhnya dia adalah seorang yang berilmu kerana Kami telah mengajar ilmu itu kepadanya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(68)

Kemudian kita bertemu pula dengan beliau di dalam peristiwa sedih yang kedua selaku seorang bapa yang prihatin dan seorang nabi yang berhubung rapat dengan Allah. Peristiwa itu berlaku setelah Allah merancangkan untuk Yusuf bagaimana cara hendak mengambil saudaranya. Peristiwa ini telah menyebabkan salah seorang dari anak-anak Ya'kub itu tidak mahu pulang bersama mereka. Dialah anak yang mempunyai watak yang tersendiri di kalangan mereka, Dia sentiasa menunjukkan sifat-sifatnya itu di dalam semua situasi di dalam kisah itu. (Dia mengambil keputusan tidak mahu pulang bersama mereka) kerana takut hendak menemui bapanya setelah ia memberi janjinya kepada beliau kecuali ia diizinkan beliau atau ditentukan keputusannya oleh Allah:

فَلَمَّا ٱسْتَيْـَٔسُوا۟ مِنْهُ خَلَصُوا۟ نَجِيًّا ۖ قَالَ كَبِيرُهُمْ أَلَمْ تَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ أَبَاكُمْ قَدْ أَخَذَ عَلَيْكُم مَّوْثِقًا مِّنَ ٱللَّهِ وَمِن قَبْلُ مَا فَرَّطتُمْ فِى يُوسُفَ ۖ فَلَنْ أَبْرَحَ

ٱلْأَرْضَ حَتَّىٰ يَأْذَنَ لِىٓ أَبِىٓ أَوْ يَحْكُمَ ٱللَّهُ لِى ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿٨٠﴾

ٱرْجِعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَبِيكُمْ فَقُولُوا۟ يَٰٓأَبَانَآ إِنَّ ٱبْنَكَ سَرَقَ وَمَا شَهِدْنَآ إِلَّا بِمَا عَلِمْنَا وَمَا كُنَّا لِلْغَيْبِ حَٰفِظِينَ ﴿٨١﴾

وَسْـَٔلِ ٱلْقَرْيَةَ ٱلَّتِى كُنَّا فِيهَا وَٱلْعِيرَ ٱلَّتِىٓ أَقْبَلْنَا فِيهَا ۖ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿٨٢﴾

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا ۖ فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۖ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَأْتِيَنِى بِهِمْ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨٣﴾

وَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰٓأَسَفَىٰ عَلَىٰ يُوسُفَ وَٱبْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ ٱلْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ ﴿٨٤﴾

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ تَفْتَؤُا۟ تَذْكُرُ يُوسُفَ حَتَّىٰ تَكُونَ حَرَضًا أَوْ تَكُونَ مِنَ ٱلْهَٰلِكِينَ ﴿٨٥﴾

قَالَ إِنَّمَآ أَشْكُوا۟ بَثِّى وَحُزْنِىٓ إِلَى ٱللَّهِ وَأَعْلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٦﴾

يَٰبَنِىَّ ٱذْهَبُوا۟ فَتَحَسَّسُوا۟ مِن يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَا۟يْـَٔسُوا۟ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ لَا يَا۟يْـَٔسُ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٧﴾

"Apabila mereka berputus asa untuk menyelamatkannya (Bunyamin), mereka pun mengasingkan diri berunding-runding bersama-sama mereka. Ujar saudara tertua mereka: Tidakkah kamu tahu bahawa bapa kamu telah mengikat janji dengan kamu atas nama Allah dan sebelum ini kamu telahpun mencuaikan (janji) kamu dengannya terhadap Yusuf. Oleh sebab itu aku tidak akan meninggalkan negeri Mesir sehingga bapaku mengizinkan kepadaku (untuk kembali) atau Allah menentukan keputusan-Nya terhadapku dan Dialah seadil-adil Pengadil(80). Kembalilah kamu kepada bapa kamu dan katakanlah Wahai bapa kami! Sesungguhnya anakmu telah mencuri dan kami hanya menyaksikan apa yang kami ketahui dan sesungguhnya kami tidak dapat menjaga perkara yang ghaib(81). Dan tibalah penduduk negeri tempat kami tinggal dan kafilah yang kami datang bersamanya dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bercakap benar(82). Jawab Ya'kub: Bahkan kamu telah dihasut oleh nafsu kamu untuk melakukan sesuatu. Oleh itu aku akan sabar dengan seelok kesabaran. Semoga Allah membawa mereka semua kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(83). Dan Ya'kub berpaling dari mereka seraya berkata: Alangkah dukanya hatiku terhadap Yusuf, dan kedua matanya menjadi putih kerana dukacita, dan dia amat tabah memendamkan perasaannya(84). Ujar mereka: Demi Allah bapa masih terus terkenangkan Yusuf sehingga bapa akan mengidap sakit atau termasuk dalam golongan orang-orang yang binasa(85). Jawab Ya'kub: Sesungguhnya kepada Allah sahaja aku mengadukan kesusahan dan kedukacitaanku dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu(86). Wahai anak-anakku! Pergilah kamu mencari berita Yusuf dan adiknya dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya tiada yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan golongan orang-orang yang kafir."(87)

Pada akhir babak ujian Allah yang panjang terhadap Ya'kub a.s. yang tua itu kita dapat melihat sifat-sifat dan sikap-sikapnya yang jelas dan tegas ketika beliau menciumi bau Yusuf pada bajunya dan menghadapi kemarahan dan celaan anak-anaknya itu. Beliau tidak pernah ragu-ragu kepada keyakinannya terhadap Allah:

وَلَمَّا فَصَلَتِ ٱلْعِيرُ قَالَ أَبُوهُمْ إِنِّى لَأَجِدُ رِيحَ يُوسُفَ ۖ لَوْلَآ أَن تُفَنِّدُونِ ﴿٩٤﴾

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ إِنَّكَ لَفِى ضَلَٰلِكَ ٱلْقَدِيمِ ﴿٩٥﴾

فَلَمَّآ أَن جَآءَ ٱلْبَشِيرُ أَلْقَىٰهُ عَلَىٰ وَجْهِهِۦ فَٱرْتَدَّ بَصِيرًا ۖ قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا ٱسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَآ إِنَّا كُنَّا خَٰطِـِٔينَ ﴿٩٧﴾

قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّىٓ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٩٨﴾

"Dan apabila kafilah itu bertolak, berkatalah bapa mereka: Sesungguhnya aku mencium bau Yusuf jika kamu tidak menuduhku nyanyuk(94). Jawab mereka: Demi Allah sesungguhnya bapa masih dalam kekeliruan yang lama(95). Dan apabila pembawa berita gembira itu tiba dia pun meletakkan baju Yusuf di atas wajah Ya'kub lalu dia pun terus dapat melihat kembali. Ujar Ya'kub: Bukankah aku telah katakan bahawa aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu?(96). Mereka berkata: Wahai bapa kami! Pohonkanlah untuk kami keampunan terhadap dosa-dosa kami. Sesungguhnya kami selama ini adalah orang-orang yang bersalah(97). Jawab Ya'kub: Aku akan memohon kepada Tuhanku supaya memberi keampunan kepada

kamu! Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(98)

Itulah syakhsiyah yang mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat yang sepadu, perasaan-perasaan dan tindak-tanduk yang jelas dan tegas. Itulah syakhsiyah yang menggambarkan segala realisme, suasana dan persekitarannya tanpa sebarang keterangan palsu, tidak tepat dan menyeleweng!

* * * * * *

Sifat reaslime yang jujur, bersih dan sihat (yang terdapat dalam kisah ini) dalam waktu yang sama tidaklah terhenti pada sifat realisme watak-watak manusia yang memenuhi kisah ini dalam bidangnya yang luas pada tahap yang indah ini sahaja, tetapi dapat dilihat dengan jelas pada sifat realisme peristiwa-peristiwa, penceritaan, penayangan, kebenaran cerita dan pada persesuaiannya dengan tempat dan zamannya, dengan persekitaran dan suasana-suasananya, di mana setiap harakat, setiap perasaan, sentimen dan setiap kalimat muncul pada sa'atnya yang tepat, datang dengan bentuk yang dapat diduga, muncul pada tempatnya yang wajar di pentas. Tayangan itu bersilih ganti berubah-ubah, saratan cahaya gelap dan terang dari satu kawasan ke satu kawasan mengikut kepentingan dan peranannya masing-masing dan mengikut kebiasaannya dalam perjalanan hidup. Ciri-ciri yang seperti ini juga dapat dilihat pada watak-watak itu, sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

Sehingga penggambaran detik-detik seks dan babak-babaknya di dalam kisah ini juga mengambil halamannya yang sempurna tetapi dalam batas-batas metodologi penceritaan Al-Qur'an yang bersih (dari kelucahan) yang layak dengan makhluk insan tanpa sebarang gambaran palsu, tidak tepat dan menyelewengkan realisme manusia dari segi kesempurnaan, ketepatan dan kesepaduannya, tetapi walaupun penggambaran detik-detik seks mengambil ruangnya yang sesuai dengan peristiwa-peristiwa dan babak-babak yang lain namun tidaklah bermakna ia berhenti begitu lama (menggambarkan babak-babak seks itu) seolah-olah ia merupakan seluruh hakikat manusia dan seolah-olah ia merupakan paksi seluruh hidup manusia dan seluruh matlamat hidupnya sebagaimana seni jahiliyah cuba memahamkan kita bahawa inilah satu-satunya penggambaran seni yang benar.

Jahiliyah memburukkan makhluk insan atas nama gambaran seni yang benar, di mana ia berhenti begitu lama menggambarkan detik-detik babak seks seolah-olah ia merupakan matlamat hidup manusia seluruhnya. Dan dari detik-detik babak seks itu jahiliyah menciptakan sebuah paya seni yang luas, mendalam dan serentak itu juga ia dihiaskan dengan bunga-bunga syaitan yang indah.

Seni (jahiliyah) berbuat begini bukannya kerana inilah gambaran yang sebenar dan bukan pula kerana ia begitu jujur dalam menggambarkan kenyataan ini, malah ia berbuat begini kerana protokol Zionis[1] mahukannya berbuat begini, Protokol ini mahu menghapuskan segala sifat-sifat insan kecuali sifat-sifat haiwaniyahnya sahaja supaya bangsa Yahudi tidak dicap sebagai satu-satunya bangsa yang membuang segala nilai-nilai yang lain dari nilai kebendaan. Ia mahu menenggelamkan seluruh manusia di dalam lumpur paya seks supaya mereka menumpukan seluruh minat dan mencurahkan seluruh tenaga mereka dalam paya itu, kerana inilah satu-satunya jalan yang paling terjamin untuk membinasakan umat manusia sehingga mereka semuanya melutut tunduk dan patuh kepada raja Zionis yang terkutuk dan ditunggu-tunggu kedatangannya. Kemudian protokol-protokol itu menggunakan seni sebagai alat untuk menuju kepada seluruh malapetaka ini di samping menyebarkan aliran-aliran ilmiyah yang membawa kepada matlamat yang sama. Kadang-kadang dengan nama aliran Darwinisme, kadang-kadang dengan nama aliran Freudisme, kadang-kadang dengan nama Marxisme atau sosialisme ilmiyah, dan semuanya adalah alat-alat yang sama untuk menjayakan perancangan-perancangan jahat kaum Zionis.

* * * * * *

Selepas itu kisah ini menjangkau lebih jauh dari syakhsiyah-syakhsiyah dan peristiwa-peristiwa itu lagi, di mana ia melukiskan bayangan-bayangan zaman sejarah, di mana berlakunya kisah ini dan di mana bergeraknya syakhsiyah-syakhsiyah yang ramai itu dan merakamkan ciri-ciri umumnya. Kisah ini menggambarkan pentas peristiwa-peristiwa itu dengan dimensi-dimensi global di zaman yang bersejarah itu. Di sini kita berpada dengan beberapa pandangan dan garis-garis petunjuk yang menggambarkan dimensi-dimensi itu iaitu:

• Mesir di zaman itu belum lagi diperintah oleh raja-raja Fir'aun dari keluarga orang Mesir, malah ia diperintah oleh keluarga pengembala di mana Ibrahim, Ismail dan Ya'kub hidup berhampiran dengan mereka, dan dari para Anbia' inilah mereka mengetahui sedikit sebanyak tentang agama Allah. Pendapat ini kami ambil dari keterangan Al-Qur'an yang menyebut raja di zaman itu dengan gelaran "al-Malik" (raja), sedangkan ia menyebut raja yang wujud di masa Musa a.s. dengan gelarannya yang terkenal iaitu gelaran "Fir'aun", dari sinilah dapat ditentukan zaman hidup Nabi Yusuf a.s. di negeri Mesir, iaitu zaman di antara keluarga yang ketiga belas dan keluarga yang ketujuh belas. Mereka dari keluarga pengembala yang digelarkan oleh orang-orang Mesir sebagai "al-Haksus" kerana bencikan mereka, sebab menurut satu pendapat makna kata-kata itu dalam bahasa Mesir tua ialah "babi-babi" atau "penternak

[1] *Perancangan-perancangan licin dan jahat yang diatur dan diputuskan oleh cendikiawan-cendikiawan Yahudi untuk meruntuhkan umat-umat lain.*

babi", dan zaman ini mencakup kira-kira satu abad setengah.

• Kerasulan Yusuf a.s. adalah berlaku di zaman ini. Beliau telah memulakan da'wah kepada agama Islam selaku agama tauhid yang tulen ketika beliau berada di dalam penjara, di mana beliau menjelaskan bahawa agama itu adalah agama datuk neneknya Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub. Beliau menjelaskan agama ini dengan gambaran yang amat terang, sempurna, halus dan meliputi segala-segalanya. Sebagaimana telah dicerita oleh Al-Qur'anul-Karim:

إِنِّي تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَهُم بِٱلْآخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٣٧﴾
وَٱتَّبَعْتُ مِلَّةَ ءَابَآءِيٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ مَا كَانَ لَنَآ أَن نُّشْرِكَ بِٱللَّهِ مِن شَيْءٍ ذَٰلِكَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٨﴾
يَٰصَٰحِبَيِ ٱلسِّجْنِ ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾
مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ أَسْمَآءً سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya aku telah meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah dan mereka juga mengingkarkan hari Akhirat."(37) Dan aku mengikut agama datuk nenekku, Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub. Tidaklah wajar bagi kami mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain. Itulah sebahagian dari limpah kurnia Allah kepada kami dan kepada manusia seluruhnya, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur (38). Wahai dua sahabat sepenjaraku! Adakah menyembah tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu lebih baik atau menyembah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa?(39). Kamu tidak menyembah selain dari Allah melainkan hanya nama-nama tuhan yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu. Allah tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Sesungguhnya kuasa penentuan hukum itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(40)

Itulah gambaran agama Islam yang jelas, lengkap, halus dan mencakup segala-galanya - sebagaimana yang dibawa oleh seluruh para rasulullah yang lain - dari segi dasar-dasar 'aqidah. Ia mengandungi keimanan kepada Allah, keimanan kepada Akhirat, tauhid kepada Allah dan tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu apa pun. Ia juga mengandungi ma'rifat terhadap Allah S.W.T. dengan sifat-sifat-Nya Yang Maha Esa dan Maha Berkuasa, dan penjelasan bahawa di sana tidak ada sama sekali hakikat (ketuhanan) dan kekuasaan bagi yang lain dari Allah. Oleh sebab inilah beliau menolak tuhan-tuhan palsu yang memperhambakan manusia dan mengumumkan bahawa kekuasaan dan pemerintahan adalah milik Allah sahaja selama Allah memerintah manusia supaya jangan menyembah yang lain dari-Nya. Perbuatan menggunakan kekuasaan dan kuasa memerintah dan sifat Rububiyah merupakan perbuatan memperhambakan manusia yang bertentangan dengan perintah yang menyuruh manusia supaya menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja. Ia menjelaskan makna "ibadat" itu ialah tunduk dan patuh kepada kuasa dan perintah Allah dan mengakui Rububiyah-Nya. Ia memperkenalkan makna agama yang lurus itu ialah menyembah Allah S.W.T. Yang Maha Esa sahaja dan menjunjung perintah-Nya sahaja. Keduanya mempunyai pengertian yang sama dan berkait rapat satu sama lain:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ

"Sesungguhnya kuasa penentuan hukum itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia. Itulah agama yang lurus."(40)

Inilah gambaran Islam yang paling jelas, sempurna, halus dan mencakup segala-segalanya.

Memang jelas sekali bahawa Yusuf a.s. ketika memegang teraju pentadbiran negeri Mesir telah meneruskan usaha mengembangkan da'wah Islam dengan penerangan yang jelas, sempurna, halus dan mencakupi segala-galanya dan tentulah Islam telah tersebar dengan luas di negeri Mesir melalui daya usahanya, kerana ketika itu beliau bukan sahaja hanya memegang teraju pemerintahan di kalangan mereka, malah memegang kuasa pentadbiran makanan dan bekalan rakyat jelata. Begitu juga Islam telah tersebar di negeri-negeri jiran tetangga, di mana rombongan-rombongannya datang ke negeri Mesir untuk mendapatkan makanan dari bekalan makanan yang disimpan dengan kebijaksanaan dan pentadbiran beliau yang teliti, dan kita telah pun melihat bagaimana saudara-saudara Yusuf datang ke negeri Mesir dari negeri Kan'an yang berdekatan di Jordan, bersama-sama kafilah-kafilah yang lain untuk mendapat pertolongan bekalan makanan dari negeri Mesir. Peristiwa ini menggambarkan keadaan kemarau yang telah menimpa seluruh kawasan di zaman itu.

Kisah ini memberi gambaran seimbas tentang kesan-kesan yang telah pudar dari 'aqidah Islam yang diketahui sedikit sebanyak oleh keluarga pengembala yang memerintah negeri itu di samping ia juga memberi gambaran seimbas tentang perkembangan 'aqidah ini dengan penerangannya yang jelas selepas da'wah Yusuf a.s.

Gambaran seimbas yang pertama tersebut dalam petikan perkataan wanita-wanita (atasan Mesir) ketika Yusuf muncul di hadapan mereka:

فَلَمَّا رَأَيْنَهُۥٓ أَكْبَرْنَهُۥ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَٰشَ لِلَّهِ مَا هَٰذَا بَشَرًا إِنْ هَٰذَآ إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾

"Apabila mereka melihatnya, (Yusuf) mereka terus terpesona kepadanya dan terhiris tangan mereka sendiri seraya berkata: Maha Suci Allah! Ini bukannya manusia. Sesungguhnya dia ini tidak lain melainkan seorang malaikat yang mulia."(31)

Juga tersebut di dalam perkataan al-'Aziz sendiri yang ditujukan kepada perempuannya:

يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَا ۚ وَٱسْتَغْفِرِى لِذَنۢبِكِ ۖ إِنَّكِ كُنتِ مِنَ ٱلْخَاطِـِٔينَ ﴿٢٩﴾

"Wahai Yusuf! Lupakanlah sahaja peristiwa ini, dan engkau (wahai Zulaykha) pohonkanlah keampunan terhadap dosamu, kerana sesungguhnya engkau adalah dari golongan orang-orang yang bersalah."(29)

Gambaran seimbas yang kedua yang jelas adalah tersebut di dalam perkataan perempuan al-'Aziz yang memperlihatkan bahawa dia telah beriman kepada 'aqidah Yusuf dan menganut Islam pada akhirnya sebagaimana diceritakan oleh ayat berikut:

قَالَتِ ٱمْرَأَتُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْـَٔـٰنَ حَصْحَصَ ٱلْحَقُّ أَنَا۠ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ وَإِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٥١﴾

"Lalu berkatalah perempuan al-'Aziz: Sekarang kebenaran telah terserlah. Sebenarnya sayalah yang menggoda dirinya dan sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang benar."(51)

ذَٰلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّى لَمْ أَخُنْهُ بِٱلْغَيْبِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى كَيْدَ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٢﴾

وَمَآ أُبَرِّئُ نَفْسِىٓ ۚ إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٣﴾

"(Pengakuanku) yang sedemikian itu supaya dia (Yusuf) mengetahui bahawa saya tidak mengkhianatinya walaupun dia tidak ada di sini dan sesungguhnya Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang yang khianat.(52) Dan saya bukannya hendak membersihkan diri saya, kerana nafsu manusia selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali mereka yang dirahmati oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Apabila jelas bahawa agama tauhid telah diketahui umum hingga ke tahap ini sebelum Yusuf memegang tampuk pemerintahan di negeri Mesir, maka sudah tentulah agama itu telah berkembang luas selepas itu dan semasa beliau memerintah negeri Mesir, dan seterusnya berkembang di zaman pemerintahan keluarga-keluarga pengembala selepas itu. Apabila orang-orang Fir'aun merampas balik teraju pemerintahan di zaman keluarga yang ke lapan belas, maka mereka pun mula menentang agama tauhid yang didokong oleh zuriat Ya'kub yang berkembang biak di negeri Mesir untuk menegakkan kembali agama paganisme yang menjadi tapak kerajaan Fir'aun.

Di sini terbukalah kepada kita satu sebab pokok dari sebab-sebab penindasan raja-raja Fir'aun terhadap Bani Israel (zuriat Nabi Ya'kub) selepas itu di samping sebab-sebab politik yang lain. Mereka datang ke negeri Mesir kemudian bermastautin di sana dan memegang kuasa pemerintahannya dan mendapat kedudukan yang kukuh di zaman raja-raja pengembala yang mendatang. Apabila orang-orang Mesir mengusir raja-raja pengembala, maka mereka juga turut mengusir sekutu-sekutu mereka dari Bani Israel, namun demikian perbezaan dua agama itu (agama tauhid dan agama paganisme) yang seharusnya menjadi pentafsiran yang kuat mengapa raja-raja Fir'aun melakukan penindasan yang dahsyat (terhadap Bani Israel). Ini disebabkan perkembangan agama tauhid yang sebenar itu boleh menghancurkan tapak tegak raja-raja Fir'aun, kerana agama tauhid adalah musuh semulajadi kepada para Taghut, pemerintahan para Taghut dan ketuhanan para Taghut.

Apa yang kami jelaskan ini telah dibayangkan di dalam Al-Qur'anul-Karim apabila ia menceritakan perkataan seorang Mu'min dari keluarga Fir'aun di dalam Surah Ghafir, di mana dia mempertahankan agama Islam yang dibawa oleh Musa a.s. di hadapan Fir'aun dan kuncu-kuncunya apabila baginda hendak membunuh Musa supaya terbunuhlah bersama beliau bahaya yang mengancam seluruh kerajaannya akibat 'aqidah tauhid yang dibawa oleh beliau:

وَقَالَ فِرْعَوْنُ ذَرُونِىٓ أَقْتُلْ مُوسَىٰ وَلْيَدْعُ رَبَّهُۥٓ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِى ٱلْأَرْضِ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

وَقَالَ مُوسَىٰٓ إِنِّى عُذْتُ بِرَبِّى وَرَبِّكُم مِّن كُلِّ مُتَكَبِّرٍ لَّا يُؤْمِنُ بِيَوْمِ ٱلْحِسَابِ ﴿٢٧﴾

وَقَالَ رَجُلٌ مُّؤْمِنٌ مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ يَكْتُمُ إِيمَٰنَهُۥٓ

أَتَقۡتُلُونَ رَجُلًا أَن يَقُولَ رَبِّيَ ٱللَّهُ وَقَدۡ جَآءَكُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ مِن رَّبِّكُمۡۖ وَإِن يَكُ كَٰذِبٗا فَعَلَيۡهِ كَذِبُهُۥۖ وَإِن يَكُ صَادِقٗا يُصِبۡكُم بَعۡضُ ٱلَّذِي يَعِدُكُمۡۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي مَنۡ هُوَ مُسۡرِفٞ كَذَّابٞ ﴿٢٨﴾

يَٰقَوۡمِ لَكُمُ ٱلۡمُلۡكُ ٱلۡيَوۡمَ ظَٰهِرِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَمَن يَنصُرُنَا مِنۢ بَأۡسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَاۚ قَالَ فِرۡعَوۡنُ مَآ أُرِيكُمۡ إِلَّا مَآ أَرَىٰ وَمَآ أَهۡدِيكُمۡ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٢٩﴾ وَقَالَ ٱلَّذِيٓ ءَامَنَ يَٰقَوۡمِ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُم مِّثۡلَ يَوۡمِ ٱلۡأَحۡزَابِ ﴿٣٠﴾

مِثۡلَ دَأۡبِ قَوۡمِ نُوحٖ وَعَادٖ وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۚ وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلۡمٗا لِّلۡعِبَادِ ﴿٣١﴾

وَيَٰقَوۡمِ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ يَوۡمَ ٱلتَّنَادِ ﴿٣٢﴾

يَوۡمَ تُوَلُّونَ مُدۡبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنۡ عَاصِمٖۗ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٖ ﴿٣٣﴾

وَلَقَدۡ جَآءَكُمۡ يُوسُفُ مِن قَبۡلُ بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَمَا زِلۡتُمۡ فِي شَكّٖ مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦۖ حَتَّىٰٓ إِذَا هَلَكَ قُلۡتُمۡ لَن يَبۡعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعۡدِهِۦ رَسُولٗاۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنۡ هُوَ مُسۡرِفٞ مُّرۡتَابٌ ﴿٣٤﴾ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيۡرِ سُلۡطَٰنٍ أَتَىٰهُمۡۖ كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْۚ كَذَٰلِكَ يَطۡبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلۡبِ مُتَكَبِّرٖ جَبَّارٖ ﴿٣٥﴾

"Dan Fir'aun berkata: Biarkanlah aku membunuh Musa dan biarlah dia memohon pertolongan dari Tuhannya, kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan di bumi ini (26). Lalu Musa berkata: Sesungguhnya aku berlindung pada tuhanku dan Tuhan Kamu dari setiap orang yang takbur, yang tidak percaya kepada hari hisab(27). Lalu berkatalah seorang lelaki yang Mu'min dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan imannya: Adakah kamu hendak membunuh seorang lelaki kerana dia berkata: Allah itu Tuhanku, sedangkan dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Jika dia bohong, maka dialah yang akan menanggung akibat pembohongannya dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkannya kepada kamu. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta(28). (Ujar Musa): Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini, kamulah yang menguasai bumi ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika ia menimpa kita? Jawab Fir'aun: Aku tidak kemukakan kepada kamu melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar(29). Lalu berkata lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpa malapetaka seperti hari (malapetaka) yang menimpa umat-umat (zaman silam yang menentang para rasul)(30). Seperti keadaan kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang selepas mereka dan Allah sekali-kali tidak berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya(31). Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan (32). Iaitu pada hari kamu berpaling melarikan diri ke belakang, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya(33). Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas, tetapi kamu tetap berada di dalam keraguan terhadap apa yang dibawa olehnya kepada kamu, sehingga ketika dia wafat kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi rasul selepasnya. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan pendusta(34). Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah meterai setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang.........."(35) hingga akhir.

Pertarungan yang haqiqi telah berlangsung di antara 'aqidah tauhid yang mengifradkan sifat Rububiyah kepada Allah S.W.T. sahaja dan menentukan ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja - iaitu ta'at, tunduk dan patuh kepada Hakimiyah Allah Yang Maha Esa sahaja - dengan agama Fir'auniyah yang ditegakkan di atas asas 'aqidah paganisme, dan tanpa 'aqidah ini kerajaan Fir'aun tidak akan wujud.

Mungkin juga kepercayaan tauhid yang cacat (kabur) yang dipegang oleh Akhnaton (pemerintah Fir'aun dari keluarga yang ke-18) iaitu kepercayaan yang telah membuat baginda terkenal dengannya merupakan salah satu dari kesan-kesan kabur 'aqidah tauhid yang dikembangkan oleh Nabi Yusuf a.s. di Mesir sebagaimana telah kami jelaskan tadi. (Kemungkinan ini memang besar) terutama apabila benarnya pendapat yang termuat di dalam sejarah yang mengatakan bahawa bonda Raja Akhnaton itu adalah dari bangsa Asian bukannya dari bangsa Fir'aun.

Selepas selingan ini marilah kita kembali semula kepada gambaran-gambaran seimbas yang menunjukkan sifat-sifat zaman sejarah ini, di mana berlakunya peristiwa-peristiwa kisah ini dan bergeraknya sekalian syakhsiyah-syakhsiyahnya. Kita dapati ia menjangkau perbatasan-perbatasan negeri Mesir dan merakamkan ciri seluruh zaman itu. Di sini amat jelas bahawa zaman itu adalah zaman yang terpengaruhnya mimpi-mimpi dan ramalan-ramalannya. Ia merupakan satu gejala yang menyeluruh bukan hanya terdapat pada satu kaum, negeri atau pada satu yang tertentu sahaja. Gejala ini dapat kita lihat dengan jelas pada mimpi Yusuf dan ta'birnya di penghabisan kisah ini, juga dapat dilihat pada mimpi dua belia yang menjadi teman sepenjara Yusuf dan seterusnya pada mimpi Raja Mesir di akhir cerita ini. Semua mimpi-mimpi itu diterima dengan perhatian yang berat sama ada oleh orang-orang yang bermimpi itu sendiri atau oleh orang-orang yang mendengar mimpi itu. Ini menunjukkan gejala ini merupakan ciri seluruh zaman itu.

Pada keseluruhannya kisah ini kaya dengan berbagai-bagai unsur seni di samping kaya dengan unsur-unsur kemanusiaan. Ia adalah sebuah kisah yang penuh dengan emosi dan pergerakan. Cara pembentangannya memberi penonjolan yang amat jelas kepada semua unsur-unsur itu di samping mengemukakan ciri-ciri pengungkapan Al-Qur'an yang amat menarik dan memikat, iaitu pengungkapan yang membawa nada-nada muzik yang sesuai dengan setiap suasana yang dikembarkan oleh penjelasan ayat.

Di dalam kisah ini juga dapat dilihat dengan jelas unsur kasih kebapaan di dalam berbagai-bagai bentuk dan tahap dengan garis-garis dan bayang-bayangnya yang jelas. Ia dapat dilihat pada kasih Ya'kub terhadap Yusuf dan adiknya dan kasih beliau terhadap anak-anaknya yang lain, juga dapat dilihat pada reaksi perasaan beliau terhadap petistiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar Yusuf dari awal kisah hingga akhirnya;

Unsur-unsur kecemburuan dan kedengkian di antara adik beradik dari ibu-ibu yang berlainan mengikut perbezaan gambaran kasih sayang bapa mereka yang dilihat oleh mereka;

Unsur perbezaan berbagai-bagai reaksi kecemburuan dan kedengkian pada hati saudara-saudara Yusuf. Pada setengah mereka perasaan ini telah membawa mereka menyimpan hasrat untuk melakukan jenayah membunuh Yusuf, sementara setengah yang lain sekadar menyarankan supaya Yusuf dibuang di dalam perigi sahaja agar dia dapat dipungut oleh setengah-setengah pengembara (yang lalu di tempat itu) kerana mereka tidak suka melakukan jenayah membunuh;

Unsur tipu daya di dalam berbagai-bagai bentuk rupa iaitu dari tipu daya saudara-saudara Yusuf kepada tipu daya perempuan al-'Aziz terhadap Yusuf, suaminya dan perempuan-perempuan yang lain;

Unsur nafsu berahi dan reaksi terhadapnya iaitu reaksi yang terburu-buru atau reaksi menahan diri, reaksi tertarik hati dan mengingini, reaksi memelihara diri dan enggan melakukan kejahatan;

Unsur menyesal di dalam beberapa bentuk dan rupanya, unsur memberi kemaafan pada masanya yang wajar dan unsur girang gembira yang menemukan anggota-anggota keluarga yang terpisah.

Di samping itu ditokok pula dengan beberapa gambaran masyarakat jahiliyah di kelas atasan iaitu di rumah tangga, di dalam penjara, di pasar dan dewan istana negeri Mesir di zaman itu dan di dalam masyarakat Bani Israel serta pengaruh mimpi-mimpi dan ramalan-ramalannya yang lumrah di zaman itu.

Kisah ini dimulakan dengan sebuah mimpi yang diceritakan Yusuf kepada ayahandanya lalu ayahandanya meramalkan bahawa beliau mempunyai masa depan yang amat besar dan seterusnya memberi nasihat supaya beliau jangan menceritakan mimpi ini kepada saudara-saudaranya agar tidak menimbulkan hasad dengki mereka hingga mereka digoda syaitan agar merancangkan tindakan jahat terhadap beliau, kemudian gerak kisah ini pun berlangsung selepas itu seolah-olah sebagai ta'bir bagi mimpi itu dan sebagai pentafsiran dari dugaan-dugaan Nabi Ya'kub di sebalik mimpi itu sehingga apabila ta'bir mimpi itu selesai dengan sempurna, maka Al-Qur'an pun terus menamatkan kisah itu. Al-Qur'an tidak menceritakan kisah ini berlarut-larut seperti penceritaan kitab Perjanjian Lama (al-Taurat) selepas diakhiri dengan penamatan yang seni dan halus ini, iaitu satu penamatan yang menyampaikan sepenuh maksud keagamaan.

Apa yang diistilahkan sebagai kompleks atau teka-teki seni di dalam sebuah kisah itu amatlah jelas di dalam kisah Yusuf kerana ia bermula dengan sebuah mimpi sebagaimana telah diterangkan sebelum ini, dan ta'bir mimpi itu terus menjadi satu rahsia yang majhul yang kemudian terbuka sedikit demi sedikit sehingga apabila kisah itu ditamatkan, maka seluruh teka teki itu pun terbongkar secara tabi'i tanpa pura-pura dan buat-buatan.

Kisah ini dibahagikan kepada beberapa babak. Setiap babak mengandungi beberapa adegan. Kemudian Al-Qur'an meninggalkan beberapa ruang kosong di antara satu adegan dengan satu adegan yang lain dan ruang-ruang ini dapat dipenuhi sendiri oleh daya imaginasi dan kefahaman para pembaca, di mana mereka dapat melengkapkan sendiri segala harakat dan segala percakapan yang dibuang itu. Cara ini lebih memberi keasyikan dan keni'matan (dalam menghayati sebuah kisah).

Cukuplah sekadar ini sahaja kami membuat analisa seni terhadap kisah Yusuf dan mengemukakannya sebagai satu contoh metodologi Al-Qur'an atau cara Islam mengungkapkan satu cerita. Dalam analisa seni yang dikemukakan ini sudah cukup untuk

menunjukkan sejauh mana kemungkinan-kemungkinan yang di tujukan oleh metodologi Al-Qur'an ini untuk membimbing usaha-usaha manusia di bidang sastera Islam yang membolehkan mereka melakukan pengungkapan seni yang sempurna, realistik, benar sihat tanpa menggunakan ciri-ciri yang lucah atau tanpa memerlukan kepada membelakangi kemurnian dan kesucian yang layak dengan sebuah seni yang hendak dihidangkan kepada manusia.[2]

* * * * * *

Di sebalik kisah ini semuanya terdapat contoh pengajaran dan nilainya (yang tinggi) di bidang harakat Islamiyah dan saranan-saranannya yang sesuai dengan keperluan-keperluan harakat itu di setengah-setengah peringkat perkembangannya, juga sesuai dengan keperluan-keperluannya yang tetap yang tidak bergantung dengan mana-mana peringkat yang tertentu, di samping hakikat-hakikat agung yang dijelaskan di tengah-tengah penceritaan kisah ini dan di celah-celah penerangan seluruh surah ini terutama ulasan-ulasan dan kesimpulan-kesimpulan terakhir di dalam surah ini.

Dalam kata pendahuluan surah ini cukuplah sekadar ini kami mengemukakan pandangan-pandangan sekilas mengenai hal-hal berikut:

• (Pertama) di permulaan kata pendahuluan ini kami telah menyentuh tentang kesesuaian keseluruhan kisah Yusuf ini dengan zaman genting yang dilalui oleh harakat Islamiyah di Makkah ketika diturunkan surah ini dan dengan kesulitan yang dihadapi Rasulullah s.a.w. bersama-sama dengan segelintir kaum Mu'min. Ini disebabkan kerana kisah ini memuatkan ujian-ujian yang diterima oleh Nabi Yusuf yang mulia selaku saudara seperjuangan Nabi Muhammad s.a.w., juga memuatkan cerita beliau terusir dari negeri sendiri kemudian barulah mendapat kedudukan yang teguh.

Apa yang telah kami jelaskan sebelum ini menggambarkan sebahagian dari saranan-saranan kisah Yusuf yang sesuai dengan keperluan-keperluan harakat Islamiyah di zaman itu. Ia mendekatkan lagi pengertian "sifat dinamis" Al-Qur'an yang membekalkan da'wah, menggerakkan harakat dan membimbing kelompok Muslimin dengan bimbingan yang jelas dan tegas serta mempunyai matlamat dan jalan yang teratur.

• (Yang Kedua) begitu juga kami telah menyebut semasa membuat analisa kisah Yusuf ini gambaran (da'wah Islam) yang jelas, lengkap, halus dan mencakup segala sudut Islam sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Yusuf a.s., iaitu gambaran da'wah Islam yang wajar diteliti dengan penelitian yang mengambil waktu yang lama.

Gambaran itu dari awal lagi menjelaskan tentang kesatuan atau persamaan 'aqidah Islamiyah yang dibawa oleh seluruh para rasul, dan tentang kesempurnaan teras-teras pokok 'aqidah di dalam setiap kerasulan dan bagaimana ia ditegakkan di atas dasar tauhid yang sempurna terhadap Allah S.W.T., dasar Rububiyah Allah Yang Maha Esa bagi manusia dan dasar kepatuhan manusia kepada Allah Yang Maha Esa. Begitu juga 'aqidah yang sama itu mencakupi keimanan kepada alam Akhirat dengan gambaran yang amat jelas, dan penjelasan ini telah memotong jalan untuk menolak dakwaan-dakwaan ilmu kajian perbandingan agama yang mengatakan bahawa umat manusia tidak mengenal konsep tauhid dan konsep alam Akhirat melainkan dalam masa-masa kebelakangan yang amat baru ini sahaja, iaitu setelah mereka melalui 'aqidah berbilang tuhan atau 'aqidah dua tuhan dengan berbagai-bagai rupa bentuknya, dan setelah mereka melalui proses peningkatan dalam mengenal 'aqidah tauhid sebagaimana mereka melalui proses peningkatan yang sama di dalam pencapaian sains dan teknologi. Tujuan dakwaan-dakwaan ini ialah untuk membuat kesimpulan bahawa agama-agama itu adalah dari ciptaan manusia sama dengan perkembangan sains dan teknologi.

Gambaran itu juga menjelaskan tentang sifat agama tauhid yang dibawa oleh sekalian rasul. Ia bukannya tauhid Uluhiyah sahaja, tetapi juga tauhid Rububiyah. Ia juga menjelaskan bahawa kuasa memerintah dalam segala urusan manusia adalah milik Allah Yang Maha Esa sahaja. Penjelasan ini adalah terbit dari perintah Allah S.W.T. sendiri yang memerintah supaya manusia jangan menyembah selain Dia. Pengungkapan Al-Qur'an yang amat halus mengenai persoalan tauhid ini telah mengemukakan pengertian "ibadat" dengan pengertian yang halus, iaitu urusan pemerintahan atau al-Hukm ialah milik Allah, sedangkan keta'atan dan kepatuhan ialah tugas manusia. Inilah satu-satunya konsep "agama yang lurus". Oleh itu tiada kepatuhan kepada Allah jika kepatuhan manusia tidak diberikan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan jika kuasa pemerintahan itu tidak dii'tirafkan sebagai milik Allah Yang Maha Esa sahaja. Tiada ibadat kepada Allah jika manusia itu tunduk kepada peraturan yang lain dari peraturan Allah dalam mana-mana urusan hidupnya. Oleh itu tauhid Uluhiyah menghendaki adanya tauhid Rububiyah dan konsep tauhid Rububiyah itu hanya wujud apabila kuasa pemerintahan itu dianggap sebagai milik Allah atau ibadat itu dianggap sebagai hak Allah sahaja; keduanya mempunyai erti yang sama atau berkait rapat satu sama lain. Ibadat yang menentukan seseorang itu menjadi Muslim atau bukan Muslim ialah kepatuhan, keta'atan dan komitmen kepada hukum-hukum Allah Yang Maha Esa sahaja tidak kepada hukum yang lain dari-Nya.

Penjelasan Al-Qur'an dengan bentuknya yang tegas ini menamatkan segala pertelingkahan dalam

---

[2] *Untuk menambahkan kajian sila baca buku "* منهج الفنى الإسلامي *" oleh Muhammad Qutb.*

menentukan mana-mana manusia di setiap zaman dan tempat sama ada mereka orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam, sama ada mereka berada di dalam agama yang lurus atau tidak berada di dalam agama yang lurus. Perhitungan ini merupakan kehendak agama yang dapat diketahui secara pasti (tanpa memerlukan kajian), iaitu sesiapa yang patuh dan ta'at kepada yang lain dari Allah dan siapa yang menghakimkan mana-mana urusan kehidupannya kepada yang lain dari hukum Allah, maka dia bukanlah dari orang-orang Islam yang sebenar dan bukanlah berada dalam agama Islam yang sebenar, dan sesiapa yang mengifradkan Allah dengan kuasa Hakimiyah dan menolak kepatuhan kepada yang lain dari Allah, maka dia adalah dari golongan Muslimin yang sebenar dan dalam agama Islam yang sebenar. Selain dari itu adalah sikap berpura-pura belaka yang hanya dilakukan oleh orang-orang yang tewas menghadapi kenyataan yang berat di dalam mana-mana masyarakat atau abad. Agama Allah tetap jelas, dan nas ini sahaja sudah cukup untuk menjadikan keta'atan kepada hukum-hukum Allah merupakan kehendak agama Islam yang dapat diketahui secara pasti (tanpa memerlukan kajian). Sesiapa yang membantah hakikat ini bererti membantah agama ini.

- (Yang Ketiga) di antara saranan-saranan yang muncul dari celah-celah kisah Yusuf itu ialah gambaran keimanan yang bersih dan tulen serta sentiasa berhubung rapat dengan

Allah yang dapat dilihat dengan jelas pada hati dua hamba yang soleh dari para hamba Allah yang terpilih iaitu hati Ya'kub dan Yusuf.

Adapun Yusuf, kami telahpun menyebut sebelum ini bagaimana pendirian yang telah diambil beliau di akhir kisah ini iaitu pendirian yang bersih dari segala sesuatu dan menolak segala sesuatu, di mana seluruh tawajjuhnya ditumpukan kepada Allah dan di sana beliau memohon kepada Allah dengan perasaan rendah diri dan penuh khusyu':

رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِىِّۦ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian dari kuasa pemerintahan dan mengajarkanku sebahagian dari ta'bir mimpi. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi! Engkaulah Pelindungku di dunia dan di Akhirat, (wahai Tuhanku) wafatkanku sebagai seorang Muslim dan gabungkanku dengan para Solehin."(101)

Tetapi pendirian beliau yang akhir ini bukanlah merupakan segala sesuatu dalam segi ini, malah beliau tetap mengambil pendirian ini sepanjang perjalanan kisah ini. Beliau sentiasa berhubung rapat dengan Allah dan merasa Allah S.W.T. hampir dengannya dan sentiasa memperkenankan permohonannya.

Ketika beliau berada dalam babak digoda oleh tipu daya nafsu berahi (perempuan al-'Aziz) beliau berkata:

قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ رَبِّىٓ أَحْسَنَ مَثْوَاىَ ۖ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Aku berlindung kepada Allah. Sesungguhnya Dia adalah Tuhanku yang telah memberi tempat kediaman yang baik kepadaku. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan beruntung."(23)

. Di tempat yang lain pula ketika beliau bimbangkan kelemahan dirinya dan keinginan nafsunya dia berdo'a:

قَالَ رَبِّ ٱلسِّجْنُ أَحَبُّ إِلَىَّ مِمَّا يَدْعُونَنِىٓ إِلَيْهِ ۖ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّى كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٣٣﴾

"Berkatalah Yusuf: Wahai Tuhanku! Penjara itu lebih dicintaiku dari apa yang mereka pinta aku melakukannya, dan jika Engkau tidak menghindarkan tipu daya mereka dariku nescaya aku akan terpesona kepada mereka dan tentulah aku termasuk dalam golongan orang-orang yang bodoh."(33)

Ketika beliau memperkenalkan dirinya kepada saudara-saudaranya beliau menyebut limpah kurnia Allah kepadanya dan mensyukuri ni'mat-Nya:

قَالُوٓا۟ أَءِنَّكَ لَأَنتَ يُوسُفُ ۖ قَالَ أَنَا۠ يُوسُفُ وَهَٰذَآ أَخِى ۖ قَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّهُۥ مَن يَتَّقِ وَيَصْبِرْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٩٠﴾

"Mereka bertanya: Apakah engkau sebenarnya Yusuf? Jawab Yusuf Akulah Yusuf dan ini adikku. Allah telah melimpahkan kurnia-Nya ke atas kami. Sesungguhnya barang siapa yang bertaqwa dan bersabar, maka sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan balasan pahala orang-orang yang berbuat baik."(90)

Semuanya itu merupakan pendirian-pendirian yang mengandungi saranan yang mempunyai kesan yang menjangkau keperluan harakat Islamiyah di Makkah di samping keperluan harakat Islamiyah di setiap zaman.

Di dalam hati Ya'kub pula, lahir hakikat Tuhannya yang gemilang, mendalam, halus dan mesra dalam setiap keadaan dan suasana. Apabila kesusahan menekan semakin hebat, maka hakikat itu semakin bertambah jernih di dalam hatinya mengikut sejauh mana hakikat itu mendalam dan menonjol.

Dari sejak awal lagi apabila Yusuf menceritakan mimpi kepadanya beliau sentiasa mengingati Allah dan mensyukuri ni'mat-Nya:

وَكَذَٰلِكَ يَجْتَبِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ وَيُتِمُّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكَ وَعَلَىٰٓ ءَالِ يَعْقُوبَ كَمَآ أَتَمَّهَا عَلَىٰٓ أَبَوَيْكَ مِن قَبْلُ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

"Dan demikianlah Tuhanmu memilihmu dan mengajarmu sebahagian dari ta'bir mimpi dan menyempurnakan pengurniaan ni'mat-Nya kepadamu dan kepada keluarga Ya'kub sebagaimana Dia telah menyempurnakannya sebelum ini kepada datuk nenekmu Ibrahim dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(6)

Ketika menghadapi kejutan pertama dari kemalangan yang menimpa Yusuf, beliau bertawajjuh kepada Allah memohon pertolongan-Nya.

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا ۖ فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۖ وَٱللَّهُ ٱلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"Lalu (Ya'kub) berkata: Bahkah kamu sebenarnya telah digoda oleh nafsu kamu supaya melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan) bersabar dengan sebaik-baiknya, dan Allah jua yang dipohonkan pertolongan tentang perkara yang diceritakan kamu itu."(18)

Ketika menghadapi perasaan kasih sayang keibubapaannya yang menaruh bimbang terhadap pemergian anak-anaknya, beliau berpesan kepada mereka supaya mereka jangan masuk ke kota negeri Mesir dari satu pintu sahaja, bahkan hendaklah mereka memasukinya dari beberapa pintu yang berlainan, namun begitu beliau tidak lupa bahawa perancangan ini tidak sekali-kali dapat menolak sesuatu dari kehendak perancangan Allah terhadap mereka, kerana keputusan yang lulus dan berkuat kuasa ialah keputusan Allah Yang Maha Esa sahaja. Perancangan beliau itu tidak lebih dari kehendak keinginan hati sahaja yang tidak dapat mengatasi tadbir dan taqdir Allah:

وَقَالَ يَٰبَنِىَّ لَا تَدْخُلُوا۟ مِنۢ بَابٍ وَٰحِدٍ وَٱدْخُلُوا۟ مِنْ أَبْوَٰبٍ مُّتَفَرِّقَةٍ ۖ وَمَآ أُغْنِى عَنكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَعَلَيْهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٦٧﴾

"Dan Ya'kub berkata: Wahai anak-anakku! Janganlah kamu semua masuk (kota Mesir) dari satu pintu sahaja, tetapi masuklah melalui pintu-pintu yang berlain-lainan, tetapi aku tidak dapat menyelamatkan kamu dari (kehendak) Allah sedikit pun, kerana kuasa penentuan hukum itu hanya milik Allah sahaja. Kepada Allah aku berserah dan kepada Allah hendaklah mereka yang bertawakkal itu berserah."(67)

Ketika menghadapi kejutan yang kedua dalam usianya yang sangat tua, lemah dan dukacita, hati beliau tidak pernah diresapi putus asa dari rahmat Allah walau sedetik pun:

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا ۖ فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۖ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَأْتِيَنِى بِهِمْ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨٣﴾

"Jawab Ya'kub: Bahkan kamu telah dihasut nafsu kamu untuk melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan sabar) dengan kesabaran yang sebaik-baiknya. Semoga Allah membawa semua mereka kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(83)

Kemudian keserlahan hakikat Uluhiyah di dalam hati Ya'kub telah meningkat ke tahap yang amat gemilang dan jernih ketika beliau dikecam oleh anak-anaknya kerana bersedih terhadap Yusuf dan menangis hingga putih matanya kerana hiba dan dukacita, beliau telah menjawab kecaman mereka dengan mengatakan bahawa di dalam hatinya beliau mengetahui hakikat Allah yang tidak diketahui mereka dan beliau mengetahui urusan Allah yang tidak diketahui mereka. Oleh sebab itulah beliau sentiasa bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa, merayu, memohon, dan mengharapkan limpah rahmat dari-Nya:

وَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰٓأَسَفَىٰ عَلَىٰ يُوسُفَ وَٱبْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ ٱلْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ ﴿٨٤﴾ قَالُوا۟ تَٱللَّهِ تَفْتَؤُا۟ تَذْكُرُ يُوسُفَ حَتَّىٰ تَكُونَ حَرَضًا أَوْ تَكُونَ مِنَ ٱلْهَٰلِكِينَ ﴿٨٥﴾ قَالَ إِنَّمَآ أَشْكُوا۟ بَثِّى وَحُزْنِىٓ إِلَى ٱللَّهِ وَأَعْلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٦﴾ يَٰبَنِىَّ ٱذْهَبُوا۟ فَتَحَسَّسُوا۟ مِن يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَا۟يْـَٔسُوا۟ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ لَا يَا۟يْـَٔسُ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٧﴾

"Dan (Ya'kub) berpaling dari mereka seraya berkata: Alangkah dukanya hatiku terhadap Yusuf! Dan kedua matanya menjadi putih kerana dukacita, dan dia amat tabah memendamkan duka nestapa(84). Ujar mereka: Demi Allah, bapa masih terus terkenangkan Yusuf sehingga bapa akan mengidap penyakit atau termasuk dalam golongan orang-

orang yang binasa(85). Jawab Ya'kub: Sesungguhnya kepada Allah sahaja aku mengadukan kesusahan dan kedukacitaanku dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu(86). Wahai anak-anakku! Pergilah kamu mencari berita Yusuf dan adiknya dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya tiada yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan golongan orang-orang yang kafir."(87)

Beliau mengingatkan mereka dengan ilmu pengetahuannya yang ada di dalam hatinya mengenai urusan Allah dan hakikatnya ketika mereka membantah perkataan beliau yang mengatakan bahawa beliau tercium bau Yusuf, sedangkan apa yang dikatakannya itu telah pun dibenarkan Allah:

وَلَمَّا فَصَلَتِ ٱلْعِيرُ قَالَ أَبُوهُمْ إِنِّى لَأَجِدُ رِيحَ يُوسُفَ ۖ لَوْلَآ أَن تُفَنِّدُونِ ﴿٩٤﴾ قَالُوا۟ تَٱللَّهِ إِنَّكَ لَفِى ضَلَٰلِكَ ٱلْقَدِيمِ ﴿٩٥﴾ فَلَمَّآ أَن جَآءَ ٱلْبَشِيرُ أَلْقَىٰهُ عَلَىٰ وَجْهِهِۦ فَٱرْتَدَّ بَصِيرًا ۖ قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

"Dan apabila kafilah itu bertolak, berkatalah bapa mereka: Sesungguhnya aku mencium bau Yusuf, jika kamu tidak menuduhku nyanyuk(94). Jawab mereka: Demi Allah, sesungguhnya bapa masih dalam kekeliruan yang lama(95). Dan apabila pembawa berita gembira itu tiba dia pun meletakkan baju Yusuf di atas wajah Ya'kub lalu dia pun terus dapat melihat kembali. Ujar Ya'kub: Bukankah aku telah katakan bahawa aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu?"(96)

Itulah gambaran keserlahan hakikat Uluhiyah yang gemilang di dalam hati seorang hamba dari hamba-hamba pilihan Allah. Gambaran ini membawa inspirasi yang sesuai kepada zaman kesusahan yang dihayati oleh kelompok Muslimin di Makkah di samping membawa satu inspirasi abadi mengenai hakikat keimanan yang agung kepada setiap hati yang berjuang di bidang da'wah dan harakat Islamiyah di sepanjang zaman.

* * * * * *

Pada akhirnya kita menemui berbagai-bagai ulasan dan kesimpulan selepas pembentangan kisah yang panjang ini hingga ke akhir surah.

• Kata kesimpulan yang pertama secara langsung membidas kaum Quraisy yang mendustakan wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dengan penjelasan yang diambil dari kisah ini, di mana peristiwa-peristiwanya tidak pernah disaksi oleh Rasulullah s.a.w.:

ذَٰلِكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ ۖ وَمَا كُنتَ لَدَيْهِمْ إِذْ أَجْمَعُوٓا۟ أَمْرَهُمْ وَهُمْ يَمْكُرُونَ ﴿١٠٢﴾

"Itulah di antara berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu, sedangkan engkau tidak pernah ada bersama mereka (saudara-saudara Yusuf) ketika mereka membuat keputusan bersebulat suara (terhadap Yusuf) dan ketika mereka merancangkan rencana jahat mereka."(102)

Kata kesimpulan ini berhubung rapat dengan tujuan yang sama yang dijelaskan kisah ini:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ ٱلْقَصَصِ بِمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ وَإِن كُنتَ مِن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٣﴾

"Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) seindah-indah kisah dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu dan sesungguhnya engkau sebelum ini adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui."(3)

Kata kesimpulan dan Muqaddimah surah yang seperti ini membentuk satu penerangan yang menarik di antara berbagai-bagai penerangan yang menarik di dalam surah ini untuk menjelaskan hakikat yang dibicarakannya dan untuk memantapkannya dalam menghadapi penentangan dan pendustaan (kaum Musyrikin).

• Oleh sebab itu kesimpulan-kesimpulan itu diiringi pula dengan ayat-ayat yang menghiburkan hati Rasulullah s.a.w. dan memperkecilkan para pendusta-pendusta itu di mata beliau, juga diiringi dengan ayat-ayat yang menerangkan kedegilan dan kebutaan hati nurani mereka dari memperhatikan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terbentang di dalam kitab alam buana, iaitu bukti-bukti yang cukup bagi fitrah yang sihat untuk mendapatkan dalil-dalil iman dan menerima da'wah dan dalil-dalilnya. Kemudian diiringi pula dengan penerangan yang mengancam mereka dengan 'azab Allah yang mungkin menimpa mereka secara mendadak semasa mereka di dalam kelalaian:

وَمَآ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ وَلَوْ حَرَصْتَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾ وَمَا تَسْـَٔلُهُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٤﴾ وَكَأَيِّن مِّنْ ءَايَةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ يَمُرُّونَ عَلَيْهَا وَهُمْ عَنْهَا مُعْرِضُونَ ﴿١٠٥﴾ وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُم بِٱللَّهِ إِلَّا وَهُم مُّشْرِكُونَ ﴿١٠٦﴾ أَفَأَمِنُوٓا۟ أَن تَأْتِيَهُمْ غَٰشِيَةٌ مِّنْ عَذَابِ ٱللَّهِ أَوْ تَأْتِيَهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٠٧﴾

"Dan kebanyakan manusia tidak akan beriman walaupun engkau sangat mengingininya(103). Dan engkau tidak pernah meminta upah dari mereka (sebagai bayaran da'wah), kerana ia tidak melainkan hanya peringatan kepada seluruh manusia(104). Dan berapa banyak bukti-bukti (Uluhiyah Allah) di langit dan di bumi yang dilalui mereka, sedangkan mereka berpaling darinya(105). Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya (106). Apakah mereka merasa aman dari ditimpa 'azab Allah yang menyelubungi mereka atau dari didatangi Qiamat secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar."(107)

• Kata-kata kesimpulan itu merupakan nada-nada yang amat berkesan di samping mengandungi hakikat-hakikat yang mendalam mengenai tabi'at manusia apabila mereka tidak beriman dengan agama Allah yang benar terutama pernyataan yang terkandung dalam firman-Nya yang berbunyi:

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُم بِاللَّهِ إِلَّا وَهُم مُّشْرِكُونَ ١٠٦

"Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya."(106)

Inilah gambaran yang mendalam mengenai kebanyakan jiwa manusia yang bercampuraduk di antara iman dan syirik kerana mereka tidak membuat penentuan yang tegas dalam persoalan tauhid.

Di sini dikemukakan satu nada pernyataan yang penting, mendalam berkesan dan banyak memberi inspirasi, iaitu pernyataan yang mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menentukan jalan perjuangannya yang tersendiri dan membezakannya dari segala jalan perjuangan yang lain dengan asas perjuangannya yang terang dan unik:

قُلْ هَٰذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ ۚ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ١٠٨

"Katakanlah: Inilah jalan perjuanganku, di mana aku dan orang-orang yang mengikutku mengajak kamu kepada agama Allah dengan bukti yang jelas. Maha Suci Allah dan aku bukannya dari golongan Musyrikin."(108).

• Kemudian surah ini ditamatkan dengan satu nada pernyataan yang lain yang membawa pengajaran semua kisah-kisah Al-Qur'an sama ada di dalam surah ini atau di dalam surah-surah yang lain. Ia membawa pengajaran-pengajaran itu kepada Nabi s.a.w. dan kepada segelintir kumpulan Mu'minin yang bersama beliau di samping penerangan-penerangan yang memberi keyakinan, hiburan dan berita gembira kepada mereka. Ia membawa pengajaran-pengajaran itu kepada para Musyrikin yang keras kepala, di samping penerangan-penerangan yang memberi peringatan, pelajaran dan amaran kepada mereka. Begitu juga ia memberi pengajaran kepada semua manusia, iaitu pengajaran yang menjelaskan kebenaran wahyu dan kebenaran rasul, menjelaskan hakikat wahyu dan hakikat kerasulan di samping membersihkan hakikat ini dari segala kepercayaan yang karut dan dongeng-dongeng:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِي إِلَيْهِم مِّنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ ۗ أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۗ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ اتَّقَوْا ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ١٠٩ حَتَّىٰ إِذَا اسْتَيْأَسَ الرُّسُلُ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ قَدْ كُذِبُوا جَاءَهُمْ نَصْرُنَا فَنُجِّيَ مَن نَّشَاءُ ۖ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُنَا عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ ١١٠ لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ١١١

"Dan Kami tidak utuskan sebelummu melainkan lelaki-lelaki dari penduduk kota yang Kami wahyukan kepada mereka. Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka dan sesungguhnya negeri Akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa, tidakkah kamu berfikir?(109). Sehingga apabila para rasul tidak mempunyai harapan dan yakin bahawa mereka terus didustakan, maka datanglah pertolongan Kami kepada mereka, lalu diselamatkan mereka yang Kami kehendaki, dan 'azab Kami tidak sekali-kali dapat ditolakkan dari orang-orang yang berdosa(110). Sesungguhnya di dalam kisah-kisah mereka terdapat pengajaran kepada orang-orang yang berakal. Al-Qur'an itu bukanlah cerita yang diada-adakan, tetapi ia membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya dan ia merupakan penjelasan terhadap segala sesuatu, juga sebagai hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(111)

Itulah nada pernyataan yang terakhir dan amat penting.

Mungkin sesuai dalam kata pendahuluan surah yang mengandungi kisah Yusuf mengemukakan satu contoh yang sempurna pengungkapan seni yang tulen dan indah ini, kita mengetahui sedikit sebanyak ciri-ciri kehalusan keseimbangan dalam pengungkapan Al-Qur'an dalam seluruh surah ini dan memperhatikan contoh-contoh kehalusan yang mencerminkan seluruh surah ini:

• Di dalam surah ini - sama dengan surah-surah Al-Qur'an yang lain - terdapat ungkapan-ungkapan

tertentu yang diulang-ulangkan. Ia merupakan sebahagian dari suasana surah dan syakhsiyahnya yang tersendiri. Di dalam surah ini kerap kali disebut kata-kata yang membicarakan tentang ilmu dan lawannya iaitu jahil dan kurang ilmu pengetahuan di berbagai-bagai tempat:

وَكَذَٰلِكَ يَجْتَبِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ وَيُتِمُّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكَ وَعَلَىٰٓ ءَالِ يَعْقُوبَ كَمَآ أَتَمَّهَا عَلَىٰٓ أَبَوَيْكَ مِن قَبْلُ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦

"Dan demikianlah Tuhanmu memilihmu dan mengajarmu sebahagian dari ta'bir mimpi dan akan menyempurnakan pengurniaan ni'mat-Nya kepadamu dan kepada keluarga Ya'kub sebagaimana Dia telah menyempurnakannya sebelum ini kepada datuk nenekmu Ibrahim dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(6)

وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلِنُعَلِّمَهُۥ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمْرِهِۦ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٢١

"Dan demikianlah Kami memberi kedudukan yang baik kepada Yusuf di negeri itu supaya dapat Kami mengajarnya sebahagian dari ta'bir mimpi. Dan Allah amat berkuasa dalam segala urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(21)

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُۥٓ ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ٢٢

"Dan apabila dia sampai umur dewasanya Kami kurniakan kepadanya hikmat dan ilmu pengetahuan. Demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin."(22)

فَٱسْتَجَابَ لَهُۥ رَبُّهُۥ فَصَرَفَ عَنْهُ كَيْدَهُنَّ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ٣٤

"Lalu Allah memperkenankan do'anya dan menghindarkan tipu daya mereka darinya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(34)

قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِهِۦٓ إِلَّا نَبَّأْتُكُمَا بِتَأْوِيلِهِۦ قَبْلَ أَن يَأْتِيَكُمَا ۚ ذَٰلِكُمَا مِمَّا عَلَّمَنِى رَبِّىٓ ۚ

"Jawab Yusuf. Tiada sebarang makanan yang diberi dan disampaikan kepada kamu melainkan aku dapat menceritakan kepada kamu tentang jenisnya sebelum ia sampai kepada kamu. Itulah sebahagian dari ilmu yang telah diajar Tuhanku kepadaku."(37)

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٤٠

"Sesungguhnya kuasa penentuan hukum itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(40)

قَالُوٓا۟ أَضْغَٰثُ أَحْلَٰمٍ ۖ وَمَا نَحْنُ بِتَأْوِيلِ ٱلْأَحْلَٰمِ بِعَٰلِمِينَ ٤٤

"Jawab mereka: Itu adalah mimpi-mimpi yang celaru sahaja dan kami sekalian tidak mengetahui mentakbirkan mimpi-mimpi itu."(44)

يُوسُفُ أَيُّهَا ٱلصِّدِّيقُ أَفْتِنَا فِى سَبْعِ بَقَرَٰتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعِ سُنۢبُلَٰتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٍ لَّعَلِّىٓ أَرْجِعُ إِلَى ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ ٤٦

"Wahai Yusuf orang yang amat benar! Terangkanlah kepada kami tentang (ta'bir mimpi) tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan tujuh ekor lembu betina yang kurus dan tujuh tangkai bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi kering agar aku dapat kembali kepada para pembesar itu supaya mereka mengetahuinya."(46)

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ ٱئْتُونِى بِهِۦ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُ ٱلرَّسُولُ قَالَ ٱرْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ فَسْـَٔلْهُ مَا بَالُ ٱلنِّسْوَةِ ٱلَّٰتِى قَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ ۚ إِنَّ رَبِّى بِكَيْدِهِنَّ عَلِيمٌ ٥٠

"Lalu berkatalah Raja (Mesir): Bawalah Yusuf kepadaku! Dan apabila utusan itu datang menemuinya, dia pun berkata: Kembalilah kepada tuanmu dan tanyakanlah dia apakah sebenarnya cerita wanita-wanita yang telah menghiriskan tangan mereka sendiri? Sesungguhnya Tuhanku amat mengetahui tipu daya mereka."(50)

ذَٰلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّى لَمْ أَخُنْهُ بِٱلْغَيْبِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى كَيْدَ ٱلْخَآئِنِينَ ٥٢

"(Pengakuanku) itu ialah supaya dia (Yusuf) mengetahui bahawa saya tidak mengkhianatinya walaupun dia tidak ada di sini dan sesungguhnya Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang yang khianat."(52)

قَالَ ٱجْعَلْنِى عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلْأَرْضِ ۖ إِنِّى حَفِيظٌ عَلِيمٌ ٥٥

"Yusuf berkata: Lantikkan saya sebagai pengarah perbendaharaan hasil bumi (Mesir). Sesungguhnya saya seorang penjaga yang berpengetahuan."(55)

وَإِنَّهُۥ لَذُو عِلْمٍ لِّمَا عَلَّمْنَٰهُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٦٨

"Dan sesungguhnya dia adalah seorang yang berilmu kerana Kami telah mengajar ilmu itu kepadanya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(68)

قَالُوا تَاللَّهِ لَقَدْ عَلِمْتُم مَّا جِئْنَا لِنُفْسِدَ فِي الْأَرْضِ وَمَا كُنَّا سَارِقِينَ ﴿٧٣﴾

"Mereka menjawab: Demi Allah, kamu sekalian tentulah mengetahui bahawa kedatangan kami bukannya bertujuan melakukan perbuatan yang merosakkan di negeri ini dan kami tidak pernah menjadi pencuri-pencuri."(73)

قَالَ أَنتُمْ شَرٌّ مَّكَانًا ۖ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَصِفُونَ ﴿٧٧﴾

"Kemudian dia berkata (di dalam hatinya): Kamulah yang lebih buruk kedudukannya dan Allah lebih mengetahui tentang apa yang diceritakan kamu itu."(77)

فَلَمَّا اسْتَيْأَسُوا مِنْهُ خَلَصُوا نَجِيًّا ۖ قَالَ كَبِيرُهُمْ أَلَمْ تَعْلَمُوا أَنَّ أَبَاكُمْ قَدْ أَخَذَ عَلَيْكُم مَّوْثِقًا مِّنَ اللَّهِ

"Apabila mereka berputus asa dari keputusannya (Yusuf), mereka pun mengasingkan diri berbisik-bisik sesama mereka. Ujar saudara tertua mereka: Tidakkah kamu tahu bahawa bapa kamu telah mengikat janji dengan kamu atas nama Allah."(80)

وَمَا شَهِدْنَا إِلَّا بِمَا عَلِمْنَا وَمَا كُنَّا لِلْغَيْبِ حَافِظِينَ ﴿٨١﴾

"Dan kami hanya menyaksikan apa yang kami ketahui dan sesungguhnya kami tidak dapat menjaga perkara yang ghaib."(81)

عَسَى اللَّهُ أَن يَأْتِيَنِي بِهِمْ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٨٣﴾

"Semoga Allah membawa mereka semua kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(83)

قَالَ إِنَّمَا أَشْكُو بَثِّي وَحُزْنِي إِلَى اللَّهِ وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٦﴾

"Jawab Ya'kub: Sesungguhnya kepada Allah sahaja aku mengadukan kesusahan dan kedukacitaanku dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu."(86)

قَالَ هَلْ عَلِمْتُم مَّا فَعَلْتُم بِيُوسُفَ وَأَخِيهِ إِذْ أَنتُمْ جَاهِلُونَ ﴿٨٩﴾

"Ujar Yusuf: Adakah kamu mengetahui perbuatan yang telah kamu lakukan terhadap Yusuf dan adiknya ketika kamu masih jahil?"(89)

قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

"Bukankah aku telah katakan bahawa aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu?"(96)

رَبِّ قَدْ آتَيْتَنِي مِنَ الْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِي مِن تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian dari kuasa pemerintahan dan Engkau telah mengajarkanku sebahagian dari ta'bir mimpi."(101)

Ini adalah satu gejala yang amat jelas yang menarik perhatian kita untuk memahami setengah-setengah rahsia keseimbangan dan kehalusan di dalam kitab suci Al-Qur'an ini.

- Surah ini memperkenalkan ciri-ciri Uluhiyah terutama ciri memegang teraju pemerintahan. Ciri ini sekali disebut di atas lidah Yusuf a.s. dengan erti hanya Allah sahaja yang memegang kuasa Hakimiyah ke atas para hamba-Nya yang pasti dipatuhi mereka secara sukarela, dan sekali pula di sebut di atas lidah Ya'kub a.s. dengan erti hanya Allah sahaja yang memegang kuasa Hakimiyah ke atas para hamba-Nya yang dipatuhi mereka dengan kepatuhan Qadariyah atau kepatuhan secara terpaksa. Kedua-duanya membawa pengertian yang sepadu untuk menjelaskan konsep kuasa Hakimiyah dan hakikat Uluhiyahnya dengan penjelasan sedemikian rupa (dalam ayat berikut) yang bukan sekali-kali dibuat secara serampangan dan kebetulan; Hakikat Uluhiyah dengan pengertian ini iaitu pengertian yang tidak sekali-kali di buat secara serampangan dan kebetulan.

Ujar Yusuf ketika menolak Rububiyah pemerintah-pemerintah Mesir yang bertentangan dengan konsep ke atas Allah:

يَا صَاحِبَيِ السِّجْنِ أَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾ مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءً سَمَّيْتُمُوهَا أَنتُمْ وَآبَاؤُكُم مَّا أَنزَلَ اللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَانٍ ۚ إِنِ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ۚ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

"Wahai dua sahabat sepenjaraku! Adakah menyembah tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu lebih baik atau menyembah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa?(39). Kamu tidak menyembah selain dari Allah melainkan hanya nama-nama tuhan yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu. Allah tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Sesungguhnya kuasa penentuan hukum itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya

kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(40)

Ujar Ya'kub pula ketika menjelaskan bahawa, perencanaan Allah itu tetap lulus dan keputusan-Nya tetap berkuatkuasa.

وَقَالَ يَٰبَنِيَّ لَا تَدۡخُلُواْ مِنۢ بَابٖ وَٰحِدٖ وَٱدۡخُلُواْ مِنۡ أَبۡوَٰبٖ مُّتَفَرِّقَةٖۖ وَمَآ أُغۡنِي عَنكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن شَيۡءٍۖ إِنِ ٱلۡحُكۡمُ إِلَّا لِلَّهِۖ عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُۖ وَعَلَيۡهِ فَلۡيَتَوَكَّلِ ٱلۡمُتَوَكِّلُونَ ﴿٦٧﴾

"Dan Ya'kub berkata: Wahai anak-anakku! Janganlah kamu semua masuk (Kota Mesir) dari satu pintu sahaja, tetapi masuklah melalui pintu-pintu yang berlain-lainan, tetapi aku tidak dapat menyelamatkan kamu dari (kehendak) Allah sedikit pun, kerana segala penentuan keputusan itu hanya milik Allah sahaja. Kepada Allah aku berserah dan kepada Allah juga hendaklah mereka yang bertawakkal itu berserah."(67)

Kesepaduan pengertian kuasa Hakimiyah Allah itu menunjukkan bahawa agama itu tidak boleh menjadi betul kecuali ditegakkan keta'atan secara sukarela kepada hukum-hukum Allah sebagaimana ditegaknya keta'atan secara terpaksa kepada qadha' dan qadar-Nya. Kedua-dua bentuk keta'atan ini adalah termasuk dalam 'aqidah, yakni bukannya keta'atan secara terpaksa kepada keputusan qadha' dan qadar Allah sahaja yang termasuk dalam 'aqidah, malah keta'atan secara sukarela menjunjung syari'at Allah juga termasuk dalam 'aqidah.

- Di antara ciri-ciri keseimbangan yang halus lagi ialah Yusuf a.s. yang bijak dan lemah-lembut itu menyebut sifat Allah "**اللطيف**" (Yang Maha Halus dan lemah-lembut) pada tempatnya yang sesuai, iaitu di tempat-tempat di mana lahirnya sifat Allah yang halus dan lemah-lembut dalam pentadbiran dan pengurusan-Nya:

وَرَفَعَ أَبَوَيۡهِ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ وَخَرُّواْ لَهُۥ سُجَّدٗاۖ وَقَالَ يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأۡوِيلُ رُءۡيَٰيَ مِن قَبۡلُ قَدۡ جَعَلَهَا رَبِّي حَقّٗاۖ وَقَدۡ أَحۡسَنَ بِيٓ إِذۡ أَخۡرَجَنِي مِنَ ٱلسِّجۡنِ وَجَآءَ بِكُم مِّنَ ٱلۡبَدۡوِ مِنۢ بَعۡدِ أَن نَّزَغَ ٱلشَّيۡطَٰنُ بَيۡنِي وَبَيۡنَ إِخۡوَتِيٓۚ إِنَّ رَبِّي لَطِيفٞ لِّمَا يَشَآءُۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡعَلِيمُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿١٠٠﴾

"Dan dia mengangkatkan kedua ibubapanya ke atas singgahsana dan sekalian mereka pun merebahkan diri sujud kepada Yusuf, lalu ia berkata: Wahai bapaku! Inilah ta'bir mimpiku sebelum ini dan sesungguhnya Tuhanku telah menjadikan mimpi itu suatu kenyataan. Dan sesungguhnya Tuhanku telah mengurniakan layanan yang sebaik-baiknya kepadaku apabila Dia mengeluarkanku dari penjara dan membawa kamu ke mari dari desa Sahara, setelah syaitan merosakkan hubungan di antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Halus terhadap sesuatu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(100)

- Di antara ciri-ciri keseimbangan yang halus lagi ialah keseimbangan yang telah kami sebutkan tadi iaitu keseimbangan di antara kata pendahuluan kisah-kisah tersebut dengan kata-kata kesimpulannya secara langsung dan dengan kata-kata kesimpulan penamat kisah yang panjang. Semua kata-kata kesimpulan ini bertujuan untuk menjelaskan persoalan-persoalan yang sama dan kedua-duanya mempunyai titik pertemuan di antara awal dengan akhir.

Cukuplah sekadar ini kami kemukakan sentuhan-sentuhan sepintas lalu dalam kata pengenalan surah sehingga kita bersua sekali lagi dalam huraian ayat-ayatnya:

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 20)

الٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡمُبِينِ ﴿١﴾ إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ قُرۡءَٰنًا عَرَبِيّٗا لَّعَلَّكُمۡ تَعۡقِلُونَ ﴿٢﴾ نَحۡنُ نَقُصُّ عَلَيۡكَ أَحۡسَنَ ٱلۡقَصَصِ بِمَآ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ وَإِن كُنتَ مِن قَبۡلِهِۦ لَمِنَ ٱلۡغَٰفِلِينَ ﴿٣﴾

إِذۡ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ إِنِّي رَأَيۡتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوۡكَبٗا وَٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَ رَأَيۡتُهُمۡ لِي سَٰجِدِينَ ﴿٤﴾ قَالَ يَٰبُنَيَّ لَا تَقۡصُصۡ رُءۡيَاكَ عَلَىٰٓ إِخۡوَتِكَ فَيَكِيدُواْ لَكَ كَيۡدًاۖ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ لِلۡإِنسَٰنِ عَدُوّٞ مُّبِينٞ ﴿٥﴾ وَكَذَٰلِكَ يَجۡتَبِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِن تَأۡوِيلِ ٱلۡأَحَادِيثِ وَيُتِمُّ نِعۡمَتَهُۥ عَلَيۡكَ وَعَلَىٰٓ ءَالِ يَعۡقُوبَ كَمَآ أَتَمَّهَا عَلَىٰٓ أَبَوَيۡكَ مِن قَبۡلُ إِبۡرَٰهِيمَ وَإِسۡحَٰقَۚ إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ﴿٦﴾

لَّقَدْ كَانَ فِي يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِۦٓ ءَايَٰتٌ لِّلسَّآئِلِينَ ٧

إِذْ قَالُواْ لَيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَىٰٓ أَبِينَا مِنَّا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ٨

ٱقْتُلُواْ يُوسُفَ أَوِ ٱطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهُ أَبِيكُمْ وَتَكُونُواْ مِنۢ بَعْدِهِۦ قَوْمًا صَٰلِحِينَ ٩

قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ لَا تَقْتُلُواْ يُوسُفَ وَأَلْقُوهُ فِي غَيَٰبَتِ ٱلْجُبِّ يَلْتَقِطْهُ بَعْضُ ٱلسَّيَّارَةِ إِن كُنتُمْ فَٰعِلِينَ ١٠

"Alif. Laam. Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat jelas(1). Sesungguhnya Kami telah menurunkannya dengan bahasa Arab supaya kamu mengerti(2). Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) seindah-indah kisah dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu dan sesungguhnya engkau sebelum ini adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui(3). (Kenangilah) ketika Yusuf berkata kepada bapanya: Wahai bapaku! Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan. Aku melihat semuanya sujud kepadaku(4). Lalu berkatalah (bapanya): Wahai anakku! Janganlah engkau ceritakan mimpimu ini kepada saudara-saudaramu nanti mereka merancangkan tipu daya yang tidak baik terhadapmu. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang amat nyata kepada manusia(5). Dan demikianlah Tuhanmu memilihmu dan akan mengajarmu sebahagian dari ta'bir mimpi dan akan menyempurnakan pengurniaan ni'mat-Nya kepadamu dan kepada keluarga Ya'kub sebagaimana Dia telah menyempurnakannya sebelum ini kepada datuk nenekmu Ibrahim dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(6). Sesungguhnya di dalam kisah Yusuf dan para saudaranya itu terdapat bukti-bukti (Uluhiyah) Allah kepada orang-orang yang bertanya(7). Ketika mereka (saudara-saudara Yusuf) berkata: Sesungguhnya Yusuf dan adiknya itu lebih disayangi bapa kita dari kita semua, sedangkan kita ramai. Sesungguhnya bapa kita dalam kekeliruan yang amat nyata(8). (Kata setengah mereka): Hendaklah kamu bunuhkan Yusuf atau buangkan dia di suatu tempat (yang jauh) supaya kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu sahaja dan selepas itu kamu boleh kembali menjadi orang-orang yang baik(9). Salah seorang dari mereka berkata: Janganlah kamu membunuh Yusuf, tetapi buangkan dia ke dasar perigi sahaja supaya dia dapat dipungut oleh setengah-setengah kafilah jika kamu berazam melakukannya."(10)

قَالُواْ يَٰٓأَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَ۬نَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُۥ لَنَٰصِحُونَ ١١

أَرْسِلْهُ مَعَنَا غَدًا يَرْتَعْ وَيَلْعَبْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ١٢

قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِيٓ أَن تَذْهَبُواْ بِهِۦ وَأَخَافُ أَن يَأْكُلَهُ ٱلذِّئْبُ وَأَنتُمْ عَنْهُ غَٰفِلُونَ ١٣

قَالُواْ لَئِنْ أَكَلَهُ ٱلذِّئْبُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّآ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ١٤

فَلَمَّا ذَهَبُواْ بِهِۦ وَأَجْمَعُوٓاْ أَن يَجْعَلُوهُ فِي غَيَٰبَتِ ٱلْجُبِّ وَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُم بِأَمْرِهِمْ هَٰذَا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ١٥

وَجَآءُوٓ أَبَاهُمْ عِشَآءً يَبْكُونَ ١٦

قَالُواْ يَٰٓأَبَانَآ إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِندَ مَتَٰعِنَا فَأَكَلَهُ ٱلذِّئْبُ وَمَآ أَنتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَٰدِقِينَ ١٧

وَجَآءُو عَلَىٰ قَمِيصِهِۦ بِدَمٍ كَذِبٍ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ وَٱللَّهُ ٱلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ١٨

وَجَآءَتْ سَيَّارَةٌ فَأَرْسَلُواْ وَارِدَهُمْ فَأَدْلَىٰ دَلْوَهُۥ قَالَ يَٰبُشْرَىٰ هَٰذَا غُلَٰمٌ وَأَسَرُّوهُ بِضَٰعَةً وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ١٩

وَشَرَوْهُ بِثَمَنٍۭ بَخْسٍ دَرَٰهِمَ مَعْدُودَةٍ وَكَانُواْ فِيهِ مِنَ ٱلزَّٰهِدِينَ ٢٠

"Lalu mereka berkata: Wahai bapa kami! Mengapa bapa tidak menaruh kepercayaan kepada kami terhadap (keselamatan) Yusuf sedangkan kami sekalian ikhlas kepadanya?(11). Biarkanlah dia keluar bersama kami besok supaya dia dapat bersuka ria dan bermain-main dan sesungguhnya kami sekalian akan menjaganya(12). Jawab (bapanya): Sesungguhnya pemergian kamu membawanya bersama kamu itu akan mendukacitakan aku dan aku pula bimbang dia akan dimakan serigala, sedangkan kamu lalai dari menjaganya(13). Mereka berkata: Seandainya dia

dimakan serigala, sedangkan kami sekumpulan yang ramai tentulah kami ini benar-benar orang-orang yang rugi (tidak berguna)(14). Apabila mereka pergi membawa Yusuf bersama mereka dan bersepakat untuk membuangkannya ke dasar perigi, dan (ketika inilah) Kami wahyukan kepada Yusuf. Sesungguhnya engkaulah yang akan menceritakan sendiri kepada mereka tentang perbuatan mereka ini, sedangkan mereka tidak sedar(15). Dan kemudian mereka datang mendapatkan bapa mereka di waktu senja sambil (berpura-pura) menangis(16). Mereka berkata: Wahai bapa kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf di sisi barang-barang kami lalu dia dimakan serigala, dan sudah tentu bapa tidak akan percaya kepada kami walaupun kami bercakap benar(17). Dan mereka datang membawa bajunya (yang berlumuran) dengan darah palsu, lalu Ya'kub pun berkata: Bahkan kamu sebenarnya telah digodakan oleh nafsu kamu supaya melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan) bersabar dengan sebaik-baiknya dan hanya kepada Allah jua yang dipohonkan pertolongan tentang perkara yang diceritakan kamu(18). Kemudian datanglah satu kafilah lalu mereka menghantarkan pencari air mereka, maka dia pun menghulurkan timbanya (ke dalam perigi), dan dia tiba-tiba berkata: Wah! Berita gembira. Ini seorang anak muda. Lalu mereka menyembunyikan Yusuf sebagai barang dagangan, sedangkan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka(19). Dan mereka telah menjual Yusuf dengan harga yang murah iaitu beberapa dirham yang dibilang dan mereka adalah dari orang-orang yang tidak sukakan Yusuf."(20).

Pelajaran ini merupakan kata pendahuluan dan babak pertama dari kisah ini. Ia tersusun dari enam adegan yang dimulakan dengan mimpi Yusuf dan berakhir dengan pakatan jahat saudara-saudaranya terhadap beliau dan ketibaan beliau di negeri Mesir. Kita akan terus membicarakan nas-nas kisah ini selepas kata pendahuluan yang telah dikemukakan di awal surah ini, kerana kata pendahuluan itu telah pun mencukupi.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

الٓر تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُبِينِ ﴿١﴾ إِنَّآ أَنزَلْنَٰهُ قُرْءَٰنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾ نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ ٱلْقَصَصِ بِمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ وَإِن كُنتَ مِن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٣﴾

"Alif. Laam. Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat jelas(1). Sesungguhnya Kami telah menurunkannya dengan bahasa Arab supaya kamu mengerti(2). Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) seindah-indah kisah dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu dan sesungguhnya engkau sebelum ini adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui."(3)

الٓر تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُبِينِ ﴿١﴾

"Alif. Laam. Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat jelas."(1)

Pengubahan Al-Qur'an Adalah Di Luar Kemampuan Manusia

Huruf-huruf ini dan huruf-huruf yang sejenis dengannya adalah huruf-huruf yang lumrah di sisi orang ramai. Huruf-huruf inilah yang mengubahkan ayat-ayat Al-Qur'an yang amat jauh dan tinggi tujuannya dan di luar kemampuan manusia: iaitu ayat-ayat kitab suci yang amat jelas dan terang. Allah telah menurunkannya di dalam bahasa Arab yang digubahkan dengan huruf-huruf Arab yang diketahui umum:

لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

"Supaya kamu mengerti"(2)

dan menyedari bahawa yang mengubahkan kitab Al-Qur'an yang menakjubkan ini dari kalimat-kalimat Arab yang biasa itu tidak mungkin seorang manusia, malah dari segi akal Al-Qur'an ini pastilah wahyu dari Allah. Di sini akal manusia diajak supaya meneliti Al-Qur'an ini dan tujuan-tujuannya yang amat menawan.

Oleh sebab pokok pembicaraan surah ini mengenai suatu kisah, maka Allah telah menonjolkan sebutan kisah-kisah yang menjadi bahan kandungan kitab Al-Qur'an untuk memberi penekanan istimewa:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ ٱلْقَصَصِ بِمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ

"Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) seindah-indah cerita dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu."(3)

Kisah Yusuf Seindah-indah Kisah

Yakni dengan perantaraan wahyu-wahyu Al-Qur'an yang Kami turunkan kepadamu (Muhammad) Kami menceritakan kisah-kisah ini kepadamu, iaitu kisah yang paling indah sebagai sebahagian dari isi kandungan Al-Qur'an yang diwahyukan itu:

وَإِن كُنتَ مِن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٣﴾

"Dan sesungguhnya engkau sebelum ini adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui"(3)

kerana engkau adalah salah seorang yang termasuk di dalam golongan orang-orang Ummi (yang tidak membaca dan menulis) di kalangan kaummu yang tidak pernah membicarakan maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh Al-Qur'an dan di antaranya ialah kisah Yusuf ini yang dibentangkan dengan lengkap dan halus.

* * * * * *

Kata pendahuluan ini menunjukkan kepada permulaan kisah.

Kemudian tirai diangkat memperlihatkan adegan pertama di dalam babak yang pertama, di mana kita melihat Yusuf yang masih dalam usia kanak-kanak itu menceritakan mimpinya kepada bapanya:

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ إِنِّى رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِى سَٰجِدِينَ ﴿٤﴾ قَالَ يَٰبُنَىَّ لَا تَقْصُصْ رُءْيَاكَ عَلَىٰٓ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا۟ لَكَ كَيْدًا ۖ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٥﴾ وَكَذَٰلِكَ يَجْتَبِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ وَيُتِمُّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكَ وَعَلَىٰٓ ءَالِ يَعْقُوبَ كَمَآ أَتَمَّهَا عَلَىٰٓ أَبَوَيْكَ مِن قَبْلُ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

"(Kenangilah) ketika Yusuf berkata kepada bapanya: Wahai bapaku! Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan. Aku melihat semuanya sujud kepadaku(4). Lalu berkatalah (bapanya): Wahai anakku! Janganlah engkau ceritakan mimpimu ini kepada saudara-saudaramu nanti mereka merancangkan tipu daya yang tidak baik terhadapmu. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang amat nyata kepada manusia(5). Dan demikianlah Tuhanmu memilihmu dan akan mengajarmu sebahagian dari ta'bir mimpi dan akan menyempurnakan pengurniaan ni'mat-Nya kepadamu dan kepada keluarga Ya'kub sebagaimana Dia telah menyempurnakannya sebelum ini kepada datuk nenekmu Ibrahim dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(6)

Yusuf di waktu itu masih kanak-kanak atau budak-budak muda. Tetapi mimpi yang diceritakan kepada bapanya itu bukanlah mimpi kanak-kanak atau budak-budak, kerana mimpi budak-budak yang paling tinggi ialah sekadar bermimpi melihat bintang-bintang, matahari dan bulan berada di atas ribanya atau di hadapannya, tetapi Yusuf bermimpi bintang-bintang, matahari dan bulan itu semuanya sujud kepada beliau di mana bintang-bintang dan planet itu menjelma dalam bentuk insan-insan yang berakal yang merebahkan kepala mereka sujud kerana memberi penghormatan kepadanya. Ayat yang berikut menceritakan hal itu dengan kata-kata penerangan yang tegas:

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ إِنِّى رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ

"(Kenangilah) ketika Yusuf berkata kepada bapanya: Wahai bapaku! Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan."

Kemudian beliau ulangi pula kata "bermimpi":

رَأَيْتُهُمْ لِى سَٰجِدِينَ ﴿٤﴾

"Aku telah bermimpi melihat semuanya sujud kepadaku."(4)

Oleh sebab itulah ayahandanya Ya'kub memahami dengan perasaan dan hatinya bahawa di sebalik mimpi itu terdapat ramalan masa depan yang amat besar bagi anak muda ini. Beliau tidak menjelaskan masa depan itu dan tidak juga dijelaskan oleh ayat-ayat tersebut, malah tanda-tandanya juga tidak ternampak melainkan sesudah berlangsungnya dua babak dari kisah ini. Ia tidak terserlah dengan sempurna melainkan pada penghabisan kisah ini setelah terbukanya rahsia ghaib yang tersembunyi itu. Oleh sebab itulah Nabi Ya'kub a.s. menasihatkan Yusuf supaya jangan menceritakan mimpinya itu kepada saudara-saudaranya yang lain kerana takut mereka dapat meramalkan rahsia masa depan adik mereka yang kecil yang tidak seibu sebapa dengan mereka dan ini akan membolehkan syaitan memasuki hati mereka dari lubang ini dan membuat hati mereka dipenuhi perasaan hasad dengki dan akibatnya mereka akan mengaturkan pakatan jahat yang menyusahkan Yusuf:

قَالَ يَٰبُنَىَّ لَا تَقْصُصْ رُءْيَاكَ عَلَىٰٓ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا۟ لَكَ كَيْدًا ۖ

"Lalu berkatalah (bapanya): Wahai anakku! Janganlah engkau ceritakan mimpimu ini kepada saudara-saudaramu nanti mereka merancangkan tipu daya yang tidak baik terhadapmu."

Kemudian beliau memberi alasannya:

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya syaitan itu musuh yang amat nyata kepada manusia."(5)

Oleh sebab itulah syaitan menanamkan hasad dengki di dalam hati manusia terhadap satu sama lain dan mempesonakan mereka melakukan dosa dan kejahatan.

Fikiran Ya'kub ibn Ishaq ibn Ibrahim ketika beliau merasa bahawa mimpi anaknya Yusuf itu meramalkan kedudukan masa depannya yang besar adalah tertumpu kepada kedudukannya di bidang keagamaan, kesolehan dan ma'rifat. Ini berdasarkan kepada suasana nubuwwah yang dihayati beliau dan berdasarkan ilmu pengetahuan beliau bahawa datuknya Nabi Ibrahim a.s. telah dikurniakan keberkatan (nubuwwah) dari Allah bersama keluarganya yang Mu'min. Oleh sebab itulah hati beliau mengharap semoga Yusuflah di antara anak-anaknya yang lain dari keturunan Ibrahim akan dipilih Allah untuk dikurniakan keberkatan (nubuwwah) itu dan semoga dialah yang dapat melambangkan zuriat keturunan yang berkat dalam keluarga Ibrahim a.s.

وَكَذَٰلِكَ يَجۡتَبِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِن تَأۡوِيلِ ٱلۡأَحَادِيثِ وَيُتِمُّ نِعۡمَتَهُۥ عَلَيۡكَ وَعَلَىٰٓ ءَالِ يَعۡقُوبَ كَمَآ أَتَمَّهَا عَلَىٰٓ أَبَوَيۡكَ مِن قَبۡلُ إِبۡرَٰهِيمَ وَإِسۡحَٰقَۚ إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٦

"Dan demikianlah Tuhanmu memilihmu dan akan mengajarmu sebahagian dari ta'bir mimpi dan akan menyempurnakan pengurniaan ni'mat-Nya kepadamu dan kepada keluarga Ya'kub sebagaimana Dia telah menyempurnakannya sebelum ini kepada datuk nenekmu Ibrahim dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(6)

Pada hemat Ya'kub mimpi Yusuf itu menunjukkan bahawa Allah telah memilihnya dan akan menyempurnakan pengurniaan ni'mat ke atasnya dan ke atas keluarga Ya'kub sebagaimana Allah telah menyempurnakan pengurniaan ni'mat sebelum ini ke atas dua ibubapanya Ibrahim dan Ishaq (di sini datuk diistilahkan sebagai bapa). Ini adalah perkara tabi'i, tetapi yang menarik perhatian ialah perkataan beliau:

وَيُعَلِّمُكَ مِن تَأۡوِيلِ ٱلۡأَحَادِيثِ

"Dan akan mengajarmu sebahagian dari ta'bir mimpi."

Pengertian "تأويل" Dan "الأحاديث"

Kata-kata تأويل bererti mengetahui tujuan. Oleh itu apakah pula maksud dari kata-kata الأحاديث (al-Ahadith)? Adakah tujuan Ya'kub mahu mengatakan bahawa Allah akan memilih Yusuf dan mengajar ilmu pengetahuan kepadanya serta mengurniakan hati nurani yang tajam yang dapat memahami tujuan segala percakapan yang sampai kepadanya dari awal-awal lagi, iaitu memahami ilham-ilham dari Allah kepada orang-orang yang mempunyai hati nurani yang tajam, oleh sebab inilah kata kesimpulan yang berbunyi:

إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٦

"Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana"(6)

itu sesuai dengan pengertian ini dan dengan suasana hikmat kebijaksanaan dan pengajaran ilmu pengetahuan? Atau adakah tujuan Yusuf dengan kata-kata "Ahadith" itu ialah mimpi-mimpi sebagaimana yang telah berlaku dalam hidup Yusuf selepas itu?

Kedua-dua pengertian itu harus belaka dan kedua-duanya sesuai dengan suasana yang melingkungi Yusuf dan Ya'kub.

Dalam hubungan ini kami ingin menyentuh perkara mimpi yang menjadi maudhu' pembicaraan kisah ini dan surah ini.

Hakikat Mimpi-mimpi Yang Mengandungi Ramalan Masa Depan

Kita wajib percaya bahawa setengah-setengah mimpi itu membawa ramalan masa depan yang dekat atau jauh. Kita wajib percaya begini (kerana dua alasan) pertama berdasarkan keterangan surah ini yang menerangkan bukti-bukti kebenaran mimpi Yusuf, mimpi dua orang teman sepenjara beliau dan mimpi raja negeri Mesir. Yang kedua berdasarkan kepada apa yang kita lihat dalam kehidupan peribadi kita sendiri, di mana mimpi-mimpi yang memberi ramalan-ramalan itu seringkali telah menjadi kenyataan yang sukar hendak dinafikannya kerana mimpi seperti ini memang wujud.

Alasan yang pertama itu sudah mencukupi, tetapi kami sebutkan juga alasan yang kedua kerana ianya merupakan hakikat yang berlaku yang tidak dapat disangkal melainkan secara degil.

Apakah hakikat mimpi? Mengikut pendapat 'Psycho-analysis' (aliran analisa jiwa dalam ilmu psikologi), mimpi ialah gambaran-gambaran dari keinginan-keinginan yang terpendam yang diluahkan oleh mimpi-mimpi dalam minda tak sedar (unconscious mind).

Takrif ini hanya merangkumi sebahagian dari mimpi-mimpi sahaja, tetapi tidak merangkumi seluruh mimpi, kerana Freud[3] sendiri mengakui adanya mimpi-mimpi yang bersifat ramalan (prophetic) di samping segala pendapat dan teori beliau yang tidak bersifat ilmiyah dan sewenang-wenang.

Apakah tabi'at mimpi-mimpi yang memberi ramalan? Sebelum segala sesuatu, kami ingin tegaskan bahawa sama ada kita mengenal hakikat mimpi yang memberi ramalan itu atau tidak, maka tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan usaha menthabitkan kewujudannya dan kebenaran setengah-setengahnya. Kita hanya mencuba untuk memahami setengah-setengah ciri makhluk insan yang aneh ini dan setengah-setengah undang-undang Allah yang berlangsung di alam buana ini.

Kita memahami hakikat mimpi-mimpi yang memberi ramalan itu sedemikian rupa kerana halangan-halangan zaman dan tempat itulah yang menghalangi makhluk manusia dari melihat apa yang kita namakan sebagai masa silam atau masa depan atau masa kini yang tersembunyi itu, dan kerana apa yang kita namakan sebagai masa silam atau masa depan adalah terlindung dari kita kerana ditabiri oleh faktor zaman sebagaimana kini yang wujud yang berada jauh dari kita terlindung dari kita kerana ditabiri oleh faktor tempat, juga kerana dalam diri manusia terdapat satu deria yang kita tidak mengetahui hakikatnya. Apabila deria ini jaga atau

---

[3] *Ahli jiwa bangsa Yahudi dan tokoh aliran analisa jiwa yang terkemuka dengan pendapat-pendapatnya yang banyak menimbulkan kontrovesi.*

kuat pada setengah-setengah ketika, maka ia dapat mengatasi halangan zaman dan dapat melihat apa yang berada di sebaliknya dalam bentuk yang kabur bukannya dalam bentuk ilmu, tetapi dalam bentuk pandangan yang dilihat di sebalik sesuatu seperti yang berlaku kepada setengah-setengah orang dalam keadaan jaga dan kepada setengah-setengah orang pula berlaku dalam keadaan mimpi, dan di sini deria itu mengatasi halangan tempat atau zaman atau kedua-duanya sekali pada setengah-setengah waktu walaupun di waktu itu kita tidak mengetahui apa-apa mengenai hakikat zaman. Begitu juga hakikat tempat itu sendiri - yang diistilahkan sebagai benda - tidak juga diketahui oleh kita secara pasti:[4]

وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

"Dan tiadalah ilmu yang dikurniakan kepada kamu itu melainkan hanya sedikit sahaja."

(Surah al-Isra': 85)

Walau bagaimanapun Yusuf telah pun mendapat mimpi ramalan ini dan kita akan melihat selepas ini apakah ta'bir mimpi itu?

Tirai dilabuhkan menutup pemandangan Yusuf bersama Ya'kub kemudian disingkapkan kembali untuk menayangkan satu pemandangan yang lain, iaitu pemandangan saudara-saudara Yusuf sedang mengaturkan pakatan jahat (terhadap Yusuf). Tirai itu diangkat dengan satu harakat yang menarik perhatian betapa pentingnya peristiwa yang akan berlaku itu.

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 10)

لَّقَدْ كَانَ فِى يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِۦٓ ءَايَٰتٌ لِّلسَّآئِلِينَ ﴿٧﴾ إِذْ قَالُوا۟ لَيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَىٰٓ أَبِينَا مِنَّا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾ ٱقْتُلُوا۟ يُوسُفَ أَوِ ٱطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهُ أَبِيكُمْ وَتَكُونُوا۟ مِنۢ بَعْدِهِۦ قَوْمًا صَٰلِحِينَ ﴿٩﴾ قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ لَا تَقْتُلُوا۟ يُوسُفَ وَأَلْقُوهُ فِى غَيَٰبَتِ ٱلْجُبِّ يَلْتَقِطْهُ بَعْضُ ٱلسَّيَّارَةِ إِن كُنتُمْ فَٰعِلِينَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya di dalam kisah Yusuf dan para saudaranya itu terdapat bukti-bukti (Uluhiyah) Allah kepada orang-orang yang bertanya(7). Ketika mereka (saudara-saudara Yusuf) berkata: Sesungguhnya Yusuf dan adiknya itu lebih disayangi bapa kita dari kita semua, sedangkan kita ramai. Sesungguhnya bapa kita dalam kekeliruan yang amat nyata(8). (Kata setengah mereka): Hendaklah kamu bunuhkan Yusuf atau buangkan dia di suatu tempat (yang jauh) supaya kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu sahaja dan selepas itu kamu boleh kembali menjadi orang-orang yang baik(9). Salah seorang dari mereka berkata: Janganlah kamu membunuh Yusuf, tetapi buangkan dia ke dasar perigi sahaja supaya dia dapat dipungut oleh setengah-setengah kafilah jika kamu berazam melakukannya."(10)

Pakatan Sulit Saudara-saudara Yusuf

Sesungguhnya dalam kisah Yusuf dengan saudara-saudaranya mengandungi berbagai pengajaran dan berbagai-bagai isyarat dari bermacam-macam hakikat bagi mereka yang ingin mencari pengajaran, ingin bertanya dan berfikir. Kata pembukaan ayat-ayat ini sahaja sudah cukup untuk menarik perhatian. Oleh sebab itulah kami bandingkannya sebagai penyingkapan tirai untuk menayangkan berbagai-bagai peristiwa dan pergerakan, di mana kita dapat melihat secara langsung di sebaliknya pemandangan saudara-saudara Yusuf sedang mengaturkan pakatan jahat terhadap Yusuf.

Di sini anda boleh lihat sendiri adakah Yusuf telah menceritakan mimpinya itu kepada saudara-saudaranya sebagaimana yang diceritakan oleh Kitab Perjanjian Lama (at-Taurat)? Ayat-ayat Al-Qur'an di sini menunjukkan bahawa Yusuf tidak menceritakan apa-apa kepada mereka. Mereka hanya bercakap-cakap tentang Ya'kub yang lebih mengutamakan Yusuf dan adiknya (saudara seibu sebapa) dari mereka. Sekiranya mereka mengetahui mimpi Yusuf itu tentulah mereka akan menyebutnya di dalam percakapan mereka dan tentulah ini lebih menggalakkan mereka meluahkan kata-kata hasad dengki mereka terhadap Yusuf. Apa yang dibimbangkan Ya'kub terhadap Yusuf jika dia menceritakan mimpinya kepada saudara-saudaranya itu telah berlaku dengan jalan yang lain, iaitu mereka memang menaruh hasad dengki terhadap Yusuf kerana dia diutamakan oleh bapa mereka. Dan kedengkian itu pasti berlaku kerana ia merupakan satu babak penting dalam siri kisah yang besar itu yang akan membawa Yusuf kepada titik penghabisan yang telah ditetapkan itu, iaitu titik penghabisan

[4] *Saya dapat mendustakan segala sesuatu sebelum saya dapat mendustakan satu peristiwa yang telah berlaku kepada saya sendiri sewaktu berada di Amerika, sedangkan keluarga saya berada di Kaherah. Saya telah bermimpi melihat ada darah dalam mata anak lelaki adik perempuan saya - yang masih dalam usia muda belia - menyebabkan dia tidak dapat melihat, lalu saya menulis kepada keluarga saya bertanyakan tentang mata anak saudara saya itu. Kemudian saya menerima jawapan bahawa matanya memang sakit akibat pendarahan dalam mata dan dia sekarang sedang dalam rawatan. Di sini dapatlah diperhatikan bahawa pendarahan dalam mata itu tidak boleh dilihat dari luar, kerana pandangan matanya bagi orang yang melihatnya dari luar kelihatan biasa sahaja, tetapi ia tidak dapat melihat dengan sebab adanya pendarahan di dasar matanya, namun demikian mimpi telah dapat mengesankan darah yang tersembunyi di dalam mata itu. Saya tidak payah menyebut peristiwa yang lain kerana peristiwa ini sahaja sudah memadai.*

cerita yang telah diaturkan dari awal-awal lagi oleh suasana-suasana hidupnya, realiti keluarganya dan kelahirannya semasa bapanya dalam usianya yang begitu tua, dan biasanya anak-anak yang bongsu itulah merupakan anak-anak yang paling dikasihi oleh seseorang bapa terutama sekali apabila si bapa itu dalam usia yang tua sebagaimana yang berlaku kepada Yusuf dan adiknya dengan saudara-saudara mereka dari ibu-ibu yang lain.

إِذْ قَالُوا۟ لَيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَىٰٓ أَبِينَا مِنَّا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ

"Ketika mereka (saudara-saudara Yusuf) berkata: Sesungguhnya Yusuf dan adiknya itu lebih disayangi bapa kita dari kita semua, sedangkan kita ramai."

Yakni kita adalah satu kumpulan yang ramai, kuat dan mampu memberi pertahanan dan memberi guna.

إِنَّ أَبَانَا لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya bapa kita dalam kekeliruan yang amat nyata"(8)

kerana mengutamakan anak-anak yang kecil dari anak-anak yang telah besar panjang yang berguna dan mampu memberi pertahanan.

Kemudian hasad dengki mereka mendidih dan syaitan pun campur tangan merosakkan penilaian mereka terhadap hakikat-hakikat yang sebenar. Perkara-perkara yang kecil telah menjadi besar dan perkara yang besar menjadi kecil pada pandangan dan hemat mereka. Mereka memandang kecil kepada tindakan meragut nyawa orang lain, iaitu meragut nyawa seorang budak yang tidak berdosa dan tidak berdaya mempertahankan dirinya, sedangkan budak ini pula adik mereka sendiri dan sedangkan mereka semua anak seorang nabi walaupun mereka sendiri bukannya para Anbia' yang memandang remeh kepada perbuatan itu. Mereka memandang kecil kepada jenayah ini dan memandang begitu besar kesalahan bapa mereka yang melebihkan kasihnya terhadap Yusuf, seolah-olah kesalahan itu padan dibalas dengan bunuh, sedangkan jenayah itu merupakan sebesar-besar jenayah di dunia ini selepas jenayah syirik terhadap Allah:

ٱقْتُلُوا۟ يُوسُفَ أَوِ ٱطْرَحُوهُ أَرْضًا

"(Kata setengah mereka): Hendaklah kamu bunuhkan Yusuf atau buangkan dia di suatu tempat (yang jauh)."

Kedua-dua cadangan itu amat dekat sekali kerana pembuangan Yusuf di suatu tempat yang jauh dan terpencil biasanya boleh membawa maut. Mengapa mereka mencadangkan begitu?

يَخْلُ لَكُمْ وَجْهُ أَبِيكُمْ

"Supaya kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu sahaja."

Yakni di waktu itu bapa mereka tidak lagi dilindungi Yusuf apabila mereka hendak memenangi hatinya seolah-olah apabila Ya'kub tidak dapat melihat Yusuf di hadapannya, maka hatinya akan hilang kasih sayang terhadapnya dan kasih sayang itu akan terus tertumpu kepada anak-anak yang lain. Bagaimana pula dengan jenayah membunuh itu? Kamu boleh taubat darinya dan kamu boleh membetulkan semula segala kerosakan yang telah dilakukan kamu dengan pembunuhan itu:

وَتَكُونُوا۟ مِنۢ بَعْدِهِۦ قَوْمًا صَٰلِحِينَ ﴿٩﴾

"Dan selepas itu kamu boleh kembali menjadi orang-orang yang baik."(9)

Taubat Yang Dirancang Bukannya Taubat

Demikianlah godaan syaitan yang membisik di dalam hati manusia ketika mereka diharui perasaan marah dan hilang pedoman dan ketika mereka kehilangan penilaian yang betul terhadap sesuatu dan terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku. Demikianlah apabila hasad dengki dan dendam kesumat itu mendidih di dalam hati mereka, maka syaitan terus muncul dan menghasut: Bunuh dia! Dan kamu boleh membetulkan kesalahan yang telah berlaku dengan taubat, sedangkan taubat bukannya begini. Malah taubat itu adalah dari dosa dan kesalahan yang telah dilakukan oleh seseorang secara terburu-buru, lalai, jahil dan tidak teringat dan apabila teringat dia terus menyesal dan timbullah di dalam hatinya keinginan yang berkobar-kobar untuk bertaubat. Adapun taubat yang telah siap dirancangkan sebelum melakukan jenayah dengan tujuan untuk menghapuskan kesan-kesan jenayah itu, maka ia bukannya taubat, malah ia merupakan suatu helah untuk membenarkannya melakukan jenayah yang dihasutkan syaitan.

Tetapi ada seorang di antara saudara-saudara Yusuf itu yang mempunyai hati nurani yang menggeletar kerana memikirkan betapa besarnya jenayah yang sedang dirancangkan mereka, lalu dia mengemukakan satu cadangan yang dapat merehatkan mereka dari gangguan Yusuf dan dapat menarik tumpuan kasih bapa mereka terhadap mereka. Dia mencadangkan supaya mereka jangan membunuh Yusuf dan jangan pula membuangnya di suatu tempat yang jauh yang difikir boleh membinasakannya, malah campakkan sahaja dia ke dalam perigi di tengah jalan yang biasa dilalui oleh kafilah-kafilah para Musafirin, di mana dia dapat dijumpai oleh mana-mana kafilah dan dapat diselamatkan oleh mereka serta membawanya bersama mereka ke tempat yang jauh:

قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ لَا تَقْتُلُوا۟ يُوسُفَ وَأَلْقُوهُ فِى غَيَٰبَتِ ٱلْجُبِّ يَلْتَقِطْهُ بَعْضُ ٱلسَّيَّارَةِ إِن كُنتُمْ فَٰعِلِينَ ﴿١٠﴾

"Salah seorang dari mereka berkata: Janganlah kamu membunuh Yusuf, tetapi buangkan dia ke dasar perigi sahaja supaya dia dapat dipungut oleh setengah-setengah kafilah jika kamu berazam melakukannya."(10)

Kita dapat merasakan dari perkataannya yang berbunyi:

إِن كُنتُمْ فَٰعِلِينَ ﴿١٠﴾

"Jika kamu berazam melakukannya"(10)

saranan yang menanamkan semangat keraguan dan perasaan tawar hati. Dia seolah-olah menanamkan perasaan keraguan dalam hati mereka apakah mereka benar-benar sanggup bertindak jahat terhadap Yusuf? Ini adalah salah satu uslub percakapan untuk menawarkan hati atau melemahkan azam dari melakukan sesuatu. Dalam kata-kata ini jelas kelihatan perasaan tidak senang untuk melakukan tindakan itu, tetapi itulah tindakan yang sekurang-kurangnya dapat memuaskan hasad dengki dan dendam kesumat mereka (terhadap Yusuf) kerana mereka nampaknya tidak bersedia untuk berpatah balik dari tindakan yang telah diputuskan mereka. Hal ini dapat kita fahami dari adegan yang kedua dalam ayat-ayat berikut.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 14)

Mereka kini sedang berada di hadapan bapa mereka untuk memujuk supaya dia membenarkan mereka membawa Yusuf bersama mereka esok. Kini mereka sedang melakukan tipu helah untuk mengenakan bapa mereka dan saudara mereka Yusuf. Marilah kita saksi dan mendengar perbualan mereka:

قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا مَالَكَ لَا تَأْمَ۬نَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُۥ لَنَٰصِحُونَ ﴿١١﴾
أَرْسِلْهُ مَعَنَا غَدًا يَرْتَعْ وَيَلْعَبْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿١٢﴾
قَالَ إِنِّى لَيَحْزُنُنِىٓ أَن تَذْهَبُوا۟ بِهِۦ وَأَخَافُ أَن يَأْكُلَهُ ٱلذِّئْبُ وَأَنتُمْ عَنْهُ غَٰفِلُونَ ﴿١٣﴾
قَالُوا۟ لَئِنْ أَكَلَهُ ٱلذِّئْبُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّآ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿١٤﴾

"Lalu mereka berkata: Wahai bapa kami! Mengapa bapa tidak menaruh kepercayaan kepada kami terhadap (keselamatan) Yusuf sedangkan kami sekalian ikhlas kepadanya?(11). Biarkanlah dia keluar bersama kami besok supaya dia dapat bersuka ria dan bermain-main dan sesungguhnya kami sekalian akan menjaganya(12). Jawab (bapanya): Sesungguhnya pemergian kamu membawanya bersama kamu itu akan mendukacitakan aku dan aku pula bimbang dia akan dimakan serigala, sedangkan kamu lalai dari menjaganya(13). Mereka berkata: Seandainya dia dimakan serigala, sedangkan kami sekumpulan yang ramai tentulah kami ini benar-benar orang-orang yang rugi (tidak berguna)."(14)

Ayat ini menggambarkan dengan kalimat-kalimat dan susun katanya segala usaha percubaan mereka untuk memikat hati bapanya yang sangat sayangkan anaknya Yusuf yang masih kecil itu. Itulah anak kesayangannya yang dilihatnya mempunyai tanda-tanda menjadi bakal pewaris keberkatan bapanya Ibrahim.

يَٰٓأَبَانَا

"Wahai bapa kami!"

(Mereka menggunakan) kata-kata yang menarik ini yang mengingatkan hubungan mesra di antaranya dengan mereka.

مَالَكَ لَا تَأْمَ۬نَّا عَلَىٰ يُوسُفَ

"Mengapa bapa tidak menaruh kepercayaan kepada kami terhadap (keselamatan) Yusuf ?"

Pertanyaan ini mengandungi teguran dan kecaman yang halus di samping mengandungi saranan untuk menolak sikap tidak percaya itu dari bapa mereka dan sebaliknya ia harus memberi kepercayaan kepada mereka terhadap keselamatan Yusuf. Biasanya ayah mereka menahan Yusuf tinggal bersamanya dan tidak pernah melepaskannya keluar bersama-sama saudara-saudaranya ke padang-padang ragut dan ke tempat sunyi yang selalu dikunjungi mereka, kerana dia sangat sayangkan Yusuf dan bimbang ia tidak tahan menghadapi perubahan udara dan kesukaran-kesukaran yang dialami mereka yang sudah besar itu, bukannya kerana tidak percaya kepada mereka terhadap keselamatan Yusuf. Mereka dari awal-awal lagi membuat kenyataan menuduh bapa mereka tidak menaruh kepercayaan kepada mereka terhadap keselamatan saudara mereka Yusuf, adalah bertujuan untuk menyarankan kepadanya supaya menyingkirkan fikiran itu (dari hatinya) agar dengan itu dia tidak lagi berkeras menahan Yusuf (keluar bersama mereka). Itulah suatu pendekatan mereka yang licin.

مَالَكَ لَا تَأْمَ۬نَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُۥ لَنَٰصِحُونَ ﴿١١﴾

"Mengapa bapa tidak menaruh kepercayaan kepada kami terhadap (keselamatan) Yusuf sedangkan kami sekalian ikhlas kepadanya?"(11)

Yakni hati kami bersih dan tidak pernah berniat jahat terhadapnya. Kata-kata ini membuat seseorang yang ragu-ragu itu hampir-hampir bersedia menyerah kalah dan kata-kata ikhlas yang disebutkan mereka itu membayangkan percubaan mereka untuk menyembunyikan tipu daya mereka yang meragukan.

أَرْسِلْهُ مَعَنَا غَدًا يَرْتَعْ وَيَلْعَبْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿١٢﴾

"Biarkanlah dia keluar bersama kami besok supaya dia dapat bersuka ria dan bermain-main dan sesungguhnya kami sekalian akan menjaganya."(12)

Ungkapan ini bertujuan menambahkan lagi penjelasan dan gambaran kegiatan, kesukaan dan senaman yang menunggu Yusuf agar dapat merangsangkan bapa mereka melepaskan Yusuf keluar bersama mereka seperti yang dirancangkan mereka.

Sebagai jawapan terhadap kecaman halus mereka yang pertama tadi, Ya'kub menafikan secara tidak langsung bahawa dia bukannya tidak menaruh kepercayaan kepada mereka terhadap keselamatan Yusuf, dan memberi alasan bahawa sebab dia menahan Yusuf tinggal bersamanya kerana dia tidak sanggup berpisah dengannya dan kerana dia bimbang ia dimakan serigala:

قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِيٓ أَن تَذْهَبُواْ بِهِۦ وَأَخَافُ أَن يَأْكُلَهُ ٱلذِّئْبُ وَأَنتُمْ عَنْهُ غَٰفِلُونَ ١٣

"Jawab (bapanya): Sesungguhnya pemergian kamu membawanya bersama kamu itu akan mendukacitakan aku dan aku pula bimbang dia akan dimakan serigala, sedangkan kamu lalai dari menjaganya."(13)

إِنِّي لَيَحْزُنُنِيٓ أَن تَذْهَبُواْ بِهِۦ

"Sesungguhnya pemergian kamu membawanya bersama kamu itu akan mendukacitakan aku"

yakni aku tidak sanggup berpisah dengannya. Kata-kata ini sudah tentu lebih membakar dan menambahkan lagi dendam kesumat mereka terhadap Yusuf, kerana kasih bapa mereka terhadapnya telah meningkat ke tahap dukacita dan tidak sanggup berpisah walaupun untuk setengah hari dan walaupun dia pergi untuk melakukan kegiatan riadah dan bersuka ria sahaja seperti yang didakwakan mereka.

وَأَخَافُ أَن يَأْكُلَهُ ٱلذِّئْبُ وَأَنتُمْ عَنْهُ غَٰفِلُونَ ١٣

"Dan aku pula bimbang dia akan dimakan serigala, sedangkan kamu lalai dari menjaganya."(13)

Sudah tentu jawapan ini telah memberikan mereka satu alasan yang dicari-carikan mereka, atau perasaan hasad dengki yang sedang berkecamuk di dalam hati mereka itu telah menjadikan mereka buta akal, oleh sebab itu mereka tidak terfikir langsung bagaimana hendak menceritakan kepada bapa mereka setelah melakukan jenayah yang jahat itu sehingga diajar bapa mereka dengan jawapan ini.

Kini mereka memilih satu cara jawapan yang berkesan untuk menyingkirkan rasa kebimbangan itu dari orang tua mereka:

قَالُواْ لَئِنْ أَكَلَهُ ٱلذِّئْبُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّآ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ١٤

"Mereka berkata: Seandainya dia dimakan serigala, sedangkan kami sekumpulan yang ramai tentulah kami ini benar-benar orang-orang yang rugi (tidak berguna)."(14)

Yakni seandainya kami dapat ditewaskan oleh serigala yang menyerang Yusuf, sedangkan kami satu kumpulan yang ramai dan segagah ini tentulah bererti kami ini adalah orang-orang yang tidak berguna langsung kepada diri kami sendiri dan tentulah kami akan menjadi orang-orang yang rugi di dalam segala-galanya dan kami sekalian adalah tidak layak untuk apa pun buat selama-lamanya.

Demikianlah ayah yang sangat bimbang (kepada keselamatan anaknya) itu menyerah kalah setelah mendapat jawapan-jawapan yang tegas dan sindiran (yang tajam) dari mereka agar taqdir Allah itu terlaksana dan agar kisah Yusuf itu berlaku mengikut sebagaimana yang diaturkan oleh kehendak Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 15)

Yusuf Dibuang Ke Dalam Perigi

Kini mereka keluar membawa Yusuf bersama mereka. Mereka sedang melaksanakan pakatan jahat mereka terhadap Yusuf. Di sini Allah S.W.T. mengilhamkan ke dalam hati Yusuf yang masih kecil itu bahawa apa yang sedang berlaku ini adalah suatu ujian dan dia akan hidup dan akan dapat mengingatkan perbuatan mereka ini kepada mereka (di suatu masa yang akan datang) sedangkan mereka tidak mengetahui bahawa dia ini Yusuf:

فَلَمَّا ذَهَبُواْ بِهِۦ وَأَجْمَعُوٓاْ أَن يَجْعَلُوهُ فِي غَيَٰبَتِ ٱلْجُبِّ وَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُم بِأَمْرِهِمْ هَٰذَا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ١٥

"Apabila mereka pergi membawa Yusuf bersama mereka dan bersepakat untuk membuangkannya ke dasar perigi, dan (ketika inilah) kami wahyukan kepada Yusuf. Sesungguhnya engkaulah yang akan menceritakan sendiri kepada mereka tentang perbuatan mereka ini, sedangkan mereka tidak sedar."(15)

Mereka sekalian telah menetapkan keputusan mereka untuk membuang Yusuf ke dalam perigi, di mana dia akan hilang dari mereka. Di sa'at kesulitan dan kesusahan menghadapi peristiwa yang menakutkan ini, di mana maut begitu dekat kepadanya dan di sana tidak ada siapa yang dapat menyelamat dan dapat menolongnya, dia hanya sebatang kara sahaja dan masih kecil pula, sedangkan saudara-saudaranya kuat belaka. Di sa'at-sa'at tiada harapan inilah Allah mengilhamkan ke dalam hatinya bahawa dia akan selamat dan akan terus hidup sehingga dapat bersemuka dengan saudara-saudaranya terhadap perbuatan mereka yang jahat ini, sedangkan mereka tidak sedar bahawa orang yang bersemuka dengan mereka ialah Yusuf sendiri

yang telah dibuang ke dalam **sebuah perigi walaupun** ia masih kecil.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 18)

Sekarang marilah kita tinggalkan Yusuf menderita di dalam perigi itu dan tiada syak lagi beliau benar-benar terhibur dan merasa tenang dengan ilham yang telah dicampakkan Allah ke dalam hatinya. (Marilah kita tinggalkan beliau sebentar) sehingga beliau diizinkan Allah diselamatkan dari perigi itu. Marilah kita tinggalkan beliau sebentar untuk melihat bagaimana saudara-saudaranya bersemuka dengan bapa mereka yang sedang bersedih selepas berlakunya jenayah ini:

وَجَآءُوٓ أَبَاهُمۡ عِشَآءٗ يَبۡكُونَ ﴿١٦﴾ قَالُواْ يَٰٓأَبَانَآ إِنَّا ذَهَبۡنَا نَسۡتَبِقُ وَتَرَكۡنَا يُوسُفَ عِندَ مَتَٰعِنَا فَأَكَلَهُ ٱلذِّئۡبُۖ وَمَآ أَنتَ بِمُؤۡمِنٖ لَّنَا وَلَوۡ كُنَّا صَٰدِقِينَ ﴿١٧﴾ وَجَآءُو عَلَىٰ قَمِيصِهِۦ بِدَمٖ كَذِبٖۚ قَالَ بَلۡ سَوَّلَتۡ لَكُمۡ أَنفُسُكُمۡ أَمۡرٗاۖ فَصَبۡرٞ جَمِيلٞۖ وَٱللَّهُ ٱلۡمُسۡتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"Dan kemudian mereka datang mendapatkan bapa mereka di waktu senja sambil (berpura-pura) menangis(16). Mereka berkata: Wahai bapa kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf di sisi barang-barang kami lalu dia dimakan serigala, dan sudah tentu bapa tidak akan percaya kepada kami walaupun kami bercakap benar(17). Dan mereka datang membawa bajunya (yang berlumuran) dengan darah palsu, lalu Ya'kub pun berkata: Bahkan kamu sebenarnya telah digodakan oleh nafsu kamu supaya melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan) bersabar dengan sebaik-baiknya dan hanya kepada Allah jua yang dipohonkan pertolongan tentang perkara yang diceritakan kamu."(18)

Perasaan hasad dengki dan dendam kesumat yang meluap-luap itu telah menyebabkan mereka terlalai dari merancangkan cerita bohong itu dengan cara yang halus. Andainya mereka bertenang tentulah mereka tidak akan melakukan jenayah itu pada kesempatan yang pertama ini, di mana bapa mereka Ya'kub baru sahaja bersetuju membenarkan mereka membawa Yusuf keluar bersama mereka, tetapi mereka terlalu gopoh dan tidak tahu bersabar kerana takut peluang yang seperti ini tidak akan diperolehi mereka sekali lagi. Begitu juga tindakan mereka menggunakan cerita serigala yang sangat terbuka itu merupakan bukti kegopohan mereka, kerana cerita itu baru sahaja semalam ditimbulkan oleh bapa mereka dan mereka sendiri telah menolak kemungkinan itu dan hampir-hampir pula mempersenda-sendakannya. Oleh itu tentulah tidak munasabah jika mereka terus keluar pada pagi keesokan hari untuk meninggalkan Yusuf menjadi mangsa serigala yang dibimbangkan bapa mereka kelmarin! Kegopohan mereka juga dapat dilihat apabila mereka membawa baju Yusuf yang mereka lumurkan darah dengan cara yang tidak begitu hemat dan pembohongan itu kelihatan begitu hingga boleh disifatkan betul-betul bohong.

Mereka telah melakukan perbuatan itu:

وَجَآءُوٓ أَبَاهُمۡ عِشَآءٗ يَبۡكُونَ ﴿١٦﴾

"Dan kemudian mereka datang mendapatkan bapa mereka di waktu senja sambil (berpura-pura) menangis."(16)

قَالُواْ يَٰٓأَبَانَآ إِنَّا ذَهَبۡنَا نَسۡتَبِقُ وَتَرَكۡنَا يُوسُفَ عِندَ مَتَٰعِنَا فَأَكَلَهُ ٱلذِّئۡبُۖ

"Mereka berkata: Wahai bapa kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf di sisi barang-barang kami lalu dia dimakan serigala."(17)

Mereka benar-benar merasa bahawa pembohongan mereka begitu terbuka dan hampir-hampir hendak mengaku lalu mereka berkata:

وَمَآ أَنتَ بِمُؤۡمِنٖ لَّنَا وَلَوۡ كُنَّا صَٰدِقِينَ ﴿١٧﴾

"Dan sudah tentu bapa tidak akan percaya kepada kami walaupun kami bercakap benar."(17)

Yakni ayah tentu sekali tidak percaya kepada cerita kami walaupun ia benar kerana ayah memang menaruh keraguan terhadap kami dan tidak yakin kepada percakapan kami.

Dari bukti-bukti keadaan dan dari bisikan hati nuraninya, Ya'kub yakin bahawa Yusuf tidak dimakan serigala dan bahawa mereka telah mengadakan satu pakatan jahat terhadap Yusuf. Mereka telah mereka-rekakan kisah bohong yang tidak pernah berlaku dan menceritakan peristiwa yang tidak pernah wujud, lalu Ya'kub mengatakan kepada mereka bahawa mereka telah digoda oleh nafsu mereka supaya melakukan sesuatu terhadap Yusuf. Nafsu merekalah yang telah mendorong dan menggalakkan mereka melakukan perbuatan itu dan dia akan terus bersabar. Dia tidak akan terperanjat, tidak akan cemas dan tidak akan merintih, malah dia akan terus memohon pertolongan Allah terhadap tipu helah dan cerita-cerita bohong yang direka-rekakan mereka itu.

قَالَ بَلۡ سَوَّلَتۡ لَكُمۡ أَنفُسُكُمۡ أَمۡرٗاۖ فَصَبۡرٞ جَمِيلٞۖ وَٱللَّهُ ٱلۡمُسۡتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"Lalu Ya'kub pun berkata: Bahkan kamu sebenarnya telah digodakan oleh nafsu kamu supaya melakukan sesuatu. Oleh

itu (aku akan) bersabar dengan sebaik-baiknya dan hanya kepada Allah jua yang dipohonkan pertolongan tentang perkara yang diceritakan kamu."(18)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 20)

Sekarang marilah pula kita pulang segera kepada Yusuf yang sedang berada di dalam perigi untuk menyaksikan adegan terakhir di dalam babak pertama dari babak-babak kisah ini:

وَجَآءَتۡ سَيَّارَةٞ فَأَرۡسَلُواْ وَارِدَهُمۡ فَأَدۡلَىٰ دَلۡوَهُۥۖ قَالَ يَٰبُشۡرَىٰ هَٰذَا غُلَٰمٞۚ وَأَسَرُّوهُ بِضَٰعَةٗۚ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِمَا يَعۡمَلُونَ ١٩ وَشَرَوۡهُ بِثَمَنِۭ بَخۡسٖ دَرَٰهِمَ مَعۡدُودَةٖ وَكَانُواْ فِيهِ مِنَ ٱلزَّٰهِدِينَ ٢٠

"Kemudian datanglah satu kafilah lalu mereka menghantarkan pencari air mereka, maka dia pun menghulurkan timbanya (ke dalam perigi), dan dia tiba-tiba berkata: Wah! Berita gembira: Ini seorang anak muda. Lalu mereka menyembunyikan Yusuf sebagai barang dagangan, sedangkan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka(19). Dan mereka telah menjual Yusuf dengan harga yang murah iaitu beberapa dirham yang dibilang dan mereka adalah dari orang-orang yang tidak sukakan Yusuf."(20)

Perigi itu terletak di tengah jalan laluan kafilah, para musafir yang berhenti untuk mencari air di tempat-tempat yang difikir ada air iaitu di dalam telaga-telaga dan di dalam perigi seperti ini, di mana turunnya air hujan dan terus bertakung untuk beberapa waktu dan terkadang-kadang perigi itu kekeringan.

وَجَآءَتۡ سَيَّارَةٞ

"Kemudian datanglah satu kafilah."

Dinamakan "kafilah" itu "sayarah" kerana ia diambil dari asal kata "as-sayr" iaitu perjalanan yang jauh sama seperti kata-kata "kasysyafah" (pengakap), jawwalah (pengembara), qannasah (pemburu) dan sebagainya (semuanya melibatkan perjalanan yang jauh).

فَأَرۡسَلُواْ وَارِدَهُمۡ

"Lalu mereka menghantarkan pencari air mereka."

Yakni orang yang ditugas mendapatkan air untuk mereka dan dia adalah seorang pakar yang dapat mengesan tempat-tempat adanya air.

فَأَدۡلَىٰ دَلۡوَهُۥۖ

"Maka dia pun menghulurkan timbanya (ke dalam perigi)"

untuk memeriksa air atau mencebak air dengan timba itu. Ayat ini tidak menyebut gerak-geri Yusuf yang bergantung pada timba itu untuk membuat kejutan cerita kepada para pembaca dan pendengar:

قَالَ يَٰبُشۡرَىٰ هَٰذَا غُلَٰمٞۚ

"Dan dia tiba-tiba berkata: Wah! Berita gembira! Ini seorang anak muda!"

Di sini sekali lagi penerangan ayat ini membuang atau tidak menyebut perkara-perkara yang berlaku selepas ini atau selepas kata-kata ini. Ia tidak menyebut langsung hal Yusuf dan bagaimana beliau bergembira kerana telah diselamatkan orang, malah ayat berikut terus sahaja menyebut nasib kesudahannya dengan kafilah itu:

وَأَسَرُّوهُ بِضَٰعَةٗۚ

"Lalu mereka menyembunyikan Yusuf sebagai barang dagangan."

Yakni mereka menganggapkan Yusuf sebagai barang dagangan sulit dan mereka mengambil keputusan untuk menjual beliau selaku seorang hamba abdi, tetapi oleh sebab Yusuf bukannya hamba abdi, mereka telah menyembunyikannya dari pandangan mata orang ramai, kemudian mereka menjualnya dengan harga yang murah:

وَشَرَوۡهُ بِثَمَنِۭ بَخۡسٖ دَرَٰهِمَ مَعۡدُودَةٖ

"Dan mereka telah menjual Yusuf dengan harga yang murah iaitu beberapa dirham yang dibilang."

Dalam urusniaga yang sedikit mereka menggunakan matawang dirham secara membilang satu demi satu dan di dalam urusniaga yang banyak mereka menggunakannya secara timbang.

وَكَانُواْ فِيهِ مِنَ ٱلزَّٰهِدِينَ ٢٠

"Dan mereka adalah dari orang-orang yang tidak sukakan Yusuf"(20)

kerana mereka mahu melepaskan diri mereka dari tuduhan memperhambakan Yusuf dan menjualnya.

Inilah kesudahan ujian yang pertama dalam hidup Nabi Yusuf yang mulia itu.

(Kumpulan ayat-ayat 21 - 34)

Yusuf Di Istana Pembesar Mesir

وَقَالَ ٱلَّذِي ٱشۡتَرَىٰهُ مِن مِّصۡرَ لِٱمۡرَأَتِهِۦٓ أَكۡرِمِي مَثۡوَىٰهُ عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوۡ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدٗاۚ وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلِنُعَلِّمَهُۥ مِن تَأۡوِيلِ ٱلۡأَحَادِيثِۚ وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمۡرِهِۦ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٢١

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُۥٓ ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٢٢﴾

وَرَٰوَدَتْهُ ٱلَّتِى هُوَ فِى بَيْتِهَا عَن نَّفْسِهِۦ وَغَلَّقَتِ ٱلْأَبْوَٰبَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ ۚ قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ رَبِّىٓ أَحْسَنَ مَثْوَاىَ ۖ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ ۖ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَٰنَ رَبِّهِۦ ۚ كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

وَٱسْتَبَقَا ٱلْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُۥ مِن دُبُرٍ وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَا ٱلْبَابِ ۚ قَالَتْ مَا جَزَآءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوٓءًا إِلَّآ أَن يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٥﴾

قَالَ هِىَ رَٰوَدَتْنِى عَن نَّفْسِى ۚ وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّنْ أَهْلِهَآ إِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٢٦﴾

"Dan berkatalah orang dari negeri Mesir yang telah membeli Yusuf kepada perempuannya: Berilah kepadanya tempat dan layanan yang baik semoga dia berguna kepada kita atau kita ambilkannya sebagai anak angkat. Dan demikianlah Kami memberi kedudukan yang baik kepada Yusuf di negeri itu supaya dapat Kami mengajarnya sebahagian dari ta'bir mimpi. Dan Allah amat berkuasa dalam segala urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(21). Dan apabila dia sampai umur dewasanya Kami kurniakan kepadanya hikmat dan ilmu pengetahuan. Demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin(22). Dan perempuan (al-'Aziz) menggoda Yusuf yang tinggal di rumahnya lalu ia menutup segala pintu seraya berkata: Marilah ke sini! Jawab Yusuf: Aku berlindung kepada Allah. Sesungguhnya Dia adalah Tuhanku yang telah memberi tempat kediaman yang baik kepadaku. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan beruntung(23). Dan perempuan itu telah menginginginya dan Yusuf juga (hampir) mengingininya jika tidak kerana dia melihat bukti dari Tuhannya. Demikianlah (taqdir Kami) untuk menghindarkan darinya keburukan dan kejahatan. Sesungguhnya Yusuf itu adalah dari golongan hamba-hamba Kami yang terpilih(24). Dan kedua-duanya berlumba-lumba ke pintu dan perempuan itu menarik baju Yusuf dari belakang hingga terkoyak dan kedua-duanya tiba-tiba bertembung dengan tuannya (al-'Aziz) di muka pintu lalu dia terus berkata: Apakah balasan terhadap orang yang hendak melakukan kemungkaran terhadap isterimu selain dari dihukum penjara atau dikenakan keseksaan yang amat pedih?(25). Jawab Yusuf: Dialah yang menggoda diriku, lalu seorang saksi dari keluarga perempuan itu berkata: Jika bajunya terkoyak di hadapan, maka dialah yang benar dan Yusuf adalah dari golongan orang-orang yang berdusta.("26)

وَإِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٧﴾

فَلَمَّا رَءَا قَمِيصَهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُۥ مِن كَيْدِكُنَّ ۖ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾

يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَا ۚ وَٱسْتَغْفِرِى لِذَنۢبِكِ ۖ إِنَّكِ كُنتِ مِنَ ٱلْخَاطِـِٔينَ ﴿٢٩﴾

وَقَالَ نِسْوَةٌ فِى ٱلْمَدِينَةِ ٱمْرَأَتُ ٱلْعَزِيزِ تُرَٰوِدُ فَتَىٰهَا عَن نَّفْسِهِۦ ۖ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا ۖ إِنَّا لَنَرَىٰهَا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٣٠﴾

فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مُتَّكَـًٔا وَءَاتَتْ كُلَّ وَٰحِدَةٍ مِّنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ ٱخْرُجْ عَلَيْهِنَّ ۖ فَلَمَّا رَأَيْنَهُۥٓ أَكْبَرْنَهُۥ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَٰشَ لِلَّهِ مَا هَٰذَا بَشَرًا إِنْ هَٰذَآ إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾

قَالَتْ فَذَٰلِكُنَّ ٱلَّذِى لُمْتُنَّنِى فِيهِ ۖ وَلَقَدْ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ فَٱسْتَعْصَمَ ۖ وَلَئِن لَّمْ يَفْعَلْ مَآ ءَامُرُهُۥ لَيُسْجَنَنَّ وَلَيَكُونًا مِّنَ ٱلصَّٰغِرِينَ ﴿٣٢﴾

قَالَ رَبِّ ٱلسِّجْنُ أَحَبُّ إِلَىَّ مِمَّا يَدْعُونَنِىٓ إِلَيْهِ ۖ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّى كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٣٣﴾

فَٱسْتَجَابَ لَهُۥ رَبُّهُۥ فَصَرَفَ عَنْهُ كَيْدَهُنَّ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٤﴾

"Dan jika bajunya terkoyak di belakang, maka dialah yang berdusta dan Yusuf adalah dari golongan orang-orang yang benar(27). Apabila dia (al-'Aziz) melihat baju Yusuf itu terkoyak di belakang dia pun berkata: Sesungguhnya

perbuatan itu adalah dari tipu daya kamu. Sesungguhnya tipu daya kamu amat besar(28). Wahai Yusuf! Abaikan sahaja peristiwa ini dan engkau (wahai Zulaikha) pohonkanlah keampunan terhadap dosamu kerana sesungguhnya engkau adalah dari golongan orang-orang yang bersalah(29). Dan berkatalah wanita-wanita di kota itu perempuan al-'Aziz menggoda budaknya. Cintanya telah meresap ke selaput hatinya. Sesungguhnya Kami memandangnya berada di dalam kesesatan yang amat jelas(30). Apabila dia (perempuan al-'Aziz) mendengar kata nista mereka, dia pun menyuruh orang memanggil mereka dan menyediakan tempat duduk untuk mereka, kemudian dia memberi sebilah pisau (memotong makanan) kepada setiap orang dari mereka dan kemudian dia berkata (kepada Yusuf): Keluarlah di hadapan mereka. Apabila mereka melihat Yusuf, mereka terus terpesona kepadanya dan terhiris tangan mereka sendiri seraya berkata: Maha Suci Allah! Ini bukannya manusia, sesungguhnya dia ini tidak lain melainkan seorang malaikat yang mulia(31). Berkatalah (perempuan al-'Aziz): Itulah dia lelaki yang kamu telah mencercakanku keranannya. Sesungguhnya akulah yang telah menggodanya, tetapi dia enggan. Dan demi sesungguhnya jika dia tidak mematuhi perintahku kepadanya nescaya dia akan dihukum penjara dan dia akan menjadi dari golongan orang-orang yang hina-dina(32). Berkatalah Yusuf: Wahai Tuhanku! Penjara itu lebih dicintaiku dari apa yang mereka pinta aku melakukannya, dan jika Engkau tidak menghindarkan tipu daya mereka dariku nescaya aku akan terpesona kepada mereka dan tentulah aku termasuk di dalam golongan orang-orang yang bodoh(33). Lalu Allah memperkenankan do'anya dan menghindarkan tipu daya mereka darinya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(34)

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 34)

Inilah babak yang kedua dari babak-babak kisah Yusuf, di mana Yusuf telah sampai ke negeri Mesir dan dijual sebagai hamba abdi, tetapi pembeli beliau telah melihat tanda-tanda kebaikan pada wajahnya yang jernih berseri-seri apatah lagi tanda-tanda itu disertai pula dengan tingkahlakunya yang sopan santun, lalu dia pun berpesan kepada perempuannya supaya memberi layanan yang baik kepada Yusuf. Di sinilah bermulanya benang pertama ke arah realisasi mimpinya.

Tetapi satu ujian yang lain dari jenis yang lain sedang menunggu Yusuf ketika beliau meningkat usia dewasanya. Beliau kini telah dikurniakan hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan yang membolehkan beliau menghadapi ujian yang amat hebat ini, iaitu satu ujian yang tidak mampu dihadapi kecuali oleh mereka yang mendapat rahmat dari Allah. Itulah ujian menghadapi godaan nafsu berahi di dalam suasana istana atau suasana yang dinamakan orang sebagai suasana "golongan atasan" yang penuh dengan keruntuhan akhlak yang bebas lepas dan fasiq. Namun demikian Yusuf telah berjaya keluar dari ujian itu dengan selamat dan dapat mempertahankan akhlak dan agamanya setelah (sekian lama) menderita dalam ujian itu.

وَقَالَ ٱلَّذِى ٱشۡتَرَىٰهُ مِن مِّصۡرَ لِٱمۡرَأَتِهِۦٓ أَكۡرِمِى مَثۡوَىٰهُ عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوۡ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدًاۚ وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِى ٱلۡأَرۡضِ وَلِنُعَلِّمَهُۥ مِن تَأۡوِيلِ ٱلۡأَحَادِيثِۚ وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمۡرِهِۦ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٢١﴾

"Dan berkatalah orang dari negeri Mesir yang telah membeli Yusuf kepada perempuannya: Berilah kepadanya tempat dan layanan yang baik semoga dia berguna kepada kita atau kita ambilkannya sebagai anak angkat. Dan demikianlah Kami memberi kedudukan yang baik kepada Yusuf di negeri itu supaya dapat Kami mengajarnya sebahagian dari ta'bir mimpi dan Allah amat berkuasa dalam segala urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(21)

Ayat Al-Qur'an tidak menjelaskan kepada kita hingga sekarang siapakah orang yang telah membeli Yusuf itu, tetapi tidak jauh selepas ini kita akan mengetahui bahawa orang itu ialah seorang pembesar Mesir "al-'Aziz" (menurut satu pendapat ialah perdana menteri Mesir). Baru sekejap tadi kita dapat mengetahui bahawa Yusuf telah sampai ke tempat yang aman dan penderitaan yang dihadapinya telah berakhir dengan selamat dan selepas ini beliau akan menghadapi kehidupan yang senang:

أَكۡرِمِى مَثۡوَىٰهُ

"Berilah kepadanya tempat dan layanan yang baik."

Kata-kata "**مثوى**" bererti tempat kediaman dan bermalam. Maksud dari ungkapan "**اكرمي مثواه**" (muliakan tempat kediamannya) ialah memberi layanan yang baik kepadanya, tetapi tujuan ungkapan ini lebih mendalam lagi, kerana ia bukan sahaja menyuruh memuliakan tubuh Yusuf, tetapi juga memuliakan tempat kediamannya. Itulah ungkapan yang bertujuan menekankan pemberian layanan yang sebaik-baiknya. Itulah tempat kediaman yang berlainan dengan tempat kediamannya dahulu ketika berada di dalam perigi yang dikelilingi berbagai ketakutan dan penderitaan.

Lelaki yang membeli budak itu telah menceritakan kepada perempuannya tanda-tanda baik yang dilihat pada wajahnya, juga menyatakan harapan dan cita-citanya terhadap budak itu:

عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوۡ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدًاۚ

"Semoga dia berguna kepada kita atau kita ambilkannya sebagai anak angkat."(21)

Mungkin kedua-duanya tidak mempunyai anak sebagaimana disebut dalam setengah-setengah riwayat. Oleh sebab itulah dia berharap dapat menjadikannya sebagai anak angkat jika tilikannya itu betul dan jika tanda-tanda kecerdasan dan kebaikan akhlaknya menjadi kenyataan di samping rupa parasnya yang tampan.

Di sini huraian ayat yang berikut berhenti sebentar untuk mengingatkan bahawa apa yang berlaku itu

adalah dari tadbir Allah untuk memberi kedudukan yang baik kepada Yusuf di negeri itu. Kini tanda-tanda kedudukannya yang baik mula terserlah apabila terjalinnya hubungan mesra di antara lelaki itu dengan Yusuf. Ayat yang berikut juga memberi isyarat bahawa Yusuf akan menerus perjalanan hidupnya hingga Allah mengajar kepadanya kepandaian mentafsirkan percakapan-percakapan atau kepandaian menta'birkan mimpi-mimpi mengikut dua pengertian yang telah kami sebutkan sebelum ini. Kemudian ayat yang berikut diiringkan dengan cerita Yusuf yang mula mendapat kedudukan yang baik itu (dan mengakhiri) dengan sebuah kata kesimpulan yang menunjukkan bahawa kudrat Allah tetap mengatasi segala-galanya dan tiada satu pun kekuatan yang dapat menghalanginya. Allah menguasai penuh segala urusan-Nya. Oleh itu segala urusan-Nya tidak pernah kecewa, tidak pernah terhenti dan tidak pernah meleset:

وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِي ٱلْأَرْضِ وَلِنُعَلِّمَهُۥ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمْرِهِۦ

"Dan demikanlah Kami memberi kedudukan yang baik kepada Yusuf di negeri itu supaya Kami dapat mengajarnya sebahagian dari ta'bir mimpi. Dan Allah amat berkuasa dalam segala urusan-Nya."

Lihatlah saudara-saudara Yusuf yang telah merancangkan sesuatu terhadap Yusuf, sedangkan Allah menghendaki sesuatu yang lain terhadapnya dan oleh sebab Allah berkuasa sepenuhnya di atas segala urusan-Nya, maka urusan-Nya jua yang tetap terlaksana, dan oleh sebab saudara-saudara Yusuf tidak mempunyai kuasa di atas urusan mereka, maka Yusuf telah terlepas dari tangan mereka dan terkeluar dari sasaran yang dirancangkan mereka:

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢١﴾

"Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui"(21)

yakni mereka tidak mengetahui bahawa Sunnatullah itu terus-menerus berkuatkuasa dan bahawa urusan Allah jualah yang tetap terlaksana.

Ayat yang berikut menjelaskan tujuan Allah terhadap Yusuf:

وَلِنُعَلِّمَهُۥ مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ

"Supaya dapat Kami mengajarnya sebahagian dari ta'bir mimpi."

Dan tujuan ini telah terlaksana apabila Yusuf meningkat usia dewasanya:

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُۥٓ ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٢٢﴾

"Dan apabila dia sampai umur dewasanya Kami kurniakan kepadanya hikmat dan ilmu pengetahuan. Demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin."(22)

Beliau telah dikurniakan kebolehan membuat keputusan yang betul dalam segala urusan di samping dikurniakan ilmu pengetahuan mengenai tujuan-tujuan percakapan-percakapan atau mengenai ta'bir mimpi atau mengenai sesuatu perkara yang lebih umum lagi seperti ilmu pengetahuan mengenai kehidupan dan selok-beloknya. Kata-kata al-Ahadith itu adalah satu kata-kata umum yang merangkumi banyak pengertian. Pengurniaan ini adalah sebagai balasan atas prestasinya yang amat baik dalam 'aqidah dan tingkahlakunya:

وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٢٢﴾

"Demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin."(22)

Ujian Godaan Perempuan

Di waktu inilah Yusuf menghadapi ujian yang kedua di dalam hidupnya dan ujian ini adalah lebih hebat dan lebih mendalam dari ujian yang pertama. Ujian ini datang ketika beliau telah dikurniakan kebijaksanaan membuat keputusan dan ilmu pengetahuan sebagai satu rahmat dari Allah untuk membolehkan menghadapi ujian ini, dan beliau telah terselamat di dalam ujian ini sebagai balasan atas prestasinya yang cemerlang yang telah dirakamkan Allah di dalam Al-Qur'an.

Sekarang marilah kita saksikan adegan hebat yang mencemaskan itu sebagaimana digambarkan oleh ayat-ayat yang berikut:

وَرَٰوَدَتْهُ ٱلَّتِى هُوَ فِى بَيْتِهَا عَن نَّفْسِهِۦ وَغَلَّقَتِ ٱلْأَبْوَٰبَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ ۚ قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ رَبِّىٓ أَحْسَنَ مَثْوَاىَ ۖ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ ۖ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَٰنَ رَبِّهِۦ ۚ كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

وَٱسْتَبَقَا ٱلْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُۥ مِن دُبُرٍ وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَا ٱلْبَابِ ۚ قَالَتْ مَا جَزَآءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوٓءًا إِلَّآ أَن يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٥﴾

قَالَ هِىَ رَٰوَدَتْنِى عَن نَّفْسِى ۚ وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّنْ

أَهْلِهَآ إِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٢٦﴾

وَإِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٧﴾

فَلَمَّا رَءَا قَمِيصَهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُۥ مِن كَيْدِكُنَّ ۖ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾

يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَا ۚ وَٱسْتَغْفِرِي لِذَنۢبِكِ ۖ إِنَّكِ كُنتِ مِنَ ٱلْخَاطِـِٔينَ ﴿٢٩﴾

"Dan perempuan (al-'Aziz) menggoda Yusuf yang tinggal di rumahnya, lalu ia menutup segala pintu seraya berkata: Marilah ke sini! Jawab Yusuf: Aku berlindung kepada Allah. Sesungguhnya Dia adalah Tuhanku yang telah memberi tempat kediaman yang baik kepadaku. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan beruntung(23). Dan perempuan itu telah mengingininya dan Yusuf juga (hampir) mengingininya jika tidak kerana dia melihat bukti dari Tuhannya. Demikianlah (taqdir Kami) untuk menghindarkan darinya keburukan dan kejahatan. Sesungguhnya Yusuf itu adalah dari golongan hamba-hamba Kami yang terpilih(24). Dan kedua-duanya berlumba-lumba ke pintu dan perempuan itu menarik baju Yusuf dari belakang hingga terkoyak dan kedua-duanya tiba-tiba bertembung dengan tuannya (al-'Aziz) di muka pintu, lalu dia terus berkata: Apakah balasan terhadap orang yang hendak melakukan kemungkaran terhadap isterimu selain dari dihukum penjara atau dikenakan keseksaan yang amat pedih?(25). Jawab Yusuf: Dialah yang menggoda diriku. Lalu seorang saksi dari keluarga perempuan itu berkata: Jika bajunya terkoyak di hadapan, maka dialah yang benar dan Yusuf adalah dari golongan orang-orang yang berdusta(26). Dan jika bajunya terkoyak di belakang, maka dialah yang berdusta dan Yusuf adalah dari golongan orang-orang yang benar(27). Apabila dia (al-'Aziz) melihat baju Yusuf itu terkoyak di belakang dia pun berkata: Sesungguhnya perbuatan itu adalah dari tipu daya kamu. Sesungguhnya tipu daya kamu amat besar(28). Wahai Yusuf! Abaikan sahaja peristiwa ini dan engkau (wahai Zulaikha) pohonlah keampunan terhadap dosamu kerana sesungguhnya engkau adalah dari golongan orang-orang yang bersalah."(29)

Ayat-ayat ini tidak menyebut berapakah usia wanita itu dan berapakah pula usia Yusuf? Marilah kita membuat kajian dalam soal ini.

Yusuf masih dalam usia budak ketika beliau dipungut oleh kafilah dan dijual di negeri Mesir, iaitu beliau dalam usia di sekitar empat belas tahun mungkin kurang lagi tetapi tidak lebih dari itu. Inilah usia yang dipanggilkan budak, dan selepas itu dipanggilkan pemuda dan kemudian dipanggilkan lelaki dewasa. Itulah usia yang wajar dikatakan oleh ayahnya Ya'kub:

وَأَخَافُ أَن يَأْكُلَهُ ٱلذِّئْبُ

"Aku pula bimbang dia akan dimakan serigala."(13)

Dalam waktu yang sama perempuan itu adalah seorang perempuan yang telah bersuami. Dia dan suaminya belum lagi mempunyai anak sebagaimana dapat difahamkan dari kata-kata suaminya tadi:

عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوْ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدًا ۚ

"Atau kita ambilkannya sebagai anak angkat."(21)

Fikiran hendak mengambil anak angkat ini biasanya tidak timbul di dalam hati mereka melainkan apabila mereka tidak mempunyai anak, iaitu mereka tidak mempunyai harapan atau hampir-hampir tidak mempunyai harapan untuk mendapat anak. Tentulah perkahwinan mereka telah berlangsung agak lama, di mana mereka sedar bahawa mereka tidak akan mendapat anak. Walau bagaimanapun adalah diduga bahawa usia seseorang yang menjadi perdana menteri Mesir adalah tidak kurang dari empat puluh tahun dan usia isterinya ketika itu adalah di sekitar tiga puluh tahun.

Dan kami juga menduga bahawa usia isterinya itu telah mencapai empat puluh tahun ketika Yusuf berusia dua puluh lima tahun atau di sekitarnya. Itulah peringkat umur mereka ketika berlakunya peristiwa ini. Kami tarjihkan pendapat ini, kerana cara perempuan itu bertindak di dalam peristiwa ini dan peristiwa selanjutnya menunjukkan dia seorang perempuan yang cukup matang dan berani. Dia benar-benar menguasai perancangan tipu muslihatnya dan benar-benar asyikkan budaknya. Kami tarjihkan pendapat ini berdasarkan perkataan wanita-wanita di kota selepas ayat iaitu:

وَقَالَ نِسْوَةٌ فِى ٱلْمَدِينَةِ ٱمْرَأَتُ ٱلْعَزِيزِ تُرَٰوِدُ فَتَىٰهَا عَن نَّفْسِهِۦ ۖ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا ۖ إِنَّا لَنَرَىٰهَا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٣٠﴾

"Dan berkatalah wanita-wanita di kota itu perempuan al-'Aziz menggoda budaknya. Cintanya telah meresap ke selaput hatinya. Sesungguhnya Kami memandangnya berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(30)

Walaupun kata-kata "فَتَى" itu diistilahkan dengan makna "hamba", tetapi ia tidak diucapkan kecuali hakikat pengertian muda itu terdapat pada umur Yusuf itu sendiri. Pendapat ini disokong oleh saksi-saksi keadaan.

Kita membuat kajian ini untuk mencapai satu kesimpulan yang tertentu supaya dapat kita katakan bahawa pengalaman atau ujian yang ditempuh oleh Yusuf itu bukan sahaja dalam menghadapi pujuk rayu dalam adegan ini sebagaimana yang digambarkan oleh ayat-ayat tadi, malah itulah pengalaman dan ujian dalam hidup Yusuf di sepanjang zaman remajanya di dalam suasana istana dengan perempuan ini yang sedang berusia di antara tiga

puluh dan empat puluh tahun, disertai pula dengan suasana istana yang bebas dan suasana masyarakat yang dibayangkan oleh perkataan suaminya (al-'Aziz) apabila ia terserempak dengan isterinya bersama Yusuf:

يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَا ۚ وَٱسْتَغْفِرِي لِذَنۢبِكِ ۖ إِنَّكِ كُنتِ مِنَ ٱلْخَاطِـِٔينَ ﴿٢٩﴾

"Wahai Yusuf! Abaikan sahaja peristiwa ini dan engkau (wahai Zulaikha) pohonkanlah keampunan terhadap dosamu kerana sesungguhnya engkau adalah dari golongan orang-orang yang bersalah"(29)

juga dibayangkan oleh umpat cela wanita-wanita kota terhadap perbuatan perempuan al-'Aziz itu, dan sebagai jawapannya ia telah mengadakan satu majlis jamuan di mana Yusuf disuruh keluar di hadapan mereka menyebabkan mereka semuanya terpesona kepada Yusuf dan mengeluarkan kata-kata yang mengkagumi kecantikan Yusuf, dan di waktu inilah wanita itu berkata:

وَلَقَدْ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ فَٱسْتَعْصَمَ ۖ وَلَئِن لَّمْ يَفْعَلْ مَآ ءَامُرُهُۥ لَيُسْجَنَنَّ وَلَيَكُونًا مِّنَ ٱلصَّـٰغِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Sesungguhnya akulah yang telah menggodanya, tetapi dia enggan. Dan demi sesungguhnya jika dia tidak mematuhi perintahku kepadanya nescaya dia akan dihukum penjara dan dia akan menjadi dari golongan orang-orang yang hina-dina."(32)

Masyarakat yang membenarkan perkara-perkara ini tentulah satu masyarakat istimewa iaitu masyarakat golongan atasan yang selama-lamanya hidup mewah, di mana Yusuf hidup dan terdidik selaku seorang hamba dalam usia yang penuh godaan. Inilah ujian yang panjang yang telah dilalui Yusuf dengan gigih dan tabah dan beliau telah terselamat darinya, dari kesan-kesannya, godaan-godaannya, dari cara hidupnya yang hanyut dan sarana-sarananya yang keji. Umur Yusuf dan umur perempuan (al-'Aziz) yang hidup bersama di bawah satu bumbung istana di sepanjang masa itu mempunyai nilai dalam menentukan sejauh mana besarnya godaan-godaan itu, sejauh mana hebatnya ujian itu dan sejauh mana sulitnya untuk bertahan dalam masa yang begitu panjang. Adapun ujian kali ini seandainya ia merupakan satu-satunya ujian yang mendadak tanpa didahului oleh godaan yang lama tentulah tidak payah dan sulit kepada Yusuf untuk mempertahankan diri dari godaan itu terutama pula dalam kes ini, di mana dia menjadi pihak yang dikehendaki bukannya pihak yang menghendaki. Kadang-kadang sikap yang keterlaluan seorang perempuan itu boleh menghalangkan keinginan lelaki dan perempuan (al-'Aziz) ini memanglah terlalu kasih kepada Yusuf.

Sekarang marilah kita mempelajari nas-nas Al-Qur'an:

وَرَٰوَدَتْهُ ٱلَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَن نَّفْسِهِۦ وَغَلَّقَتِ ٱلْأَبْوَٰبَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ ۚ

"Dan perempuan (al-'Aziz) menggoda Yusuf yang tinggal di rumahnya, lalu ia menutup segala pintu seraya berkata: Marilah ke sini!"(23)

Kini jelaslah bahawa pujukan pada kali ini adalah satu pujukan yang terbuka, di mana dia membuat pelawaan yang berterus terang kepada perlakuan sumbang, dan gerakan menutup pintu itu biasanya tidak berlaku melainkan dalam sa'at-sa'at yang akhir, di mana penumpuan telah sampai kepada detik-detik penentu yang membakar nafsu keinginan jasad yang kuat dan terakhir.

وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ ۚ

"Seraya ia berkata: Marilah ke sini."

Pelawaan yang terbuka, terus terang dan kasar ini tentulah bukannya pelawaan yang pertama kali dari perempuan (al-'Aziz) itu, malah pelawaan ini merupakan pelawaan terakhir. Pelawaan itu tidak berlaku sama sekali jika perempuan itu tidak merasa terpaksa melakukannya. Dia hidup bersama seorang pemuda yang sedang berkembang dan sempurna kemudaan dan kekuatannya, dan keperempuanannya juga sedang berkembang sempurna dan matang. Oleh itu tentulah di sana telah wujud berbagai-bagai godaan secara halus sebelum berlakunya peristiwa yang mendadak dan kasar ini.

قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ رَبِّيٓ أَحْسَنَ مَثْوَايَ ۖ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Jawab Yusuf: Aku berlindung kepada Allah. Sesungguhnya Dia adalah Tuhanku yang telah memberi tempat kediaman yang baik kepadaku. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan beruntung."(23)

قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ ۖ

"Aku berlindung kepada Allah."

Yakni aku pohon Allah melindungkan diriku dari melakukan perbuatan ini.

إِنَّهُۥ رَبِّيٓ أَحْسَنَ مَثْوَايَ ۖ

"Sesungguhnya Dia adalah Tuhanku yang telah memberi tempat kediaman yang baik kepadaku."(23)

Yakni Allah telah memuliakanku dengan menyelamatkanku dari perigi dan menjadikan rumah ini tempat kediamanku yang baik dan aman.

إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang zalim ia tidak akan beruntung."(23)

Nas di sini amat jelas dan terang bahawa jawapan Yusuf secara langsung kepada pujukan yang terbuka itu ialah beliau enggan dan menolak yang disertai dengan kenangan beliau terhadap ni'mat Allah ke atas dirinya, juga disertai dengan kesedaran beliau mengingati batas larangan Allah dan balasan-balasan-Nya terhadap mereka yang melampaui batas-batas itu. Yusuf tidak pernah menyambut dari awal-awal lagi pelawaan perempuan yang kasar dan terbuka itu setelah ditutupkan pintu dan setelah dipelawakan dengan kata-kata yang terus terang yang diperikan oleh Al-Qur'an secara hemat dan santun itu:

وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ

"Seraya berkata: Marilah ke sini!"(23)

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَٰنَ رَبِّهِۦ

"Dan perempuan itu telah mengingininya dan Yusuf juga (hampir) mengingininya jika tidak kerana dia melihat bukti dari Tuhannya."(24)

Seluruh Mufassirin lama dan baru telah menumpukan pandangan mereka kepada babak peristiwa yang terakhir ini. Golongan Mufassirin yang mengikuti cerita-cerita Israeliyat telah meriwayatkan berbagai-bagai dongeng, di mana mereka menggambarkan Yusuf sedang dirangsang oleh keinginan nafsu berahi yang melonjak-lonjak dan Allah menahannya dengan berbagai-bagai bukti, tetapi tidak berjaya menghalangkannya. Mula-mula diperlihatkan kepadanya rupa ayahnya Ya'kub di atas bumbung tempat tidur itu sedang menggigit jarinya, kemudian diperlihatkan pula loh-loh yang ditulis dengan ayat-ayat Al-Qur'an - Ya ayat Al-Qur'an! - yang melarang perbuatan yang mungkar ini, tetapi Yusuf tidak juga berganjak sehingga Allah menghantar Jibril dan memerintah kepadanya: "Selamatkan hamba-Ku", lalu Jibril pun datang dan menumbuk dada Yusuf... Beginilah berlangsungnya dongeng-dongeng ini hingga akhirnya, iaitu cerita-cerita dongeng yang diikuti oleh setengah-setengah perawi yang nampak jelas dipalsu dan direka-rekakan sahaja.

Adapun golongan Mufassirin yang terbesar mereka mentafsirkan (ayat ini) bahawa perempuan itu mengingini Yusuf dengan keinginan dalam bentuk tindakan dan Yusuf mengingininya secara keinginan yang terlintas dalam hati sahaja kemudian dia ternampak bukti Allah lalu dia pun mengabaikan keinginan itu.

Al-marhum asy-Syeikh Rasyid Ridha dalam tafsir al-Manar telah menolak pendapat golongan Mufassirin terbesar itu dan berkata: Bahawa maksud ayat ini (ialah) perempuan itu hendak memukul Yusuf dengan sebab keengganan dan penghinaannya terhadap dirinya sebagai tuan yang berkuasa dan Yusuf pula ingin membalas pukulan itu, tetapi dia memilih lari lalu dia dikejar oleh perempuan itu dan menarik bajunya hingga terkoyak di bahagian punggungnya. Pentafsiran ayat (همّت به وهمّ بها) dengan makna ingin memukul dan ingin membalas pukulan adalah satu perkara yang tidak mempunyai sebarang dalil di dalam ayat itu. Oleh itu pentafsiran ini hanya merupakan satu pendapat sahaja untuk menjauhkan Yusuf dari makna hendak melakukan perbuatan itu atau menaruh keinginan untuk melakukannya. Ini merupakan suatu pentafsiran yang tidak tabi'i dan jauh dari maksud ayat.

Adapun pengertian yang terlintas di dalam hati saya sewaktu menyemak nas-nas di sini dan menyemak suasana-suasana yang dihayati Yusuf di dalam istana bersama perempuan yang matang ini di sepanjang waktu yang lama, iaitu sejak beliau belum lagi dikurniakan hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan dan selepas beliau mendapat pengurniaan itu, maka yang terlintas dalam hati saya bahawa maksud firman:

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَٰنَ رَبِّهِۦ

"Dan perempuan itu telah mengingininya dan Yusuf juga (hampir) mengingininya jika tidak kerana dia melihat bukti dari Tuhannya"(24)

ialah menggambarkan kemuncak godaan yang berlangsung sekian lama setelah pada mulanya beliau enggan dan menolak. Ini adalah suatu gambaran yang realistik dan benar terhadap keadaan jiwa manusia yang soleh di dalam detik-detik mempertahan diri dan detik-detik kelemahannya, di mana akhirnya beliau memohon perlindungan dari Allah dan mendapat keselamatan, tetapi penjelasan Al-Qur'an tidak memperincikan perasaan-perasaan yang bertarung dan bertentangan dalam jiwa itu, kerana metodologi Al-Qur'an tidak mahu menjadikan detik-detik (godaan nafsu ini) sebagai satu babak tayangan yang mengambil ruang yang lebih banyak dari ruang yang wajar dengannya dalam skop kisah itu, dan dalam skop hidup manusia yang sepadu. Al-Qur'an hanya menyebut dua babak sikap yang diambil Yusuf iaitu babak keengganannya yang pertama dan babak keengganannya yang akhir di samping menyentuh detik-detik kelemahan di antara kedua babak itu untuk memberi gambaran yang sepadu, benar, realistik dan mewujudkan suasana yang bersih.

Inilah pendapat yang terlintas di dalam hati kami apabila kami mempelajari nas-nas dan memahami suasana-suasana dan keadaan-keadaan (dalam kisah ini). Pendapat ini lebih hampir kepada tabi'at manusia dan kepada konsep kema'suman nabi, kerana Yusuf tidak lain dan tidak bukan melainkan hanya seorang manusia. Ya! Beliau seorang manusia yang terpilih oleh sebab itu keinginannya terhadap perempuan tidak melebihi dari keinginan yang terlintas di dalam hati sahaja dalam detik-detik peristiwa itu dan setelah beliau melihat bukti dari Allah yang terdetik di dalam hati nuraninya selepas melalui detik kelemahan yang

tiba-tiba melanda itu, dia pun kembali kepada sikap enggan dan menolak (godaan perempuan itu).[5]

كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

"Demikianlah (taqdir Kami) untuk menghindarkan darinya keburukan dan kejahatan."(24)

وَٱسْتَبَقَا ٱلْبَابَ

"Dan kedua-duanya berlumba-lumba ke pintu."

Yakni Yusuf memilih jalan menghindarkan diri setelah beliau sedar, sedangkan perempuan itu berlari di belakangnya untuk memegang beliau kerana dia masih terkongkong kepada nafsu berahi haiwaniyahnya yang melonjak-lonjak.

وَقَدَّتْ قَمِيصَهُۥ مِن دُبُرٍ

"Dan perempuan itu menarik baju Yusuf hingga terkoyak!"

akibat tarikannya untuk menghalangkan Yusuf menuju pintu.

Tiba-tiba berlaku sesuatu yang tidak terduga:

وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَا ٱلْبَابِ ۚ

"Dan kedua-duanya tiba-tiba bertembung dengan tuannya (al-'Aziz) di muka pintu."

Di sini terserlah kematangan wanita itu, di mana ia mempunyai jawapan yang telah disediakan untuk menghadapi pertanyaan yang dibisikkan senario yang meragukan itu. Dia terus menuduh Yusuf:

"Seraya berkata (perempuan al-'Aziz): Apakah balasan terhadap orang yang hendak melakukan kejahatan terhadap isterimu?"

Tetapi perempuan itu cintakan Yusuf dan dia bimbangkan keselamatannya lalu dia pun menyarankan satu balasan yang selamat:

إِلَّآ أَن يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٥﴾

"Selain dari dihukum penjara atau dikenakan keseksaan yang amat pedih."(25)

Lalu Yusuf menceritakan hakikat yang sebenar di hadapan tuduhan yang palsu ini:

قَالَ هِىَ رَٰوَدَتْنِى عَن نَّفْسِى ۚ

"Jawab Yusuf: Dialah yang menggoda diriku."

Dan di sini ayat yang berikut menyebut ada seorang dari keluarga perempuan itu yang dapat menyelesaikan perbalahan ini dengan penerangannya:

وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّنْ أَهْلِهَآ إِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٢٦﴾ وَإِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٧﴾

"Lalu seorang saksi dari keluarga perempuan itu berkata: Jika bajunya terkoyak di hadapan, maka dialah yang benar dan Yusuf adalah dari golongan orang-orang yang berdusta, dan jika bajunya terkoyak di belakang, maka dialah yang berdusta dan Yusuf adalah dari golongan orang-orang yang benar."(26-27)

Di mana dan bilakah saksi ini mengemukakan penerangannya ini? Adakah dia ada bersama tuannya (suaminya mengikut istilah orang Mesir) dan turut menyaksikan peristiwa itu? Atau suaminya memanggil dia dan menerangkan perkara ini kepadanya sebagaimana biasa berlaku dalam keadaan yang seperti ini seorang akan memanggil orang tua dari keluarga perempuan untuk meminta pandangan dan pendapatnya terutama di kalangan golongan atasan yang mempunyai darah kecemburuan yang dingin dan nilai-nilai yang goyah.

Kedua-duanya mungkin belaka dan ia tidak mengubahkan apa-apa. Al-Qur'an menamakan penerangan lelaki itu sebagai kesaksian kerana apabila dia diminta pandangannya dalam kejadian itu, di mana perbalahan telah berlaku di antara dua pihak dan setiap pihak masing-masing mengeluarkan

---

[5] *Ujar al-Zamakhsyari dalam al-Kasysaf: "Jika anda bertanya bagaimana mungkin seorang nabi menaruh kecenderungan hendak melakukan maksiat? Saya menjawab: Maksudnya beliau menaruh kecenderungan kepada persetubuhan kerana didorong oleh nafsu keberahian muda yang kuat, iaitu kecenderungan yang menyerupai keinginan dan kehendak untuk melakukannya seperti diperlukan oleh gambaran keadaan, di mana nafsu keberahian hampir-hampir menghilangkan fikiran dan keazaman, sedangkan beliau berusaha untuk mematah dan menolak nafsu keinginannya dengan memikirkan bukti Allah yang diwajibkan ke atas orang-orang mukallaf supaya menjauhi segala perkara yang haram. Seandainya tidak wujud kecenderungan yang kuat yang dinamakan sebagai keinginan dan kehendak untuk melakukannya tentulah keengganan Yusuf (menyambut godaan perempuan itu) tidak dipuji oleh Allah, kerana sanjungan terhadap kesabarannya dalam menghadapi ujian itu adalah mengikut sebesar mana dan sekuat mana ujian itu. "Demikianlah berakhirnya pendapat al-Zamakhsyari. Pada umumnya pendapat ini adalah betul tanpa memandang kepada isyarat kefahaman Mu'tazilah yang dianutinya yang terdapat pada perkataan beliau. "Sedangkan beliau berusaha untuk mematah dan menolak nasfu keinginannya dengan memikirkan bukti Allah yang diwajibkan ke atas orang-orang mukallaf, supaya mereka menjauhi segala perkara yang haram". Ini adalah isyarat dari beliau terhadap kefahaman Mu'tazilah yang berpendapat bahawa bukti itu ialah bukti aqliyah, sedangkan bukti yang diwajibkan Allah ke atas orang-orang mukallaf ialah perintah-perintah yang diwajibkan di dalam syari'at-Nya.... tetapi ini hanya suatu perselisihan mazhab yang tidak ada kena-mengena dengan kita di sini dan pada umumnya ia merupakan pendapat yang asing dari kefahaman Islam!*

tuduhannya, maka fatwa dan pandangannya ini dinamakan kesaksian kerana ia dapat menolong menyelesaikan kes perbalahan itu dan dapat menyampaikan kepada keputusan yang benar, iaitu andainya baju Yusuf terkoyak di hadapan, maka itulah kesan pergelutan perempuan itu mempertahankan dirinya ketika Yusuf hendak mencerobohi kehormatannya dan inilah bukti dia benar dan Yusuf itu dusta, dan seandainya baju Yusuf terkoyak di belakang, maka itulah kesan percubaan Yusuf untuk melepaskan diri darinya dan tanda percubaan perempuan itu mengejarnya hingga ke pintu dan inilah bukti perempuan itu dusta dan Yusuf itu benar. Lelaki itu mendahului andaian yang pertama kerana jika andaian ini betul menunjukkan perempuan itu benar dan Yusuf itu salah, sedangkan perempuan itu tuan dan Yusuf itu budak abdi sahaja, maka tentulah elok dari segi adab cara yang sopan dia mendahulukan andaian yang pertama, tetapi andaian ini tetap tidak terkeluar dari menjadi bukti.

فَلَمَّا رَءَا قَمِيصَهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ

"Apabila dia (al-'Aziz) melihat baju Yusuf itu terkoyak dari belakang"

maka ternyatalah kepadanya mengikut kesaksian yang berlandaskan logik kenyataan bahawa isterinyalah yang telah memujuk Yusuf dan dialah yang merancangkan tuduhan itu. Di sini terserlah di hadapan kita gambaran "golongan atasan" yang hidup dalam jahiliyah ribuan tahun sebelum ini. Dan gambaran golongan ini seolah-olah sama dengan gambaran golongan atasan hari ini yang bersikap lembut di dalam menghadapi tembelang perlakuan-perlakuan seks yang sumbang dan cenderung menyembunyikannya dari masyarakat. Itulah hakikat yang penting.

قَالَ إِنَّهُۥ مِن كَيْدِكُنَّ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾

"Dia pun berkata: Sesungguhnya perbuatan itu adalah dari tipu daya kamu. Sesungguhnya tipu daya kamu amat besar."(28)

يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَا وَٱسْتَغْفِرِى لِذَنۢبِكِ إِنَّكِ كُنتِ مِنَ ٱلْخَاطِـِٔينَ ﴿٢٩﴾

"Wahai Yusuf! Abaikan sahaja peristiwa ini dan engkau (wahai Zulaikha) pohonlah keampunan terhadap dosamu kerana sesungguhnya engkau adalah dari golongan orang-orang yang bersalah."(29)

Beginilah sahaja ulasannya: "Sesungguhnya perbuatan itu dari tipu daya kamu. Sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar?". Itulah cara sopan santun menghadapi peristiwa sumbang yang sepatutnya mendidihkan darah, dan itulah caranya dia berlembut dalam menghadapi isterinya dalam keseluruhan persoalan skandal seks itu, iaitu cara yang seolah-olah serupa dengan memuji. (Kepintaran isterinya) kerana isterinya tidak tersinggung apa-apa apabila dikatakan kepadanya: **"Tipu daya kamu amatlah besar"**, malah pada perasaannya perkataan itu menunjukkan bahawa dia seorang perempuan yang cukup matang dan mempunyai kebolehan yang bijak untuk melakukan tipu daya yang besar.

Kemudian dia menoleh pula kepada Yusuf yang tidak bersalah itu (seraya berkata):

يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَا

"Wahai Yusuf abaikan sahaja peristiwa ini."

Yakni lupakannya sahaja dan janganlah lagi engkau memandang berat kepadanya dan janganlah pula engkau menceritakan perkara ini kepada orang lain. Itulah yang penting... demi menjaga imej.

Kemudian dia memberi nasihat kepada isterinya yang telah menggoda budak abdinya (supaya melakukan kemungkaran) dan dapat ditangkap ketika ia memujuknya dan mengoyakkan bajunya:

وَٱسْتَغْفِرِى لِذَنۢبِكِ إِنَّكِ كُنتِ مِنَ ٱلْخَاطِـِٔينَ ﴿٢٩﴾

"Dan engkau (wahai Zulaikha) pohonkanlah keampunan terhadap dosamu kerana sesungguhnya engkau adalah dari golongan orang-orang yang bersalah"(29)

Itulah golongan bangsawan dari para pembesar pemerintah dalam semua masyarakat jahiliyah. Semuanya (mempunyai pendirian yang) hampir-hampir sama belaka.

Kemudian tirai dilabuhkan menutup semua adegan itu. Al-Qur'an telah menggambarkan detik-detik peristiwa sumbang itu dengan segala keadaan dan suasananya, juga dengan segala perasaan dan emosinya, tetapi gambaran itu tidak sampai menjadikan peristiwa itu sebagai satu pameran yang menayangkan nafsu kebinatangan yang berterus terang dan sebagai paya (seni) yang menggambarkan keberahian seksual yang tercela itu.

* * * * * *

Kemudian hubungan di antara perempuan (al-'Aziz) dengan budaknya Yusuf tidak terhalang apa-apa. Demikianlah berlalunya kejadian itu dan demikianlah berlalunya peristiwa-peristiwa sumbang di istana-istana.

Tetapi istana-istana mempunyai dinding-dinding, khadam-khadam dan pelayan-pelayan dan apa yang berlaku di dalam istana-istana tidak mungkin tertutup begitu sahaja terutama di kalangan kaum bangsawan, di mana perempuan-perempuan mereka begitu gemar berbual-bual mengenai perkara-perkara yang berlaku di dalam kalangan mereka dan bercakap-cakap tentang peristiwa-peristiwa sumbang, di majlis-majlis pertemuan dan dalam kunjungan-kunjungan mereka:

وَقَالَ نِسْوَةٌ فِى ٱلْمَدِينَةِ ٱمْرَأَتُ ٱلْعَزِيزِ تُرَٰوِدُ فَتَىٰهَا عَن نَّفْسِهِۦ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا إِنَّا لَنَرَىٰهَا فِى

ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ۝٣٠

"Dan berkatalah wanita-wanita di kota itu perempuan al-'Aziz menggoda budaknya. Cintanya telah meresap ke selaput hatinya. Sesungguhnya kami memandangnya berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(30)

Itulah perbualan dan percakapan yang sama dengan perbualan dan percakapan kaum perempuan dari setiap masyarakat jahiliyah di sekitar kejadian-kejadian sumbang seperti ini. Di sini buat pertama kalinya kita mengetahui bahawa perempuan itu ialah isteri al-'Aziz dan lelaki dari Mesir yang membeli Yusuf itu ialah seorang pembesar iaitu Perdana Menteri Mesir. Ini diumumkan bersama-sama pengumuman peristiwa sumbang yang besar itu apabila ceritanya tersebar di kota Mesir:

ٱمْرَأَتُ ٱلْعَزِيزِ تُرَٰوِدُ فَتَىٰهَا عَن نَّفْسِهِۦ ۖ

"Perempuan al-'Aziz menggoda budaknya."

Kemudian diterangkan keadaan hubungannya dengan Yusuf:

قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا

"Cintanya telah meresap ke selaput hatinya."

Yakni dia terpesona kepada Yusuf dan cintanya terhadap beliau telah meresap dan mengoyak selaput hatinya. Kata-kata **"شغاف"** bererti selaput halus yang membungkus hati.

إِنَّا لَنَرَىٰهَا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ۝٣٠

"Sesungguhnya Kami memandangnya berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(30)

Dia seorang tokoh perempuan yang terkemuka dan isteri kepada seorang pembesar negeri telah terpesona kepada seorang budak belian dari bangsa Ibrani. Mungkin juga wanita-wanita itu memperkatakan tentang kehebohan nama isteri pembesar itu dengan sebab terbongkarnya peristiwa sumbang itu. Kehebohan skandal itu sahaja yang dikritikkan mengikut kelaziman kalangan atasan dan bukannya perlakuan skandal itu sendiri yang dikritik sekiranya ia tersembunyi di belakang tabir.

* * * * * *

Di sini juga berlaku sesuatu yang tidak mungkin berlaku melainkan dalam masyarakat golongan atasan seperti ini. Ayat-ayat berikut menayangkan senario dari ciptaan wanita yang berani itu yang tahu bagaimana hendak menghadapi wanita-wanita golongan atasan sepertinya dengan tipu daya yang sama dengan tipu daya mereka:

فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ
مُتَّكَـًٔا وَءَاتَتْ كُلَّ وَٰحِدَةٍ مِّنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ ٱخْرُجْ
عَلَيْهِنَّ ۖ فَلَمَّا رَأَيْنَهُۥٓ أَكْبَرْنَهُۥ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ
حَٰشَ لِلَّهِ مَا هَٰذَا بَشَرًا إِنْ هَٰذَآ إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ۝٣١
قَالَتْ فَذَٰلِكُنَّ ٱلَّذِى لُمْتُنَّنِى فِيهِ ۖ وَلَقَدْ رَٰوَدتُّهُۥ عَن
نَّفْسِهِۦ فَٱسْتَعْصَمَ ۖ وَلَئِن لَّمْ يَفْعَلْ مَآ ءَامُرُهُۥ
لَيُسْجَنَنَّ وَلَيَكُونًا مِّنَ ٱلصَّٰغِرِينَ ۝٣٢

"Apabila dia (perempuan al-'Aziz) mendengar kata nista mereka, dia pun menyuruh orang memanggil mereka dan menyediakan tempat duduk untuk mereka kemudian dia memberi sebilah pisau (memotong makanan) kepada setiap orang dari mereka dan kemudian dia berkata (kepada Yusuf): Keluarlah di hadapan mereka. Apabila mereka melihat Yusuf mereka terus terpesona kepadanya dan terhiris tangan mereka sendiri seraya berkata: Maha Suci Allah! Ini bukannya manusia, ini tidak lain melainkan seorang malaikat yang mulia(31). Berkatalah (perempuan al-'Aziz) itulah dia lelaki yang kamu telah mencercakanku keranannya. Sesungguhnya akulah yang telah menggodanya, tetapi dia enggan. Dan demi sesungguhnya jika dia tidak mematuhi perintahku kepada-Nya nescaya dia akan dihukum penjara dan dia akan menjadi dari golongan orang-orang yang hina-dina."(32)

Yakni dia telah mengadakan untuk mereka satu majlis jamuan di istananya, dan di sini kita dapat faham bahawa wanita-wanita ini adalah dari golongan atasan kerana merekalah kaum wanita yang selalunya diundang ke majlis-majlis jamuan di istana-istana dan merekalah yang wajar ditegur dengan cara-cara yang halus ini. Mereka nampaknya makan sambil beristirehat pada bantal-bantal sandar dan kusyen-kusyen mengikut adat orang-orang Timur di zaman itu. Dialah yang menyediakan bantal-bantal sandar di samping menyediakan sebilah pisau bagi setiap tamu untuk memotong makanan, dan dari sini kita dapat faham bahawa tamadun kebendaan di Mesir telah mencapai tahap yang amat tinggi dan kemewahan di istana-istana begitu lumayan, kerana penggunaan pisau makan ribuan tahun sebelum ini mempunyai nilainya yang besar yang menggambarkan kemewahan dan tamadun kebendaan. Ketika mereka sedang asyik memotong daging atau menguliti buah-buahan, dia memeranjatkan mereka dengan kehadiran Yusuf.

وَقَالَتِ ٱخْرُجْ عَلَيْهِنَّ ۖ

"Kemudian dia berkata (kepada Yusuf): Keluarlah di hadapan mereka."

فَلَمَّا رَأَيْنَهُۥٓ أَكْبَرْنَهُۥ

"Apabila mereka melihat Yusuf mereka terus terpesona kepadanya."

Yakni mereka terus terpesona kepada ketampanan rupa paras Yusuf

وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ

"Dan terhiris tangan mereka sendiri."

Yakni mereka telah melukakan tangan mereka (di luar kesedaran) kerana kejutan kepesonaan yang mendadak itu.

وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ

"Seraya berkata: Maha Suci Allah."

Itulah kalimat tanzih yang diucapkan di sini untuk menyatakan rasa kagum mereka terhadap ciptaan Allah yang cantik itu.

مَا هَٰذَا بَشَرًا إِنْ هَٰذَآ إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾

"Ini bukannya manusia. Ini tidak melainkan seorang malaikat yang mulia[6]."(31)[(1)]

Ungkapan-ungkapan ini menjadi bukti - sebagaimana telah kami terangkan dalam pendahuluan surah ini - yang menunjukkan adanya resapan pengajaran-pengajaran agama tauhid di zaman itu.

Kini perempuan al-'Aziz melihat dia telah berjaya menewaskan wanita-wanita yang sekelas dengannya. Mereka juga telah turut terpesona kepada rupa paras Yusuf yang tampan itu. Oleh sebab itu dia pun terus mengeluarkan kata-kata seorang perempuan yang menang, yang tidak menaruh perasaan silu malu di hadapan wanita yang sejenis dan sekelas dengannya, kata-kata seorang perempuan yang merasa bangga di hadapan mereka, kerana Yusuf berada dalam genggamannya walaupun beliau sukar ditundukkan pada kali yang pertama, namun dia masih mampu untuk menundukkan beliau pada kali yang lain nanti.

قَالَتْ فَذَٰلِكُنَّ ٱلَّذِى لُمْتُنَّنِى فِيهِ

"Berkatalah (perempuan al-'Aziz): Itulah dia lelaki yang telah kamu mencercakanku kerananya."

Yakni tengoklah sendiri (ketampanan) Yusuf yang telah mempesona dan mengkagumi kamu itu.

وَلَقَدْ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ فَٱسْتَعْصَمَ

"Sesungguhnya akulah yang telah menggodanya tetapi dia enggan."

Yakni ia telah mempesonakanku persis seperti ia mempesonakan kamu semua, lalu aku menggodanya, tetapi dia menolak. Dia mahu mengatakan bahawa Yusuf telah mengalami kesukaran untuk menolak pujukan dan godaannya. Kemudian dia memperlihatkan kepada mereka kuasanya ke atas Yusuf di hadapan mereka dan menunjukkan kesombongan perempuan dari golongan atasan hingga ia tidak merasa silu malu memperkatakan nafsu keinginannya dengan terus terang dan terbuka di majlis kaum wanita itu:

وَلَئِن لَّمْ يَفْعَلْ مَآ ءَامُرُهُۥ لَيُسْجَنَنَّ وَلَيَكُونًا مِّنَ ٱلصَّٰغِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Dan demi sesungguhnya jika dia tidak mematuhi perintahku kepadanya nescaya dia akan dihukum penjara dan dia akan menjadi dari golongon orang-orang yang hina-dina."(32)

Itulah pernyataan yang membayangkan kedegilan, kesombongan, ancaman dan godaannya yang baru terhadap Yusuf dalam suasana ugutan.

Yusuf mendengar ancaman ini dalam perhimpunan wanita yang terpesona kepadanya, di mana mereka memperlihatkan ciri-ciri kejelitaan mereka masing-masing di majlis-majlis yang seperti itu. Dari ayat yang berikut kita dapat memahami bahawa mereka adalah wanita-wanita yang terpesona dan wanita-wanita cantik yang mempesonakan yang ingin menghadapi Yusuf, dan sebagai jawapan kepada ancaman tuan rumah itu Yusuf berseru kepada Allah:

قَالَ رَبِّ ٱلسِّجْنُ أَحَبُّ إِلَىَّ مِمَّا يَدْعُونَنِىٓ إِلَيْهِ

"Yusuf merayu (kehadrat Allah) dengan berkata: Wahai Tuhanku! Penjara itu lebih dicintaiku dari apa yang mereka pinta aku melakukannya."

Dia tidak berkata "Dari apa yang engkau pinta aku melakukannya" kerana mereka sekalian turut sama mengajak beliau berasmara sama ada dengan perkataan atau dengan gerak-geri atau dengan jelingan-jelingan. Beliau memohon pertolongan Allah agar menghindarkan darinya segala percubaan mereka yang hendak menjatuhkannya ke dalam perangkap mereka kerana beliau takut lemah di sa'at-sa'at menghadapi godaan mereka yang berterusan yang akan menyebabkan berlakunya segala apa yang dibimbanginya selama ini. Beliau berdo'a kepada Allah supaya menyelamatkannya dari godaan itu:

وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّى كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٣٣﴾

"Dan jika Engkau tidak menghindarkan tipu daya mereka dariku nescaya aku akan terpesona kepada mereka dan tentulah aku termasuk di dalam golongan orang-orang yang bodoh."(33)

---

6 *Para Perawi dan para Mufassirin telah memenatkan diri mereka dalam memerikan kecantikan Yusuf yang telah mempesonakan perempuan-perempuan itu dan (khususnya) isteri al-'Aziz. Mereka memberi sifat-sifat kecantikan yang lebih hampir dengan sifat-sifat kecantikan perempuan. Sebenarnya sifat-sifat yang seperti ini tidaklah mempesonakan kaum perempuan, malah kecantikan kelakian itu terletak pada kesempurnaan sifat-sifat dan rupa paras kelakian, walaupun di sana ada kemungkinan yang lain iaitu kaum perempuan golongan atasan, seringkali menyeleweng dari tabi'at semulajadi mereka, iaitu mereka mengkagumi sifat-sifat dan rupa paras yang dianggap cantik pada kaum perempuan dan mengabaikan sifat-sifat kelakian yang lain yang terdapat pada kaum lelaki.*

Itulah permintaan seorang insan yang arif dengan tabi'at kemanusiaannya. Dia tidak terpedaya dengan sifat ma'sumnya, malah dia memohon pemeliharaan dan pengawasan Allah yang lebih banyak lagi untuk membantu-Nya dalam menghadapi fitnah, tipu daya dan godaan perempuan.

فَٱسۡتَجَابَ لَهُۥ رَبُّهُۥ فَصَرَفَ عَنۡهُ كَيۡدَهُنَّۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٣٤

"Lalu Allah memperkenankan do'anya dan menghindarkan tipu daya mereka darinya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(34)

Penghindaran ini mungkin berlaku dengan menimbulkan perasaan putus asa di dalam hati mereka untuk mendapat sambutan Yusuf terhadap pujuk rayu mereka selepas ujian ini, atau mungkin juga dengan menambahkan lagi usaha Yusuf menjauhkan dirinya dari godaan-godaan mereka sehingga beliau tidak dapat merasa sebarang kesannya atau penghindaran itu berlaku dengan dua cara itu sekali.

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٣٤

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(34)

Yakni Allah sentiasa mendengar tipu helah mereka dan sentiasa mendengar do'a hamba-Nya dan Allah amat mengetahui rahsia di sebalik tipu daya ini dan di sebalik do'a itu.

Demikianlah Yusuf a.s. telah berjaya dan selamat menempuh ujian yang kedua ini dengan pertolongan dan pemeliharaan Allah, dan dengan keselamatan itu berakhirlah babak yang kedua dari kisahnya yang amat menarik itu.

(Kumpulan ayat-ayat 35 - 52)

ثُمَّ بَدَا لَهُم مِّنۢ بَعۡدِ مَا رَأَوُاْ ٱلۡأٓيَٰتِ لَيَسۡجُنُنَّهُۥ حَتَّىٰ حِينٖ ٣٥

وَدَخَلَ مَعَهُ ٱلسِّجۡنَ فَتَيَانِۖ قَالَ أَحَدُهُمَآ إِنِّيٓ أَرَىٰنِيٓ أَعۡصِرُ خَمۡرٗاۖ وَقَالَ ٱلۡأٓخَرُ إِنِّيٓ أَرَىٰنِيٓ أَحۡمِلُ فَوۡقَ رَأۡسِي خُبۡزٗا تَأۡكُلُ ٱلطَّيۡرُ مِنۡهُۖ نَبِّئۡنَا بِتَأۡوِيلِهِۦٓۖ إِنَّا نَرَىٰكَ مِنَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٣٦

قَالَ لَا يَأۡتِيكُمَا طَعَامٞ تُرۡزَقَانِهِۦٓ إِلَّا نَبَّأۡتُكُمَا بِتَأۡوِيلِهِۦ قَبۡلَ أَن يَأۡتِيَكُمَاۚ ذَٰلِكُمَا مِمَّا عَلَّمَنِي رَبِّيٓۚ إِنِّي تَرَكۡتُ مِلَّةَ قَوۡمٖ لَّا يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَهُم بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ كَٰفِرُونَ ٣٧

وَٱتَّبَعۡتُ مِلَّةَ ءَابَآءِيٓ إِبۡرَٰهِيمَ وَإِسۡحَٰقَ وَيَعۡقُوبَۚ مَا كَانَ لَنَآ أَن نُّشۡرِكَ بِٱللَّهِ مِن شَيۡءٖۚ ذَٰلِكَ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ عَلَيۡنَا وَعَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشۡكُرُونَ ٣٨

يَٰصَىٰحِبَيِ ٱلسِّجۡنِ ءَأَرۡبَابٞ مُّتَفَرِّقُونَ خَيۡرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلۡوَٰحِدُ ٱلۡقَهَّارُ ٣٩

مَا تَعۡبُدُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ أَسۡمَآءٗ سَمَّيۡتُمُوهَآ أَنتُمۡ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلۡطَٰنٍۚ إِنِ ٱلۡحُكۡمُ إِلَّا لِلَّهِۚ أَمَرَ أَلَّا تَعۡبُدُوٓاْ إِلَّآ إِيَّاهُۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلۡقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٤٠

يَٰصَىٰحِبَيِ ٱلسِّجۡنِ أَمَّآ أَحَدُكُمَا فَيَسۡقِي رَبَّهُۥ خَمۡرٗاۖ وَأَمَّا ٱلۡأٓخَرُ فَيُصۡلَبُ فَتَأۡكُلُ ٱلطَّيۡرُ مِن رَّأۡسِهِۦۚ قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ ٱلَّذِي فِيهِ تَسۡتَفۡتِيَانِ ٤١

وَقَالَ لِلَّذِي ظَنَّ أَنَّهُۥ نَاجٖ مِّنۡهُمَا ٱذۡكُرۡنِي عِندَ رَبِّكَ فَأَنسَىٰهُ ٱلشَّيۡطَٰنُ ذِكۡرَ رَبِّهِۦ فَلَبِثَ فِي ٱلسِّجۡنِ بِضۡعَ سِنِينَ ٤٢

وَقَالَ ٱلۡمَلِكُ إِنِّيٓ أَرَىٰ سَبۡعَ بَقَرَٰتٖ سِمَانٖ يَأۡكُلُهُنَّ سَبۡعٌ عِجَافٞ وَسَبۡعَ سُنۢبُلَٰتٍ خُضۡرٖ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٖۖ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَأُ أَفۡتُونِي فِي رُءۡيَٰيَ إِن كُنتُمۡ لِلرُّءۡيَا تَعۡبُرُونَ ٤٣

"Kemudian timbul fikiran kepada mereka setelah melihat tanda-tanda (kebenaran Yusuf) bahawa mereka pasti memenjarakan Yusuf hingga ke suatu masa yang tertentu(35). Dan turut masuk penjara bersama-sama dengannya ialah dua orang pemuda. Salah seorang dari keduanya berkata (kepada Yusuf): Sesungguhnya aku

bermimpi melihat diriku memerah anggur dan berkata pula seorang lagi: Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku membawa roti di atas kepalaku dan sebahagiannya dimakan oleh burung, ceritakanlah kepada kami ta'birnya. Sesungguhnya kami memandang engkau dari golongan para Muhsinin(36). Jawab Yusuf: Tiada sebarang makanan yang diberi dan disampaikan kepada kamu berdua melainkan aku dapat menceritakan kepada kamu tentang jenisnya sebelum ia sampai kepada kamu. Itulah sebahagian dari ilmu yang telah diajar Tuhanku kepadaku, kerana sesungguhnya aku telah meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah dan mereka mengingkarkan hari Akhirat(37). Dan aku mengikut agama datuk nenekku Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub. Tidaklah wajar bagi kami mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain. Itulah sebahagian dari limpah kurnia Allah kepada kami dan kepada manusia seluruhnya, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur(38). Wahai dua sahabat sepenjaraku! Adakah menyembah tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu lebih baik atau menyembah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa?(39). Kamu tidak sembah selain dari Allah melainkan hanya nama-nama tuhan yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu. Allah tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Sesungguhnya kuasa penentuan hukum itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui(40). Wahai dua sahabat sepenjaraku! Ada pun (ta'bir mimpi) salah seorang dari kamu, maka dia akan menghidangkan minumam keras kepada tuannya, dan adapun yang seorang lagi, maka dia akan disalibkan dan sebahagian dari kepalanya akan dimakan burung. Perkara yang ditanyakan kamu itu telah pun diputuskan (Allah)(41). Dan Yusuf berkata kepada temannya yang difikirkannya selamat dari antara mereka berdua: Tolong sebutkan ceritaku kepada tuanmu, (tetapi) syaitan telah membuatnya terlupa menyebutkan (cerita Yusuf kepada tuannya. Kerana itu dia terus merengkok di dalam penjara beberapa tahun(42). Berkatalah Raja (kepada para pembesarnya): Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan tujuh ekor lembu betina yang kurus dan (melihat) tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi kering. Wahai para pembesar! Terangkanlah ta'bir mimpiku jika kamu pandai menta'birkan mimpi".(43).

قَالُوٓاْ أَضۡغَٰثُ أَحۡلَٰمٖۖ وَمَا نَحۡنُ بِتَأۡوِيلِ ٱلۡأَحۡلَٰمِ بِعَٰلِمِينَ ٤٤

وَقَالَ ٱلَّذِي نَجَا مِنۡهُمَا وَٱدَّكَرَ بَعۡدَ أُمَّةٍ أَنَا۠ أُنَبِّئُكُم بِتَأۡوِيلِهِۦ فَأَرۡسِلُونِ ٤٥

يُوسُفُ أَيُّهَا ٱلصِّدِّيقُ أَفۡتِنَا فِي سَبۡعِ بَقَرَٰتٖ سِمَانٖ يَأۡكُلُهُنَّ سَبۡعٌ عِجَافٞ وَسَبۡعِ سُنۢبُلَٰتٍ خُضۡرٖ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٖ لَّعَلِّيٓ أَرۡجِعُ إِلَى ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَعۡلَمُونَ ٤٦

قَالَ تَزۡرَعُونَ سَبۡعَ سِنِينَ دَأَبٗا فَمَا حَصَدتُّمۡ فَذَرُوهُ فِي سُنۢبُلِهِۦٓ إِلَّا قَلِيلٗا مِّمَّا تَأۡكُلُونَ ٤٧

ثُمَّ يَأۡتِي مِنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَ سَبۡعٞ شِدَادٞ يَأۡكُلۡنَ مَا قَدَّمۡتُمۡ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلٗا مِّمَّا تُحۡصِنُونَ ٤٨

ثُمَّ يَأۡتِي مِنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَ عَامٞ فِيهِ يُغَاثُ ٱلنَّاسُ وَفِيهِ يَعۡصِرُونَ ٤٩

وَقَالَ ٱلۡمَلِكُ ٱئۡتُونِي بِهِۦۖ فَلَمَّا جَآءَهُ ٱلرَّسُولُ قَالَ ٱرۡجِعۡ إِلَىٰ رَبِّكَ فَسۡـَٔلۡهُ مَا بَالُ ٱلنِّسۡوَةِ ٱلَّٰتِي قَطَّعۡنَ أَيۡدِيَهُنَّۚ إِنَّ رَبِّي بِكَيۡدِهِنَّ عَلِيمٞ ٥٠

قَالَ مَا خَطۡبُكُنَّ إِذۡ رَٰوَدتُّنَّ يُوسُفَ عَن نَّفۡسِهِۦۚ قُلۡنَ حَٰشَ لِلَّهِ مَا عَلِمۡنَا عَلَيۡهِ مِن سُوٓءٖۚ قَالَتِ ٱمۡرَأَتُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡـَٰٔنَ حَصۡحَصَ ٱلۡحَقُّ أَنَا۠ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفۡسِهِۦ وَإِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٥١

ذَٰلِكَ لِيَعۡلَمَ أَنِّي لَمۡ أَخُنۡهُ بِٱلۡغَيۡبِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي كَيۡدَ ٱلۡخَآئِنِينَ ٥٢

وَمَآ أُبَرِّئُ نَفۡسِيٓۚ إِنَّ ٱلنَّفۡسَ لَأَمَّارَةُۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّيٓۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٥٣

"Jawab mereka: Itu adalah mimpi-mimpi yang celaru sahaja, dan kami sekalian tidak mengetahui menta'birkan mimpi-mimpi itu(44). Lalu berkatalah teman yang telah terselamat dari antara dua temannya dan teringat (kembali kepada Yusuf) setelah berlalu beberapa tahun: Saya sanggup menerangkan ta'birnya. Oleh itu hantarlah saya (ke penjara)(45). Wahai Yusuf orang yang amat benar! Terangkanlah kepada kami tentang (ta'bir mimpi) tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan tujuh ekor lembu betina yang kurus dan tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi kering agar aku dapat kembali kepada para pembesar itu supaya mereka mengetahui(46). Jawab Yusuf. Kamu akan menanam tujuh tahun berturut-turut. Oleh itu segala bijian yang telah kamu tuai, maka biarkannya di dalam tangkainya kecuali sebahagian kecil dari bekalan yang kamu hendak makan(47). Kemudian selepas itu akan datang tujuh tahun kemarau yang besar yang akan memakan bekalan makanan yang telah sediakan kamu untuk menghadapinya itu kecuali sebahagian kecil daripada bekalan yang kamu simpan(48). Kemudian selepas itu akan datang satu tahun diturunkan hujan yang cukup kepada manusia dan pada masa itulah mereka dapat melakukan kerja memerah (buah-buahan, biji-bijian dan sebagainya)(49). Lalu berkatalah Raja (Mesir): Bawalah Yusuf kepadaku! Dan apabila utusan itu datang menemuinya, diapun berkata: Kembalilah kepada tuanmu dan tanyakanlah

dia apakah sebenarnya cerita wanita-wanita yang telah menghiriskan tangan mereka sendiri. Sesungguhnya Tuhanku amat mengetahui tipu daya mereka(50). Bertanyalah (Raja Mesir kepada wanita-wanita itu): Apakah sebenarnya cerita kamu ketika kamu menggoda diri Yusuf. Jawab mereka: Maha Suci Allah! Kami tidak mengetahui sebarang kejahatan darinya. Lalu berkatalah perempuan al-'Aziz: Sekarang kebenaran telah terserlah. Sebenarnya sayalah yang menggoda dirinya dan sesungguhnya dia adalah dari orang-orang yang benar(51). (Pengakuanku) itu ialah supaya dia (Yusuf) mengetahui bahawa saya tidak mengkhianatinya semasa dia tidak ada di sini dan sesungguhnya Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang yang khianat(52).[7] Dan saya bukannya hendak membersihkan diri saya kerana nafsu manusia selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali mereka yang dirahmati oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Inilah babak yang ketiga dan ujian yang ketiga dan terakhir dari ujian-ujian kesusahan dalam hidup Yusuf a.s., dan selepas itu beliau menempuh kehidupan yang senang lenang, dan ini merupakan ujian terhadap kesabarannya dalam menghadapi kehidupan yang senang selepas diuji kesabarannya dalam menghadapi kesusahan. Ujian di dalam babak ini ialah ujian dikenakan hukuman penjara sedangkan telah ternyata beliau tidak bersalah. Hukuman penjara terhadap orang yang tidak bersalah dan teraniaya itu merupakan satu hukuman yang amat kejam walaupun dia terhibur dengan ketenangan hati kerana tidak bersalah.

Dalam tempoh ujian inilah munculnya ni'mat Allah ke atas Yusuf iaitu ni'mat mendapat pengurniaan ilmu laduni yang boleh mentakbirkan mimpi dan perkara-perkara ghaib yang dekat dan jelas punca-punca pertamanya dan dapat dita'birkan, kemudian akhirnya muncullah pula ni'mat Allah ke atas beliau dengan pengumuman rasmi tidak bersalah yang dilakukan di hadapan Raja negeri, dan dengan kemunculan bakat-bakat kebolehannya yang melayakkan beliau untuk mendapat kedudukan yang disediakan untuknya di alam ghaib, iaitu kedudukan yang tinggi, kepercayaan yang mutlak dan kuasa yang besar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 42)

Yusuf a.s. Dihukum Penjara

ثُمَّ بَدَا لَهُم مِّنۢ بَعۡدِ مَا رَأَوُاْ ٱلۡأٓيَٰتِ لَيَسۡجُنُنَّهُۥ حَتَّىٰ حِينٖ ﴿٣٥﴾

"Kemudian timbul fikiran kepada mereka setelah melihat tanda-tanda (kebenaran Yusuf) bahawa mereka pasti memenjarakan Yusuf hingga ke suatu masa yang tertentu."(35)

Demikianlah kedudukan suasana istana, suasana pemerintahan yang sewenang-wenang, suasana golongan bangsawan dan suasana jahiliyah. Setelah mereka melihat bukti-bukti yang jelas bahawa Yusuf tidak bersalah dan setelah keangkuhan perempuan al-'Aziz itu sampai ke tahap kesanggupan mengadakan majlis jamuan khas kepada perempuan-perempuan bangsawan untuk menunjukkan pemuda Yusuf yang amat dicintainya kemudian mengumumkan kepada mereka bahawa dia benar-benar terpesona kepada Yusuf dan mereka juga turut terpesona kepada beliau dan terus menggodanya menyebabkan Yusuf memohon pertolongan kepada Allah supaya menyelamatkan beliau dari fitnah mereka. Di samping itu perempuan al-'Aziz tanpa silu malu telah mengumumkan di hadapan khalayak perempuan-perempuan itu (bahawa Yusuf hanya mempunyai satu pilihan sahaja), sama ada mematuhi perintahnya atau disumbat ke dalam penjara dalam keadaan hina-dina, tetapi Yusuf telah memilih penjara dari tunduk kepada perintahnya.

Setelah berlaku semuanya ini timbullah fikiran bahawa mereka harus memenjarakan Yusuf untuk satu tempoh yang tertentu.

Boleh jadi perempuan al-'Aziz itu telah putus asa dalam cubaan-cubaannya (untuk memujuk Yusuf) walaupun setelah diugut. Boleh jadi tembelang itu telah bertambah luas tersebar di kalangan rakyat jelata dan di sini perlulah nama baik keluarga-keluarga atasan itu dipelihara, dan andainya kepala-kepala keluarga-keluarga atasan itu tidak mampu menjaga rumahtangga dan perempuan-perempuan mereka, maka mereka cukup mampu untuk memenjarakan pemuda yang tidak berdosa itu. Keseluruhan kesalahannya ialah kerana dia tidak sanggup menyambut pujukan mereka dan kerana dia dicintai oleh seorang perempuan dari golongan atasan hingga menyebabkan kisah cintanya menjadi buah mulut umum yang diperkatakan di dalam kalangan-kalangan rakyat jelata.

وَدَخَلَ مَعَهُ ٱلسِّجۡنَ فَتَيَانِۖ

"Dan turut masuk penjara bersama-sama dengannya ialah dua orang pemuda."

Selepas ini kita akan mengetahui bahawa kedua pemuda itu adalah dari pelayan-pelayan raja yang kanan.

Al-Qur'an hanya menyebut secara ringkas sahaja cerita Yusuf di dalam penjara, di mana timbulnya kesolehan dan kebaikannya menyebabkan beliau mendapat perhatian umum dan menjadi tempat kepercayaan para banduan. Di antara mereka, ramai terdapat orang-orang yang tidak bernasib baik kerana bekerja di istana atau menjadi pegawai-pegawai istana lalu mendapat kemurkaan Raja di sa'at-sa'at ledakan emosinya mendadak menyebabkan mereka dilontar ke dalam penjara. Al-Qur'an menyebut semua

[7] *Disini berakhirnya juzu' yang kedua belas.*

cerita ini dengan ringkas untuk menayangkan satu adegan di mana Yusuf berada di dalam penjara dan di samping beliau terdapat dua orang pemuda yang berhubung mesra dengannya. Mereka berdua menceritakan kepada beliau tentang mimpi mereka masing-masing dan meminta beliau menta'birkannya kerana mereka dapati beliau mempunyai sifat-sifat jujur, soleh, tekun beribadat, berzikir dan baik tingkahlaku.

قَالَ أَحَدُهُمَآ إِنِّىٓ أَرَىٰنِىٓ أَعْصِرُ خَمْرًا ۖ وَقَالَ ٱلْـَٔاخَرُ إِنِّىٓ أَرَىٰنِىٓ أَحْمِلُ فَوْقَ رَأْسِى خُبْزًا تَأْكُلُ ٱلطَّيْرُ مِنْهُ ۖ نَبِّئْنَا بِتَأْوِيلِهِۦٓ ۖ إِنَّا نَرَىٰكَ مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٣٦﴾

"Salah seorang dari keduanya berkata (kepada Yusuf): Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur dan berkata pula seorang lagi: Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku membawa roti di atas kepalaku, sebahagiannya dimakan oleh burung, ceritakanlah kepada kami ta'birnya. Sesungguhnya kami memandang engkau dari golongan para Muhsinin."(36)

Yusuf a.s. Berda'wah Dalam Penjara

Yusuf telah mengambil peluang ini untuk menyebarkan 'aqidah yang betul di kalangan banduan-banduan. Walaupun terpenjara, namun ia tidak terlepas dari kewajipannya membetulkan 'aqidah dan peraturan-peraturan yang rosak akibat kerana manusia memberi hak Rububiyah kepada para pemerintah di bumi dan tunduk patuh kepada mereka selaku tuhan-tuhan yang menjalankan ciri-ciri Rububiyah dan menjadi Fir'aun-Fir'aun yang zalim.

Yusuf memulakan pembicaraannya dengan dua rakan sepenjaranya mengenai persoalan yang merungsingkan hati mereka. Beliau mula-mula menenangkan mereka bahawa beliau akan menta'birkan mimpi mereka kerana Tuhan beliau telah mengajar kepadanya ilmu laduni yang istimewa sebagai balasan terhadap ibadatnya yang tulus kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan terhadap penghindarannya dari menyembah sekutu-sekutu-Nya. Beginilah amalan beliau, bapa dan datuk nenek beliau dahulu, dan amalan inilah yang membuat beliau mendapat kepercayaan kedua-dua rakan sepenjaranya sejak awal-awal lagi, iaitu mereka percaya bahawa beliau mempunyai kebolehan menta'birkan mimpi mereka sebagaimana beliau mendapat kepercayaan mereka kerana keta'atan beliau kepada Allah:

قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِهِۦٓ إِلَّا نَبَّأْتُكُمَا بِتَأْوِيلِهِۦ قَبْلَ أَن يَأْتِيَكُمَا ۚ ذَٰلِكُمَا مِمَّا عَلَّمَنِى رَبِّىٓ ۚ إِنِّى تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٣٧﴾

وَٱتَّبَعْتُ مِلَّةَ ءَابَآءِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۚ مَا كَانَ لَنَآ أَن نُّشْرِكَ بِٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۚ ذَٰلِكَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٨﴾

"Jawab Yusuf: Tiada sebarang makanan yang diberi dan disampaikan kepada kamu berdua melainkan aku dapat menceritakan kepada kamu tentang jenisnya sebelum ia sampai kepada kamu. Itulah sebahagian dari ilmu yang telah diajarkan Tuhanku kepadaku, kerana sesungguhnya aku telah meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah dan mereka mengingkarkan hari Akhirat(37). Dan aku mengikut agama datuk nenekku Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub. Tidaklah wajar bagi kami mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain. Itulah sebahagian dari limpah kurnia Allah kepada kami dan kepada manusia seluruhnya, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."(38)

Dari cara dan gaya pendekatan Yusuf berbicara terserlah sifat lemah-lembut beliau yang menawan hati, di samping kepintarannya memperkatakan pokok pembicaraan dengan cara yang lembut dan seni. Itulah ciri syakhsiyah Yusuf yang dapat dilihat dengan jelas di sepanjang kisah ini.

قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِهِۦٓ إِلَّا نَبَّأْتُكُمَا بِتَأْوِيلِهِۦ قَبْلَ أَن يَأْتِيَكُمَا ۚ ذَٰلِكُمَا مِمَّا عَلَّمَنِى رَبِّىٓ ۚ

"Jawab Yusuf: Tiada sebarang makanan yang diberi dan disampaikan kepada kamu berdua melainkan aku dapat menceritakan kepada kamu tentang jenisnya sebelum ia sampai kepada kamu. Itulah sebahagian dari ilmu yang telah diajarkan Tuhanku kepadaku."

Kata-kata yang tegas ini menyarankan keyakinan bahawa beliau mempunyai ilmu laduni dan dengan ilmu inilah beliau dapat mengetahui rezeki yang akan datang dan menta'birkan mimpi-mimpi. Kebolehan ini, di samping merupakan suatu pengurniaan kepada hamba-Nya yang soleh Yusuf a.s., adalah juga satu kebolehan yang sesuai dengan keadaan zaman itu, di mana lumrahnya ramalan-ramalan dan ta'bir-ta'bir mimpi. Perkataan beliau yang berbunyi:

ذَٰلِكُمَا مِمَّا عَلَّمَنِى رَبِّىٓ ۚ

"Itulah sebahagian dari ilmu yang telah diajarkan Tuhanku kepadaku"

adalah diucapkan tepat dengan masanya yang sesuai dari segi psikologi untuk memasukkan da'wah kepada Allah ke dalam hati mereka berdua dan untuk menjadikan pengurniaan itu sebagai punca ilmu laduni yang membolehkannya menta'birkan mimpi-mimpi mereka dengan perantaraannya.

إِنِّى تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ

هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Sesungguhnya aku telah meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah dan mereka juga mengingkarkan hari Akhirat."(37)

Beliau maksudkan dengan kaum di sini ialah seluruh kaum Mesir, di mana beliau dibela dan dibesarkan dalam kalangan mereka iaitu orang-orang yang tinggal di rumah al-'Aziz, pegawai-pegawai pengiring Raja, pembesar-pembesar dan rakyat jelata Mesir yang menjadi pengikut-pengikut mereka. Kedua-dua pemuda itu juga masih menganut agama kaum itu, tetapi beliau tidak tujukan perkataannya kepada batang tubuh mereka berdua, malah beliau tujukannya kepada kaum Mesir seluruhnya supaya mereka berdua tidak merasa serba salah dan tersinggung. Itulah kepintaran, kebijaksanaan, kehalusan perasaan dan keelokan cara pendekatannya.

Alam Akhirat yang tersebut di sini di dalam perkataan Yusuf itu adalah menjelaskan sebagaimana pernah diterangkan sebelum ini - bahawa keimanan kepada alam Akhirat itu merupakan satu unsur terpenting dari unsur-unsur 'aqidah yang telah dijelaskan oleh seluruh para rasul sejak angkatan umat manusia yang pertama lagi. Ia bukannya seperti yang didakwakan oleh ahli-ahli ilmu kajian perbandingan agama bahawa kepercayaan kepada alam Akhirat itu adalah pada keseluruhannya muncul di masa-masa kebelakangan sahaja. Memang benar kepercayaan itu datang ke dalam agama-agama paganisme jahiliyah di masa kebelakangan, tetapi ia selama-lamanya merupakan unsur terpenting di dalam agama-agama samawi yang betul.

Kemudian Yusuf meneruskan penjelasannya selepas menerangkan garis-garis pokok agama kekufuran untuk menjelaskan garis-garis pokok agama keimanan yang diikuti beliau dan datuk neneknya:

وَٱتَّبَعْتُ مِلَّةَ ءَابَآءِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۚ مَا كَانَ لَنَآ أَن نُّشْرِكَ بِٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۚ

"Dan aku mengikut agama datuk nenekku Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub. Tidaklah wajar Kami mempersekutukan Allah dengan sesuatu."

Itulah agama tauhid yang tulen yang sama sekali tidak mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa pun. Pencapaian hidayat kepada agama tauhid merupakan limpah kurnia dari Allah kepada orang-orang yang menerima hidayat dan ia merupakan limpah kurnia Allah yang boleh dicapai seluruh manusia jika mereka benar-benar menuju kepadanya dan mahukannya, kerana di dalam fitrah mereka telah tersemat dasar-dasarnya dan bisikan-bisikannya sementara di sekeliling alam buana terdapat pula bukti-bukti dan inspirasi-inspirasinya dan di dalam risalah-risalah para rasul yang silam terdapat keterangan-keterangan dan penjelasan yang lengkap, tetapi hanya manusia sahaja yang tidak mahu mengenali limpah kurnia ini dan tidak mahu mensyukurinya:

ذَٰلِكَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٨﴾

"Itulah sebahagian dari limpah kurnia Allah kepada kami dan kepada manusia seluruhnya, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."(38)

Itulah satu pendekatan yang halus, selangkah demi selangkah dengan hati-hati dan lemah-lembut menyelinap ke dalam hati kedua orang teman sepenjara itu, semakin lama semakin jauh. Kemudian beliau memberi penjelasan tentang agama dan da'wahnya dengan penjelasan yang sempurna, di mana ia mendedahkan keburukan agama mereka dan agama kaum mereka, juga keburukan alam hidup yang malang yang dihayati mereka dan selepas pendahuluan yang panjang itu (beliau berkata):

يَٰصَٰحِبَىِ ٱلسِّجْنِ ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾

مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ أَسْمَآءً سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

"Wahai dua sahabat sepenjaraku! Adakah menyembah tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu lebih baik atau menyembah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa?(39). Kamu tidak sembah selain dari Allah melainkan hanya nama-nama tuhan yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu. Allah tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Sesungguhnya kuasa penentuan hukum itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(40)

Dengan kata-kata yang sedikit tetapi jelas, tegas dan terang itu Nabi Yusuf a.s. telah melukiskan segala garis pokok dan teras-teras agama tauhid, dan dengan teras-teras inilah beliau menggoncangkan segala tiang agama syirik, kedudukan Taghut dan agama jahiliyah dengan goncangan yang amat kuat:

يَٰصَٰحِبَىِ ٱلسِّجْنِ ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾

"Wahai dua sahabat sepenjaraku! Adakah menyembah tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu lebih baik atau menyembah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa?"(39)

Beliau menjadikan kedua orang itu sebagai sahabat beliau dan beliau berhubung mesra dengan mereka dengan menggunakan panggilan (sahabatku) yang menanamkan kemesraan itu untuk membolehkan beliau masuk ke dalam teras da'wah dan tubuh 'aqidah tauhid itu. Beliau tidak berda'wah kepada mereka dengan da'wah secara langsung, malah beliau membentangkan da'wah itu sebagai satu persoalan objektif:

ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾

"Adakah menyembah tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu lebih baik atau menyembah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa?"(39)

Ini adalah satu pertanyaan yang mencabar fitrah manusia dengan cabaran yang mendalam dan menggoncangkannya dengan goncangan yang kuat kerana fitrah manusia, tahu bahawa ia mempunyai Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu apakah perlunya menyembah bermacam-macam tuhan? Kerana yang wajar menjadi Tuhan yang disembah dan dipatuhi perintah-Nya dan dijunjungkan syari'at-Nya ialah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa. Apabila kewujudan Tuhan disabitkan dan kuatkuasa-Nya diakui di alam buana ini, maka sebagai ekorannya wajiblah pula diakui bahawa Tuhan dan kuatkuasa-Nya itu hanya satu sahaja di dalam kehidupan manusia. Tidak harus bagi manusia barang sedetik pun mengakui Allah Yang Maha Esa dan mengakui kuatkuasa-Nya yang penuh kemudian dalam waktu yang sama ia tunduk kepada yang lain dari Allah dan mematuhi perintahnya. Kerana perbuatan itu bererti bertuhan kepada yang lain dari Allah. Tuhan itu pastilah memiliki dan menguasai urusan dan perjalanan alam buana ini. Tidak seharusnya tuhan yang lemah dan tidak mampu mengendalikan urusan seluruh alam buana ini menjadi tuhan yang mengendali dan memerintah sedangkan dia lemah dari menguasai seluruh alam buana ini.

Adalah lebih baik kepada para hamba menta'ati Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah dari menta'ati bermacam-macam tuhan yang mempunyai berbagai-bagai kehendak dan bersifat jahil, lemah dan tidak dapat melihat rahsia di sebalik sesuatu yang hampir yang dapat dilihat. Inilah sifat semua tuhan palsu yang lain dari Allah. Umat manusia tidak pernah menderita kecelakaan sebesar kecelakaan yang dideritai mereka dengan sebab menyembah berbagai-bagai jenis tuhan. Mereka diagih di antara berbagai-bagai tuhan yang mempunyai bermacam kehendak dan bersengketa satu sama lain. Lihat (makhluk-makhluk) yang berlagak menjadi tuhan-tuhan di bumi bertindak merampaskan kuasa Allah dan sifat Rububiyah-Nya atau mereka diberi kuasa ini oleh orang-orang jahil, kerana mereka dipengaruhi anggapan-anggapan yang karut, kepercayaan-kepercayaan tahyul dan dongeng-dongeng atau kerana mereka tertekan di bawah pengaruh penindasan, penipuan dan di'ayah-di'ayah. Mereka yang berlagak menjadi tuhan-tuhan di bumi ini tidak pernah bebas walau sedetik pun dari kehendak-kehendak hawa nafsu mereka, tidak pernah bebas dari ketamakan mempertahankan kepentingan diri mereka dan kedudukan yang kekal, tidak pernah bebas dari keinginan mereka yang melonjak-lonjak untuk mengekal dan menguatkan kuasa mereka dan untuk menghancurkan segala kekuatan dan tenaga yang mengancam kuasa mereka sama ada dari dekat atau dari jauh dan mereka menggunakan kekuatan dan terjaga itu untuk mengagung-agungkan kuasa mereka serta menggunakan bunyian gong gendang, serunai dan nafiri di sekeliling kuasa mereka supaya ia tidak layu dan supaya kesuburan palsunya tidak menjadi lemah.

Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa itu adalah terkaya dari semesta alam. Allah tidak berkehendakkan apa-apa dari mereka kecuali taqwa, kebaikan budi pekerti, amal bakti dan kerja pembangunan dan pengimarahan menurut sistem hidup yang diatur oleh-Nya, dan semua kegiatan itu dikira Allah sebagai ibadat belaka. Sehingga fardhu-fardhu agama yang diwajibkan ke atas mereka juga adalah bertujuan untuk membaiki hati dan perasaan mereka demi untuk memperbaiki kehidupan dan alam hidup mereka. Jika tidak, maka Allah S.W.T. tidak berkehendak apa-apa dari seluruh hamba-Nya (firman-Nya)!

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ أَنتُمُ ٱلْفُقَرَآءُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَٱللَّهُ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ ﴿١٥﴾

"Wahai manusia! Kamu sekalian sentiasa berkehendak kepada Allah, sedangkan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."

(Surah Fathir: 15)

Jurang perbezaan di antara keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa dengan keta'atan kepada tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu adalah amat jauh.

Kemudian Nabi Yusuf a.s. melangkah setapak lagi untuk membatalkan 'aqidah-'aqidah jahiliyah dan kepercayaan-kepercayaannya yang karut dan lemah (dengan katanya):

مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ أَسْمَآءً سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ

"Kamu tidak sembah selain dari Allah melainkan hanya nama-nama tuhan yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu sahaja. Allah tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya."

Tuhan-tuhan palsu ini, sama ada dari jenis manusia atau bukan jenis manusia iaitu roh-roh, hantu syaitan, malaikat, kuasa-kuasa alam yang dikendalikan dengan kuasa Allah itu, tidak mempunyai ciri-ciri Rububiyah walau sedikitpun, kerana Rububiyah itu hanya milik Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa yang

mencipta dan menguasai seluruh hamba-Nya, tetapi umat manusia yang berada di dalam jahiliyah yang berbagai-bagai bentuk rupa itu telah mengadakan nama-nama tertentu dari rekaan mereka sendiri kemudian mereka salutkannya dengan sifat-sifat dan ciri-ciri istimewa terutama ciri memerintah dan berkuasa, sedangkan Allah tidak pernah memberi kuasa kepadanya dan tidak pernah menurunkan sebarang keterangan mengenainya.

Di sini Nabi Yusuf a.s. memberi pukulan yang terakhir dan muktamad, di mana beliau menyatakan siapakah yang wajar memiliki kuasa ini? Siapakah yang wajar memegang teraju urusan pemerintahan? Siapakah yang wajar diberi keta'atan atau dengan lain perkataan siapakah yang layak disembah?

"Sesungguhnya kuasa penentuan hukum itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(40)

Yakni urusan pemerintahan itu hanya milik Allah S.W.T. sahaja berdasarkan sifat Uluhiyah-Nya, kerana kuasa Hakimiyah adalah dari ciri-ciri Uluhiyah. Sesiapa yang mendakwa memiliki kuasa ini bererti ia mempertikaikan ciri Uluhiyah Allah yang utama, sama ada yang mendakwanya itu individu atau golongan, atau parti atau pertubuhan atau umat atau seluruh manusia dalam bentuk pertubuhan antarabangsa. Sesiapa yang mempertikaikan ciri Uluhiyah Allah yang utama itu dan mendakwa memilikinya, maka bererti ia telah menjadi kafir secara terbuka terhadap Allah dan hukum ini merupakan hukum agama yang diketahui secara pasti sehingga boleh dithabitkan dengan nas ini sahaja.

Dakwaan memiliki kuasa Hakimiyah ini bukan hanya dilakukan dengan satu cara tertentu sahaja yang mengeluarkan pendakwanya itu dari lingkungan agama Islam yang lurus itu dan menjadikannya seorang yang mempertikaikan ciri utama Uluhiyah Allah. Malah dakwaan itu tidak semestinya dengan mengatakan "setahu aku kamu tidak mempunyai tuhan yang lain dari aku" atau berkata "akulah tuhan kamu yang paling tinggi" sebagaimana diucapkan oleh Fir'aun secara terus terang, tetapi seorang itu dikatakan mendakwa memiliki kuasa ini atau mempertikaikan kuasa dengan semata-mata bertindak menyingkirkan syari'at Allah dari kuasa Hakimiyah dan mengambil segala undang-undang pemerintahannya dari satu sumber yang lain, juga dengan semata-mata menegaskan bahawa pihak yang berwibawa yang memiliki kuasa Hakimiyah yakni yang menjadi sumber kuasa adalah suatu pihak yang lain bukannya Allah S.W.T. walaupun sumber itu ialah seluruh rakyat atau seluruh manusia. Rakyat di dalam sistem Islam bertugas memilih pemerintah dan merekalah yang memberi kuasa undang-undang kepadanya untuk menjalankan hukum-hukum menurut syari'at Allah, tetapi mereka bukannya sumber kuasa Hakimiyah yang dapat memberi kekuatan atau legaliti kepada sesuatu undang-undang, malah sumber kuasa Hakimiyah itu ialah Allah S.W.T. Ramai di antara para pengkaji hingga pengkaji-pengkaji dari orang-orang Islam sendiri yang terkeliru di antara pentadbiran kuasa dengan sumber kuasa. Seluruh manusia tidak memiliki kuasa Hakimiyah, hanya Allah sahaja yang memiliki-Nya. Tugas manusia hanya menjalankan pentadbiran undang-undang yang disyari'atkan Allah dengan kuatkuasa-Nya. Mana-mana undang-undang yang tidak disyari'atkan Allah, maka undang-undang itu tidak mempunyai kuasa dan kekuatan legaliti, dan undang-undang itu dianggap undang-undang yang tidak disahkan oleh Allah.

Nabi Yusuf a.s. menjelaskan dasar bahawa urusan pemerintahan itu hanya milik Allah Yang Maha Esa sahaja dengan huraian yang berikut:

أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ

"Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia."

Kita tidak memahami huraian ini seperti yang difahamkan oleh seorang Arab melainkan apabila kita memahami makna "ibadat" yang dikhususkan kepada Allah sahaja.

Makna "عبد" dalam bahasa Arab ialah patuh, tunduk dan merendahkan diri. Makna kata-kata ini di dalam istilah Islam pada peringkat awal bukanlah bererti menunaikan upacara-upacara ibadat-ibadat, malah ia hanya membawa makna kata-kata itu sahaja (iaitu patuh, tunduk dan merendahkan diri), kerana ketika ayat ini diturunkan pada kali pertama, di mana tidak ada suatu upacara ibadat pun yang telah difardhukan sehingga dapat di bawa lafaz ibadat itu kepada makna upacara ibadat-ibadat, malah yang dimaksudkan dengan lafaz itu ialah makna bahasanya yang menjadi makna istilah baginya iaitu kepatuhan dan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, tunduk kepada Allah sahaja dan mengikut perintah-Nya sahaja sama ada keta'atan itu bergantung dengan sesuatu upacara ibadat atau bergantung dengan sesuatu arahan akhlak atau bergantung dengan sesuatu undang-undang syari'at. Kepatuhan dan keta'atan dalam semua bidang ini merupakan makna ibadat yang dikhususkan Allah kepada dirinya sahaja dan tidak diberikannya kepada sesiapa pun dari makhluk-Nya.

Apabila kita memahami makna ibadat dengan pengertian yang seperti ini, maka dapatlah kita memahami mengapa Nabi Yusuf a.s. mengkhususkan ibadat kepada Allah sahaja sebagai alasan mengapa kuasa pemerintahan itu dikhususkan kepada Allah sahaja. Oleh itu ibadat atau keta'atan itu tidak wujud

jika urusan pemerintahan itu diberikan kepada yang lain dari Allah. Sama sahaja dalam perkara ini sama ada urusan pemerintahan itu dalam bentuk undang-undang taqdir secara terpaksa dalam kehidupan manusia dan peraturan alam buana ini atau urusan pemerintahan dalam bentuk undang-undang syari'at secara sukarela di dalam kehidupan manusia khususnya, kerana semuanya merupakan urusan pemerintahan yang direalisasikan dengan keta'atan belaka.

Sekali lagi kita dapati bahawa perbuatan menentang syari'at Allah akan mengeluarkan penentang itu dari agama Allah. Hukum ini merupakan hukum agama yang diketahui secara pasti kerana perbuatan itu mengeluarkan penentang itu dari konsep ibadat kepada Allah Yang Maha Esa. Itulah perbuatan syirik yang pasti mengeluarkan orang yang melakukannya dari agama Allah, begitu juga orang-orang yang turut mengakui dakwaan penentang itu dan ikut menta'ati dan mematuhinya sedangkan hati mereka tidak mengingkari perbuatannya yang telah merampas kuasa Allah dan ciri-ciri-Nya. Seluruh mereka sama sahaja di dalam neraca Allah.

Nabi Yusuf a.s. menjelaskan bahawa ikhtisas Allah dengan urusan pemerintahan merealisasikan ikhtisas Allah dengan urusan ibadat. Inilah satu-satunya dasar agama Islam yang lurus:

ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ

"Itulah agama yang lurus."

Itulah ungkapan yang mengandungi erti penentuan, iaitu tiada agama yang lurus melainkan hanya agama ini sahaja, kerana di dalam agama ini sahaja wujudnya ikhtisas Allah dengan urusan pemerintahan ikhtisas yang merealisasikan ikhtisas Allah dengan urusan ibadat.

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

"Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(40)

Kejahilan mereka itulah yang menyebabkan mereka tidak berdiri di atas agama Allah yang lurus, kerana orang yang tidak mengetahui tentang sesuatu itu tentulah tidak dapat mempercayai dan merealisasikannya. Oleh itu apabila di sana terdapat golongan yang tidak mengetahui hakikat agama sudah tentu tidak mungkin dari segi akal dan realiti untuk menyifatkan mereka sebagai orang-orang yang berpegang agama ini. Dan kejahilan mereka tidak menjadi hujjah untuk disalutkan sifat Islam kepada mereka kerana kejahilan itu dari awal lagi menghalangkan mereka dari sifat itu. Kepercayaan terhadap sesuatu itu adalah hasil dari pengetahuan mengenainya. Inilah logik akal dan realiti, malah inilah logik tabi'i yang amat jelas.

Dengan kata-kata yang sedikit, jelas, tegas dan terang ini, Nabi Yusuf a.s. telah melukiskan segala garis pokok agama ini dan segala asas dan teras 'aqidah ini. Dan dengan kata-kata yang sedikit ini juga, beliau menggoncangkan segala tiang syirik, segala Taghut dan segala kepercayaan jahiliyah dengan goncangan yang amat kuat.

Taghut tidak dapat tegak di bumi ini melainkan dengan mendakwa memiliki ciri Uluhiyah yang paling utama iaitu ciri Rububiyah yang berhak menundukkan manusia kepada perintah dan undang-undang-Nya dan keta'atan mereka kepada gagasan dan undang-undangnya. Apabila dia menggunakan kuasa ini di alam kenyataan bererti dia mendakwa memiliki ciri itu walaupun dia tidak menyebut dengan lidahnya kerana tindakan itu merupakan bukti yang lebih kuat dari perkataan.

Tuhan hanya dapat tegak apabila agama yang lurus dan 'aqidah yang tulen tidak wujud di dalam hati manusia. Dia tidak mungkin tegak apabila tersemat di dalam tanggapan mereka bahawa urusan pemerintahan itu adalah milik Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana ibadat itu adalah milik Allah Yang Maha Esa sahaja, sedangkan keta'atan kepada perintah merupakan suatu ibadat, malah keta'atanlah merupakan pengertian asal ibadat.

Sampai di sini Yusuf a.s. tiba di titik penghabisan pelajaran yang dikemukakannya, iaitu pelajaran yang ada kaitan pada permulaannya dengan perkara mimpi yang menyusahkan hati dua orang teman sepenjaranya. Oleh sebab itulah pada penghabisan pelajaran ini beliau menta'birkan mimpi mereka supaya mereka bertambah yakin terhadap seluruh perkataannya dan bertambah mesra dengannya:

يَٰصَٰحِبَيِ ٱلسِّجْنِ أَمَّآ أَحَدُكُمَا فَيَسْقِى رَبَّهُۥ خَمْرًا ۖ وَأَمَّا ٱلْءَاخَرُ فَيُصْلَبُ فَتَأْكُلُ ٱلطَّيْرُ مِن رَّأْسِهِۦ

"Wahai dua sahabat sepenjaraku! Ada pun (ta'bir mimpi) salah seorang dari kamu, maka dia akan menghidangkan minuman keras kepada tuannya, dan adapun yang seorang lagi, maka dia akan disalibkan dan sebahagian dari kepalanya akan dimakan burung."

Beliau tidak menentukan di antara mereka berdua siapakah yang bernasib baik dan siapakah yang tidak bernasib baik, kerana menjaga budi bahasa dan kerana segan menyebutkan perkara yang tidak baik, tetapi beliau menerangkan perkara itu dengan tegas kepada mereka untuk meyakinkan mereka terhadap ilmu yang dikurniakan Allah kepadanya?

قُضِىَ ٱلْأَمْرُ ٱلَّذِى فِيهِ تَسْتَفْتِيَانِ ﴿٤١﴾

"Perkara yang ditanyakan kamu itu telah pun diputuskan (Allah)."(41)

Perkara itu telah berakhir dan akan berlaku sebagaimana yang dikehendaki Allah.

Yusuf yang terpenjara dan tidak bersalah itu ingin (hendak menyampaikan kesnya kepada Raja). Beliau telah dipenjara atas perintah baginda tanpa dilakukan apa-apa penyiasatan kecuali berdasarkan cerita-cerita

fitnah yang disampaikan oleh setengah-setengah pegawai istana baginda, mungkin juga mereka telah menggambarkan peristiwa perempuan al-'Aziz dan peristiwa kumpulan wanita atasan (yang menggoda beliau) itu dengan gambaran yang terbalik sebagaimana yang biasa berlaku dalam masyarakat bangsawan seperti ini. Oleh itu Yusuf a.s. ingin menyampaikan kesnya kepada Raja sendiri supaya baginda menyiasat perkara ini:

وَقَالَ لِلَّذِي ظَنَّ أَنَّهُۥ نَاجٍ مِّنْهُمَا ٱذْكُرْنِي عِندَ رَبِّكَ

"Dan Yusuf berkata kepada temannya yang difikirkannya selamat dari antara mereka berdua: Tolong sebutkan ceritaku kepada tuanmu."

Yakni sebutkan keadaan, kedudukan dan ceritaku yang sebenar kepada tuanmu yang menjadi pemerintahmu yang engkau ta'at kepada undang-undangnya dan tunduk kepada perintah dan hukumannya. Kata-kata "الرَّبّ" bererti tuan, pemerintah, penguasa dan pembuat peraturan dan undang-undang. Pengertian ini menguatkan lagi pengertian Rububiyah di dalam istilah Islam. Di antara perkara-perkara yang dapat diperhatikan ialah raja-raja pengembala (di zaman Yusuf itu tidak pernah mendakwa memiliki ciri Rububiyah itu menerusi perkataan mereka seperti raja-raja Fir'aun (yang kemudian dari mereka). Mereka juga tidak pernah mendakwa mempunyai hubungan keturunan dengan mana-mana tuhan atau tuhan-tuhan yang tertentu seperti yang dilakukan oleh raja-raja Fir'aun. Mereka tidak menunjukkan ciri Rububiyah kecuali ciri kuasa memerintah atau kuasa Hakimiyah sahaja dan ciri inilah yang dinaskan dalam pengertian Rububiyah.

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut bahawa ta'bir mimpi itu telah menjadi kenyataan dan perkara itu telah pun diputuskan Allah mengikut ta'bir Yusuf. Di sini Al-Qur'an meninggalkan ruang kosong dan dari ruang inilah kita mengetahui bahawa semua ta'bir ini telah berlaku belaka, tetapi orang yang difikirkan Yusuf akan terlepas itu memang benar dia terlepas dan selamat, tetapi dia terlupa kepada pesanan Yusuf. Ini disebabkan kerana dia telah terlupa kepada pelajaran pertama yang telah diajarkan Yusuf kepadanya. Dia terlupa memberitahu tuannya (Rajanya) dalam kesibukan hidup di istana dan keseronokan-keseronokannya yang melalaikan. Dia telah kembali semula ke dalam kehidupan itu hingga terlupa kepada Yusuf dan seluruh ceritanya.

فَأَنسَىٰهُ ٱلشَّيْطَٰنُ ذِكْرَ رَبِّهِۦ فَلَبِثَ فِى ٱلسِّجْنِ بِضْعَ سِنِينَ ﴿٤٢﴾

"(Tetapi) syaitan telah membuatnya terlupa menyebutkan (perkara Yusuf) kepada tuannya. Kerana itu dia merengkok di dalam penjara beberapa tahun."(42)

Gantinama "dia" dalam kata-kata "dia merengkok" itu kembali kepada Yusuf. Sesungguhnya Allah mahu mengajar beliau supaya memutuskan segala hubungan yang lain dan hanya berpegang dengan hubungannya dengan Allah sahaja. Oleh itu Allah tidak menyempurnakan hajat beliau menerusi tangan seorang hamba (Raja) dan tidak juga menerusi sesuatu sebab yang ada kaitan dengan hamba. Ini adalah sebahagian dari pilihan dan penghormatan Allah kepada beliau.

Para hamba pilihan Allah seyogialah menumpukan diri mereka kepada Allah S.W.T. sahaja dan memohon kepada Allah sahaja memimpin mereka, dan mengaturkan langkah-langkah mereka. Dan apabila mereka lemah memilih jalan ini pada permulaannya dengan sebab kelemahan mereka sebagai manusia, maka Allah S.W.T. bertindak dengan limpah kurnia-Nya memaksa mereka mengikuti jalan ini sehingga mereka mengetahui dan merasakan kemanisannya dan kemudian mengamalkannya dengan penuh keta'atan, kerelaan, kecintaan dan kerinduan. Dan dengan ini sempurnalah limpah kurnia Allah ke atas mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 43 - 49)

Yusuf a.s. Dibebaskan Dari Penjara Dan Dilantik Menjadi Menteri Perbekalan Negara

Sekarang kita berada di majlis Raja. Baginda mendapat satu mimpi yang merungsingkannya lalu baginda meminta ta'birnya dari para pembesar, para kahin dan sekalian mereka yang membuat hubungan dengan kuasa-kuasa ghaib:

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ إِنِّىٓ أَرَىٰ سَبْعَ بَقَرَٰتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعَ سُنۢبُلَٰتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٍ ۖ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَأُ أَفْتُونِى فِى رُءْيَٰىَ إِن كُنتُمْ لِلرُّءْيَا تَعْبُرُونَ ﴿٤٣﴾

قَالُوٓا۟ أَضْغَٰثُ أَحْلَٰمٍ ۖ وَمَا نَحْنُ بِتَأْوِيلِ ٱلْأَحْلَٰمِ بِعَٰلِمِينَ ﴿٤٤﴾

"Berkatalah Raja (kepada pembesarnya): Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan tujuh ekor lembu betina yang kurus dan (melihat) tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi kering. Wahai para pembesar! Terangkanlah ta'bir mimpiku jika kamu pandai menta'birkan mimpi(43). Jawab mereka: Itu adalah mimpi-mimpi yang celaru sahaja dan kami sekalian tidak mengetahui menta'birkan mimpi-mimpi itu."(44)

Yakni baginda telah meminta mereka menta'birkan mimpi itu, tetapi para pembesar dan para kahin tidak

dapat menta'birkannya atau kerana mereka merasa mimpi itu memberi alamat yang tidak baik, tetapi mereka tidak mahu mengemukakannya kepada baginda mengikut kebiasaan orang-orang besar yang selalunya suka menyatakan perkara-perkara yang menyenangkan hati para pemerintah sahaja dan menyembunyikan perkara-perkara yang tidak menyenangkan mereka serta mengalihkan pandangan mereka darinya dengan mengatakan:

قَالُوٓاْ أَضۡغَٰثُ أَحۡلَٰمٖۖ

"Ini adalah mimpi-mimpi yang celaru sahaja."(44)

Yakni mimpi yang bercampuraduk dan celaru bukannya satu mimpi yang sempurna yang mengandungi ta'bir:

وَمَا نَحۡنُ بِتَأۡوِيلِ ٱلۡأَحۡلَٰمِ بِعَٰلِمِينَ ٤٤

"Dan kami sekalian tidak mengetahui menta'birkan mimpi-mimpi itu"(44)

jika ia merupakan mimpi-mimpi yang celaru yang tidak menunjukkan kepada sesuatu ta'bir.

Sekarang kita telah melalui tiga mimpi: Mimpi Yusuf, mimpi dua orang teman sepenjaranya dan mimpi Raja. Dan setiap kali berlakunya mimpi diminta ta'birnya. Perhatian yang berat terhadap mimpi-mimpi itu menyarankan kepada kita satu gambaran zaman itu di Mesir dan di luar Mesir sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini, dan pengurniaan ilmu laduni kepada Nabi Yusuf a.s. itu merupakan sebahagian dari semangat dan suasana zaman itu kebiasaan yang diketahui kita pada mu'jizat-mu'jizat para anbia' yang terdahulu. Apakah ilmu laduni ta'bir mimpi pengurniaan Allah ini merupakan mu'jizat Nabi Yusuf a.s.? Ini adalah satu persoalan yang bukan pada tempatnya dibincangkan di dalam tafsir Fi Zilal ini. Oleh itu marilah kita selesaikan cerita mimpi Raja itu.

Di sini salah seorang dari dua teman sepenjaranya yang telah terselamat dan telah dilupakan syaitan hingga tidak teringat mengangkatkan perkara Yusuf kepada Raja Mesir kerana terlalu sibuk dengan kerja-kerja di istana iaitu kerja-kerja mengiring Raja, memerah buah-buahan, menyediakan arak dan minuman-minuman. Di sini barulah teman sepenjara yang mimpinya dan mimpi rakannya yang telah dita'birkan Yusuf itu teringat kepada beliau setelah mimpi-mimpi mereka menjadi kenyataan:

وَقَالَ ٱلَّذِي نَجَا مِنۡهُمَا وَٱدَّكَرَ بَعۡدَ أُمَّةٍ أَنَا۠ أُنَبِّئُكُم بِتَأۡوِيلِهِۦ فَأَرۡسِلُونِ ٤٥

"Lalu berkatalah teman yang telah terselamat dari antara dua temannya dan teringat (kembali kepada Yusuf) setelah berlalu beberapa tahun[8]: Saya sanggup menerangkan ta'birnya. Oleh itu hantarlah saya (ke penjara)."(45)

* * * * * *

أَنَا۠ أُنَبِّئُكُم بِتَأۡوِيلِهِۦ فَأَرۡسِلُونِ ٤٥

"Saya sanggup menerangkan ta'birnya. Oleh itu hantarlah saya (ke penjara)."(45)

Di sinilah tirai pun dilabuhkan kemudian disingkapkan kembali menunjukkan adegan di dalam penjara, di mana rakan sepenjara Yusuf dahulu datang meminta ta'bir kepada beliau:

يُوسُفُ أَيُّهَا ٱلصِّدِّيقُ أَفۡتِنَا فِي سَبۡعِ بَقَرَٰتٖ سِمَانٖ يَأۡكُلُهُنَّ سَبۡعٌ عِجَافٞ وَسَبۡعِ سُنۢبُلَٰتٍ خُضۡرٖ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٖ لَّعَلِّيٓ أَرۡجِعُ إِلَى ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَعۡلَمُونَ ٤٦

"Wahai Yusuf orang yang amat benar! Terangkanlah kepada kami tentang (ta'bir mimpi) tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan tujuh ekor lembu betina yang kurus dan tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi kering agar aku dapat kembali kepada para pembesar itu supaya mereka mengetahui."(46)

Pelayan minuman Raja itu menggelarkan Yusuf dengan kata-kata "as-Siddiq" (orang yang amat benar) yakni sangat benar perkataannya, dan inilah pengalaman yang telah dialaminya dengan Yusuf sebelum ini.

أَفۡتِنَا فِي سَبۡعِ بَقَرَٰتٖ سِمَانٖ

"Terangkanlah kepada kami tentang (ta'bir mimpi) tujuh ekor lembu betina yang gemuk......."

Pelayan itu memindahkan kata-kata yang diucapkan oleh Raja dengan sepenuhnya kerana baginda menuntut ta'birnya. Kata-kata itu dinukilkannya dengan amat hemat dan cermat. Dan ayat ini mengulangkan kata-kata baginda itu sekali lagi untuk menyatakan kehematan itu, juga supaya keterangan ta'birnya tidak terpisah dalam ayat yang menyebutnya.

Tetapi ta'bir Yusuf di sini bukanlah merupakan suatu ta'bir secara langsung semata-mata, malah ta'bir yang disertai dengan nasihat bagaimana untuk menghadapi akibat-akibatnya dan inilah ta'bir yang lebih sempurna:

قَالَ تَزۡرَعُونَ سَبۡعَ سِنِينَ دَأَبٗا

"Jawab Yusuf: Kamu akan menanam tujuh tahun berturut-turut."

Yakni selama tujuh tahun berturut-turut iaitu tujuh tahun yang subur dan mewah yang dilambangkan dengan lembu-lembu betina gemuk.

---

[8] *Iaitu sebilangan tahun di antara tiga dan sembilan tahun.*

فَمَا حَصَدتُّمْ فَذَرُوهُ فِي سُنۢبُلِهِۦٓ

"Oleh itu segala bijian yang telah kamu tuai, maka biarkannya di dalam tangkainya."

Yakni tinggalkannya dalam tangkai-tangkainya kerana langkah ini dapat memelihara biji-bijian itu dari serangan ulat-ulat dan kesan-kesan udara.

إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾

"Kecuali sebahagian kecil sahaja daripada bekalan yang kamu hendak makan."(47)

Oleh itu (untuk maksud ini) keluarkanlah bahagian biji-bijian ini sahaja dari tangkainya dan simpankan yang bakinya untuk bekalan tahun-tahun kemarau yang dilambangkan dengan lembu-lembu betina yang kurus.

ثُمَّ يَأْتِي مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ

"Kemudian selepas itu akan datang tujuh tahun kemarau yang besar."

Di mana tidak dapat ditanam apa-apa tanaman lagi.

يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ

"Yang akan memakan bekalan makanan yang telah sediakan kamu untuk menghadapinya itu."

Seolah-olah tahun-tahun kemarau itu sendiri yang memakan segala bekalan makanan yang disediakan untuk menghadapinya kerana terlalu gelojoh dan lapar.

إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تُحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾

"Kecuali sebahagian kecil daripada bekalan yang kamu simpan."(48)

Yakni kecuali kecil sahaja dari bekalan yang kamu simpan itu terselamat dari ditelan oleh tahun-tahun kemarau itu.

ثُمَّ يَأْتِي مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ ٱلنَّاسُ وَفِيهِ يَعْصِرُونَ ﴿٤٩﴾

"Kemudian selepas itu akan datang satu tahun diturunkan hujan yang cukup kepada manusia dan pada masa itulah mereka dapat melakukan kerja memerah (buah-buahan, biji-bijian dan sebagainya)."(49)

Yakni kemudian tahun-tahun kemarau besar yang dahsyat, yang akan menghabiskan bekalan makanan yang disimpan pada tahun-tahun subur akan berakhir dan diiringi tahun-tahun mewah makmur di mana manusia dikurniakan tanaman dan air hujan dan di mana pohon-pohon anggur, lenga, sayuran-sayuran dan zaitun mereka subur dan membolehkan mereka memerahkan buah-buahan dan biji-bijian itu untuk dijadikan arak dan minyak.

Di sini dapatlah kita perhatikan bahawa tahun kemakmuran ini tidak dilambangkan dengan sesuatu apa di dalam mimpi Raja Mesir itu. Di sini jelaslah bahawa (ilmu mengenai kedatangan tahun kemakmuran itu) adalah dari ilmu laduni yang diajarkan Allah kepada Yusuf. Dengan ilmu inilah beliau menyampaikan berita baik kepada pelayan minuman Raja itu supaya dia menyampaikan pula berita baik itu kepada Rajanya dan orang ramai, iaitu berita kedatangan tahun-tahun mewah makmur yang akan menyelamatkan mereka dari kemarau dan kelaparan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 50 - 52)

Di sini juga Al-Qur'an terus berpindah kepada adegan berikut dengan meninggalkan satu ruang kosong di antara dua adegan itu supaya daya khayal dapat memenuhi sendiri segala gerak cerita yang berlaku di dalam ruang itu dan sekali lagi ia menyingkapkan tirai yang menayangkan satu adegan di majlis Raja Mesir. Al-Qur'an memotong cerita ta'bir mimpi yang dibawa pulang oleh pelayan itu kepada Raja dan bagaimana pelayan itu menerangkan cerita diri Yusuf yang mentakbirkan mimpi itu kepada baginda iaitu mengapa beliau disumbatkan ke dalam penjara dan bagaimana keadaan hidup beliau (di sana). Semua cerita ini dibuang di dalam adegan itu dan kita hanya tiba-tiba mendengar titah baginda menyatakan keinginannya untuk melihat Yusuf dan memerintah pelayan itu supaya membawa Yusuf mengadapnya:

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ ٱئْتُونِي بِهِۦ

"Lalu berkatalah Raja (Mesir): Bawalah Yusuf kepadaku."

Bagi kali yang ketiga Al-Qur'an membuang butir-butir perincian bagaimana perintah baginda itu dilaksanakan dan kita tiba-tiba dapati Yusuf menolak pemintaan utusan baginda yang tidak dikenali oleh kita. Adakah yang menjadi utusan itu ialah pelayan minuman baginda itu sendiri yang telah datang menemui Yusuf pada kali yang pertama atau seorang utusan khas yang lain yang ditugas melaksanakan perintah-perintah yang seperti ini. Di sini kita dapati Yusuf yang telah sekian lama terpenjara itu tidak terburu-buru meminta keluar dari penjara sehingga kesnya disiasat semula dan kebenarannya terserlah dan kedudukannya yang tidak bersalah itu diumumkan di hadapan sekalian saksi, iaitu beliau adalah bersih dari tohmahan-tohmahan, fitnah kelompok-kelompok jahat dan tikaman-tikaman di dalam gelap. Beliau telah diasuh dan dididik Allah. Didikan dan asuhan inilah yang mencurah ke dalam hati beliau perasaan ketenangan, keyakinan dan ketenteraman yang membuat beliau tidak gopoh dan terburu-buru.

Kesan didikan rabbani amat jelas membezakan di antara dua keadaan, iaitu keadaan semasa beliau berkata kepada sahabat sepenjaranya:

ٱذْكُرْنِى عِندَ رَبِّكَ

"Tolong sebutkan ceritaku kepada tuanmu"(42)

dan keadaan semasa beliau berkata:

ٱرْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ فَسْـَٔلْهُ مَا بَالُ ٱلنِّسْوَةِ ٱلَّٰتِى قَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ

"Kembalilah kepada tuanmu dan tanyakanlah dia apakah sebenarnya cerita wanita-wanita yang telah menghiriskan tangan mereka sendiri."(50)

Perbezaan di antara dua keadaan itu amat jauh sekali:

قَالَ ٱرْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ فَسْـَٔلْهُ مَا بَالُ ٱلنِّسْوَةِ ٱلَّٰتِى قَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ إِنَّ رَبِّى بِكَيْدِهِنَّ عَلِيمٌ ﴿٥٠﴾

"Diapun berkata: Kembalilah kepada tuanmu dan tanyalah dia apakah sebenarnya cerita wanita-wanita yang telah menghiriskan tangan mereka sendiri. Sesungguhnya Tuhanku amat mengetahui tipu daya mereka."(50)

Yusuf a.s. menolak perintah Raja (Mesir) yang memanggil beliau mengadap baginda sehingga baginda sanggup menyiasat kesnya dan mempastikan sebab-sebab mengapa wanita-wanita itu menghiriskan tangan mereka sendiri. Beliau menyebut begitu untuk mengingatkan baginda kepada peristiwa itu dengan segala latar belakangnya, di mana wanita-wanita itu telah melakukan tipu daya terhadap satu sama lain dan kemudian melakukan tipu daya terhadap dirinya pula. (Beliau meminta) supaya penyiasatan itu dilakukan tanpa kehadirannya agar hakikat yang sebenar itu terserlah dengan jelas tanpa beliau turut menyertai dalam siasatan dan soal jawabnya. Semuanya itu kerana beliau begitu yakin kepada dirinya, yakin kepada kebersihannya dari kesalahan dan tuduhan itu serta yakin bahawa kebenaran itu tidak mungkin disembunyi dan dihampakan sebegitu lama.

(Di sini) Al-Qur'an menceritakan bagaimana Yusuf a.s. menggunakan kata-kata "ربّ" (tuan) dengan pengertiannya yang sempurna dibandingkan kepada dirinya dan kepada utusan Raja, kerana Raja merupakan "Tuan" kepada utusan itu kerana dialah pemerintah yang dipatuhinya, sementara Allah merupakan "Tuan" kepada Yusuf selaku pemerintah yang dita'atinya.

Kemudian utusan itu kembali mengadap Raja dan menceritakan (keputusan Yusuf) kepada baginda, lalu baginda pun memanggil wanita-wanita yang terlibat itu dan menyoal mereka. Peristiwa ini tidak disebut di dalam ayat ini supaya kita mengetahuinya dari ayat yang berikut:

قَالَ مَا خَطْبُكُنَّ إِذْ رَٰوَدتُّنَّ يُوسُفَ عَن نَّفْسِهِۦ

"Bertanyalah (Raja Mesir kepada wanita-wanita itu): Apakah sebenarnya cerita kamu ketika kamu menggoda Yusuf."

Kata-kata (خطبكم) bererti "perkara besar, berat dan bala". (Penggunaan kata-kata ini) seolah-olah membayangkan bahawa baginda telah melakukan penyiasatan yang teliti untuk mengetahui segala apa yang dilakukan oleh wanita-wanita itu sebelum baginda bersemuka dengan mereka. Inilah langkah biasa yang diambil di dalam perkara-perkara yang seperti ini supaya baginda dapat mengetahui perkara itu dan suasana-suasananya dengan jelas sebelum baginda bertindak menanganinya. Baginda bersemuka dengan mereka dengan mengemukakan tuduhan dan membayangkan kepada mereka bahawa perbuatan yang dilakukan mereka itu adalah satu perbuatan yang besar dan berat:

قَالَ مَا خَطْبُكُنَّ إِذْ رَٰوَدتُّنَّ يُوسُفَ عَن نَّفْسِهِۦ

"Bertanyalah (Raja Mesir kepada wanita-wanita itu): Apakah sebenarnya cerita kamu ketika kamu menggoda Yusuf"

Dari ayat inilah kita mengetahui apa yang telah berlaku di majlis jamuan yang diadakan di rumah al-'Aziz, iaitu (pujian) yang diucapkan oleh wanita-wanita itu kepada Yusuf, juga kata-kata sindiran dan isyarat-isyarat untuk menggoda Yusuf yang sampai ke tahap memujuk beliau (melakukan kejahatan), dan dari seni juga kita mendapat gambaran golongan atasan ini dan gambaran kaum wanitanya di zaman yang amat jauh di dalam sejarah itu, tetapi jahiliyah tetap jahiliyah dan di mana wujudnya kehidupan yang mewah, istana-istana dan para pembesar, di sanalah wujudnya keadaan hidup yang bebas lepas, pendirian yang cair, berpoya-poya di dalam kefasiqan yang halus yang memakai baju aristokratik.

Persemukaan seperti ini dengan mengemukakan tuduhan di hadapan Raja nampaknya tidak lagi memberi peluang kepada mereka untuk menolak tuduhan itu:

قُلْنَ حَٰشَ لِلَّهِ مَا عَلِمْنَا عَلَيْهِ مِن سُوٓءٍ

"Jawab mereka: Maha Suci Allah! Kami tidak mengetahui sebarang kejahatan darinya."

Itulah hakikat yang sebenar yang sukar dinafikan walaupun oleh wanita-wanita seperti mereka. Kini kedudukan Yusuf begitu terang dan jelas dan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Di sinilah perempuan al-'Aziz yang cintakan Yusuf a.s. itu tampil ke depan. Walaupun harapannya telah putus untuk mendapatkan kasih beliau, namun hatinya tidak berdaya melepaskan diri dari mencintainya. Kini dia tampil ke depan untuk meluahkan segala-galanya dengan terus terang.

قَالَتِ ٱمْرَأَتُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْـَٰٔنَ حَصْحَصَ ٱلْحَقُّ أَنَا۠ رَٰوَدتُّهُۥ

عَن نَّفْسِهِۦ وَإِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٥١﴾

"Lalu berkatalah perempuan al-'Aziz: Sekarang kebenaran telah terserlah. Sebenarnya sayalah yang menggoda dirinya dan sesungguhnya dia adalah dari orang-orang yang benar."(51)

Yakni kini hakikat yang sebenar telah terserlah begitu terang dan jelas hingga tidak dapat disembunyikan lagi.

أَنَا۠ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ وَإِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٥١﴾

"Sebenarnya sayalah yang menggoda dirinya dan sesungguhnya dia adalah dari orang-orang yang benar."(51)

Dia menambah dengan kata-kata yang membayangkan bahawa hatinya tetap memandang tinggi kepada beliau, tetap mengharapkan penghargaan dan perhatian beliau setelah dilalui masa sekian lama, juga membayangkan bahawa 'aqidah Yusuf telah mula meresap ke dalam hatinya dan kerana itulah dia telah beriman:

ذَٰلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّى لَمْ أَخُنْهُ بِٱلْغَيْبِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى كَيْدَ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٢﴾

"(Pengakuanku) itu ialah supaya dia (Yusuf) mengetahui bahawa saya tidak mengkhianatinya semasa ia tidak ada di sini dan Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang yang khianat."(52)

Pengakuan ini dan pernyataan seterusnya telah digambarkan oleh Al-Qur'an di sini dengan kata-kata yang amat menarik yang mencerminkan emosi-emosi dan perasaan-perasaan yang mengharukan persis seperti ta'bir yang tipis membayangkan apa yang ada di sebaliknya dalam ungkapan yang penuh sopan santun.

أَنَا۠ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ وَإِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٥١﴾

"Sebenarnya sayalah yang menggoda dirinya dan sesungguhnya dia adalah dari orang-orang yang benar."(51)

Itulah satu pengakuan yang sempurna terhadap kebersihan Yusuf a.s. dan kebenarannya. Perempuan (al-'Aziz) tidak lagi mempedulikan akibat yang mungkin menimpanya di sebalik pengakuan itu. Apakah kebenaran yang menjadi satu-satunya motif yang mendorongkannya membuat pengakuan yang terus terang ini di hadapan Raja dan para pembesarnya?

Ayat yang berikut membayangkan adanya suatu motif yang lain lagi, iaitu keinginannya supaya dia dihormati oleh Yusuf seorang yang teguh imannya dan tidak pernah menghiraukan kecantikan dan fitnah tubuh badannya. Dia ingin dihormati Yusuf sebagai penghargaan terhadap keimanannya, kesanggupannya bercakap benar dan terhadap sifat amanahnya menjaga haknya di belakangnya:

ذَٰلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّى لَمْ أَخُنْهُ بِٱلْغَيْبِ

"(Pengakuanku) itu ialah supaya dia (Yusuf) mengetahui bahawa saya tidak mengkhianatinya semasa ia tidak ada di sini."

Kemudian dia meneruskan usaha ini untuk kembali kepada akhlak cemerlang yang disukai dan dihormati Yusuf.

وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى كَيْدَ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٢﴾

"Dan Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang yang khianat."(52)

Kemudian dia melangkah setapak lagi meluahkan perasaan-perasaan yang jujur ini:

وَمَآ أُبَرِّئُ نَفْسِىٓ ۚ إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٣﴾

"Dan saya bukannya hendak membersihkan diri saya, kerana nafsu manusia selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali mereka yang dirahmati oleh Tuhanku. Sesungguh-Nya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Dia seorang perempuan yang telah menaruh cinta, seorang perempuan yang tetap memandang tinggi kepada lelaki yang dicintainya semasa di dalam jahiliyahnya dan semasa dia dalam keislamannya. Kini dia tidak berdaya lagi selain dari tinggal tergantung-gantung mengharapkan sepatah kata darinya atau sekelumit pernyataan senang hati yang terbit darinya.

Demikianlah terserlahnya ciri insaniyah di dalam kisah ini, iaitu sebuah kisah yang bukan diceritakan semata-mata untuk maksud seni, malah diceritakan untuk maksud dijadikan contoh teladan dan pengajaran. Ia diceritakan untuk menangani isu 'aqidah dan da'wah. Pengungkapan-pengungkapan seni di dalam kisah ini melukiskan segala detik perasaan dan segala rasa hati dengan gambaran yang indah, menarik, halus, seni, dan dengan realisme yang sempurna di mana terserlah semua faktor yang berpengaruh dan semua realisme keselarasan pada watak-watak kisah ini yang berlangsung dalam suasana masyarakat mereka dan faktor-faktor yang berpengaruh dalam masyarakat itu.

Setakat ini berakhirlah ujian menjalani hukuman penjara dan menghadapi fitnah tuduhan. Kini Yusuf dibawa pula ke dalam kehidupan yang senang dan makmur, di mana beliau diuji pula dengan ni'mat kesenangan bukan lagi dengan kesusahan.

Di sini kita berhenti di juzu' ini dari Tafsir Fi Zilal dan kita akan mengikuti kisah selanjutnya di dalam juzu' yang Ketiga Belas, insya Allah.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Belas)

JUZU' KE-13

SURAH YUSUF

JUZU' YANG KETIGA BELAS

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah Bahagian Akhir Surah Yusuf)

Juzu' ini terdiri dari baki Surah Yusuf yang diturunkan di Makkah dan dua surah yang lain iaitu Surah ar-Ra'd dan Surah Ibrahim yang juga diturunkan di Makkah. Juzu' ini merupakan satu juzu' yang lengkap yang mengandungi surah-surah Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah dengan segala ciri-ciri Makkiyahnya.[1]

Berhubung dengan Surah ar-Ra'd dan Surah Ibrahim, kami akan memperkenalkannya – Insya Allah – pada tempatnya yang wajar, dan mengenai baki Surah Yusuf pula kami harap (para pembaca) merujukkan semula sebelum membaca juzu' ini kata-kata pengenalan surah ini di dalam juzu' yang lalu.

Di dalam juzu' ini kita akan menghadapi baki (sambungan) kisah dan kata-kata kesimpulan dan ulasan secara langsung, kemudian kata-kata kesimpulan dan ulasan yang akhir di dalam surah ini. Begitu juga dalam juzu' ini kita akan menghadapi satu peringkat yang baru dari peringkat-peringkat perkembangan hidup watak utama kisah ini, iaitu watak Yusuf a.s. yang terus jujur dan teguh berpegang dengan nilai-nilai yang asasi. Pembicaraan ini telah pun disebut dalam kata pengenalan watak-watak kisah ini di dalam pendahuluan surah ini.

Di dalam peringkat yang baru ini kita dapati ada ciri-ciri yang baru muncul sebagai lanjutan tabi'i dan waqi'i dari pertumbuhan watak Yusuf, juga lanjutan dari peringkat hidupnya yang silam, namun demikian ia mempunyai sifat istimewa yang berbeza.

Kita dapati watak Yusuf terus jujur dari awal pertumbuhannya hingga sepanjang masa beliau menempuh berbagai-bagai peristiwa dan ujian di bawah naungan didikan Rabbani terhadap hamba-Nya yang soleh, iaitu seorang hamba yang sedang disediakan Allah untuk dikurniakan kedudukan yang teguh di negeri Mesir dan untuk melaksanakan tugas da'wah kepada agama Allah semasa beliau berkuasa di negeri itu nanti dan selama beliau memegang teraju pentadbiran di jabatan Perbekalan Makanan Negara di Timur Tengah.

Ciri pertama dari peringkat ini ialah keteguhan (beliau) berpegang kepada Allah, keteguhan keyakinan dan kepercayaan beliau kepada-Nya, penumpuan dan pembulatan hati beliau kepada-Nya, penolakan beliau terhadap nilai-nilai dunia dan pembebasan diri beliau dari belenggunya, pandangan kecil beliau kepada segala kuasa yang memerintah di bumi. Semua nilai-nilai dan kuasa-kuasa dunia adalah dipandang rendah di dalam jiwa yang berhubung teguh dengan Allah S.W.T. itu.

Gejala dari ciri ini terserlah dalam sikap beliau ketika utusan Raja datang menemui beliau di dalam penjara untuk menyampaikan hasrat baginda untuk bertemu dengan beliau. Ketika itu beliau tidak bertindak segera memenuhi permintaan baginda dan tidak pula memperlihatkan keinginannya yang kuat untuk meninggalkan penjara yang gelap itu dan pergi ke istana Raja yang luas yang ingin bertemu dengannya. Beliau tidak lupa daratan kerana terlalu gembira dapat keluar dari tempat yang sempit itu.

Gejala ini serta perubahan-perubahan yang mendalam di sebaliknya, iaitu perubahan di bidang neraca pertimbangan, nilai-nilai dan perasaan di dalam jiwa Yusuf, tidaklah begitu terserlah melainkan apabila kita kembali beberapa tahun ke belakang, di mana Yusuf telah berpesan kepada pelayan minuman Raja supaya menyebutkan cerita beliau kepada baginda kerana beliau fikir pelayan ini akan terselamat. Iman itu tetap iman, tetapi (gejala yang baru ini) ialah rasa ketenteraman yang tercurah di dalam hati beliau ketika menjalani pelaksanaan takdir-takdir Allah, di mana beliau melihat di hadapan matanya bagaimana takdir-takdir itu terlaksana di alam kenyataan. Inilah rasa ketenteraman yang dicari moyangnya Nabi Ibrahim a.s. ketika beliau memohon kepada Tuhannya:

رَبِّ أَرِنِي كَيْفَ تُحْيِ ٱلْمَوْتَىٰ

"Wahai Tuhanku! Tunjukkan kepada aku bagaimanakah Engkau menghidupkan orang-orang yang mati."

(Surah al-Baqarah: 260)

Lalu beliau ditanya oleh Allah dan Allah memang mengetahui:

أَوَلَمْ تُؤْمِن

"Apakah engkau tidak percaya."

(Surah al-Baqarah: 260)

Beliau menjawab dan Allah memang mengetahui hakikat perasaannya dan apa yang hendak dikatakan olehnya:

بَلَىٰ وَلَٰكِن لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِي

"Sememangnya aku percaya! Tetapi supaya hatiku merasa tenteram."

(Surah al-Baqarah: 260)

Itulah gejala ketenteraman yang diisikan oleh didikan Rabbani ke dalam hati manusia-manusia pilihan melalui ujian, pengalaman, penglihatan mata hati dan mata kasar, ma'rifat dan penanggapan di samping kepercayaan dan ketenangan.

---

[1] *Lihat muqaddimah-muqaddimah surah al-An'am, Surah Yunus dan Surah Hud.*

Itulah gejala yang terserlah dalam semua sikap Yusuf selepas itu sehingga pada sikap beliau yang akhir ketika bermunajat dengan Allah, di mana beliau membuang segala sesuatu yang diidam-idamkan manusia di dunia ini:

رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِىِّۦ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan dari kerajaan kepadaku sebahagian dari kuasa pemerintahan dan Engkau telah mengajarkanku sebahagian dari ta'bir mimpi kepadaku. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi, Engkaulah Pelindungku di dunia ini dan di Akhirat. Wahai Tuhanku wafatkanku sebagai seorang Muslim dan gabungkanku dengan para Solehin."(101)

Adapun kata-kata kesimpulan dan ulasan yang disebut di akhir kisah ini, juga kata- kata kesimpulan dan ulasan umum di dalam surah ini, maka kami telah pun menghuraikannya dalam kata pendahuluan surah ini dan kami akan mengulaskannya dengan terperinci di tempatnya masing-masing, insya Allah. Tujuan kami di sini ialah semata-mata untuk menonjolkan gejala yang baru di dalam watak utama kisah ini di samping ianya merupakan gejala asasi yang diberi perhatian yang berat dalam kisah dan surah ini dari segi pendidikan mengikut methodologi Al-Qur'an.

Sekarang marilah kajikan nas-nas berikut secara terperinci:

(Kumpulan ayat-ayat (53 – 79)

وَمَآ أُبَرِّئُ نَفْسِىٓ ۚ إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٣﴾

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ ٱئْتُونِى بِهِۦٓ أَسْتَخْلِصْهُ لِنَفْسِى ۖ فَلَمَّا كَلَّمَهُۥ قَالَ إِنَّكَ ٱلْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ أَمِينٌ ﴿٥٤﴾

قَالَ ٱجْعَلْنِى عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلْأَرْضِ ۖ إِنِّى حَفِيظٌ عَلِيمٌ ﴿٥٥﴾

وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِى ٱلْأَرْضِ يَتَبَوَّأُ مِنْهَا حَيْثُ يَشَآءُ ۚ نُصِيبُ بِرَحْمَتِنَا مَن نَّشَآءُ ۖ وَلَا نُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

وَلَأَجْرُ ٱلْءَاخِرَةِ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٥٧﴾

وَجَآءَ إِخْوَةُ يُوسُفَ فَدَخَلُوا۟ عَلَيْهِ فَعَرَفَهُمْ وَهُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٥٨﴾

وَلَمَّا جَهَّزَهُم بِجَهَازِهِمْ قَالَ ٱئْتُونِى بِأَخٍ لَّكُم مِّنْ أَبِيكُمْ ۚ أَلَا تَرَوْنَ أَنِّىٓ أُوفِى ٱلْكَيْلَ وَأَنَا۠ خَيْرُ ٱلْمُنزِلِينَ ﴿٥٩﴾

فَإِن لَّمْ تَأْتُونِى بِهِۦ فَلَا كَيْلَ لَكُمْ عِندِى وَلَا تَقْرَبُونِ ﴿٦٠﴾

قَالُوا۟ سَنُرَٰوِدُ عَنْهُ أَبَاهُ وَإِنَّا لَفَٰعِلُونَ ﴿٦١﴾

وَقَالَ لِفِتْيَٰنِهِ ٱجْعَلُوا۟ بِضَٰعَتَهُمْ فِى رِحَالِهِمْ لَعَلَّهُمْ يَعْرِفُونَهَآ إِذَا ٱنقَلَبُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٦٢﴾

فَلَمَّا رَجَعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَبِيهِمْ قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا مُنِعَ مِنَّا ٱلْكَيْلُ فَأَرْسِلْ مَعَنَآ أَخَانَا نَكْتَلْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿٦٣﴾

قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَآ أَمِنتُكُمْ عَلَىٰٓ أَخِيهِ مِن قَبْلُ ۖ فَٱللَّهُ خَيْرٌ حَٰفِظًا ۖ وَهُوَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٦٤﴾

وَلَمَّا فَتَحُوا۟ مَتَٰعَهُمْ وَجَدُوا۟ بِضَٰعَتَهُمْ رُدَّتْ إِلَيْهِمْ ۖ قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا مَا نَبْغِى ۖ هَٰذِهِۦ بِضَٰعَتُنَا رُدَّتْ إِلَيْنَا ۖ وَنَمِيرُ أَهْلَنَا وَنَحْفَظُ أَخَانَا وَنَزْدَادُ كَيْلَ بَعِيرٍ ۖ ذَٰلِكَ كَيْلٌ يَسِيرٌ ﴿٦٥﴾

قَالَ لَنْ أُرْسِلَهُۥ مَعَكُمْ حَتَّىٰ تُؤْتُونِ مَوْثِقًا مِّنَ ٱللَّهِ لَتَأْتُنَّنِى بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يُحَاطَ بِكُمْ ۖ فَلَمَّآ ءَاتَوْهُ مَوْثِقَهُمْ قَالَ ٱللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ ﴿٦٦﴾

"Dan saya bukannya hendak membersihkan diri saya, kerana nafsu selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali mereka yang dirahmati oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih(53). Dan Raja pun berkata: 'Bawalah dia (Yusuf) kepadaku, aku akan memilihnya sebagai penasihat khas kepadaku. Setelah Raja bercakap-cakap dengan Yusuf dia berkata kepadanya: Sesungguhnya

engkau mulai hari ini adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan dipercayai di sisi kami'(54). Yusuf berkata: 'Lantikkan saya sebagai pengarah perbendaharaan hasil bumi (Mesir) sesungguhnya saya seorang penjaga yang ber-pengetahuan'(55). Demikianlah Kami mengurniakan kepada Yusuf kedudukan yang tinggi di bumi (Mesir) dia bebas tinggal di mana sahaja dia suka. Kami limpahkan rahmat Kami kepada siapa sahaja yang Kami sukai, dan Kami tidak sekali-kali mensia-siakan ganjaran para Muhsinin(56). Dan sesungguhnya ganjaran Akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa(57). Dan datanglah saudara-saudara Yusuf lalu mereka masuk menemuinya dan dia terus mengenali mereka, sedangkan mereka tidak mengenalinya(58). Dan apabila Yusuf siap membekalkan bekalan makanan kepada mereka, Yusuf pun berkata: Bawalah kepadaku saudara sebapa kamu, tidakkah kamu melihat bagaimana aku memberi sukatan bekalan yang cukup kepada kamu dan akulah sebaik-baik penerima tamu?(59). Oleh itu jika kamu tidak membawanya kepadaku, maka tiada lagi sukatan bekalan makanan untuk kamu di sisiku dan janganlah lagi kamu mendekatiku(60). Jawab mereka: Kami akan memujuk bapanya melepaskannya dan sesungguhnya kami akan melaksanakannya(61). Dan Yusuf berkata kepada orang-orang suruhannya: Masukkanlah barang-barang penukar mereka ke dalam karung-karung kenderaan mereka supaya mereka mengetahuinya apabila mereka pulang nanti kepada keluarga mereka semoga mereka kembali lagi(62). Maka apabila mereka pulang kepada bapa mereka, mereka pun berkata: Wahai bapa, kami tidak diberi sukatan bekalan. Oleh itu hantarlah saudara kami bersama kami supaya kami mendapat sukatan bekalan dan kami sekalian tetap akan menjaganya(63). Jawab Ya'kub: Tidaklah aku menaruh kepercayaan kepada kamu terhadap keselamatannya (Bunyamin) melainkan seperti aku telah menaruh kepercayaan kepada kamu terhadap keselamatan abangnya (Yusuf dahulu). Allahlah (jua) sebaik-baik Penjaga dan Dialah Maha Pengasih di antara para pengasih(64). Dan apabila mereka membuka barang-barang mereka (tiba-tiba) mereka dapati barang-barang penukar mereka telah dikembalikan semula kepada mereka lalu mereka berkata: Wahai bapa kami, kami bukannya bertindak melampau. Lihatlah barang-barang penukar kami telah dikembalikan semula kepada kami, sedangkan kami perlu memberi makan keluarga kami dan kami sanggup menjaga keselamatan saudara kami (Bunyamin) dan kami akan mendapat sukatan bekalan tambahan sebanyak seberat tanggungan seekor unta. Itulah sukatan yang senang (diperolehi)(65). (Ya'kub) berkata: Aku sekali-kali tidak akan melepaskan (Bunyamin) pergi bersama kamu sehingga kamu memberikan janji yang teguh atas nama Allah kepada aku bahawa kamu pasti akan membawanya kembali kepada aku kecuali kamu dikepung (musuh), dan setelah mereka memberikan kepadanya janji mereka, maka dia (Ya'kub) pun berkata: Allah adalah saksi di atas apa yang kita ucapkan."(66).

وَقَالَ يَٰبَنِيَّ لَا تَدۡخُلُواْ مِنۢ بَابٖ وَٰحِدٖ وَٱدۡخُلُواْ مِنۡ
أَبۡوَٰبٖ مُّتَفَرِّقَةٖۖ وَمَآ أُغۡنِي عَنكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن شَيۡءٍۖ
إِنِ ٱلۡحُكۡمُ إِلَّا لِلَّهِۖ عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُۖ وَعَلَيۡهِ فَلۡيَتَوَكَّلِ
ٱلۡمُتَوَكِّلُونَ ٦٧
وَلَمَّا دَخَلُواْ مِنۡ حَيۡثُ أَمَرَهُمۡ أَبُوهُم مَّا كَانَ يُغۡنِي عَنۡهُم
مِّنَ ٱللَّهِ مِن شَيۡءٍ إِلَّا حَاجَةٗ فِي نَفۡسِ يَعۡقُوبَ
قَضَىٰهَاۚ وَإِنَّهُۥ لَذُو عِلۡمٖ لِّمَا عَلَّمۡنَٰهُ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ
ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٦٨
وَلَمَّا دَخَلُواْ عَلَىٰ يُوسُفَ ءَاوَىٰٓ إِلَيۡهِ أَخَاهُۖ قَالَ
إِنِّيٓ أَنَا۠ أَخُوكَ فَلَا تَبۡتَئِسۡ بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٦٩
فَلَمَّا جَهَّزَهُم بِجَهَازِهِمۡ جَعَلَ ٱلسِّقَايَةَ فِي
رَحۡلِ أَخِيهِ ثُمَّ أَذَّنَ مُؤَذِّنٌ أَيَّتُهَا ٱلۡعِيرُ إِنَّكُمۡ
لَسَٰرِقُونَ ٧٠
قَالُواْ وَأَقۡبَلُواْ عَلَيۡهِم مَّاذَا تَفۡقِدُونَ ٧١
قَالُواْ نَفۡقِدُ صُوَاعَ ٱلۡمَلِكِ وَلِمَن جَآءَ بِهِۦ حِمۡلُ بَعِيرٖ
وَأَنَا۠ بِهِۦ زَعِيمٞ ٧٢
قَالُواْ تَٱللَّهِ لَقَدۡ عَلِمۡتُم مَّا جِئۡنَا لِنُفۡسِدَ فِي ٱلۡأَرۡضِ
وَمَا كُنَّا سَٰرِقِينَ ٧٣
قَالُواْ فَمَا جَزَٰٓؤُهُۥٓ إِن كُنتُمۡ كَٰذِبِينَ ٧٤
قَالُواْ جَزَٰٓؤُهُۥ مَن وُجِدَ فِي رَحۡلِهِۦ فَهُوَ جَزَٰٓؤُهُۥۚ
كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلظَّٰلِمِينَ ٧٥
فَبَدَأَ بِأَوۡعِيَتِهِمۡ قَبۡلَ وِعَآءِ أَخِيهِ ثُمَّ ٱسۡتَخۡرَجَهَا
مِن وِعَآءِ أَخِيهِۚ كَذَٰلِكَ كِدۡنَا لِيُوسُفَۖ مَا كَانَ
لِيَأۡخُذَ أَخَاهُ فِي دِينِ ٱلۡمَلِكِ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُۚ
نَرۡفَعُ دَرَجَٰتٖ مَّن نَّشَآءُۗ وَفَوۡقَ كُلِّ ذِي عِلۡمٍ
عَلِيمٞ ٧٦
قَالُوٓاْ إِن يَسۡرِقۡ فَقَدۡ سَرَقَ أَخٞ لَّهُۥ مِن قَبۡلُۚ
فَأَسَرَّهَا يُوسُفُ فِي نَفۡسِهِۦ وَلَمۡ يُبۡدِهَا لَهُمۡۚ قَالَ
أَنتُمۡ شَرّٞ مَّكَانٗاۖ وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا تَصِفُونَ ٧٧
قَالُواْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡعَزِيزُ إِنَّ لَهُۥٓ أَبٗا شَيۡخٗا كَبِيرٗا فَخُذۡ

أَحَدَنَا مَكَانَهُۥٓ ۖ إِنَّا نَرَىٰكَ مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٧٨﴾
قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ أَن نَّأْخُذَ إِلَّا مَن وَجَدْنَا مَتَٰعَنَا
عِندَهُۥٓ إِنَّآ إِذًا لَّظَٰلِمُونَ ﴿٧٩﴾

"Dan Ya'kub berkata: Wahai anak-anakku! Janganlah kamu semua masuk (kota Mesir) dari satu pintu sahaja, tetapi masuklah melalui pintu-pintu yang berlain-lainan, tetapi aku tidak dapat menyelamatkan kamu dari (kehendak takdir) Allah sedikit pun, kerana kuasa penentuan hukum itu hanya milik Allah sahaja. Kepada Allah aku berserah dan kepada Allah juga hendaklah mereka yang bertawakkal itu berserah(67). Dan apabila mereka masuk (kota Mesir) mengikut sebagaimana yang dipesan oleh bapa mereka, maka ia tidak juga dapat menyelamatkan mereka dari (kehendak takdir) Allah sedikit pun. Itu hanya suatu keinginan di dalam hati Ya'kub yang telah ditunaikannya (dengan pesanan itu). Dan sesungguhnya dia adalah seorang yang berilmu kerana Kami telah mengajar ilmu itu kepadanya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(68). Dan apabila mereka masuk menemui Yusuf, maka dia pun membawa saudaranya (Bunyamin) ke tempatnya dan berkata: Sesungguhnya aku adalah saudaramu. Oleh itu janganlah engkau berdukacita lagi terhadap perbuatan yang telah dilakukan mereka(69). Apabila Yusuf siap membekalkan bekalan makanan kepada mereka dia pun meletak piala penyukat di dalam karung kenderaan saudaranya (Bunyamin) kemudian seorang penyeru berteria': Wahai kafilah, sesungguhnya kamu adalah pencuri-pencuri(70). Mereka bertanya sambil datang menemui mereka: Apakah barang yang kamu hilang?(71). Jawab mereka kami kehilangan piala penyukat Raja dan kepada sesiapa yang dapat mengembalikannya akan diberi bekalan makanan seberat muatan seekor unta dan aku adalah penjamin (di atas pemberian itu)(72). Mereka menjawab: Demi Allah, kamu sekalian tentulah mengetahui bahawa kedatangan kami bukannya bertujuan melakukan perbuatan yang merosakkan di negeri ini dan kami tidak pernah menjadi pencuri-pencuri(73). Mereka berkata: Tetapi apakah balasannya jika kamu bohong?(74). Jawab mereka: Balasannya sesiapa yang didapati piala itu di dalam karung kenderaannya, maka dia sendirilah yang menjadi balasannya (tebusannya). Demikianlah kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang zalim(75). Maka Yusuf lebih dahulu memeriksa karung-karung mereka sebelum memeriksa karung adiknya (Bunyamin), kemudian dia mengeluarkan piala penyukat itu dari karung adiknya. Demikianlah Kami aturkan tadbir kepada Yusuf. Sebenarnya dia tidak boleh mengambil adiknya menurut undang-undang Raja, melainkan jika dikehendaki Allah. Kamilah yang mengangkatkan darjat-darjat mereka yang Kami kehendaki, dan di atas setiap orang yang berilmu itu ada lagi yang lebih tinggi ilmunya(76). Mereka berkata: Sekiranya dia (Bunyamin) mencuri, maka sesungguhnya saudaranya juga pernah mencuri sebelum ini, lalu Yusuf menyembunyikan (perbuatan itu) di dalam hatinya dan sama sekali tidak memperlihatkannya kepada mereka, kemudian dia berkata (di dalam hatinya): Kamulah yang lebih buruk kedudukannya, dan Allah lebih mengetahui tentang apa yang diceritakan kamu itu(77). Mereka berkata: Wahai Perdana Menteri! Dia mempunyai bapa yang sangat tua. Oleh itu ambillah salah seorang dari kami sebagai gantinya. Sesungguhnya kami melihat engkau dari para Muhsinin(78). Jawab Yusuf. Aku berlindung pada Allah dari mengambil seorang yang lain kecuali orang yang kami jumpai barang-barang kepunyaan kami di sisinya. Sesungguhnya – jika kami bertindak begitu – tentulah kami menjadi orang-orang yang zalim(79).

Di dalam pelajaran ini kita terus mengikuti kisah Yusuf dalam satu babaknya yang baru, iaitu babak yang keempat. Kita telah berhenti di penghabisan juzu' yang kedua belas setakat penghabisan babak yang ketiga, di mana beliau dikeluarkan dari penjara dijemput oleh Raja untuk menjadi seorang pembesar negeri dan inilah cerita yang kita akan mengetahuinya di dalam babak yang baru ini.

Pelajaran ini dimulai dengan ceraian akhir di dalam adegan yang telah lepas, iaitu adegan Raja yang menyoal wanita-wanita yang menghiris tangan sendiri. Itulah yang dicita-citakan Yusuf supaya baginda menyiasat tipudaya-tipudaya yang menyebabkan beliau dimasukkan ke dalam penjara dan mengisytiharkan dirinya tidak bersalah kepada orang ramai sebelum beliau memulakan peringkat baru di dalam hidupnya. Kini beliau memulakan peringkat baru itu dengan penuh keyakinan dan ketenteraman, di mana jiwa dan hatinya diselubungi ketenangan dan ketenteraman. Kini beliau merasa bahawa peringkat ini merupakan peringkat kemunculan dirinya dalam arena pentadbiran kerajaan dan di dalam kegiatan da'wah. Masanya begitu baik bagi beliau memulakan peringkat hidupnya yang baru, di mana segala sesuatu di sekelilingnya kelihatan cerah dan jelas dan tiada debu-debu zaman silam mencemarinya walaupun beliau tidak bersalah.

Walaupun beliau tidak menyebut apa-apa tentang perempuan al-'Aziz dan tidak pernah menuding kepadanya secara khusus, malah beliau hanya mendorong Raja supaya menyiasat wanita-wanita yang telah menghiris tangan mereka sendiri sahaja, tetapi perempuan al-'Aziz terus tampil ke muka mengumumkan hakikat yang sebenar dengan sepenuhnya:

ٱلْـَٰٔنَ حَصْحَصَ ٱلْحَقُّ أَنَا۠ رَٰوَدتُّهُۥ عَن نَّفْسِهِۦ وَإِنَّهُۥ
لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٥١﴾

"Sekarang kebenaran telah terserlah. Sebenarnya sayalah yang menggoda dirinya dan sesungguhnya dia adalah dari orang-orang yang benar."(51)

ذَٰلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّى لَمْ أَخُنْهُ بِٱلْغَيْبِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى
كَيْدَ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٢﴾
وَمَآ أُبَرِّئُ نَفْسِىٓ ۚ إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا
رَحِمَ رَبِّىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٣﴾

"(Pengakuanku) ini ialah supaya dia (Yusuf) mengetahui bahawa saya tidak mengkhianatinya semasa ia tidak ada di sini dan Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang yang khianat(52). Dan saya bukannya hendak membersihkan diri saya kerana nafsu manusia selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali mereka yang dirahmati Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Pada ayat yang akhir ini nampak jelas bahawa perempuan al-'Aziz telah menjadi seorang Mu'min yang mempunyai perasaan segan dan malu. Dia membersihkan dirinya dari perbuatan khianat terhadap Yusuf di belakang matanya, tetapi dia berhemat dan tidak mahu mendakwa bahawa dirinya benar-benar bersih kerana nafsu manusia selalu menyuruh berbuat kejahatan kecuali mereka yang dirahmati Allah. Kemudian dia membuat pengumuman yang menunjukkan bahawa dia telah beriman kepada Allah. Ini mungkin kerana mengikuti Yusuf.

إِنَّ رَبِّي غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٥٣﴾

"Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Dengan demikian tirai dilabuhkan menutup penderitaan-penderitaan zaman silam hidup Yusuf as-Siddiq dan bermulalah peringkat beliau yang senang, mulia dan berkedudukan tinggi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 – 57)

وَقَالَ ٱلۡمَلِكُ ٱئۡتُونِي بِهِۦٓ أَسۡتَخۡلِصۡهُ لِنَفۡسِيۖ فَلَمَّا كَلَّمَهُۥ قَالَ إِنَّكَ ٱلۡيَوۡمَ لَدَيۡنَا مَكِينٌ أَمِينٞ ﴿٥٤﴾ قَالَ ٱجۡعَلۡنِي عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلۡأَرۡضِۖ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٞ ﴿٥٥﴾ وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِي ٱلۡأَرۡضِ يَتَبَوَّأُ مِنۡهَا حَيۡثُ يَشَآءُۚ نُصِيبُ بِرَحۡمَتِنَا مَن نَّشَآءُۖ وَلَا نُضِيعُ أَجۡرَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿٥٦﴾ وَلَأَجۡرُ ٱلۡأٓخِرَةِ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَكَانُواْ يَتَّقُونَ ﴿٥٧﴾

"Dan Raja pun berkata: Bawalah dia (Yusuf) kepadaku, aku akan memilihnya sebagai penasihat khas kepadaku. Setelah Raja bercakap-cakap dengan Yusuf dia berkata kepadanya: Sesungguhnya engkau mulai hari ini adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan dipercayai di sisi kami(54). Yusuf berkata: Lantikkan saya sebagai pengarah perbendaharaan hasil bumi (Mesir) sesungguhnya saya seorang penjaga yang berpengetahuan (55). Demikianlah Kami mengurniakan kepada Yusuf kedudukan yang tinggi di bumi (Mesir) dia bebas tinggal di mana sahaja dia suka. Kami limpahkan rahmat Kami kepada siapa sahaja yang Kami sukai, dan Kami tidak sekali-kali mensia-siakan ganjaran para Muhsinin(56). Dan sesungguhnya ganjaran Akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa."(57)

Yusuf a.s. Dilantik Menjadi Pembesar Negara

Kini jelaslah kepada Raja Mesir bahawa Yusuf tidak bersalah dan bahawa beliau mempunyai ilmu ta'bir mimpi, di samping terserlah kepada baginda hikmat dan tujuan beliau meminta baginda menyiasat perempuan-perempuan itu. Begitu juga terbukti kepada baginda sifat beliau yang sangat menjaga kehormatan dirinya dan tidak mudah tunduk. Beliau tidak terburu-buru menuntut keluar dari penjara dan menemui Raja pemerintah negeri Mesir, malah beliau mengambil pendirian seorang mulia yang telah dicemari nama baiknya dan seorang yang dipenjara secara zalim. Beliau lebih dahulu menuntut dibersihkan nama baiknya dari tuduhan yang tidak benar sebelum menuntut dilepaskan dari penjara. Beliau menuntut dikembalikan kehormatan dirinya dan agamanya yang diwakilnya sebelum mencari kedudukan di sisi Raja.

Semuanya ini telah mempengaruhi hati Raja menghormati dan mengasihi beliau:

ٱئۡتُونِي بِهِۦٓ أَسۡتَخۡلِصۡهُ لِنَفۡسِيۖ

"Bawalah dia (Yusuf) kepadaku, aku akan memilihnya sebagai penasihat khas kepadaku."

Yakni baginda membawa Yusuf dari penjara bukan kerana baginda hendak membebaskannya dari penjara, bukan kerana baginda hendak melihat seorang yang pandai mentafsirkan mimpi dan bukan pula kerana baginda hendak menyampaikan kepada beliau titah "ampuni di Raja yang tinggi" supaya beliau menerimanya dengan penuh gembira. Bukan itulah tujuannya!, tetapi tujuan-tujuannya ialah untuk melantik beliau selaku penasihat, perunding dan sahabat setia baginda.

Alangkah bagusnya bagi orang-orang yang sanggup mencemarkan kehormatan diri mereka di bawah tapak kaki pemerintah-pemerintah yang zalim, sedangkan mereka tidak bersalah dan bebas, mereka memasang belenggu di leher sendiri dan berebut-rebut untuk mendapat pandangan kasih dan sepatah pujian, juga untuk mendapat kehormatan menjadi juak-juak, bukannya menjadi orang-orang pilihan... alangkah baiknya bagi mereka ini membaca Al-Qur'an dan menatap kisah Yusuf a.s. supaya mereka mengetahui bahawa menjaga kehormatan, maruah dan harga diri lebih mendatang keuntungan yang berlipat ganda – termasuk keuntungan kebendaan – dari keuntungan yang dicapai melalui sikap menghina diri, mengampu dan membongkok-bongkok belakang.

وَقَالَ ٱلۡمَلِكُ ٱئۡتُونِي بِهِۦٓ أَسۡتَخۡلِصۡهُ لِنَفۡسِيۖ

"Dan Raja pun berkata: Bawalah dia (Yusuf) kepadaku, aku akan memilihnya sebagai penasihat khas kepadaku."

Huraian ayat ini tidak menyebut perincian pelaksanaan titah baginda selepas itu, malah kita terus dapati Yusuf berada bersama Raja.

فَلَمَّا كَلَّمَهُۥ قَالَ إِنَّكَ ٱلۡيَوۡمَ لَدَيۡنَا مَكِينٌ أَمِينٞ ٥٤

"Setelah Raja bercakap-cakap dengan Yusuf, dia berkata kepadanya: Sesungguhnya engkau mulai hari ini adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan dipercayai di sisi kami."(54)

Dengan titah baginda ini, maka apa yang diduga beliau selama ini telah menjadi kenyataan. Kini beliau telah diyakinkan baginda bahawa beliau telah mendapat kedudukan yang tinggi dan aman di sisi baginda dan beliau bukan lagi seorang pemuda 'Ibrani yang lama yang dicap sebagai budak abdi, malah beliau adalah seorang yang berkedudukan tinggi dan bukan lagi seorang tertuduh yang diancam dengan penjara, malah beliau kini adalah seorang yang amat dipercayai, tetapi apa kata Yusuf a.s. setelah mendapat kedudukan yang tinggi dan aman di bawah naungan Raja negeri?

Dia tidak sujud kepada baginda kerana menyatakan kesyukuran seperti yang dilakukan juak-juak dan pengampu-pengampu kepada pemerintah-pemerintah yang zalim. Beliau tidak berkata: Hidup tuanku, patik adalah hamba tuanku yang ta'at setia sebagaimana diucapkan pengampu-pengampu pemerintah-pemerintah yang zalim. (Beliau tidak berbuat begitu) malah beliau terus meminta baginda memberikan kepadanya satu tugas yang besar yang beliau percaya dapat dilaksanakannya untuk menghadapi zaman krisis makanan yang akan yang dita'birkan dari mimpi baginda. (Beliau percaya bahawa beliau dapat melaksanakan tugas ini) lebih baik dari mana-mana anak negeri yang lain. Beliau meminta tugas yang dipercayai beliau dapat melindung rakyat dari maut dan memelihara negara dari kemusnahan dan memelihara masyarakat dari malapetaka kebuluran. Beliau mempunyai kesedaran dan kefahaman yang kuat terhadap keperluan negara kepada pengalaman, kecekapan dan kejujuran beliau, juga kepada kekuatan peribadi beliau yang teguh menjaga kehormatan diri dan enggan menerima kehinaan:

قَالَ ٱجۡعَلۡنِي عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلۡأَرۡضِۖ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٞ ٥٥

"Yusuf berkata: Lantikkan saya sebagai pengarah perbendaharaan hasil bumi (Mesir), sesungguhnya saya seorang penjaga yang berpengetahuan."(55)

Pengisian Jawatan Pentadbiran Dalam Islam

Krisis makanan yang akan datang dan tahun-tahun mewah sebelumnya memerlukan pentadbiran yang hemat, kebolehan pengurusan yang rapi dan kawalan pertanian dan penjagaan hasil-hasil pertanian yang ketat. Ia memerlukan kepada pengalaman, pengendalian yang cekap dan ilmu pengetahuan dengan segala cabangnya yang perlu untuk mengatur tugas pentadbiran itu sama ada pada tahun-tahun mewah mahupun pada tahun-tahun kemarau. Justeru itulah beliau menyebut sebahagian dari sifat-sifatnya yang diperlukan oleh tugas ini dan beliau percaya bahawa beliau adalah lebih layak mengendalikan tugas itu dan percaya bahawa di sebalik tugas itu terdapat kebajikan yang amat besar kepada rakyat Mesir dan rakyat negeri-negeri jiran:

إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٞ ٥٥

"Sesungguhnya saya seorang penjaga yang berpengetahuan."(55)

Yusuf tidak sekali-kali meminta tugas itu untuk faedah dirinya. (Beliau bukannya mengambil kesempatan setelah) melihat Raja sukakannya lalu terus meminta baginda melantikkannya sebagai pengarah pentadbiran perbendaharaan hasil-hasil bumi negeri Mesir, malah beliau sangat bijak memilih waktu yang paling baik agar permintaannya diperkenan oleh baginda supaya dapatlah beliau memikul tugas yang amat berat dan besar itu di zaman krisis makanan yang paling teruk itu, dan supaya beliau menjadi pihak yang bertanggungjawab menjaga makanan seluruh rakyat Mesir dan negeri-negeri jiran selama tujuh tahun kemarau, di mana tiada lagi pertanian dan ternakan. Tugas yang seperti ini bukannya suatu keuntungan yang dicari oleh beliau untuk faedah dirinya, kerana kesanggupan mengadakan bekalan makanan kepada rakyat yang lapar selama tujuh tahun berturut-turut itu tidak boleh disifatkan oleh sesiapa pun sebagai satu keuntungan peribadi, malah ia merupakan satu tanggungjawab yang dihindari oleh tokoh-tokoh negara, kerana tugas ini mungkin membuat kepala mereka terpenggal, kerana kelaparan ialah kekufuran, di mana tubuh badan mereka mungkin dikoyak-koyakkan orang ramai yang lapar di sa'at-sa'at kekufuran dan kegilaan mereka.

Di sini timbul satu kemusykilan iaitu bukankah dalam perkataan Yusuf a.s. yang berbunyi:

قَالَ ٱجۡعَلۡنِي عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلۡأَرۡضِۖ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٞ ٥٥

"Yusuf berkata: Lantikkan saya sebagai pengarah perbendaharaan hasil bumi (Mesir) sesungguhnya saya seorang penjaga yang berpengetahuan"(55)

mengandungi dua perkara yang ditegah di dalam peraturan Islam:

Pertama: Perbuatan meminta jawatan atau perlantikan ke suatu jawatan adalah dilarang mengikut hadith Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

إنا والله لا نولي هذا العمل أحداً سأله (أو حرص عليه)
(متفق عليه)

"Sesungguhnya kami (kaum Muslimin), demi Allah, tidak akan melantikkan ke jawatan (pentadbiran kerajaan) ini mana-mana orang yang memohonnya (atau sangat berkehendak kepadanya)."

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Yang kedua: Perbuatan memuji diri dilarang mengikut firman Allah Taala:

فَلَا تُزَكُّوٓاْ أَنفُسَكُمْ

"Janganlah kamu memuji diri kamu."

(Surah an-Najm: 32)

Kami tidak mahu menjawab kemusykilan ini dengan alasan bahawa dasar-dasar yang seumpama ini hanya diamal di dalam peraturan Islam yang dipraktikkan di zaman Rasulullah s.a.w. sahaja dan dasar-dasar ini tidak diamal di zaman Yusuf a.s., kerana persoalan-persoalan pengurusan pentadbiran dalam agama ini bukanlah merupakan persoalan-persoalan yang ditetapkan sama dan semacam sahaja seperti prinsip-prinsip 'aqidah yang ditetapkan sama dalam setiap risalah dan sama ditegakkan oleh setiap rasul.

Kami tidak mahu menjawab dengan alasan ini walaupun ia boleh dijadikan alasan kerana kami berpendapat bahawa hakikat persoalan ini adalah lebih dalam dan lebih luas lagi dari alasan ini, malah persoalan ini mempunyai kaitan dengan pertimbangan-pertimbangan yang lain lagi yang perlu difahaminya untuk memahami methodologi pendalilan/istidlal mengenai prinsip-prinsip dan nas-nas, juga untuk memberi kepada usul fiqah (prinsip-prinsip perundangan Islam) dan hukum-hukumnya sifat harakiyah/ dinamikannya yang semulajadi, iaitu satu sifat yang telah padam dan beku di dalam pemikiran para fuqaha' dan pemikiran fiqhiah seluruhnya di abad-abad jumud dan statik itu.

Fiqh/Fiqah atau perundangan Islam itu tidak pernah lahir di dalam kekosongan sebagaimana juga ia tidak boleh hidup dan tidak boleh difaham di dalam kekosongan. Fiqah Islam telah tumbuh di dalam masyarakat Islam. Ia tumbuh di celah-celah pergerakan masyarakat ini untuk menghadapi keperluan hidup waqi'i Islam. Begitu juga fiqah Islam tidak melahirkan masyarakat Islam, malah masyarakat Islam – dengan pergerakannya yang waqi'i untuk menghadapi keperluan hidup Islam – itulah melahirkan fiqah Islam.

Fiqah Islam Dan Tabiat Harakiyahnya

Kedua-dua hakikat sejarah yang waqi'i ini mempunyai makna yang amat besar di samping kedua-duanya perlu untuk memahami hakikat fiqah Islam dan untuk memahami sifat harakiyah/dinamik hukum-hukum fiqah Islam.

Orang-orang yang berpegang pada hari ini dengan nas-nas dan hukum-hukum yang dicatat dalam kitab-kitab tanpa memahami dua hakikat ini dan tanpa merujukkan kepada suasana-suasana dan keadaan-keadaan, di mana turunnya nas-nas itu dan lahirnya hukum-hukum itu, dan tanpa mengenangkan kepada tabiat suasana, persekitaran dan keadaan yang disambut dan dihadapi oleh nas-nas itu, di mana hukum-hukum itu diqanun, dikuatkuasa dan hidup di dalamnya... orang-orang yang berbuat begini dan cuba melaksanakan hukum-hukum ini seolah-olah ianya lahir di dalam kekosongan dan seolah-olah pada hari ini ia boleh hidup di dalam kekosongan, maka mereka bukanlah fuqaha' (ahli perundangan) yang sebenar dan mereka sama sekali tidak memahami tabiat fiqah dan tabiat agama ini.

Fiqah Haraki atau "pergerakan" yang dinamik amat jauh berbeza dari segi asasnya dari "fiqah catatan di atas kertas" walaupun pada dasarnya ia diambil dan ditegakkan di atas nas-nas yang menjadi landasan dan sumber ambilan "fiqah catatan di atas kertas" juga.

Fiqah Haraki mengambil kira "realiti" di mana diturunkan nas-nas dan ditetapkan hukum-hukum mengenainya. Fiqah Haraki melihat bahawa "realiti" itu harus dibentukkan bersama nas-nas dan hukum-hukum. Ia harus dibentuk dan disusun dalam satu bentuk yang padu, di mana unsur-unsurnya tidak terpisah-pisah. Oleh itu apabila unsur-unsur itu terpisah di dalam susunan itu, maka hilanglah tabiatnya dan rosaklah susunannya.

Justeru itu di sana tidak terdapat hukum fiqah yang berdiri sendiri dan hidup di dalam kekosongan yang tidak mencerminkan unsur-unsur situasi, suasana, persekitaran dan latarbelakang, di mana ia lahir dan tumbuh bagi pertama kalinya. Hukum fiqah tidak pernah lahir dalam kekosongan dan justeru itu ia tidak mampu hidup di dalam kekosongan.

Misalnya sebagai contoh bagi pernyataan umum ini ialah umum hukum fiqah Islam yang melarang memuji dan mencalonkan diri sendiri ke jawatan-jawatan perkhidmatan umum berdasarkan firman Allah:

فَلَا تُزَكُّوٓاْ أَنفُسَكُمْ

"Janganlah kamu memuji diri kamu"

(Surah an-Najm: 32)

dan sabda Rasulullah s.a.w.:

إنا والله لا نولي هذا العمل أحداً سأله

"Sesungguhnya kami (kaum Muslimin), demi Allah tidak akan melantikkan ke jawatan (pentadbiran kerajaan) ini mana-mana orang yang memohonnya."

Hukum ini lahir - mengikut nas-nasnya yang diturunkan itu - dalam masyarakat Islam untuk dilaksanakan di dalam masyarakat ini, dan hidup dalam persekitarannya dan memenuhi keperluannya mengikut pertumbuhan sejarahnya, mengikut struktur organiknya dan mengikut realiti jati dirinya. Oleh sebab itulah ia merupakan satu hukum Islam yang diturun untuk dilaksanakan dalam masyarakat Islam. Ia lahir di alam realitinya bukannya lahir di dalam kekosongan mithali/idealistik. Dan oleh sebab itulah ia tidak dapat dilaksana, di samping tidak sesuai dan tidak dapat melahirkan kesan-kesannya yang betul melainkan apabila dilaksanakan di dalam masyarakat Islam, iaitu masyarakat Islam dari segi kelahirannya,

dari segi struktur organiknya, dan dari segi kepatuhannya mengamalkan syari'at Islam sepenuhnya. Setiap masyarakat yang tidak mempunyai asas-asas ini adalah dianggap kosong belaka dibandingkan dengan hukum ini, sedangkan hukum tidak boleh hidup dalam masyarakat yang kosong itu, kerana ia tidak layak dengannya dan tidak memberi kebaikan kepadanya.

Segala hukum-hukum Islam yang lain adalah sama sahaja dengan hukum ini walaupun di sini kita tidak dapat menghuraikan dengan terperinci kecuali mengenai hukum ini sahaja kerana sesuai dengan ayat Al-Qur'an tadi.

Kita seharusnya mengerti mengapa di dalam masyarakat Islam manusia tidak boleh membersih atau memuji diri sendiri dan tidak boleh mencalonkan diri mereka ke jawatan-jawatan pentadbiran? Mengapa mereka tidak dibolehkan berkempen untuk menonjolkan diri supaya mereka dipilih menjadi anggota majlis syura (parlimen) atau menjadi pemerintah atau ketua dan sebagainya?

Manusia di dalam masyarakat Islam tidak memerlukan kepada kempen untuk menunjukkan kelebihan dan keutamaan mereka. Di samping itu jawatan-jawatan di dalam masyarakat Islam merupakan tanggungjawab-tanggungjawab yang amat berat, yang tidak menggalakkan seseorang untuk bertanding kecuali kerana inginkan pahala melaksanakan kewajipan dan menunaikan khidmat-khidmat yang berat demi mendapat keredhaan Allah S.W.T. sahaja. Justeru itu jawatan-jawatan itu hanya dipinta oleh orang-orang yang sangat gemar kepadanya kerana sesuatu hasrat yang tersimpan di dalam hati mereka. Orang-orang yang seperti inilah yang wajib dihalang dari jawatan-jawatan itu.

Tetapi hakikat ini tidak dapat difaham melainkan dengan meneliti pertumbuhan tabi'i masyarakat Islam, juga dengan memahami hakikat struktur organiknya.

Harakat atau pergerakan merupakan unsur yang membentuk masyarakat Islam. Kerana itu masyarakat Islam merupakan anak yang lahir dari pergerakan dengan 'aqidah Islamiyah ....

Harakat Merupakan Unsur Pembentuk Masyarakat Islam

Pertama: 'Aqidah Islam adalah datang dari sumber Ilahi. Ia dicerminkan dalam ajaran-ajaran yang disampaikan oleh rasul dan amalan-amalannya di zaman kebangkitan nabi-nabi atau dicerminkan dalam da'wah para penda'wah yang menyampaikan ajaran yang datang dari Allah dan yang disampaikan oleh rasul-Nya di sepanjang zaman selepas zaman para nabi. Kemudian da'wah itu disambut oleh segolongan manusia. Mereka terpaksa menghadapi tindasan dan fitnah dari jahiliyah yang memerintah dan berkuasa di negeri itu. Di antara mereka ada yang tewas dalam fitnah dan terus murtad dan ada pula yang tetap teguh dengan keimanannya kepada Allah dan gugur sebagai syahid. Dan ada pula yang menunggu keputusan Allah mengadili di antara mereka dan kaum mereka dengan hukuman yang benar.

Merekalah orang-orang yang dikurniakan Allah kemenangan. Merekalah orang-orang yang dijadikan Allah sebagai tabir perencanaan-perencanaan-Nya dan merekalah orang-orang yang dikurniakan Allah kedudukan yang kukuh di bumi ini sebagai menepati janji-Nya yang akan menolong mereka yang membantu agamanya, dan tujuan dikurniakan kedudukan yang teguh itu ialah supaya mereka membangun kerajaan Allah di bumi iaitu menjalankan peraturan dan undang-undang Allah di bumi, sedangkan mereka tidak mempunyai apa-apa habuan dari kemenangan dan kedudukan yang kukuh itu kerana kemenangan itu ialah kemenangan agama Allah dan penegakan Rububiyah Allah ke atas para hamba-Nya.

Mereka tidak berhenti memperjuangkan agama ini setakat perbatasan-perbatasan negeri dan bangsa yang tertentu sahaja, dan tidak pula setakat perbatasan kaum atau warna kulit atau bahasa atau setakat mana-mana nilai dari nilai-nilai keduniaan manusia yang kerdil dan karut, malah mereka mempejuangkan 'aqidah Rabbaniyah ini untuk membebaskan seluruh manusia di seluruh negeri dari perhambaan kepada yang lain dari Allah, juga untuk menyelamatkan mereka dari perhambaan kepada tuhan-tuhan palsu dalam segala bentuk dan rupa.

Di tengah-tengah harakat memperjuangkan agama - iaitu harakat perjuangan yang tidak terhenti setakat menegakkan negara Islam di mana-mana negeri di dunia ini dan setakat perbatasan-perbatasan sesuatu negeri atau sesuatu bangsa atau kaum sebagaimana telah kami jelaskan tadi - inilah munculnya darjat-darjat dan martabat-martabat kelebihan masing-masing yang berbeza-beza di antara mereka di dalam masyarakat. Perbezaan dan penentuan darjat dan martabat itu adalah berlandaskan ukuran-ukuran dan nilai-nilai keimanan di mana orang ramai mengetahui sejauh mana jihad mereka, ketaqwaan dan kesolehan mereka, akhlak dan kebolehan mereka. Semuanya merupakan nilai-nilai yang ditentukan oleh realiti dan ditonjolkan oleh harakat perjuangan yang diketahui oleh masyarakat, dan dengan nilai-nilai inilah dapat diketahui orang-orang yang benar-benar mempunyai sifat-sifat itu. Oleh sebab itulah orang-orang yang seperti ini tidak perlu memuji-muji diri mereka dan tidak perlu menuntut jawatan-jawatan ketua, jawatan-jawatan di majlis syura dan jawatan-jawatan kepimpinan berdasarkan kepada pemujian diri sendiri.

Di dalam masyarakat Islam yang terbentuk sedemikian rupa, di mana struktur organiknya didasarkan di atas perbezaan-perbezaan nilai-nilai keimanan di dalam harakat pejuangan itu - sebagaimana yang telah berlaku di dalam masyarakat Islam (di zaman Rasulullah s.a.w.) di mana wujudnya

perbezaan darjat di antara angkatan pertama Muslimin, iaitu para Muhajirin, para Ansar, ahli Peperangan Badar, ahli Bay'atur-Ridhwan, orang-orang yang mengorbankan harta dan berperang sebelum penaklukan negeri Makkah kemudian perbezaan itu terus berlangsung di dalam masyarakat Islam berdasar hasil perjuangan seorang di dalam Islam. Di dalam masyarakat Islam yang seperti ini orang ramai tidak mempunyai sikap jatuh menjatuh terhadap satu sama lain. Mereka tidak menafikan kelebihan tokoh-tokoh yang terpilih biarpun bagaimana mereka dikongkong oleh ketamakan yang menjadi kelemahan manusia ini. Di waktu inilah tokoh-tokoh yang terpilih ini tidak perlu memuji-muji diri mereka sendiri dan tidak perlu menuntut jawatan-jawatan ketua, jawatan-jawatan di majlis syura dan jawatan-jawatan kepimpinan berdasarkan kepada pemujian diri sendiri.

Kini mungkin ada orang-orang yang berfikir bahawa ciri masyarakat yang seperti ini hanya wujud dalam masyarakat Islam yang pertama sahaja kerana sebab-sebab pertumbuhan sejarahnya, tetapi mereka lupa bahawa mana-mana masyarakat Islam tidak akan wujud melainkan dengan melalui pertumbuhan yang seperti ini. Ia tidak akan wujud hari ini atau besok kecuali dibangkitkan semula gerakan da'wah untuk memasukkan manusia ke dalam agama ini dan mengeluarkan mereka dari jahiliyah yang dihayati mereka. Inilah titik mula perjuangan, kemudian akan berlakulah penindasan-penindasan dan ujian-ujian sebagaimana yang telah berlaku pertama kali (di zaman Rasulullah s..a.w.) Ketika itu (berlakulah apa yang telah berlaku iaitu) ada orang-orang yang tewas dalam penindasan dan terus kembali murtad, ada orang-orang yang tetap teguh dengan keimanan mereka kepada Allah dan gugur sebagai syahid, ada orang-orang yang sabar dan terus bersabar dan berpegang teguh kepada agama Islam dan benci kembali kepada jahiliyah sama seperti bencinya seseorang dicampakkan ke dalam api. Mereka terus bersabar sehingga Allah mengadili di antara mereka dan kaum mereka dengan keputusan yang benar, dan sehingga Allah memberi kedudukan yang teguh kepada mereka di bumi ini sebagaimana Allah telah memberi kedudukan yang teguh kepada kaum Muslimin angkatan pertama. Ketika itu barulah muncul sistem hidup Islam di mana-mana negeri di bumi Allah, dan pada masa itu harakat dari titik mulanya hingga tegaknya sistem hidup Islam telah membezakan darjat-darjat dan kelas-kelas keimanan para pejuangnya mengikut ukuran-ukuran dan nilai-nilai keimanan mereka masing-masing. Pada masa itu mereka tidak memerlukan kepada tindakan mencalonkan diri sendiri dan memuji-muji diri sendiri kerana seluruh masyarakat yang berjuang bersama mereka mengenal mereka, memuji mereka dan akan mencalonkan mereka.

Tetapi mungkin ada orang berkata lagi bahawa hal yang seperti ini berlaku di dalam peringkat pertama sahaja, dan bagaimana pula jika masyarakat telah mantap selepas itu? Pertanyaan ini adalah terbit dari orang-orang yang tidak mengetahui tabiat agama ini. Sebenarnya agama ini sentiasa bergerak dan tidak pernah berhenti. Ia bergerak untuk membebaskan seluruh manusia di seluruh negeri di dunia ini dari perhambaan kepada yang lain dari Allah dan untuk menyelamatkan mereka dari perhambaan kepada tuhan-tuhan palsu tanpa mengenal batas negeri, bangsa, kaum atau apa sahaja nilai dari nilai-nilai manusia yang kerdil dan karut.

Jadi, harakat atau pergerakan yang menjadi sifat semulajadi agama ini akan terus membezakan tokoh-tokoh yang mempunyai prestasi-prestasi yang cemerlang dan kebolehan-kebolehan yang tinggi, ia tidak akan berhenti bergerak supaya masyarakat tidak beku dan usang kecuali masyarakat itu menyeleweng dari Islam. Hukum yang mengharamkan memuji diri dan menuntut jawatan-jawatan berdasarkan perakuan diri sendiri itu akan terus berjalan dan berkuatkuasa dalam lingkungannya yang sesuai iaitu lingkungan di mana hukum itu lahir buat pertama kalinya dan berkuatkuasa padanya.

Mungkin ada lagi orang berkata: Jika masyarakat telah menjadi besar dan luas, maka orang ramai tentulah tidak dapat mengenal satu sama lain dan orang-orang yang berkelayakan tentulah memerlukan kepada mengiklankan diri mereka dan menyebut sifat-sifat mereka yang baik dan menuntut jawatan-jawatan berdasarkan kepada perakuan diri sendiri itu.

Perkataan ini juga adalah terbit kerana terpengaruh kepada realiti masyarakat-masyarakat jahiliyah sekarang. Sebenarnya orang ramai dalam masyarakat Islam di setiap tempat itu saling mengenali satu sama lain dan mempunyai hubungan yang mesra dan saling bantu membantu seperti yang dikehendaki oleh pendidikan Islam, pembentukan (masyarakat) Islam, bimbingan-bimbingan Islam dan komitmen dalam masyarakat Islam. Oleh sebab itulah orang ramai di setiap tempat (dalam masyarakat Islam) cukup arif dan kenal dengan tokoh-tokoh mereka yang mempunyai kebolehan dan kelayakan yang diukur dengan ukuran-ukuran dan nilai-nilai keimanan mereka. Oleh itu tidaklah menjadi kesukaran kepada mereka untuk memilih wakil-wakil mereka dari tokoh-tokoh yang berjasa, bertaqwa dan berkebolehan untuk menduduki majlis syura negara atau majlis-majlis kerajaan tempatan. Ada pun jawatan ketua-ketua pentadbiran awam, maka ia akan dilantik oleh ketua negara (al-Imam) yang dipilih oleh rakyat setelah dicalonkan oleh bijak pandai atau ahli-ahli mesyuaratnya. Ia akan dipilih di antara tokoh-tokoh yang terpilih dan terserlah dalam harakat perjuangan, dan sebagaimana telah kami tegaskan bahawa harakat perjuangan itu akan terus berlangsung di dalam masyarakat Islam dan harakat jihad akan terus bersambung sehingga hari Qiamat.

Sebenarnya orang-orang yang memikir atau menulis tentang sistem hidup Islam dan bentuk-bentuknya pada hari ini sedang memasuki padang tiah yang membingungkan kerana mereka cuba melaksanakan

asas-asas sistem hidup Islam dan hukum-hukum fiqhiahnya yang tertulis di dalam kitab-kitab itu di dalam kekosongan. Mereka cuba melaksanakannya di dalam masyarakat jahiliyah sekarang dengan struktur organiknya yang ada, sedangkan masyarakat jahiliyah yang ada itu dianggap - mengikut tabiat sistem hidup Islam dan hukum-hukumnya - suatu kekosongan yang tidak dapat ditegakkan sistem hidup Islam dan dilaksanakan hukum-hukumnya fiqhiahnya kerana struktur organiknya bertentangan dengan struktur organik masyarakat Islam. Masyarakat Islam sebagaimana telah kami jelaskan - mempunyai struktur organik yang berlandaskan tertib susunan tokoh-tokoh dan golongan-golongan masyarakat mengikut sebagaimana yang diatur sendiri oleh harakat perjuangan untuk menegakkan sistem itu di alam kenyataan dan untuk menentang jahiliyah dan mengeluarkan manusia dari belenggunya kepada Islam serta sanggup menghadapi tekanan-tekanan jahiliyah yang melakukan penindasan, gangguan dan melancarkan peperangan ke atas harakat perjuangan Islam, dan seterusnya sanggup bersabar menghadapi ujian dan penderitaan dari awal hingga akhir, sedangkan masyarakat jahiliyah yang ada sekarang adalah masyarakat yang beku. Ia ditegakkan di atas nilai-nilai yang tidak ada hubungan dengan Islam dan nilai-nilai keimanan. Oleh sebab itulah ia dianggap - mengikut ukuran sistem hidup Islam dan hukum-hukumnya sebagai suatu kekosongan yang tidak dapat ditegakkan sistem hidup Islam dan dijalankan hukum-hukum perundangannya.

Para penulis yang mencari jalan penyelesaian untuk menegakkan dasar-dasar sistem hidup Islam, bentuk-bentuknya dan hukum-hukum perundangannya, menghadapi masalah-masalah yang membinggungkan mereka. Masalah pertama yang membinggungkan mereka ialah bagaimana cara hendak memilih bijak pandai atau ahli-ahli majlis syura negara tanpa melalui cara pencalonan dan perakuan diri sendiri. Bagaimana pemilihan ini dapat dilakukan dalam masyarakat-masyarakat yang ada sekarang ini di mana orang ramai tidak mengenali satu sama lain dan tidak membuat penilaian melalui neraca pertimbangan kebolehan, kebersihan dan amanah. Begitu juga mereka kebingungan bagaimana hendak memilih ketua negara (al-Imam)? Adakah pilihan harus melalui pilihanraya atau melalui pencalonan dari ahli-ahli majlis syura negara? Sekiranya ketua negara (al-Imam) memilih ahli-ahli majlis syura negara sesuai dengan dasar tidak memperakui dan mencalonkan diri sendiri, maka bagaimana pula ahli-ahli majlis syura negara itu hendak memilih ketua negara (imam)? Tidakkah ini akan mempengaruhi pertimbangan mereka? Tidakkah ini bermakna bahawa mereka mempunyai kuasa di atas ketua negara (al-Imam), sedangkan dia pemerintah tertinggi? Kemudian tidakkah mungkin pula ketua negara (al-Imam) ini akan memilih tokoh-tokoh yang setia kepadanya? Tidakkah ini merupakan unsur utama dalam pertimbangannya?

Di sana banyak lagi masalah-masalah yang tidak dapat dijawab mereka di padang gurun yang membingungkan ini.

Saya tahu titik permulaan di padang gurun yang membingungkan ini. Ia merupakan andaian bahawa masyarakat jahiliyah yang dihayati kita sekarang ini adalah masyarakat Islam, di mana dasar-dasar sistem hidup Islam dan hukum-hukum perundangannya akan dibawa untuk dilaksanakan dalam masyarakat jahiliyah ini dengan struktur organiknya yang wujud sekarang ini dan dengan nilai-nilai dan akhlak-akhlaknya yang ada.

Inilah titik permulaan di padang gurun itu dan apabila seorang pengkaji bertolak dari titik permulaan ini, maka bererti dia bermula di dalam kekosongan dan memasuki dalam kekosongan di mana ia mengembara jauh di padang gurun itu sehingga kepalanya pening.

Masyarakat jahiliyah yang dihayati kita sekarang bukannya masyarakat Islam, oleh sebab itulah dalam masyarakat ini sistem hidup Islam dan hukum-hukum perundangannya tidak dapat dilaksanakan, dan ia tidak akan dapat dilaksanakan kerana dasar-dasar sistem hidup Islam dan hukum perundangannya tidak boleh bergerak di dalam kekosongan kerana dari semulajadi lagi ia tidak pernah lahir dan bergerak di dalam kekosongan.

Masyarakat Islam adalah lahir dengan struktur organiknya yang berlainan dari struktur organik masyarakat jahiliyah. Ia lahir dari tokoh-tokoh, kelompok-kelompok dan kumpulan-kumpulan yang menentang jahiliyah, di mana darjah dan martabat kelebihan mereka telah ditentukan di tengah-tengah harakat perjuangan itu.

Masyarakat Islam adalah masyarakat yang baru, iaitu satu masyarakat yang sentiasa bergerak di jalan perjuangannya untuk membebaskan seluruh manusia dari seluruh negeri di dunia ini dari perhambaan kepada yang lain dari Allah dan untuk menyelamatkan umat manusia dari kehinaan menjadi hamba kepada tuhan-tuhan palsu dalam segala bentuk dan rupa.

Di samping persoalan memuji diri sendiri dan meminta jawatan, di samping persoalan memilih ketua negara (al-Imam) dan ahli-ahli dewan syura negara dan sebagainya, terdapat berbagai-bagai persoalan yang dibangkit dan dibicarakan oleh para pengkaji Islam di dalam kekosongan, iaitu dalam masyarakat jahiliyah yang dihayati oleh kita dengan struktur organiknya yang berlainan dari struktur organik masyarakat Islam, dan dengan nilai-nilai, ukuran-ukuran, pertimbangan-pertimbangan, akhlak-akhlak, perasaan-perasaan dan kefahaman-kefahamannya yang berlainan dari nilai-nilai, ukuran-ukuran, pertimbangan-pertimbangan, akhlak-akhlak, perasaan-perasaan dan kefahaman-kefahaman masyarakat Islam.

(Di antara persoalan-persoalan itu) ialah urusniaga-urusniaga bank yang berasaskan riba, syarikat-syarikat insuran yang berlandaskan riba, pembatasan kelahiran anak dan sebagainya dari masalah-masalah yang sibuk dibicarakan oleh para pengkaji atau diterangkan oleh mereka sebagai jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan kepada mereka.

Tetapi sayang mereka semuanya bermula dari titik permulaan di padang gurun. Mereka bermula dengan satu andaian bahawa dasar-dasar sistem hidup Islam dan hukum-hukumnya akan dibawa untuk dilaksanakan dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah yang wujud sekarang dengan struktur organiknya yang ada, dan dengan itu masyarakat-masyarakat ini akan berubah menjadi masyarakat Islam apabila dilaksanakan hukum-hukum Islam.

Itulah kefahaman-kefahaman yang lucu jika tidak merupakan kefahaman yang menyedihkan.

Perundangan atau fiqah Islam dengan segala hukum-hukumnya tidak dapat mewujudkan masyarakat Islam, malah masyarakat Islam dengan harakat perjuangannya yang pertama menentang jahiliyah dan dengan harakat perjuangannya yang kedua menghadapi keperluan-keperluan hidup yang sebenar itulah yang mewujudkan fiqah Islam yang diambil dari dasar-dasar umum syari'at, kedudukan ini tidak boleh diterbalikkan.

Perundangan atau fiqah Islam tidak lahir di dalam kekosongan dan tidak pula hidup di dalam kekosongan. Ia tidak lahir di dalam otak-otak dan di atas kertas-kertas, malah ia lahir di alam realiti kehidupan yang tertentu bukan dalam sebarang kehidupan, tetapi secara tegasnya ia lahir di dalam kehidupan masyarakat Islam oleh sebab itulah masyarakat Islam pasti diwujudkan lebih dahulu dengan struktur organiknya yang semulajadi supaya ia dapat menjadi wadah di mana lahirnya perundangan Islam dan di mana perundangan Islam dapat dilaksanakan. Di waktu inilah segala-galanya akan berubah.

Di waktu inilah (dapat ditentukan sama ada) masyarakat Islam yang istimewa ini mungkin memerlukan kepada bank-bank, syarikat-syarikat insuran dan pembatasan kelahiran anak dan sebagainya atau mungkin tidak memerlukannya. (Yakni penentuan ini dibuat selepas lahirnya masyarakat ini dari hasil perjuangannya yang menentang jahiliyah dan menghadapi keperluan-keperluan hidupnya). Ini disebabkan kerana kita tidak dapat menentukan lebih dahulu pokok keperluannya, sebesar mana keperluannya dan bentuk keperluannya hingga kita perlu mengadakan lebih dahulu undang-undang mengenainya. Di samping itu hukum-hukum agama yang ada pada kita adalah tidak sesuai dan tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan masyarakat-masyarakat jahiliyah kerana agama Islam ini dari awal lagi tidak mengi'tirafkan kewujudan masyarakat-masyarakat jahiliyah dan tidak redha masyarakat ini hidup kekal. Oleh sebab itu Islam tidak menyusahkan dirinya untuk mengi'tiraf dan memenuhi keperluan-keperluan yang terbit dari masyarakat jahiliyah itu.

Punca kesulitan yang sebenar bagi para pengkaji itu ialah kerana mereka memandang realiti jahiliyah ini sebagai lunas atau pokok pangkal di mana agama Allah wajib menyesuaikan diri dengannya, sedangkan hakikat yang sebenar sama sekali bukan begitu. Sebenarnya agama Allah itulah yang menjadi lunas dan pokok pangkal di mana manusia wajib menyesuaikan diri mereka dengannya dan wajib mengubahkan realiti jahiliyahnya supaya persesuaian itu terlaksana dengan sempurna, tetapi pengubahan itu biasanya tidak berlaku melainkan menerusi satu jalan sahaja, iaitu menerusi harakat perjuangan menentang jahiliyah untuk menegakkan Uluhiyah dan Rububiyah Allah Yang Maha Esa di bumi ini kepada para hamba-Nya, dan membebaskan manusia dari perhambaan kepada tuhan-tuhan palsu dengan mengamalkan syari'at Allah sahaja di dalam kehidupan mereka. Perjuangan ini terpaksa menghadapi penindasan, gangguan dan ujian menyebabkan adanya orang-orang yang dikalahkan oleh penindasan lalu menjadi murtad, dan adanya orang-orang yang teguh keimanan mereka lalu gugur sebagai syahid, dan adanya orang-orang yang terus tabah dan sabar meneruskan perjuangan mereka hingga Allah memutuskan di antara mereka dengan kaum mereka dengan keputusan yang benar dan sehingga Allah memberikan kepada mereka kedudukan yang teguh di bumi ini. Di waktu inilah akan tegaknya sistem hidup Islam, di mana para pejuangnya bersebati dengan ciri Islam dan berbeza dengan nilai-nilainya, dan di waktu inilah sahaja timbulnya tuntutan-tuntutan dan keperluan-keperluan hidup mereka yang berlainan dari tuntutan-tuntutan dan keperluan-keperluan masyarakat jahiliyah dari segi bentuk dan dari segi cara memenuhinya. Dan berdasarkan realiti masyarakat Islam pada hari itulah diistinbatkan hukumnya dan lahirnya fiqah Islam yang hidup dan dinamik, bukan hidup di dalam kekosongan tetapi hidup di tengah kehidupan yang waqi'i yang mempunyai tuntutan-tuntutan, keperluan-keperluan dan masalah-masalah yang tertentu.

Siapa tahu umpamanya pada hari itu orang ramai Islam dapat memungut zakat dan membelanjakannya kepada pihak-pihak yang berhak menerimanya, di mana terjalinnya hubungan tolong menolong dan takaful di antara penduduk setempat kemudian di antara individu-individu umat sehingga mereka berjaya membangunkan satu corak kehidupan yang tidak memboros, tidak mewah, tidak sombong, tidak bertanding merebut kekayaan dan sebagainya dari nilai-nilai hidup Islamiyah... Siapa tahu bahawa masyarakat yang seperti ini masih memerlukan kepada syarikat-syarikat insuran, sedangkan ia mempunyai segala bentuk jaminan hidup di samping wujudnya hubungan-hubungan, nilai-nilai dan kefahaman-kefahaman (yang luhur)? Dan sekiranya ia memerlukan kepada sejenis peraturan insuran, maka

siapa tahu bahawa jenis peraturan insuran yang diperlukan itu ialah jenis insuran yang terkenal di dalam masyarakat jahiliyah, iaitu jenis peraturan insuran yang lahir dari keperluan-keperluan masyarakat jahiliyah dan hubungan-hubungan, nilai-nilai dan kefahaman-kefahamannya?

Begitu juga siapa tahu bahawa masyarakat Islam yang terus bergerak dan berjihad itu masih memerlukan kepada peraturan pembatasan kelahiran? Demikianlah seterusnya.

Sekiranya kita tidak berupaya mengandaikan pokok keperluan-keperluan masyarakat apabila ia berubah menjadi masyarakat Islam nanti dan tidak berupaya menentukan saiz dan bentuk keperluan-keperluan itu dengan sebab kelainan struktur organiknya dan struktur organik masyarakat jahiliyah, maka apakah gunanya kita bersusah payah cuba memusing, meminda dan mengubah hukum-hukum yang tercatat dalam (kitab-kitab fiqah) untuk diselaraskan dengan keperluan-keperluan yang masih di dalam alam ghaib itu, sedangkan kedudukan keperluan-keperluan itu adalah bergantung kepada kewujudan masyarakat Islam itu sendiri.

Sebagaimana kami telah jelaskan (sebelum ini) bahawa titik permulaan di padang gurun yang membingungkan itu ialah membuat andaian bahawa masyarakat-masyarakat yang wujud sekarang ini merupakan masyarakat-masyarakat Islam dan hukum-hukum perundangan Islam di atas kertas itu akan dibawa untuk dilaksanakan dalam masyarakat-masyarakat ini dengan struktur organiknya yang wujud sekarang ini dan dengan kefahaman-kefahaman, perasaan-perasaan, nilai-nilai dan ukuran-ukurannya yang ada itu.

Di samping itu punca kesulitan adalah bermula dari perasaan yang memandang realiti hidup masyarakat-masyarakat jahiliyah dan struktur organiknya yang ada sekarang ini merupakan lunas dan pokok pangkal di mana agama Allah wajib menyesuaikan diri dengannya dan wajib memusing, meminda dan mengubah hukum-hukumnya supaya selaras dengan kehendak-kehendak keperluan masyarakat-masyarakat ini dan permasalahan-permasalahannya, sedangkan keperluan-keperluan dan permasalahan-permasalahannya berpunca kerana pertentangannya dengan Islam dan kerana keseluruhan cara hidupnya terkeluar dari ruang lingkup Islam.

Kami kira masanya telah tiba kepada Islam mempunyai gambaran yang unggul dalam hati para penda'wahnya agar mereka jangan menjadikan Islam sebagai khadam kepada establishment-establishment jahiliyah, masyarakat-masyarakat jahiliyah dan kehendak-kehendak keperluan jahiliyah, dan agar mereka sanggup berkata kepada orang ramai dan terutama kepada orang-orang yang meminta fatwa dari mereka. Marilah kamu kembali lebih dahulu kepada Islam dan isytiharkan lebih dahulu kepatuhan dan kesetiaan kamu kepada hukum-hukum Islam, atau dengan ungkapan yang lain marilah kamu sekalian masuk lebih dahulu ke dalam agama Allah dan isytiharkanlah lebih dahulu 'Ubudiyah kamu kepada Allah Yang Maha Esa, dan ucapkan syahadat La ilaha Ilallah dengan pengertiannya yang menjadi tapak landasan iman dan Islam, iaitu mengifradkan Allah dengan sifat Uluhiyah di bumi dan di langit, mengakui Rububiyah-Nya iaitu kuasa Hakimiyah-Nya dan kuasa memerintah ke atas kehidupan seluruh manusia dan menolak Rububiyah manusia terhadap manusia dengan menolak kuasa Hakimiyah manusia di samping menolak perundangan manusia ke atas manusia.

Apabila orang ramai atau sekumpulan dari mereka menerima seruan ini, bererti masyarakat Islam telah memulakan langkah pertamanya untuk muncul ke alam al-wujud. Dan di waktu itu masyarakat ini akan menjadi wadah yang waqi'i dan hidup, di mana akan lahir perundangan Islam yang hidup dan subur untuk menghadapi keperluan-keperluan masyarakat yang benar-benar mengikut syari'at Allah.

Adapun sebelum wujudnya masyarakat ini, maka usaha-usaha dalam bidang perundangan dan hukum-hukum pentadbiran hanya merupakan usaha-usaha menipu diri sendiri sahaja persis seperti menanam di atas angin, sedangkan perundangan Islam tidak akan lahir di dalam kekosongan sebagaimana benih-benih tidak akan tumbuh di atas angin.

Kerja dalam bidang memikirkan perundangan Islam merupakan satu kerja yang senang, kerana kerja ini tidak menempuh bahaya, tetapi ia bukannya kerja untuk membangunkan Islam dan ia bukannya dari cara dan hakikat hidup agama Islam. Orang-orang yang ingin mencari kerehatan dan keselamatan lebih baik bergiat dalam kesusasteraan, kesenian atau perniagaan. Adapun tindakan bergiat dalam bidang perundangan Islam pada masa sekarang ini dengan anggapan untuk membangunkan Islam di zaman ini, maka saya kira - wallahu'alam - usaha itu adalah suatu usaha yang menghabiskan umur dan menghilangkan pahala.

Agama Allah enggan menjadi kuda tunggangan yang patuh dan menjadi khadam yang ta'at untuk memenuhi kehendak-kehendak masyarakat jahiliyah yang liar dan lari darinya, masyarakat jahiliyah yang mempersenda-sendakan agama Allah dari satu masa ke satu masa dengan (berpura-pura) meminta fatwa-fatwa darinya mengenai masalah-masalah dan keperluan-keperluan yang dihadapinya, sedangkan ia tidak mahu tunduk kepada syari'at dan kuasanya.

Perundangan agama Islam dan hukum-hukumnya tidak lahir di dalam kekosongan dan tidak beroperasi di dalam kekosongan. Sebenarnya masyarakat Islam yang tunduk kepada kuasa Allah dari awal lagi itulah yang menciptakan perundangan ini bukannya perundangan yang menciptakan masyarakat Islam.

Kedudukan ini tidak boleh diterbalikkan buat selama-lamanya.

Langkah-langkah kelahiran sistem hidup Islam dan peringkat-peringkat perkembangan adalah selama-lamanya satu sahaja dan perpindahan dari jahiliyah kepada Islam itu tidak pernah merupakan satu perkara yang mudah dan senang pada mana-mana masa pun. Masyarakat Islam tidak akan dapat dimulai dengan menggubal hukum-hukum fiqah di dalam kekosongan untuk dijadikan persediaan pada hari tegaknya masyarakat Islam dan sistem hidup Islam nanti. Kewujudan undang-undang terperinci yang siap diatur dan lahir dalam kekosongan itu tidak boleh dijadikan titik mula perubahan dari jahiliyah kepada Islam. Apa yang kurang pada masyarakat-masyarakat jahiliyah untuk berubah kepada Islam itu bukannya kerana ia tidak mempunyai hukum-hukum fiqah yang siap, dan kesulitan perubahan itu bukannya terbit dari kelemahan hukum-hukum fiqah Islam sekarang ini untuk memenuhi keperluan-keperluan masyarakat yang berkembang dan sebagainya dari pandangan-pandangan yang tertipu dan menipu satu sama lain.

Sebenarnya tidak begitu, malah yang menghalangkan perubahan masyarakat-masyarakat jahiliyah kepada sistem hidup Islam itu ialah kewujudan tuhan-tuhan palsu yang enggan mengakui kuasa Hakimiyah Allah, juga enggan mengakui Rububiyah Allah Yang Maha Esa sahaja di atas kehidupan manusia di bumi ini. Dengan keengganan inilah ia terkeluar terus dari Islam dan ini merupakan hukum agama yang dimaklumi secara pasti, kemudian (satu lagi penghalang) ialah kewujudan orang ramai yang menyembah tuhan-tuhan palsu selain Allah, iaitu mereka ta'at, patuh dan mengikut tuhan-tuhan itu. Ini bererti mereka mengadakan berbagai-bagai tuhan yang disembah dan dita'ati. Penyembahan indah yang mengeluarkan mereka dari tauhid kepada syirik. Inilah pengertian syirik yang paling jelas di dalam pandangan Islam.

Dengan kewujudan dua penghalang ini, maka tegaklah jahiliyah sebagai satu sistem di bumi ini. Dia tegak di atas tiang-tiang kefahaman yang sesat di samping tegak di atas tiang-tiang kekuatan kebendaan.

Penggubalan hukum-hukum fiqah tidak dapat menentang jahiliyah dengan cara-cara yang cukup berkesan, malah yang dapat menentang jahiliyah ialah da'wah supaya orang ramai masuk sekali lagi ke dalam Islam dan harakat perjuangan menentang jahiliyah dan segala tiang-tiangnya, dan di sini berlakulah apa yang biasa berlaku di dalam setiap da'wah yang menentang jahiliyah kemudian Allah menentukan keputusannya yang benar di antara orang-orang yang menyerah diri kepada Allah dengan kaum mereka yang menentang. Dan pada masa ini barulah tiba peranan hukum-hukum fiqah yang lahir secara tabi'i dalam wadah yang waqi'i dan hidup, di mana hukum-hukum fiqah itu dapat menghadapi keperluan-keperluan hidup yang waqi'i yang timbul di dalam masyarakat yang baru ini sesuai dengan saiz keperluan-keperluan yang ada pada hati itu, juga sesuai dengan bentuk dan suasana-suasananya, dan seluruh keperluan itu merupakan perkara-perkara yang tersembunyi di alam ghaib yang tidak dapat diramalkan lebih dahulu, juga tidak dapat diusahakan mulai dari hati ini secara serius dan sesuai dengan tabiat agama ini.

Ini tidak sekali-kali bermaksud bahawa hukum-hukum syarak yang dinaskan di dalam Al-Qur'an dan as-Sunnah itu belum lagi berkuatkuasa dari segi legaliti, tetapi ia hanya bermaksud bahawa masyarakat yang diaturkan untuknya hukum-hukum ini dan masyarakat di mana hukum-hukum ini tidak dapat dilaksana dan tidak dapat hidup melainkan di dalamnya, belum lagi wujud sekarang ini. Oleh sebab itulah kewujudan yang haqiqi bagi hukum-hukum itu adalah bergantung kepada kewujudan masyarakat Islam, dan kewajipan mematuhi hukum-hukum itu tetap terbeban di atas leher setiap Muslim yang selama dari (kesesatan) masyarakat jahiliyah itu dan tampil berjuang menentang jahiliyah untuk menegakkan sistem hidup Islam dan bersedia menghadapi segala akibat yang biasa dihadapi oleh orang-orang yang memperjuangkan agama ini untuk menentang jahiliyah dan tuhan-tuhan palsunya dan menghadapi orang ramai yang tunduk patuh kepada tuhan-tuhan palsu itu dan redha dengan amalan syirik dalam bidang Rububiyah.

Pemahaman terhadap tabiat kelahiran sistem hidup Islam dengan pemahaman yang tetap seperti ini - di mana sahaja adanya jahiliyah dan di mana sahaja adanya perjuangan Islam menentang jahiliyah - merupakan titik permulaan dalam gerak kerja yang sebenar dan membina untuk membangunkan semula kewujudan yang haqiqi bagi agama ini setelah ia terputus sejak undang-undang manusia mengambil tempat syari'at Allah di dalam dua abad yang kebelakangan ini. Dan sejak itulah muka bumi ini kosong dari kewujudan Islam yang haqiqi, walaupun masih ada menara-menara dan masjid-masjid, do'a-do'a dan upacara-upacara ibadat yang mempengaruhi perasaan orang-orang Islam yang ada supaya memberi kesetiaan yang kabur kepada agama ini dan membuat mereka merasa bahawa kewujudannya masih berada dalam keadaan yang baik, sedangkan kewujudannya yang haqiqi telah tidak ada lagi.

Masyarakat Islam itu wujud sebelum wujudnya upacara-upacara ibadat dan sebelum wujudnya masjid-masjid. Ia wujud sejak manusia diseru: Hendaklah kamu sembah Allah, tiada Tuhan yang layak disembah selain dari Allah, lalu mereka menyembah Allah, sedangkan di waktu itu ibadat mereka terhadap Allah belum lagi dalam bentuk upacara-upacara ibadat kerana upacara-upacara ibadat belum lagi difardhukan ke atas mereka, malah ibadat mereka adalah dalam bentuk mengakui keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa dari segi dasar kerana syari'at-syari'at Allah di waktu itu belum lagi diturunkan. Dan apabila mereka

yang mengakui keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa itu telah mempunyai kekuatan maddi/fizikal di bumi ini barulah syari'at-syari'at itu diturunkan (kepada mereka), dan apabila mereka menghadapi keperluan-keperluan yang haqiqi dalam kehidupan mereka barulah hukum-hukum fiqah yang belum ada diistinbatkan di samping hukum-hukum yang telah dinaskan di dalam Al-Qur'an dan as-Sunnah.

Itulah sahaja satu-satunya jalan menuju (ke arah kelahiran masyarakat Islam) dan tiada jalan yang lain lagi.

Semoga di sana ada jalan yang mudah (ke arah itu) iaitu jalan seluruh orang ramai berubah kepada Islam dari awal dimulakan da'wah dengan lisan dan da'wah dengan menerangkan hukum-hukum Islam, tetapi jalan ini adalah jalan "angan-angan" sahaja, kerana orang ramai sekali-kali tidak akan berubah dari jahiliyah dan dari menyembah tuhan-tuhan palsu kepada Islam dan menyembah Allah Yang Maha Esa melainkan melalui jalan perjuangan yang lama dan lambat yang dilalui da'wah Islam setiap kali, iaitu jalan yang dimulai oleh individu-individu kemudian diikuti oleh angkatan pelopor, kemudian angkatan pelopor ini bergerak menentang jahiliyah dan menghadapi segala penentangan dan penindasan sehingga Allah memberi keputusan-Nya di antara mereka dan kaum mereka dengan keputusan yang benar dan memberi kepada mereka kedudukan yang kuat di bumi, kemudian barulah orang ramai berduyun-duyun masuk ke dalam agama Allah. Agama Allah ialah cara hidup, undang-undang dan peraturan yang diatur oleh Allah dan Allah tidak merestukan agama yang lain dari agama Islam:

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka tidak akan diterima darinya".

(Surah Aali 'Imran:85)

Semoga keterangan ini dapat menjelaskan kepada kita hakikat hukum (mencalonkan diri ke jawatan tinggi kerajaan) itu dalam pendirian yang telah diambil oleh Yusuf a.s.

Beliau belum lagi hidup di dalam masyarakat Islam, di mana diamalkan peraturan yang melarang memuji diri sendiri kepada orang ramai dan melarang meminta jawatan berdasarkan perakuan diri sendiri itu. Di samping itu beliau melihat bahawa suasana masa itu telah membolehkan beliau untuk menjadi pemerintah yang dita'ati rakyat bukannya pemerintah yang menjadi khadam di dalam establishment jahiliyah. Dan apa yang diduga beliau telah menjadi kenyataan, kerana melalui kuasa pentadbiran beliau dapat berda'wah kepada agama Allah dan mengembangkannya di negeri Mesir semasa pemerintahannya, di mana al-'Aziz dan Raja Mesir hilang dari pentas.

* * * * * *

Selepas selingan ini marilah kita kembali semula kepada kisah Yusuf dan kepada rangkaian ayat-ayat (mengenainya). Ayat ini tidak menyebut bahawa Raja Mesir telah bersetuju dengan permintaan beliau. Ayat ini seolah-olah berkata bahawa permintaan itu secara tersirat telah mengandungi persetujuan untuk memuliakan Yusuf dan menzahirkan darjat kedudukannya yang tinggi di sisi Raja Mesir. Oleh itu apa sahaja kata beliau akan disetujui baginda, malah apa sahaja kata beliau itulah jawapannya. Justeru itu ayat ini tidak menyebut jawapan baginda malah ia meninggalkan pembaca memahami sendiri bahawa beliau telah mendapat jawatan yang dipinta olehnya.

Pendapat kami ini dikuatkan oleh ulasan ayat yang berikut:

وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِى ٱلْأَرْضِ يَتَبَوَّأُ مِنْهَا حَيْثُ يَشَآءُ ۚ نُصِيبُ بِرَحْمَتِنَا مَن نَّشَآءُ ۖ وَلَا نُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

وَلَأَجْرُ ٱلْءَاخِرَةِ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٥٧﴾

"Demikianlah Kami mengurniakan kepada Yusuf kedudukan yang tinggi di bumi (Mesir) dia bebas tinggal di mana sahaja dia suka. Kami limpahkan rahmat Kami kepada siapa sahaja yang Kami sukai dan Kami tidak sekali-kali mensia-siakan ganjaran para Muhsinin(56). Dan sesungguhnya ganjaran Akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa."(57)

Yakni dengan cara menzahirkan kebersihan Yusuf dari (tuduhan yang tidak benar), dengan cara tertariknya hati Raja kepada beliau dan dengan cara baginda memperkenankan permintaan beliau... dengan cara-cara inilah Kami memberikan kedudukan yang tinggi, teguh dan terkemuka kepada Yusuf. Maksud "bumi" di dalam ayat ini ialah negeri Mesir atau seluruh negeri di dunia berdasarkan negeri Mesir di zaman itu merupakan kerajaan yang paling besar:

يَتَبَوَّأُ مِنْهَا حَيْثُ يَشَآءُ

"Dia bebas tinggal di mana sahaja dia suka."

Yakni beliau boleh tinggal dan memilih tempat di mana sahaja beliau suka, bukannya perigi yang penuh dengan ketakutan-ketakutan dan bukannya penjara yang penuh belenggu dan sekatan.

نُصِيبُ بِرَحْمَتِنَا مَن نَّشَآءُ

"Kami limpahkan rahmat Kami kepada siapa sahaja yang Kami sukai"(56).

iaitu Kami tukarkan kepadanya kesusahan dengan kesenangan, kesempitan dengan keluasan, ketakutan dengan keamanan, pembelengguan dengan kebebasan, kehinaan dengan kemuliaan dan kedudukan yang tinggi.

وَلَا نُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

"Dan Kami tidak sekali-kali mensia-siakan ganjaran para Muhsinin."(56)

Iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah, bertawakkal kepada Allah dan bertawajjuh kepada Allah dengan seelok-eloknya, serta menunjukkan tingkahlaku, tindak-tanduk dan urus cara yang sebaik-baiknya dengan orang ramai. Inilah balasan dunia.

وَلَأَجْرُ ٱلْءَاخِرَةِ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٥٧﴾

"Dan sesungguhnya ganjaran Akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa."(57)

Keni'matan dunia tidak akan dikurangkan walaupun balasan Akhirat itu lebih baik dari keni'matan dunia apabila seorang itu beriman dan bertaqwa, iaitu dia mencapai ketenteraman dengan keimanannya kepada Allah dan bermuraqabah dengan Allah dengan bertaqwa kepada-Nya sama ada dalam sulit atau dalam terang.

Demikianlah Allah telah menggantikan penderitaan Yusuf dengan kedudukan yang tinggi di negeri Mesir dan dengan berita balasan baik di Akhirat, iaitu balasan yang setimpal dengan keimanan, kesabaran dan ihsan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 62)

Kemudian roda zaman berputar tetapi Al-Qur'an tidak menyebut putaran zaman itu termasuk tahun-tahun kemewahan. Ia tidak menyebut bagaimana keadaan tahun-tahun mewah dan subur itu, bagaimana penduduk-penduduk negeri Mesir menanam, bagaimana cara Yusuf mengemudikan jentera pertadbiran negara dan bagaimana ia mengatur, merancang dan menyimpan (bekalan makanan), seolah-olah semua ini dijelaskan belaka dengan perkataan beliau:

إِنِّى حَفِيظٌ عَلِيمٌ ﴿٥٥﴾

"Sesungguhnya saya seorang penjaga yang berpengetahuan."(55)

Al-Qur'an juga tidak menyebut tentang permulaan kedatangan tahun-tahun kemarau dan bagaimana ia dihadapi rakyat jelata dan bagaimana rezeki-rezeki mulai menyempit kerana semuanya ini dapat difaham dari mimpi Raja dan ta'birnya:

ثُمَّ يَأْتِى مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تُحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾

"Kemudian selepas itu akan datang tujuh tahun kemarau yang besar yang akan memakan bekalan makanan yang telah disediakan kamu untuk menghadapinya itu kecuali sebahagian kecil daripada bekalan yang kamu simpan."(48)

Begitu juga Al-Qur'an tidak menyebut tentang kedudukan Raja dan orang-orang lain dari para pembesar baginda selepas itu di seluruh surah ini, seolah-olah (teraju pemerintahan negara) berada di tangan Yusuf seorang sahaja yang telah memikul bebanan pentadbiran di zaman krisis makanan yang mencemas dan menakutkan itu. Al-Qur'an hanya memperlihatkan Yusuf seorang sahaja di pentas peristiwa-peristiwa dan seluruh cahaya disorotkan kepadanya. Inilah hakikat yang sebenar yang digambarkan oleh Al-Qur'an dengan pengungkapan yang seni dan lengkap.

Adapun kesan kemarau, maka ia telah ditonjolkan oleh ayat-ayat berikut dalam suatu adegan kedatangan saudara-saudara Yusuf dari sebuah desa Sahara di negeri Kan'an yang jauh kerana mencari makanan di Mesir. Dari sini dapatlah difaham betapa luasnya kawasan yang terlibat dalam kelaparan dan bagaimana Mesir telah dapat menghadapinya dengan perancangan Yusuf a.s., dan bagaimana Mesir telah menjadi tumpuan pandangan negeri-negeri jiran dan menjadi tempat simpanan bekalan makanan bagi seluruh kawasan itu. Dan serentak dengan peristiwa-peristiwa itu kisah Yusuf berjalan terus mengikut arus utamanya dan di antara beliau dengan para saudaranya. Kisah ini merupakan satu gambaran yang seni yang merealisasikan matlamat keagamaan:

وَجَآءَ إِخْوَةُ يُوسُفَ فَدَخَلُوا۟ عَلَيْهِ فَعَرَفَهُمْ وَهُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٥٨﴾

وَلَمَّا جَهَّزَهُم بِجَهَازِهِمْ قَالَ ٱئْتُونِى بِأَخٍ لَّكُم مِّنْ أَبِيكُمْ ۚ أَلَا تَرَوْنَ أَنِّىٓ أُوفِى ٱلْكَيْلَ وَأَنَا۠ خَيْرُ ٱلْمُنزِلِينَ ﴿٥٩﴾

فَإِن لَّمْ تَأْتُونِى بِهِۦ فَلَا كَيْلَ لَكُمْ عِندِى وَلَا تَقْرَبُونِ ﴿٦٠﴾

قَالُوا۟ سَنُرَٰوِدُ عَنْهُ أَبَاهُ وَإِنَّا لَفَٰعِلُونَ ﴿٦١﴾

وَقَالَ لِفِتْيَٰنِهِ ٱجْعَلُوا۟ بِضَٰعَتَهُمْ فِى رِحَالِهِمْ لَعَلَّهُمْ يَعْرِفُونَهَآ إِذَا ٱنقَلَبُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan datanglah saudara-saudara Yusuf lalu mereka masuk menemuinya dan dia terus mengenali mereka, sedangkan mereka tidak mengenalinya(58). Dan apabila Yusuf siap membekalkan bekalan makanan kepada mereka, Yusuf pun berkata: Bawalah kepadaku saudara sebapa kamu, tidakkah kamu melihat bagaimana aku memberi sukatan bekalan

yang cukup kepada kamu dan akulah sebaik-baik penerima tamu?(59). Oleh itu jika kamu tidak membawanya kepadaku, maka tiada lagi sukatan bekalan makanan untuk kamu di sisiku dan janganlah lagi kamu mendekatiku(60). Jawab mereka: Kami akan memujuk bapanya melepaskannya dan sesungguhnya kami akan melaksanakannya(61). Dan Yusuf berkata kepada orang-orang suruhannya: Masukkanlah barang-barang penukar mereka ke dalam karung-karung kenderaan mereka supaya mereka mengetahuinya apabila mereka pulang nanti kepada keluarga mereka semoga mereka kembali lagi."(62)

Kemarau dan kebuluran telah melanda negeri Kan'an dan negeri-negeri di sekitarnya. Oleh itu saudara-saudara Yusuf bersama orang-orang lain datang ke negeri Mesir kerana orang ramai mendengar berita bahawa di sana adanya simpanan bekalan makanan dari kelebihan hasil pertanian sejak tahun-tahun subur lagi. Kini kita melihat mereka masuk menemui Yusuf a.s. Mereka tidak mengenali beliau, tetapi beliau mengenali mereka kerana mereka tidak banyak berubah. Daya imaginasi mereka tidak terfikir langsung bahawa orang yang ditemuinya itu ialah Yusuf. Masakan budak Ibrani yang telah dibuang mereka ke dalam perigi sejak dua puluh tahun yang silam atau lebih [2] itu kini menjadi seorang Perdana Menteri Mesir yang sama seperti seorang raja yang dimahkotakan dari segi umumya, pakaiannya, kawalannya, kehebatannya, khadam-khadamnya, juruiring-juruiring dan harta kekayaannya yang banyak.

Yusuf tidak memperkenalkan dirinya kepada mereka, kerana mereka pastilah (lebih dahulu) menerima beberapa pelajaran:

فَدَخَلُوا۟ عَلَيْهِ فَعَرَفَهُمْ وَهُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٥٨﴾

"Lalu mereka masuk menemuinya dan dia terus mengenali mereka, sedangkan mereka tidak mengenalinya."(58)

Tetapi kita faham dari ayat ini bahawa beliau telah memberi layanan yang baik kepada mereka, kemudian beliau mula mengatur pelajaran pertama (untuk mereka):

وَلَمَّا جَهَّزَهُم بِجَهَازِهِمْ قَالَ ٱئْتُونِى بِأَخٍ لَّكُم مِّنْ أَبِيكُمْ

"Dan apabila Yusuf siap membekalkan bekalan makanan kepada mereka, Yusuf pun berkata: Bawalah kepadaku saudara sebapa kamu."

Dari ayat ini kita faham bahawa beliau membiarkan mereka bermesra dengannya dan beliau terus mendorong mereka sehingga mereka menceritakan hal diri mereka dengan panjang dan seterusnya menyatakan bahawa mereka mempunyai saudara bongsu yang sebapa dengan mereka, tetapi ia tidak dapat datang bersama mereka kerana bapanya terlalu sayang kepadanya dan tidak sanggup berpisah dengannya. Apabila beliau siap menyediakan keperluan-keperluan perjalanan mereka, beliau pun menyatakan keinginannya untuk melihat saudara bongsu mereka itu:

قَالَ ٱئْتُونِى بِأَخٍ لَّكُم مِّنْ أَبِيكُمْ

"Yusuf pun berkata: Bawalah kepadaku saudara sebapa kamu"

Dan kamu sendiri sekarang melihat bahawa aku telah memberi sukatan yang sempurna kepada para pembeli dan aku akan sempurnakan habuan keperluan kamu jika dia datang bersama kamu kelak. Kamu dapat melihat sendiri bagaimana aku memberi layanan yang baik kepada para tetamu, oleh itu kamu tidak perlu takut terhadap keselamatannya, malah dia akan mendapat layanan baik yang biasa (aku berikannya kepada orang-orang lain):

أَلَا تَرَوْنَ أَنِّىٓ أُوفِى ٱلْكَيْلَ وَأَنَا۠ خَيْرُ ٱلْمُنزِلِينَ ﴿٥٩﴾

"Tidakkah kamu melihat bagaimana aku memberi sukatan bekalan yang cukup kepada kamu dan akulah sebaik-baik penerima tamu?"(59)

Oleh sebab mereka sedar betapa sayangnya ayah mereka kepada adik bongsu mereka terutama setelah hilangnya Yusuf, maka mereka telah menyatakan kepada Yusuf bahawa perkara ini bukannya mudah. Di sana ada halangan-halangan dari keengganan bapa mereka, tetapi mereka akan berusaha memujuknya dan mereka menyatakan keazaman mereka - walaupun terdapat halangan-halangan itu - untuk membawa adik bongsu bersama mereka apabila mereka pulang nanti:

قَالُوا۟ سَنُرَٰوِدُ عَنْهُ أَبَاهُ وَإِنَّا لَفَـٰعِلُونَ ﴿٦١﴾

"Jawab mereka: Kami akan memujuk bapanya melepaskannya dan sesungguhnya kami akan melaksanakannya."(61)

Kata-kata "kami akan memujuk" membayangkan usaha-usaha yang harus dilakukan mereka.

Adapun Yusuf, maka beliau telah memerintah orang-orangnya supaya secara diam-diam mengembalikan barang-barang penukaran yang dibawa oleh saudara-saudaranya untuk ditukarkan dengan gandum dan makanan ternakan. Barang-barang penukaran ini kadang-kadang bercampur dengan mata wang emas perak, bijian-bijian padang pasir, hasil-hasil pokok-pokok padang pasir, kulit-kulit, bulu-bulu binatang dan lainnya yang digunakan di dalam pertukaran barang-barang di pasar-pasar... Beliau telah memerintah orang-orangnya supaya secara diam-diam memasukkan kembali barang-barang penukaran itu di dalam karung-karung barang kenderaan mereka supaya mereka tahu apabila

---

[2] *Itulah anggaran umur setelah sekian tahun beliau tinggal di istana al-'Aziz diiringi pula dengan beberapa tahun di dalam penjara dan tujuh tahun mewah dan beberapa tahun kemarau semasa kedatangan mereka.*

mereka pulang nanti bahawa itulah barang-barang penukaran yang telah dibawa oleh mereka dahulu:

وَقَالَ لِفِتْيَٰنِهِ ٱجْعَلُوا۟ بِضَٰعَتَهُمْ فِى رِحَالِهِمْ لَعَلَّهُمْ يَعْرِفُونَهَآ إِذَا ٱنقَلَبُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan Yusuf berkata kepada orang-orang suruhannya: Masukkanlah barang-barang penukar mereka ke dalam karung-karung kenderaan mereka supaya mereka mengetahuinya apabila mereka pulang nanti kepada keluarga mereka semoga mereka kembali lagi."(62)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 63 - 66)

Marilah kita tinggalkan Yusuf di Mesir untuk melihat Ya'kub dan anak-anaknya di negeri Kan'an tanpa menyebut apa-apa peristiwa yang berlaku di tengah jalan mereka:

فَلَمَّا رَجَعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَبِيهِمْ قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا مُنِعَ مِنَّا ٱلْكَيْلُ فَأَرْسِلْ مَعَنَآ أَخَانَا نَكْتَلْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿٦٣﴾

قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَآ أَمِنتُكُمْ عَلَىٰٓ أَخِيهِ مِن قَبْلُ ۖ فَٱللَّهُ خَيْرٌ حَٰفِظًا ۖ وَهُوَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٦٤﴾

وَلَمَّا فَتَحُوا۟ مَتَٰعَهُمْ وَجَدُوا۟ بِضَٰعَتَهُمْ رُدَّتْ إِلَيْهِمْ ۖ قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا مَا نَبْغِى ۖ هَٰذِهِۦ بِضَٰعَتُنَا رُدَّتْ إِلَيْنَا ۖ وَنَمِيرُ أَهْلَنَا وَنَحْفَظُ أَخَانَا وَنَزْدَادُ كَيْلَ بَعِيرٍ ۖ ذَٰلِكَ كَيْلٌ يَسِيرٌ ﴿٦٥﴾

قَالَ لَنْ أُرْسِلَهُۥ مَعَكُمْ حَتَّىٰ تُؤْتُونِ مَوْثِقًا مِّنَ ٱللَّهِ لَتَأْتُنَّنِى بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يُحَاطَ بِكُمْ ۖ فَلَمَّآ ءَاتَوْهُ مَوْثِقَهُمْ قَالَ ٱللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ ﴿٦٦﴾

"Maka apabila mereka pulang kepada bapa mereka, mereka pun berkata: Wahai bapa, kami tidak diberi sukatan bekalan. Oleh itu hantarlah saudara kami bersama kami supaya kami mendapat sukatan bekalan dan kami sekalian tetap akan menjaganya(63). Jawab Yakub: Tidaklah aku menaruh kepercayaan kepada kamu terhadap keselamatannya (Bunyamin) melainkan seperti aku telah menaruh kepercayaan kepada kamu terhadap kesesatan abangnya (Yusuf dahulu). Allahlah (jua) sebaik-baik Penjaga dan Dialah Maha Pengasih di antara para pengasih(64). Dan apabila mereka membuka barang-barang mereka (tiba-tiba) mereka dapati barang-barang penukar mereka telah dikembalikan semula kepada mereka lalu mereka berkata: Wahai bapa kami, kami bukannya bertindak melampau. Lihatlah barang-barang penukar kami telah dikembalikan semula kepada kami, sedangkan kami perlu memberi makan keluarga kami dan kami sanggup menjaga keselamatan saudara kami (Bunyamin) dan kami akan mendapat sukatan bekalan tambahan sebanyak seberat tanggungan seekor unta. Itulah sukatan yang senang (diperolehi)(65). (Ya'kub) berkata: Aku sekali-kali tidak akan melepaskan (Bunyamin) pergi bersama kamu sehingga kamu memberikan janji yang teguh atas nama Allah kepadaku bahawa kamu pasti akan membawanya kembali kepadaku kecuali kamu dikepung (musuh), dan setelah mereka memberikan kepadanya janji mereka, maka dia (Ya'kub) pun berkata: Allah adalah saksi di atas apa yang kita ucapkan."(66)

Nampaknya apabila mereka menemui bapa mereka dan sebelum membuka barang-barang mereka, mereka terus memberitahu kepadanya bahawa sukatan makanan telah ditetapkan tidak akan diberikan kepada mereka selagi mereka tidak membawa adik bongsu mereka bersama mereka menemui Perdana Menteri Mesir. Dialah yang telah meminta mereka supaya membawa adik bongsu bersama mereka supaya mereka mendapat sukatan makanan untuk mereka dan untuk adik bongsu mereka dan mereka berjanji (dengan bapa mereka) untuk menjaganya.

فَلَمَّا رَجَعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَبِيهِمْ قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا مُنِعَ مِنَّا ٱلْكَيْلُ فَأَرْسِلْ مَعَنَآ أَخَانَا نَكْتَلْ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿٦٣﴾

"Maka apabila mereka pulang kepada bapa mereka, mereka pun berkata: Wahai bapa! Kami tidak diberi sukatan bekalan. Oleh itu hantarlah saudara kami bersama kami supaya kami mendapat sukatan bekalan dan kami sekalian tetap akan menjaganya."(63)

Janji yang seperti ini tentulah membangkitkan kenangan-kenangan sedih yang lama yang tersembunyi di dalam hati Ya'kub, kerana janji itu merupakan satu janji yang sama yang disanggupi mereka untuk menjaga Yusuf dahulu, lalu dia berterus terang menyatakan rasa sedihnya yang telah dirangsangkan oleh janji itu:

قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَآ أَمِنتُكُمْ عَلَىٰٓ أَخِيهِ مِن قَبْلُ

"Jawab Yakub: Tidaklah aku menaruh kepercayaan kepada kamu terhadap keselamatannya (Bunyamin) melainkan seperti aku telah menaruh kepercayaan kepada kamu terhadap keselamatan abangnya (Yusuf dahulu)."(64)

Oleh itu jangan sebut kepada aku fasal janji dan kesanggupan kamu hendak menjaga adik kamu kerana aku telah memohon kepada Allah supaya memelihara anakku dan mencucurkan rahmat ke atasku:

فَٱللَّهُ خَيۡرٌ حَٰفِظٗاۖ وَهُوَ أَرۡحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ٦٤

"Allahlah (jua) sebaik-baik penjaga dan Dialah Maha Pengasih di antara para pengasih."(64)

Setelah berhenti dan beristirehat sebentar dari perjalanan, mereka pun membuka barang-barang di dalam karung-karung mereka untuk mengeluarkan biji-bijian makanan (yang dibawa balik oleh mereka), tiba-tiba mereka dapati barang-barang penukar yang telah dibawa mereka untuk membeli makanan-makanan (yang dikehendaki mereka) dan tidak ada apa-apa biji-bijian makanan!

Yusuf tidak membekalkan gandum kepada mereka malah mengisikan barang-barang penukar mereka di dalam karung-karung kenderaan mereka dan apabila mereka pulang mereka terus memberitahu bapa mereka: Wahai bapa kami! Kami tidak diberi sukatan. Mereka kemudian membuka karung-karung kenderaan mereka dan dapati isinya ialah barang-barang penukar mereka. Ini membuat mereka terpaksa pulang semula (ke Mesir) dengan membawa adik bongsu mereka. Ini adalah setengah dari pelajaran yang harus diterima oleh mereka.

Walau bagaimanapun, mereka telah menggunakan penolakan balik bahan-bahan penukar mereka itu sebagai bukti bahawa tuntutan mereka tidak melampau apabila mereka meminta kepada bapa mereka supaya adik bongsu mereka dibenarkan pergi ke Mesir bersama mereka:

قَالُواْ يَٰٓأَبَانَا مَا نَبۡغِيۖ هَٰذِهِۦ بِضَٰعَتُنَا رُدَّتۡ إِلَيۡنَاۖ

"Kami bukannya bertindak melampau. Lihatlah barang-barang penukar kami telah dikembalikan semula kepada kami."

Kemudian mereka mula menyulitkan Ya'kub dengan membayangkan kepadanya tentang keperluan keluarga mereka mendapatkan makanan:

وَنَمِيرُ أَهۡلَنَا

"Sedangkan kami perlu memberi makan keluarga kami."

Yakni menyediakan bekalan makanan (untuk mereka). Kemudian mereka menyatakan keazaman mereka untuk menjaga keselamatan adik bongsu mereka:

وَنَحۡفَظُ أَخَانَا

"Dan kami sanggup menjaga keselamatan saudara kami."

Kemudian mereka membangkitkan kegemaran bapa mereka untuk mendapat sukatan tambahan untuk adik bongsu mereka:

وَنَزۡدَادُ كَيۡلَ بَعِيرٖۖ

"Dan kami akan mendapat sukatan bekalan tambahan sebanyak seberat tanggungan seekor unta."(65)

Sukatan yang seberat itu boleh didapati dengan senang apabila adik bongsu mereka dibenarkan pergi bersama mereka:

"Itulah sukatan yang senang (diperolehi)."(65)

Dari kata-kata mereka "kami akan mendapat sukatan bekalan tambahan sebanyak muatan seekor unta" dapatlah difaham bahawa Yusuf a.s. memberi bekalan kepada setiap orang sebanyak seberat muatan seekor unta dan itulah kadar banyak yang diketahui umum. Beliau tidak menjual makanan itu mengikut seberapa banyak yang dikehendaki pembeli, inilah langkah bijak yang diamalkan di tahun kemarau supaya bekalan makanan boleh didapati oleh semua orang.

Ya'kub terpaksa menyerah kalah, tetapi beliau mengenakan syarat sebelum menyerahkan satu-satunya anaknya (yang masih muda) itu:

قَالَ لَنۡ أُرۡسِلَهُۥ مَعَكُمۡ حَتَّىٰ تُؤۡتُونِ مَوۡثِقٗا مِّنَ ٱللَّهِ لَتَأۡتُنَّنِي بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يُحَاطَ بِكُمۡۖ

"(Ya'kub) berkata: Aku sekali-kali tidak akan melepaskan (Bunyamin) pergi bersama kamu sehingga kamu memberikan janji yang teguh atas nama Allah kepadaku bahawa kamu pasti akan membawanya kembali kepadaku kecuali kamu dikepung (musuh)."

Yakni hendaklah kamu bersumpah dengan nama Allah bahawa kamu akan membawa balik anakku kepada aku kecuali kamu dikalah dan ditewaskan (musuh) dan kamu tidak berdaya lagi untuk menyelamatkannya dan tidak berupaya mempertahankannya:

إِلَّآ أَن يُحَاطَ بِكُمۡۖ

"Kecuali kamu dikepung (musuh)."

Ini bererti beliau menutup segala jalan (tipu helah kepada mereka) lalu mereka pun bersumpah:

فَلَمَّآ ءَاتَوۡهُ مَوۡثِقَهُمۡ قَالَ ٱللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٞ ٦٦

"Dan setelah mereka memberikan kepadanya janji mereka, maka dia (Ya'kub) pun berkata: Allah adalah saksi terhadap apa yang kita ucapkan."(66)

untuk menambahkan ketegasan dan peringatan.

Selepas perjanjian itu Ya'kub a.s. menyampaikan pesanan yang terlintas di dalam hatinya kepada mereka (sebagai panduan) perjalanan mereka yang akan datang membawa anak kesayangannya:

(Pentafsiran ayat-ayat 67 - 68)

وَقَالَ يَٰبَنِيَّ لَا تَدْخُلُوا۟ مِنۢ بَابٍ وَٰحِدٍ وَٱدْخُلُوا۟ مِنْ أَبْوَٰبٍ مُّتَفَرِّقَةٍ ۖ وَمَآ أُغْنِى عَنكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَعَلَيْهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٦٧﴾

"Dan Ya'kub berkata: Wahai anak-anakku! Janganlah kamu semua masuk (kota Mesir) dari satu pintu sahaja, tetapi masuklah melalui pintu-pintu yang berlain-lainan, tetapi aku tidak dapat menyelamatkan kamu dari (kehendak takdir) Allah sedikit pun, kerana kuasa penentuan hukum itu hanya milik Allah sahaja. Kepada Allah aku berserah dan kepada Allah juga hendaklah mereka yang bertawakkal itu berserah."(67)

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan perkataan Ya'kub a.s. yang berbunyi:

"Segala penentuan keputusan itu hanya milik Allah sahaja."(67)

Hukum Qada' Dan Qadar Dalam Hukum Syari'at

Amatlah jelas bahawa yang dimaksudkan dengan kata-kata "*keputusan*" di sini ialah keputusan takdir Allah yang pasti yang tidak dapat dihindarkan dan qada' Ilahi yang menguatkuasakan takdir-Nya dan membuat manusia tidak berupaya berbuat apa-apa lagi terhadapnya.

Inilah yang dikatakan beriman dengan qada' qadar yang merangkumi buruk baiknya.

Hukum takdir Allah berlaku kepada manusia di luar kemahuan dan pilihan mereka, dan di sampingnya ada hukum Allah yang dipatuhi manusia dengan kerelaan dan pilihan mereka iaitu hukum syara' dalam bentuk suruhan-suruhan dan larangan-larangan, dan urusan hukum syara' ini juga hanya dimiliki Allah sahaja sama seperti hukum takdir Allah kecuali dengan satu perbezaan sahaja, iaitu manusia mematuhi hukum syara' atau tidak mematuhinya dengan pilihan mereka sendiri. Oleh sebab itulah tindakan mereka sama ada mematuhi atau tidak mematuhinya mempunyai natijah-natijah dan akibat-akibat di dalam kehidupan mereka di dunia dan mendapat balasan pada hari Akhirat, tetapi manusia tidak boleh disifatkan sebagai golongan Muslimin sehingga mereka memilih hukum syara' dan mematuhinya dengan penuh kerelaan.

Angkatan saudara-saudara Yusuf berangkat keluar dengan mematuhi segala pesanan bapa mereka:

وَلَمَّا دَخَلُوا۟ مِنْ حَيْثُ أَمَرَهُمْ أَبُوهُم مَّا كَانَ يُغْنِى عَنْهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ إِلَّا حَاجَةً فِى نَفْسِ يَعْقُوبَ قَضَىٰهَا ۚ وَإِنَّهُۥ لَذُو عِلْمٍ لِّمَا عَلَّمْنَٰهُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

"Dan apabila mereka masuk (kota Mesir) mengikut sebagaimana yang dipesan oleh bapa mereka, maka ia tidak juga dapat menyelamatkan mereka dari (kehendak) Allah sedikit pun. Itu hanya suatu keinginan di dalam hati Ya'kub yang telah ditunaikannya (dengan pesanan itu). Dan sesungguhnya dia adalah seorang yang berilmu kerana Kami telah mengajar ilmu itu kepadanya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(68)

Jadi untuk apakah pula pesanan ini? Mengapa bapa mereka berpesan kepada mereka jangan masuk ke kota Mesir mengikut satu pintu sahaja, malah mereka harus masuk menerusi pintu-pintu yang berlainan.

Berbagai-bagai riwayat dan pentafsiran telah mengupas dan mengulas (sebab-sebab) pesanan itu, sedangkan semuanya tidak perlu, malah bertentangan dengan kehendak penerangan Al-Qur'anul-Karim. Seandainya Al-Qur'an suka menyebut sebab pesanan itu tentulah ia menyebutnya, tetapi ia hanya menyebut begini sahaja:

إِلَّا حَاجَةً فِى نَفْسِ يَعْقُوبَ قَضَىٰهَا ۚ

"Itu hanya suatu keinginan di dalam hati Ya'kub yang telah ditunaikannya."

Justeru itu para Mufasirin seharusnya berhenti setakat keterangan yang dikehendaki oleh Al-Qur'an itu sahaja untuk memelihara suasana yang dikehendakinya, iaitu suasana yang menyarankan bahawa Ya'kub menaruh suatu kebimbangan terhadap mereka dan melihat bahawa mereka lebih baik memasuki ke kota Mesir melalui pintu-pintu yang berlainan untuk menghindari perkara yang dibimbanginya itu di samping kepercayaan beliau bahawa dia tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyelamatkan mereka dari keputusan takdir Allah, kerana urusan menentukan seluruh keputusan itu hanya milik Allah sahaja dan seluruh pergantungan hanya di atas keputusan Allah sahaja. Apa yang dibimbangi beliau itu hanya satu fikiran dan keinginan yang terlintas di dalam hatinya sahaja dan diluahkannya dalam bentuk pesanan, sedangkan beliau sedar bahawa iradat Allah itulah yang tetap lulus. Kerana Allah telah mengajar hakikat ini kepada beliau dan beliau mematuhi ajaran itu.

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

"Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(68)

Sama ada yang dibimbangi beliau itu kejahatan mata pendengki atau kecemburuan Raja kerana keramaian dan kegagahan anak-anaknya atau kerana

takut diekori perompak atau apa sahaja sebabnya, tetapi semuanya itu tidaklah menambahkan suatu apa pun kepada pokok pembicaraan selain dari membuka pintu keluar dari suasana Al-Qur'an yang menarik kepada bermacam-macam nukilan para rawi dan Mufasirin yang sering kali merosakkan seluruh suasana Al-Qur'an.

Marilah kita tamatkan sahaja kisah pesanan dan perjalanan itu seperti yang ditamatkan oleh Al-Qur'an dan marilah kita bertemu dengan saudara-saudara Yusuf dalam adegan berikut setelah mereka sampai di Mesir.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 79)

Babak Pertemuan Yusuf Dengan Adiknya

وَلَمَّا دَخَلُوا۟ عَلَىٰ يُوسُفَ ءَاوَىٰٓ إِلَيْهِ أَخَاهُ ۖ قَالَ إِنِّىٓ أَنَا۠ أَخُوكَ فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٦٩﴾

"Dan apabila mereka masuk menemui Yusuf, maka dia pun membawa saudaranya (Bunyamin) ke tempatnya dan berkata: Sesungguhnya aku adalah saudaramu. Oleh itu janganlah engkau berdukacita lagi terhadap perbuatan yang telah dilakukan mereka."(69)

Di sini kita dapati Al-Qur'an segera menceritakan bagaimana Yusuf membawa adiknya ke tempat tinggalnya dan memberitahu bahawa beliau adalah abangnya serta meminta supaya adiknya lupakan sahaja perbuatan abang-abangnya terhadap dirinya di masa yang lampau. Kenangan-kenangan itu tentulah menimbulkan kesedihan di hati adiknya yang kecil itu seperti yang diketahuinya rumah tempat tinggalnya itu sendiri. Tentulah peristiwa lama itu tidak dapat disembunyikan darinya dalam persekitarannya di negeri Kan'an.

Al-Qur'an segera menceritakan perkara ini, tetapi menurut kebiasaan dan menurut apa yang dapat difaham perkara ini tidaklah berlaku sebaik sahaja mereka masuk menemui Yusuf, malah ia berlaku setelah Yusuf mendapat peluang bercakap sama seorang dengan adiknya, walau bagaimanapun adalah tidak syak lagi bahawa perkara inilah yang mula pertama terlintas di dalam hati Yusuf apabila mereka masuk menemui beliau dan apabila beliau terpandang adiknya setelah berpisah sekian lama.

Justeru itu Al-Qur'an menjadikan perkara ini sebagai tindakan pertama beliau kerana perkara inilah yang mula pertama terlintas di dalam hatinya. Inilah sebahagian dari kehalusan-kehalusan pengungkapan di dalam kitab suci Al-Qur'an yang mengkagumkan ini.

Kisah Adik Yusuf Ditahan

Al-Qur'an tidak menyebut selama mana masa mereka menjadi tetamu Yusuf dan perbualan-perbualan yang berlaku di antara Yusuf dan para saudaranya, malah Al-Qur'an terus menayangkan adegan sa'at-sa'at akhir keberangkatan pulang, dan di sini kita dapat mengetahui bagaimana Yusuf merancang untuk memegang adiknya (tinggal bersamanya) dan bagaimana beliau memberi satu atau beberapa pelajaran yang perlu kepada abang-abangnya, malah pelajaran yang perlu kepada semua manusia di setiap zaman dan tempat:

فَلَمَّا جَهَّزَهُم بِجَهَازِهِمْ جَعَلَ ٱلسِّقَايَةَ فِى رَحْلِ أَخِيهِ ثُمَّ أَذَّنَ مُؤَذِّنٌ أَيَّتُهَا ٱلْعِيرُ إِنَّكُمْ لَسَـٰرِقُونَ ﴿٧٠﴾

قَالُوا۟ وَأَقْبَلُوا۟ عَلَيْهِم مَّاذَا تَفْقِدُونَ ﴿٧١﴾

قَالُوا۟ نَفْقِدُ صُوَاعَ ٱلْمَلِكِ وَلِمَن جَآءَ بِهِۦ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا۠ بِهِۦ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ لَقَدْ عَلِمْتُم مَّا جِئْنَا لِنُفْسِدَ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا كُنَّا سَـٰرِقِينَ ﴿٧٣﴾

قَالُوا۟ فَمَا جَزَٰٓؤُهُۥٓ إِن كُنتُمْ كَـٰذِبِينَ ﴿٧٤﴾

قَالُوا۟ جَزَٰٓؤُهُۥ مَن وُجِدَ فِى رَحْلِهِۦ فَهُوَ جَزَٰٓؤُهُۥ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٧٥﴾

فَبَدَأَ بِأَوْعِيَتِهِمْ قَبْلَ وِعَآءِ أَخِيهِ ثُمَّ ٱسْتَخْرَجَهَا مِن وِعَآءِ أَخِيهِ ۚ كَذَٰلِكَ كِدْنَا لِيُوسُفَ ۖ مَا كَانَ لِيَأْخُذَ أَخَاهُ فِى دِينِ ٱلْمَلِكِ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ نَرْفَعُ دَرَجَـٰتٍ مَّن نَّشَآءُ ۗ وَفَوْقَ كُلِّ ذِى عِلْمٍ عَلِيمٌ ﴿٧٦﴾

قَالُوٓا۟ إِن يَسْرِقْ فَقَدْ سَرَقَ أَخٌ لَّهُۥ مِن قَبْلُ ۚ فَأَسَرَّهَا يُوسُفُ فِى نَفْسِهِۦ وَلَمْ يُبْدِهَا لَهُمْ ۚ قَالَ أَنتُمْ شَرٌّ مَّكَانًا ۖ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَصِفُونَ ﴿٧٧﴾

قَالُوا۟ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْعَزِيزُ إِنَّ لَهُۥٓ أَبًا شَيْخًا كَبِيرًا فَخُذْ أَحَدَنَا مَكَانَهُۥٓ ۖ إِنَّا نَرَىٰكَ مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٧٨﴾

قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ أَن نَّأْخُذَ إِلَّا مَن وَجَدْنَا مَتَٰعَنَا عِندَهُۥٓ إِنَّآ إِذًا لَّظَٰلِمُونَ ﴿٧٩﴾

"Apabila Yusuf siap membekalkan bekalan makanan kepada mereka dia pun meletak piala penyukat di dalam karung kenderaan saudaranya (Bunyamin) kemudian seorang penyeru berteria': Wahai kafilah! Sesungguhnya kamu adalah pencuri-pencuri(70). Mereka bertanya sambil datang menemui mereka: Apakah barang yang kamu hilang?(71). Jawab mereka: Kami kehilangan piala penyukat Raja dan kepada sesiapa yang dapat mengembalikannya akan diberi bekalan makanan seberat muatan seekor unta dan aku adalah penjamin (di atas pemberian itu)(72). Mereka menjawab: Demi Allah! Kamu sekalian tentulah mengetahui bahawa kedatangan kami bukannya bertujuan melakukan perbuatan yang merosakkan di negeri ini dan kami tidak pernah menjadi pencuri-pencuri(73). Mereka berkata: Tetapi apakah balasannya jika kamu bohong?(74). Jawab mereka: Balasannya sesiapa yang didapati piala itu di dalam karung kenderaannya, maka dia sendirilah yang menjadi balasannya (tebusannya). Demikianlah kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang zalim(75). Maka Yusuf lebih dahulu memeriksa karung-karung mereka sebelum memeriksa karung adiknya (Bunyamin), kemudian dia mengeluarkan piala penyukat itu dari karung adiknya. Demikianlah Kami aturkan ta'bir kepada Yusuf. Sebenarnya dia tidak boleh menahan mengambil adiknya menurut undang-undang Raja, melainkan jika dikehendaki Allah. Kamilah yang mengangkatkan darjat-darjat mereka yang Kami kehendaki, dan di atas setiap orang yang berilmu itu ada lagi yang lebih tinggi ilmunya(76). Mereka berkata: Sekiranya dia (Bunyamin) mencuri, maka sesungguhnya saudaranya juga pernah mencuri sebelum ini, lalu Yusuf menyembunyikan (perbuatan itu) di dalam hatinya dan dia sama sekali tidak memperlihatkannya kepada mereka, kemudian dia berkata (di dalam hatinya): Kamulah yang lebih buruk kedudukannya, dan Allah lebih mengetahui tentang apa yang diceritakan kamu itu(77). Mereka berkata: Wahai Perdana Menteri! Dia mempunyai bapa yang sangat tua, oleh itu ambillah salah seorang dari kami sebagai gantinya. Sesungguhnya kami melihat engkau dari para Muhsinin(78). Jawab Yusuf: Aku berlindung pada Allah dari mengambil seorang yang lain kecuali orang yang kami jumpai barang-barang kepunyaan kami di sisinya. Sesungguhnya - jika kami bertindak begitu - tentulah kami menjadi orang-orang yang zalim."(79)

Ini adalah satu adegan yang mengharukan, satu adegan yang penuh dengan pergerakan, emosi-emosi dan kejutan-kejutan yang amat hebat, namun demikian adegan ini merupakan satu gambaran realiti yang ditayangkan oleh pengungkapan Al-Qur'an dengan tayangan yang hidup dan menarik.

Dari belakang tabir, Yusuf menyembunyikan piala Raja - biasanya diperbuat dari emas - menurut satu cerita piala itu digunakan untuk minuman dan dari segi yang lain pula digunakan untuk menyukat gandum kerana kekurangan dan kesulitan mendapat gandum di zaman kebuluran itu. Beliau menyembunyikannya di dalam karung kenderaan adiknya untuk melaksanakan satu perancangan khas yang telah diilhamkan Allah kepada beliau yang kita akan mengetahuinya sekejap lagi.

Kemudian seorang juruhebah berteria' dengan suara yang tinggi membuat satu pengumuman kepada orang ramai ketika para saudara Yusuf itu sedang bertolak:

أَيَّتُهَا ٱلْعِيرُ إِنَّكُمْ لَسَٰرِقُونَ ﴿٧٠﴾

"Wahai kafilah! Sesungguhnya kamu adalah pencuri-pencuri."(70)

Para saudara Yusuf terkejut bila mendengar teria'an yang menuduh mereka mencuri, sedangkan mereka anak-anak Ya'kub ibn Ishak ibn Ibrahim, Lalu mereka pun berpatah balik untuk mengetahui perkara yang amat meragukan itu:

قَالُوا۟ وَأَقْبَلُوا۟ عَلَيْهِم مَّاذَا تَفْقِدُونَ ﴿٧١﴾

"Mereka bertanya sambil datang menemui mereka: Apakah barang yang kamu hilang?"(71)

Kata pemuda-pemuda yang bekerja menyediakan bekalan makanan ke dalam karung-karung kenderaan atau para pengawal termasuk juruhebah itu sendiri:

قَالُوا۟ نَفْقِدُ صُوَاعَ ٱلْمَلِكِ

"Kami kehilangan piala penyukat Raja."

Kemudian juruhebah itu mengumumkan bahawa hadiah akan diberi kepada sesiapa yang membawa piala itu kembali secara sukarela, iaitu satu hadiah yang amat berharga di masa kebuluran itu:

وَلِمَن جَآءَ بِهِۦ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا۠ بِهِۦ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾

"Dan kepada sesiapa yang dapat mengembalikannya akan diberi bekalan makanan seberat muatan seekor unta dan aku sendiri menjadi penjamin (di atas pemberian itu)"(72)

maksud makanan seberat muatan seekor unta itu ialah gandum yang sukar didapati itu.

وَأَنَا۠ بِهِۦ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾

"Dan aku sendiri menjadi penjamin"(72)

di atas pemberian hadiah itu.

Tetapi orang-orang di situ memang yakin bahawa saudara-saudara Yusuf itu tidak bersalah. Mereka tidak mencuri, mereka datang bukan bertujuan mencuri dan melakukan perkara yang tidak baik yang merosakkan kepercayaan dan hubungan-hubungan di dalam masyarakat. Oleh sebab itulah mereka bersumpah dengan penuh keyakinan:

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ لَقَدْ عَلِمْتُم مَّا جِئْنَا لِنُفْسِدَ فِى ٱلْأَرْضِ

"Mereka menjawab: Demi Allah, kamu sekalian tentulah mengetahui bahawa kedatangan kami bukannya bertujuan melakukan perbuatan yang merosakkan di negeri ini"

dan kamu tentulah dapat mengetahui dari keadaan kami, rupa paras kami dan keturunan kami bahawa kami tidak melakukan perbuatan ini:

وَمَا كُنَّا سَٰرِقِينَ ﴿٧٣﴾

"Dan kami tidak pernah menjadi pencuri-pencuri."(73)

Ujar pemuda-pemuda pekerja pengawal-pengawal:

قَالُواْ فَمَا جَزَٰٓؤُهُۥٓ إِن كُنتُمۡ كَٰذِبِينَ ﴿٧٤﴾

"Mereka berkata: Tetapi apakah balasannya jika kamu bohong?"(74)

Di sini terbukalah hujung jatuh perancangan yang diilhamkan Allah kepada Yusuf. Mengikut undang-undang yang diamal di dalam agama Ya'kub seorang pencuri akan ditahan sebagai tebusan atau tawanan atau hamba abdi untuk menggantikan apa yang telah dicurinya, dan oleh sebab saudara-saudara Yusuf itu yakin bahawa mereka tidak bersalah, maka mereka bersetuju berhakimkan kepada undang-undang agama mereka terhadap mereka yang thabit melakukan pencurian ini. Dengan demikian terlaksanalah tadbir Allah terhadap Yusuf dan saudaranya:

قَالُواْ جَزَٰٓؤُهُۥ مَن وُجِدَ فِي رَحۡلِهِۦ فَهُوَ جَزَٰٓؤُهُۥۚ كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧٥﴾

"Jawab mereka: Balasannya sesiapa yang didapati piala penyukat itu di dalam karung kenderaannya, maka dia sendirilah yang menjadi balasannya (tebusannya). Demikianlah kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang zalim"(75)

dan inilah undang-undang agama kami, yang kami kenakan ke atas pencuri dan pencuri itu adalah dari golongan orang-orang yang zalim.

Semua soal jawab ini dapat dilihat dan didengar oleh Yusuf, lalu beliau menyuruh orang-orangnya membuat pemeriksaan. Dengan kepintarannya beliau menyuruh supaya pemeriksaan itu dimulakan pada karung-karung kenderaan mereka sebelum memeriksa karung kenderaan adiknya supaya hasil pemeriksaan itu tidak menimbulkan apa-apa keraguan:

فَبَدَأَ بِأَوۡعِيَتِهِمۡ قَبۡلَ وِعَآءِ أَخِيهِ ثُمَّ ٱسۡتَخۡرَجَهَا مِن وِعَآءِ أَخِيهِۚ

"Maka Yusuf lebih dahulu memeriksa karung-karung mereka sebelum memeriksa karung adiknya."

Al-Qur'an membiarkan kita menggambarkan sendiri betapa besarnya kejutan yang dialami oleh anak-anak Ya'kub yang yakin tidak bersalah dan sanggup bersumpah dan seia sekata itu. Al-Qur'an tidak menyebut apa-apa tentang ini, malah membiarkan daya imaginasi kita supaya memenuhinya sendiri dengan gambaran yang melengkapkan pemandangan adegan itu dengan segala emosinya, sedangkan ia terus mengulas tentang setengah tujuan kisah ini sementara menunggu para penonton dan anak-anak Ya'kub itu sedar dari kejutan yang sedang dialami mereka:

كَذَٰلِكَ كِدۡنَا لِيُوسُفَۖ

"Demikianlah Kami aturkan tadbir kepada Yusuf."

Yakni demikianlah kami aturkan tadbir yang halus ini untuk Yusuf.

مَا كَانَ لِيَأۡخُذَ أَخَاهُ فِي دِينِ ٱلۡمَلِكِ

"Sebenarnya dia tidak boleh menahan mengambil adiknya menurut undang-undang Raja."

Yakni sekiranya Yusuf berhakimkan undang-undang Raja Mesir tentulah dia tidak dapat menahan adiknya kerana mengikut undang-undang Raja pencuri itu dihukum di atas perbuatannya yang mencuri dan tidak membolehkannya menahan adiknya sebagaimana beliau telah menahannya apabila para saudaranya bersetuju berhakimkan undang-undang agama mereka. Inilah tadbir Allah yang telah mengilhamkan sebab-sebabnya kepada Yusuf. Itulah tadbir yang telah diaturkan Allah untuk Yusuf Kata-kata "كيد" dipakai dengan erti merancangkan sesuatu secara halus sama ada dengan tujuan baik atau tidak baik walaupun biasanya dipakai untuk tujuan yang tidak baik. Di sini pada lahirnya perancangan itu membawa akibat yang tidak baik kepada adiknya dan kepada saudara-saudaranya yang lain kerana peristiwa ini meletakkan mereka dalam keadaan serba salah di hadapan bapanya Ya'kub, dan ia juga membawa akibat yang buruk kepada bapanya walaupun untuk beberapa waktu sahaja. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menamakan perancangan itu sebagai "كيد" berdasarkan pengertiannya yang umum dan maknanya yang lahir. Inilah ciri dari kehalusan pengungkapan Al-Qur'an.

مَا كَانَ لِيَأۡخُذَ أَخَاهُ فِي دِينِ ٱلۡمَلِكِ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُۚ

"Sebenarnya dia tidak boleh menahan mengambil adiknya menurut undang-undang Raja, melainkan jika dikehendaki Allah."

Justeru itu Allah mengaturkan tadbir yang telah kita lihat tadi.

Kata kesimpulan berikut mengandungi isyarat kepada kedudukan yang tinggi dan mulia yang telah dicapai oleh Yusuf:

نَرۡفَعُ دَرَجَٰتٖ مَّن نَّشَآءُۗ

"Kamilah yang mengangkatkan darjat-darjat mereka yang Kami kehendaki."

Juga isyarat kepada ilmu pengetahuan yang telah diperolehinya serta mengingatkan bahawa ilmu Allah itulah yang mengatasi segala ilmu:

وَفَوْقَ كُلِّ ذِى عِلْمٍ عَلِيمٌ ﴿٧٦﴾

"Dan di atas setiap yang berilmu itu ada lagi yang lebih tinggi ilmunya."(76)

Itulah pernyataan hemat yang amat seni dan halus.

Di sini kita pastilah berhenti sebentar di hadapan pengungkapan Al-Qur'an yang amat halus dan mendalam ini:

كَذَٰلِكَ كِدْنَا لِيُوسُفَ مَا كَانَ لِيَأْخُذَ أَخَاهُ فِى دِينِ ٱلْمَلِكِ

"Demikianlah Kami aturkan ta'bir kepada Yusuf. Sebenarnya dia tidak boleh menahan mengambil adiknya menurut undang-undang Raja."

Pengertian Ad-Din Mengikut Al-Qur'an

Ayat ini menggariskan pengertian kata-kata "ad-Din" di tempat ini dengan garisan yang amat halus. Ia dimaksudkan dengan pengertian peraturan dan undang-undang Raja, kerana peraturan dan undang-undang Raja tidak menghukumkan pencuri dengan menahannya sebagai balasan terhadap pencuriannya, kerana undang-undang menahan pencuri itu dari peraturan dan undang-undang agama Ya'kub, iaitu undang-undang yang telah dipersetujui oleh saudara-saudara Yusuf untuk menghukum mereka, lalu Yusuf mengenakan hukuman itu ke atas mereka apabila piala Raja itu didapati tersembunyi di dalam karung kenderaan adiknya. Al-Qur'an mengungkapkan peraturan dan undang-undang itu sebagai "ad-Din" (agama).

Pengertian Al-Qur'an yang amat jelas ini telah terluput di dalam jahiliyah abad dua puluh dari kefahaman seluruh manusia sama ada dari mereka yang bernama kaum Muslimin atau dari penganut-penganut jahiliyah.

Mereka hanya membataskan pengertian 'ad-Din" setakat kepercayaan-kepercayaan dan upacara-upacara ibadat sahaja. Mereka mengira setiap orang yang beriman kepada wahdaniyah Allah, beriman kepada Rasul, kepada malaikat, kitab-kitab suci, hari Akhirat qada' qadar baik dan buruknya serta menunaikan ibadat-ibadat yang diwajibkan sebagai orang yang masuk ke dalam "agama Allah" walaupun bagaimana patuhnya mereka tunduk dan bagaimana tingginya mereka mengi'tirafkan kuasa Hakimiyah atau kuasa pemerintahan kepada yang lain dari Allah, iaitu dari tuhan-tuhan palsu yang berbagai-bagai bentuk yang ada di bumi ini, sedangkan nas Al-Qur'an di sini menggariskan pengertian "agama Raja" sebagai peraturan dan undang-undang Raja, begitu juga pengertian "agama Allah" ialah sebagai peraturan dan undang-undang Allah.

Kini pengertian "agama Allah" telah menjadi kurus dan susut sehingga ia tidak lagi bererti melainkan sebagai kepercayaan-kepercayaan dan upacara-upacara ibadat sahaja di sisi khalayak ramai penganut-penganut budaya jahiliyah, tetapi ia tidak pernah diertikan begitu sejak agama ini datang (ke dunia ini) mulai Adam, Nuh hingga kepada Muhammad Salawatullahi wasalamu-Hu 'alayhim ajma'in.

Ia selama-lamanya diertikan sebagai keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dengan menjunjung peraturan dan undang-undang yang ditetapkan Allah dan menolak peraturan dan undang-undang yang diatur oleh yang lain dari Allah, serta menentukan sifat Uluhiyah kepada Allah S.W.T. sahaja baik di bumi mahupun di langit, juga menentukan sifat Rububiyah kepada Allah S.W.T. sahaja yang mengendalikan seluruh manusia, iaitu kuasa Hakimiyah-Nya, kuasa undang-undang dan peraturan-Nya dan kuasa pemerintahan-Nya. Yang selama-lamanya menjadi persimpangan jalan yang memisahkan di antara orang yang berada di dalam "agama Allah" dengan orang yang berada dalam "agama Raja" ialah golongan yang pertama mematuhi dan menta'ati peraturan Allah dan undang-undang-Nya sahaja, sedangkan golongan yang satu lagi mematuhi dan menta'ati peraturan dan undang-undang Raja atau mengambil sikap mempersekutukan Allah, iaitu mereka mematuhi dan menta'ati Allah dalam urusan i'tiqad dan upacara-upacara ibadat dan mematuhi dan menta'ati yang lain dari Allah dalam urusan peraturan dan undang-undang.

Ini adalah dari pengertian agama yang diketahui secara pasti atau dari pengertian 'aqidah Islamiah yang amat jelas.

Setengah orang yang mahu bersikap lembut terhadap orang ramai (Islam) pada hari ini cuba mencari alasan keuzuran yang memaafkan mereka iaitu mereka tidak mengetahui pengertian istilah" agama Allah" dan justeru itu mereka tidak mendesak dan berusaha supaya berhakimkan syari'at Allah sahaja dengan sifatnya sebagai pengertian "agama", dan kejahilan mereka terhadap pengertian agama itulah yang memaafkan mereka dari disifatkan sebagai pengikut jahiliyah yang mempersekutuikan Allah.

Saya tidak fikir bagaimana kejahilan mereka dari awal lagi terhadap hakikat agama ini boleh memasukkan mereka dalam lingkungan "agama ini".

Sebenarnya kepercayaan terhadap sesuatu itu merupakan hasil dari pengenalannya. Oleh itu apabila mereka tidak mengetahui hakikat sesuatu 'aqidah, maka bagaimana mereka boleh mempercayai? Bagaimana mereka dapat mengira diri mereka sebagai pendokong 'aqidah itu sedangkan mereka dari awal lagi tidak mengetahui pengertiannya?

Kejahilan yang seperti ini mungkin dapat melepaskan mereka dari hisab Akhirat atau diringankan 'azab mereka di sana, sedangkan

tanggungjawab dan dosa mereka akan dibebankan ke atas bahu pihak yang tidak mengajar kepada mereka hakikat yang sebenar agama ini iaitu ulamak-ulamak, tetapi ini adalah urusan perkara ghaib yang terserah kepada Allah sahaja. Perbahasan mengenai balasan Akhirat terhadap pengikut-pengikut jahiliyah umumnya itu tidaklah mempunyai faedah yang besar di sebaliknya dan perbahasan itu tidak perlu kepada kita manusia yang diseru kepada Islam di bumi ini.

Yang perlu kepada kita ialah menjelaskan hakikat agama yang dihayati orang ramai (Islam) pada hari ini dan secara pasti ia bukannya agama Allah kerana agama itu ialah peraturan dan undang-undangnya yang berlandaskan nas-nas Al-Qur'an yang jelas. Oleh itu sesiapa yang berada di bawah naungan peraturan dan syari'at Allah bererti dia berada di dalam "agama Allah", dan barang siapa berada di dalam peraturan dan undang-undang Raja, maka dia berada di dalam "agama Raja" dan hakikat ini tidak boleh dipertikaikan lagi.

Orang-orang yang jahil terhadap pengertian agama tidak mungkin percaya kepada agama ini, kerana kejahilan di sini melibatkan pokok hakikat asasi agama, dan orang yang jahil terhadap hakikat asasi agama itu tidak mungkin - dari segi akal dan realiti dianggap sebagai orang yang percaya kepadanya, kerana kepercayaan terhadap sesuatu itu merupakan hasil dari kefahaman dan pengenalan. Ini merupakan sesuatu yang badihi atau cukup jelas sekali.

Adalah lebih baik bagi kita - dari berusaha mempertahankan orang ramai yang berada di dalam lingkungan agama yang bukan agama Allah itu dan mencari alasan keuzuran yang memaafkan mereka serta cuba menjadi lebih kasihan belas terhadap mereka dari Allah yang telah menjelaskan pengertian agama-Nya dan batas-batasnya .... lebih baik bagi kita daripada semua usaha ini ialah kita harus mula berusaha memperkenalkan kepada orang ramai Islam hakikat pengertian "agama Allah" supaya mereka masuk ke dalam lingkungannya atau menolaknya.

Langkah ini adalah lebih baik bagi kita dan bagi orang ramai Islam, kerana langkah ini dapat melepaskan kita dari tanggungjawab terhadap kesesatan orang-orang yang jahil terhadap agama ini, yang mana akibat dari kejahilan itu menyebabkan mereka sebenarnya tidak menganut agama itu. Langkah ini juga lebih baik bagi orang ramai Islam kerana ia membawa mereka berdepan dengan hakikat kedudukan mereka yang sebenar, iaitu mereka berada di dalam "agama Raja" bukannya di dalam "agama Allah". Ini boleh menimbulkan satu kesedaran yang kuat yang boleh mengeluarkan mereka dari jahiliyah kepada Islam dan dari "agama Raja" kepada "agama Allah".

Demikianlah yang dilakukan oleh para rasul 'alaihim Salawatullah wasalamu-Hu dan demikianlah yang seharusnya dilakukan oleh para penda'wah kepada Allah dalam menghadapi jahiliyah di setiap zaman dan tempat.

Kemudian marilah kita kembali kepada kisah saudara-saudara Yusuf selepas menjelaskan ulasan yang pendek ini. Mereka kini sedang dilamun perasaan serba salah, dan perasaan inilah yang telah merangsangkan dendam kesumat mereka yang terpendam terhadap adik Yusuf dan terhadap Yusuf sendiri sebelum ini. Mereka mahu melepaskan diri mereka dari kehinaan dituduh mencuri dan menolaknya dari mereka, lalu mereka melontarkan tuduhan yang hina itu kepada anak-anak Ya'kub dari ibu yang lain:

إِن يَسْرِقْ فَقَدْ سَرَقَ أَخٌ لَّهُۥ مِن قَبْلُ

"Sekiranya dia (Bunyamin) mencuri, maka sesungguhnya saudaranya juga pernah mencuri sebelum ini."

Di sini timbullah berbagai-bagai riwayat dan pentafsiran menghuraikan tujuan perkataan mereka ini dengan mengemukakan bermacam-macam sebab, hikayat-hikayat dan dongeng-dongeng, seolah-olah saudara-saudara Yusuf itu tidak pernah berbohong sebelum itu kepada bapa mereka mengenai perbuatan mereka terhadap Yusuf, dan seolah-olah mereka tidak boleh berdusta kepada Perdana Menteri Mesir untuk menolak tuduhan yang menyerba salahkan kedudukan mereka dan untuk berlepas tangan dari Yusuf dan saudaranya yang mencuri, juga untuk melepaskan dendam kesumat mereka yang lama terhadap Yusuf dan adiknya.

Mereka terus menuduh Yusuf dan adiknya.

فَأَسَرَّهَا يُوسُفُ فِى نَفْسِهِۦ وَلَمْ يُبْدِهَا لَهُمْ

"Lalu Yusuf menyembunyikan (perbuatan itu) di dalam hatinya dan dia sama sekali tidak memperlihatkannya."

Yakni beliau menyembunyikan perbuatan itu dan menyimpankannya di dalam hatinya dan dia tidak memperlihatkan perasaannya terhadap perbuatan itu kerana dia tahu bahawa dia dan adiknya adalah bersih dari tuduhan itu, malah beliau berkata kepada mereka:

أَنتُمْ شَرٌّ مَّكَانًا

"Kamulah yang lebih buruk kedudukannya."

Yakni dengan tuduhan ini kedudukan kamu lebih buruk lagi di sisi Allah daripada orang yang dituduh. Ini adalah suatu pernyataan sebenar hakikat bukannya maki hamun.

وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَصِفُونَ ﴿٧٧﴾

"Dan Allah lebih mengetahui tentang apa yang diceritakan kamu itu"(77)

dan tentang hakikat apa yang dikatakan kamu. Dengan kata-kata ini beliau bermaksud menutup perdebatan mengenai tuduhan yang dilemparkan

mereka yang tidak ada sangkut paut dengan pokok pembicaraan.

Ketika itu mereka kembali semula mengenangkan keadaan serba salah yang dihadapi mereka dan mereka kembali terkenang kepada perjanjian dengan ayah mereka:

لَتَأْتُنَّنِي بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يُحَاطَ بِكُمْ

"Kamu pasti akan membawanya kembali kepadaku kecuali kamu dikepung (musuh)."

Lalu mereka meminta kasihan belas Yusuf atas nama bapa adik mereka yang sangat tua dan menawarkan kepada beliau supaya beliau menahan salah seorang dari mereka sebagai ganti jika beliau tidak mahu membebaskan adiknya, kerana kasihan belas kepada bapa mereka. Dalam permohonan itu mereka menggunakan kata-kata yang menyebut kebaikan-kebaikan dan kebaktian-kebaktian beliau untuk melembutkan hatinya:

قَالُوا۟ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْعَزِيزُ إِنَّ لَهُۥٓ أَبًا شَيْخًا كَبِيرًا فَخُذْ أَحَدَنَا مَكَانَهُۥٓ ۖ إِنَّا نَرَىٰكَ مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٧٨﴾

"Mereka berkata: Wahai Perdana Menteri! Dia mempunyai bapa yang sangat tua, oleh itu ambillah salah seorang dari kami sebagai gantinya. Sesungguhnya kami melihat engkau dari para Muhsinin."(78)

Tetapi Yusuf mahu memberi satu pengajaran kepada mereka. Beliau mahu menarik mereka kepada kejutan yang sedang disediakan beliau untuk mereka, untuk orang tuanya dan untuk semua orang supaya kesannya lebih mendalam dan kuat dirasakan di dalam hati mereka:

قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ أَن نَّأْخُذَ إِلَّا مَن وَجَدْنَا مَتَٰعَنَا عِندَهُۥٓ إِنَّآ إِذًا لَّظَٰلِمُونَ ﴿٧٩﴾

"Jawab Yusuf: Aku berlindung pada Allah dari mengambil seorang yang lain kecuali orang yang kami jumpai barang-barang kepunyaan kami di sisinya. Sesungguhnya - jika kami bertindak begitu - tentulah kami menjadi orang-orang yang zalim."(79)

Yusuf tidak berkata: Aku berlindung pada Allah dari mengambil seorang yang tidak bersalah melakukan pencurian, kerana beliau tahu bahawa adiknya bukannya pencuri, oleh sebab itulah beliau memilih ungkapan yang amat halus yang diceritakan oleh ayat ini dengan bahasa Arab yang halus: [3]

مَعَاذَ ٱللَّهِ أَن نَّأْخُذَ إِلَّا مَن وَجَدْنَا مَتَٰعَنَا عِندَهُۥٓ

"Aku berlindung pada Allah dari mengambil seorang yang lain kecuali orang yang kami jumpai barang-barang kepunyaan kami di sisinya."(79)

Inilah hakikat yang berlaku tanpa menambahkan apa-apa perkataan yang menguatkan tuduhan atau menafikannya.

إِنَّآ إِذًا لَّظَٰلِمُونَ ﴿٧٩﴾

"Jika bertindak begitu - tentulah kami menjadi orang-orang yang zalim"(79)

dan kami tidak mahu jadi orang-orang yang zalim.

Itulah kata-kata terakhir dalam situasi ini, dan mereka kini sedar bahawa permohonan tidak akan mendatangkan apa-apa faedah lalu mereka pun berundur sambil memikirkan kedudukan mereka yang serba salah apabila mereka balik berdepan dengan orang tua mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 80 - 101)

فَلَمَّا ٱسْتَيْـَٔسُوا۟ مِنْهُ خَلَصُوا۟ نَجِيًّا ۖ قَالَ كَبِيرُهُمْ أَلَمْ تَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ أَبَاكُمْ قَدْ أَخَذَ عَلَيْكُم مَّوْثِقًا مِّنَ ٱللَّهِ وَمِن قَبْلُ مَا فَرَّطتُمْ فِى يُوسُفَ ۖ فَلَنْ أَبْرَحَ ٱلْأَرْضَ حَتَّىٰ يَأْذَنَ لِىٓ أَبِىٓ أَوْ يَحْكُمَ ٱللَّهُ لِى ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿٨٠﴾

ٱرْجِعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَبِيكُمْ فَقُولُوا۟ يَٰٓأَبَانَآ إِنَّ ٱبْنَكَ سَرَقَ وَمَا شَهِدْنَآ إِلَّا بِمَا عَلِمْنَا وَمَا كُنَّا لِلْغَيْبِ حَٰفِظِينَ ﴿٨١﴾

وَسْـَٔلِ ٱلْقَرْيَةَ ٱلَّتِى كُنَّا فِيهَا وَٱلْعِيرَ ٱلَّتِىٓ أَقْبَلْنَا فِيهَا ۖ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿٨٢﴾

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا ۖ فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۖ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَأْتِيَنِى بِهِمْ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨٣﴾

وَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰٓأَسَفَىٰ عَلَىٰ يُوسُفَ وَٱبْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ ٱلْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ ﴿٨٤﴾

---

[3] *Yusuf boleh bercakap dalam bahasa 'Ibrani iaitu bahasa ibundanya dan boleh pula bercakap dengan bahasa Mesir tua, iaitu bahasa persekitarannya. Disini dapat difahami bahawa beliau bercakap dengan saudaranya dengan bahasa Mesir yang dapat difahami mereka atau diterjemahkannya kepada mereka.*

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ تَفْتَؤُا۟ تَذْكُرُ يُوسُفَ حَتَّىٰ تَكُونَ حَرَضًا أَوْ تَكُونَ مِنَ ٱلْهَٰلِكِينَ ﴿٨٥﴾

قَالَ إِنَّمَآ أَشْكُوا۟ بَثِّى وَحُزْنِىٓ إِلَى ٱللَّهِ وَأَعْلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٦﴾

يَٰبَنِىَّ ٱذْهَبُوا۟ فَتَحَسَّسُوا۟ مِن يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَا۟يْـَٔسُوا۟ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ لَا يَا۟يْـَٔسُ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٧﴾

فَلَمَّا دَخَلُوا۟ عَلَيْهِ قَالُوا۟ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْعَزِيزُ مَسَّنَا وَأَهْلَنَا ٱلضُّرُّ وَجِئْنَا بِبِضَٰعَةٍ مُّزْجَىٰةٍ فَأَوْفِ لَنَا ٱلْكَيْلَ وَتَصَدَّقْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ يَجْزِى ٱلْمُتَصَدِّقِينَ ﴿٨٨﴾

قَالَ هَلْ عَلِمْتُم مَّا فَعَلْتُم بِيُوسُفَ وَأَخِيهِ إِذْ أَنتُمْ جَٰهِلُونَ ﴿٨٩﴾

قَالُوٓا۟ أَءِنَّكَ لَأَنتَ يُوسُفُ ۖ قَالَ أَنَا۠ يُوسُفُ وَهَٰذَآ أَخِى ۖ قَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّهُۥ مَن يَتَّقِ وَيَصْبِرْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٩٠﴾

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ لَقَدْ ءَاثَرَكَ ٱللَّهُ عَلَيْنَا وَإِن كُنَّا لَخَٰطِـِٔينَ ﴿٩١﴾

"Apabila mereka berputus asa dari keputusannya (Yusuf), mereka pun mengasingkan diri berbisik-bisik sesama mereka. Ujar saudara tertua mereka: Tidakkah kamu mengetahui bahawa bapa kamu telah mengikat janji dengan kamu atas nama Allah dan sebelum ini kamu telah pun mengabaikan (janji) kamu dengannya terhadap Yusuf. Oleh sebab itu aku tidak akan kembali meninggalkan negeri Mesir sehingga bapaku mengizinkan kepadaku atau Allah menentukan keputusannya terhadapku dan Dialah seadil-adil Pengadil(80). Kembalilah kamu kepada bapa kamu dan katakanlah: Wahai bapa kami! Sesungguhnya anakmu telah mencuri dan kami hanya menyaksikan apa yang telah kami ketahui dan sesungguhnya kami tidak dapat menjaga perkara yang ghaib(81). Dan tanyalah penduduk negeri tempat kami tinggal dan kafilah yang kami datang bersamanya dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bercakap benar(82). Jawab Ya'kub: Bahkan kamu telah dihasut nafsu kamu untuk melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan sabar) dengan kesabaran yang sebaik-baiknya. Semoga Allah membawa semua mereka kepadaku, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(83). Dan dia (Ya'kub) berpaling dari mereka seraya berkata: Alangkah dukanya hatiku terhadap Yusuf dan kedua matanya menjadi putih kerana dukacita. Dan dia amat tabah memendam duka nestapa(84). Ujar mereka: Demi Allah, bapa masih terus terkenangkan Yusuf sehingga bapa akan menghidap penyakit atau termasuk dalam golongan orang-orang yang binasa(85). Jawab Ya'kub: Sesungguhnya kepada Allah sahaja aku mengadukan kesusahan dan kedukacitaanku dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu(86). Wahai anak-anakku! Pergilah kamu mencari berita Yusuf dan adiknya dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya tiada yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan golongan orang-orang yang kafir(87). Maka apabila mereka masuk menemui Yusuf, mereka berkata: Wahai Perdana Menteri! Kami dan keluarga kami telah ditimpa kesengsaraan dan kami membawa barang-barang penukar yang tidak berharga, oleh itu sempurnakanlah sukatan makanan untuk kami dan bersedekahlah kepada kami, sesungguhnya Allah memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersedekah(88). Ujar Yusuf: Adakah kamu mengetahui perbuatan yang telah kamu lakukan terhadap Yusuf dan adiknya ketika kamu masih jahil?(89). Mereka bertanya: Apakah engkau sebenarnya Yusuf. Jawab Yusuf: Ya, akulah Yusuf dan inilah adikku. Allah telah melimpahkan kurnia-Nya ke atas kami. Sesungguhnya barang siapa yang bertaqwa dan bersabar, maka Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Muhsinin(90). Ujar mereka: Sesungguhnya Allah telah mengutamakan engkau di atas kami dan sesungguhnya kami selama ini adalah orang-orang yang bersalah".(91)

قَالَ لَا تَثْرِيبَ عَلَيْكُمُ ٱلْيَوْمَ ۖ يَغْفِرُ ٱللَّهُ لَكُمْ ۖ وَهُوَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٩٢﴾

ٱذْهَبُوا۟ بِقَمِيصِى هَٰذَا فَأَلْقُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِى يَأْتِ بَصِيرًا وَأْتُونِى بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

وَلَمَّا فَصَلَتِ ٱلْعِيرُ قَالَ أَبُوهُمْ إِنِّى لَأَجِدُ رِيحَ يُوسُفَ ۖ لَوْلَآ أَن تُفَنِّدُونِ ﴿٩٤﴾

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ إِنَّكَ لَفِى ضَلَٰلِكَ ٱلْقَدِيمِ ﴿٩٥﴾

فَلَمَّآ أَن جَآءَ ٱلْبَشِيرُ أَلْقَىٰهُ عَلَىٰ وَجْهِهِۦ فَٱرْتَدَّ بَصِيرًا ۖ قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

قَالُوا۟ يَٰٓأَبَانَا ٱسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَآ إِنَّا كُنَّا خَٰطِـِٔينَ ﴿٩٧﴾

قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّيٓ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٩٨﴾
فَلَمَّا دَخَلُوا۟ عَلَىٰ يُوسُفَ ءَاوَىٰٓ إِلَيْهِ أَبَوَيْهِ وَقَالَ ٱدْخُلُوا۟ مِصْرَ إِن شَآءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ ﴿٩٩﴾
وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى ٱلْعَرْشِ وَخَرُّوا۟ لَهُۥ سُجَّدًا ۖ وَقَالَ يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأْوِيلُ رُءْيَٰىَ مِن قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّى حَقًّا ۖ وَقَدْ أَحْسَنَ بِىٓ إِذْ أَخْرَجَنِى مِنَ ٱلسِّجْنِ وَجَآءَ بِكُم مِّنَ ٱلْبَدْوِ مِنۢ بَعْدِ أَن نَّزَغَ ٱلشَّيْطَٰنُ بَيْنِى وَبَيْنَ إِخْوَتِىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى لَطِيفٌ لِّمَا يَشَآءُ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٠٠﴾
رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِىِّۦ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

"Jawab Yusuf: Hari ini tiada sebarang kecaman lagi terhadap kamu. Semoga Allah memberi keampunan kepada kamu dan Dialah Yang Maha Pengasih di antara para pengasih(92). Pergilah kamu membawa bajuku ini dan letakkannya di atas wajah bapaku nescaya dia dapat melihat kembali dan bawalah semua keluarga kamu kepadaku(93). Dan apabila kafilah itu bertolak, berkatalah bapa mereka: Sesungguhnya aku mencium bau Yusuf jika kamu tidak menuduhku nyanyuk(94). Jawab mereka: Demi Allah, sesungguhnya bapa masih dalam kekeliruan yang lama(95). Dan apabila pembawa berita gembira itu tiba dia pun meletakkan baju Yusuf di atas wajah Ya'kub lalu dia pun terus dapat melihat kembali. Ujar Ya'kub: Bukankah aku telah katakan bahawa aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu?(96). Mereka berkata: Wahai bapa kami! Pohonkanlah untuk kami keampunan terhadap dosa-dosa kami. Sesungguhnya kami selama ini adalah orang-orang yang bersalah(97). Jawab Ya'kub: Aku akan memohon kepada Tuhanku supaya memberi keampunan kepada kamu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(98). Dan apabila mereka masuk menemui Yusuf dia pun memeluk dua ibu bapanya dan berkata: Silalah masuk ke negeri Mesir Insya Allah dalam keadaan aman sentosa(99). Dan dia mengangkatkan kedua ibu bapanya ke atas singgahsana dan sekalian mereka merebahkan diri sujud kepada Yusuf, lalu ia berkata: Wahai bapaku! Inilah ta'bir mimpiku sebelum ini. Sesungguhnya Tuhanku telah menjadikan mimpi itu suatu kenyataan. Dan sesungguhnya Tuhanku telah mengurniakan layanan yang sebaik-baiknya kepadaku apabila Dia mengeluarkanku dari penjara dan membawa kamu ke mari dari desa Sahara setelah syaitan merosakkan hubungan di antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Halus terhadap sesuatu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(100). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian dari kuasa pemerintahan dan Engkau telah mengajarkanku sebahagian dari ta'bir mimpi. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi, Engkaulah Pelindungku di dunia dan di Akhirat. (Wahai Tuhanku!) Wafatkanku sebagai seorang Muslim dan gabungkanku dengan para Solehin".(101)

(Pentafsiran ayat-ayat 80 - 82)

Saudara-saudara Yusuf akhirnya berputus asa dalam percubaan mereka untuk menyelamatkan adik bongsu mereka, lalu mereka pun bersurai dari majlisnya dan mengadakan satu majlis perbincangan sesama mereka. Di dalam adegan ini mereka sedang berbincang. Al-Qur'an tidak menyebut semua percakapan mereka, malah hanya menyebut perkataan terakhir sahaja yang membayangkan keputusan yang telah dicapai mereka:

فَلَمَّا ٱسْتَيْـَٔسُوا۟ مِنْهُ خَلَصُوا۟ نَجِيًّا ۖ قَالَ كَبِيرُهُمْ أَلَمْ تَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ أَبَاكُمْ قَدْ أَخَذَ عَلَيْكُم مَّوْثِقًا مِّنَ ٱللَّهِ وَمِن قَبْلُ مَا فَرَّطتُمْ فِى يُوسُفَ ۖ فَلَنْ أَبْرَحَ ٱلْأَرْضَ حَتَّىٰ يَأْذَنَ لِىٓ أَبِىٓ أَوْ يَحْكُمَ ٱللَّهُ لِى ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿٨٠﴾
ٱرْجِعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَبِيكُمْ فَقُولُوا۟ يَٰٓأَبَانَآ إِنَّ ٱبْنَكَ سَرَقَ وَمَا شَهِدْنَآ إِلَّا بِمَا عَلِمْنَا وَمَا كُنَّا لِلْغَيْبِ حَٰفِظِينَ ﴿٨١﴾
وَسْـَٔلِ ٱلْقَرْيَةَ ٱلَّتِى كُنَّا فِيهَا وَٱلْعِيرَ ٱلَّتِىٓ أَقْبَلْنَا فِيهَا ۖ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿٨٢﴾

"Apabila mereka berputus asa dari keputusannya (Yusuf), mereka pun mengasingkan diri berbisik-bisik sesama mereka. Ujar saudara tertua mereka: Tidakkah kamu mengetahui bahawa bapa kamu telah mengikat janji dengan kamu atas nama Allah dan sebelum ini kamu telah pun mengabaikan (janji) kamu dengannya terhadap Yusuf. Oleh sebab itu aku tidak akan kembali meninggalkan negeri Mesir sehingga bapaku mengizinkan kepadaku atau Allah menentukan keputusan-Nya terhadapku dan Dialah seadil-adil Pengadil(80). Kembalilah kamu kepada bapa kamu dan katakanlah: Wahai bapa kami! Sesungguhnya anakmu telah mencuri dan kami hanya menyaksikan apa yang telah kami ketahui dan sesungguhnya kami tidak dapat menjaga perkara yang ghaib(81). Dan tanyalah penduduk negeri tempat kami tinggal dan kafilah yang kami datang bersamanya, dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bercakap benar."(82)

Saudara tertua mereka mengingatkan mereka tentang perjanjian mereka dengan bapa mereka di samping mengingatkan mereka tentang kegagalan mereka memenuhi perjanjian mereka terhadap Yusuf sebelum ini. Dia membandingkan perjanjian ini dengan perjanjian dahulu, kemudian dia membuat keputusannya yang tegas iaitu dia tidak akan meninggalkan negeri Mesir dan tidak akan mengadap bapanya kecuali dia diizinkan olehnya atau Allah menentukan sesuatu keputusan-Nya terhadapnya dan dia bersedia menerima dan mematuhinya.

Mengenai saudara-saudaranya yang lain, dia meminta mereka pulang kepada ayah mereka dan menceritakan dengan terus terang bahawa anaknya telah mencuri dan dia kini telah ditahan kerana pencurian itu. Itulah yang diketahui dan disaksikan mereka. Sekiranya ia tidak bersalah dan di sana ada sesuatu yang tidak diketahui di sebalik yang zahir ini, maka mereka tidak mengawal perkara yang ghaib. Begitu juga mereka sama sekali tidak menduga bahawa perkara yang seperti itu boleh berlaku. Bagi mereka perkara ini adalah suatu perkara ghaib dan mereka sememangnya tidak dapat menjaga perkara yang ghaib. Jika bapa mereka meragui perkataan mereka, maka hendaklah dia bertanya penduduk negeri tempat mereka berada, iaitu ibu kota negeri Mesir. Istilah "القرية" ialah sebuah bandar yang besar, dan hendaklah dia bertanya kafilah yang mereka datang bersamanya kerana mereka bukannya bersendirian, malah di sana terdapat banyak kafilah yang datang ke Mesir untuk mendapatkan bekalan makanan pada tahun-tahun kemarau itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 87)

Al-Qur'an tidak menceritakan perjalanan pulang mereka sehingga ia meletakkan mereka dalam satu adegan pertemuan dengan bapa mereka yang sedang bersedih setelah mereka menyampaikan kepadanya berita yang buruk itu. Kita hanya mendengar jawapannya yang pendek, sayu dan sedih, tetapi di sebaliknya terbayang harapan yang tidak pernah putus terhadap Allah agar dia memulangkan kembali kedua orang anaknya atau ketiga-tiga orang anaknya iaitu termasuk anaknya yang tertua yang telah bersumpah tidak akan meninggalkan negeri Mesir sehingga Allah menentukan suatu keputusan terhadapnya. Itulah harapan yang menarik yang tersemat di dalam hati (orang tua) yang sedih itu:

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَأْتِيَنِي بِهِمْ جَمِيعًا إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨٣﴾

"Jawab Ya'kub: Bahkan kamu telah dihasut nafsu kamu untuk melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan sabar) dengan kesabaran yang sebaik-baiknya. Semoga Allah membawa semua mereka kepadaku, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(83)

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ

"Bahkan kamu telah dihasut nafsu kamu untuk melakukan sesuatu. Oleh itu (aku akan sabar) dengan yang sebaik-baiknya."

Kata-kata yang sama juga diucapkan oleh beliau pada hari hilangnya Yusuf, tetapi pada kali ini ia menambahkan suatu harapan semoga Allah mengembalikan Yusuf dan adiknya semula kepada beliau, juga anak tertuanya yang seorang lagi yang masih berada di negeri Mesir.

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨٣﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(83)

Yakni mengetahui keadaan dirinya dan segala apa yang ada di sebalik peristiwa-peristiwa dan ujian-ujian itu dan Allah mengadakan sesuatu mengikut waktunya yang sesuai, iaitu ketika terserlah kebijaksanaan-Nya di dalam susunan sebab dan natijah.

Dari manakah cahaya ini masuk ke dalam hati orang tua ini? Itulah cahaya dari harapan yang kukuh terhadap Allah dan hubungan yang teguh dengan Allah. Itulah cahaya dari kesedaran yang tinggi terhadap kewujudan dan rahmat Allah. Itulah kesedaran yang lahir di dalam hati manusia-manusia pilihan Allah, di mana kesedaran itu menjadi lebih benar dan lebih mendalam dari kenyataan yang dapat dirasa dengan tangan dan dilihat oleh mata.

وَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰٓأَسَفَىٰ عَلَىٰ يُوسُفَ وَٱبْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ ٱلْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ ﴿٨٤﴾

"Dia (Ya'kub) berpaling dari mereka seraya berkata: Alangkah dukanya hatiku terhadap Yusuf, dan kedua matanya menjadi putih kerana dukacita. Dan dia amat tabah memendam duka nestapa."(84)

Itulah gambaran yang mengharukan bagi seorang bapa yang sedang bersedih. Dia merasa bersendirian dengan duka nestapanya dan merasa keseorangan dengan penderitaan yang dialaminya, sedangkan hati-hati mereka yang berada di sekelilingnya tidak berkongsi dan bersimpati dengannya. Justeru itulah beliau mengasingkan diri meratapi duka nestapanya terhadap anak kesayangannya Yusuf yang tidak pernah dilupainya walaupun telah dilalui tahun-tahun yang lama, dan kenangan itu telah dibongkarkan kembali oleh peristiwa baru yang menimpa adik Yusuf pula dan menyebabkan kesabarannya yang baik itu tewas.

يَٰٓأَسَفَىٰ عَلَىٰ يُوسُفَ

"Alangkah dukanya hatiku terhadap Yusuf"

Orang tua ini terus memendamkan kedukacitaan dengan tabah hingga menjejaskan kesihatan sarafnya dan menyebabkan mata beliau menjadi putih kerana terlalu lama bersedih:

وَٱبۡيَضَّتۡ عَيۡنَاهُ مِنَ ٱلۡحُزۡنِ فَهُوَ كَظِيمٞ ﴿٨٤﴾

"Dan kedua matanya menjadi putih kerana dukacita dan dia amat tabah memendam duka nestapa."(84)

Dendam kesumat anak-anaknya telah sampai ke tahap di mana mereka tidak lagi merasa kasihan belas terhadap penderitaan beliau. Kerinduan dan duka nestapa beliau yang terpendam terhadap Yusuf itu sama sekali tidak mencubit hati mereka. Mereka tidak cuba menghibur dan menyenangkan hati beliau dan mereka tidak pernah menimbulkan harapan-harapan kepada beliau, malah mereka mahu menghapuskan cahaya harapan yang akhir itu dari hati beliau:

قَالُواْ تَٱللَّهِ تَفۡتَؤُاْ تَذۡكُرُ يُوسُفَ حَتَّىٰ تَكُونَ حَرَضًا أَوۡ تَكُونَ مِنَ ٱلۡهَٰلِكِينَ ﴿٨٥﴾

"Ujar mereka: Demi Allah, bapa masih terus terkenangkan Yusuf sehingga bapa akan menghidap penyakit atau termasuk dalam golongan orang-orang yang binasa."(85)

Itulah kata-kata yang membayangkan dendam dan kecaman. Demi Allah ayah masih terus ingatkan Yusuf dan masih terus berdukacita kerananya sehingga ayah dilarut dukacita atau mati kerana sedih tanpa suatu faedah. Tiada harapan terhadap Yusuf. Dia telah pergi dan tidak akan kembali lagi!

Tetapi orang tua itu menjawab perkataan mereka supaya mereka tinggalkan beliau kepada Allah sahaja kerana beliau tidak pernah merayu kepada sesiapa dari makhluk Allah. Beliau mempunyai hubungan yang kukuh dengan Allah yang berlainan dari hubungan mereka dan beliau mengetahui dari hakikat Allah apa yang tidak diketahui mereka:

قَالَ إِنَّمَآ أَشۡكُواْ بَثِّي وَحُزۡنِيٓ إِلَى ٱللَّهِ وَأَعۡلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٨٦﴾

"Jawab Ya'kub: Sesungguhnya kepada Allah sahaja aku mengadukan kesusahan dan kedukacitaanku dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu."(86)

Dalam ungkapan ini terserlah kesedaran terhadap hakikat Uluhiyah dalam hati orang tua yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah sebagaimana hakikat itu sendiri telah terserlah dengan cemerlang dan gilang-gemilang.

Peristiwa kehilangan Yusuf yang amat mendukacitakan itu dan lama masa penderitaan yang dialaminya hingga memutuskan harapan terhadap kemungkinan hidupnya Yusuf, apatah lagi kemungkinan kembalinya semula kepada orang tuanya, juga kecaman anak-anaknya terhadap beliau kerana masih menaruh harapan walaupun ia telah berlalu sekian lama di hadapan realiti yang berat ini... semuanya ini tidak menjejaskan kesedaran dan keinsafan orang tua yang soleh ini terhadap Allah. Beliau mengetahui hakikat tuhannya dan urusan-Nya yang tidak diketahui oleh anak-anaknya yang dihijab dari hakikat itu dengan realiti yang kecil yang dapat dilihat itu.

Inilah nilai keimanan kepada Allah dan nilai ma'rifat dengan-Nya dengan ma'rifat yang sedemikian rupa iaitu ma'rifat tajalli dan syuhud di samping ma'rifat terhadap qudrat dan takdir perencanaan-Nya dan pengalaman terhadap rahmat dan ri'ayah Allah, juga kefahaman terhadap hakikat urusan Uluhiyah dan hubungannya dengan para hamba-Nya yang soleh.

Kata-kata yang berbunyi:

وَأَعۡلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٨٦﴾

"Dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu"(86)

menjelaskan hakikat ini dengan kejelasan yang tidak dapat dijelaskan dengan kata-kata kita manusia. Ia melahirkan sejenis perasaan yang hanya dapat dirasakan oleh orang yang pernah merasakannya dan orang yang seperti inilah sahaja yang dapat memahami apakah maksud kata-kata tadi di dalam hati Ya'kub hamba yang soleh itu.

Hati yang pernah merasa perasaan ini tidak dapat dijejaskan oleh kesusahan-kesusahan dan malapetaka-malapetaka biar bagaimana hebatnya sekali pun, malah hati ini semakin mendapat pengalaman, pandangan dan perasaan yang lebih mendalam lagi.

Kami tidak berupaya menambahkan sesuatu, tetapi kami bersyukur atas limpah kurnia Allah kepada kami mengenai perkara ini dan kami tinggalkan hubungan yang wujud di antara kami dengan Allah itu mengikut sebagaimana yang diketahui dan dilihat oleh Allah S.W.T.

Kemudian Ya'kub menyuruh anak-anak mereka supaya pergi mencari berita Yusuf dan adiknya dan jangan berputus asa dari rahmat Allah untuk mendapatkan kedua mereka, kerana rahmat Allah itu amat luas dan pertolongan-Nya sentiasa dinanti.

Itulah perasaan hati orang yang berhubung rapat dengan Allah.

يَٰبَنِيَّ ٱذۡهَبُواْ فَتَحَسَّسُواْ مِن يُوسُفَ وَأَخِيهِ

"Wahai anakku! Pergilah kamu mencari berita Yusuf dan adiknya."

Yakni carilah dengan pancaindera kamu dengan hati-hati dan sabar tanpa berputus asa dari pertolongan dan rahmat Allah. Kata-kata "روح" menyarankan pengertian yang amat halus dan seni lagi kerana dalam kata-kata itu terdapat bayangan

makna keselesaan dan kelegaan dari kesusahan yang mencemas dan mencekikkan itu apabila jiwa telah dipupuk oleh hembusan bayu rahmat Allah yang lembut sepoi-sepoi bahasa:

إِنَّهُۥ لَا يَاْيْـَٔسُ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٧﴾

"Kerana sesungguhnya tiada yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan golongan orang-orang yang kafir."(87)

Tetapi orang-orang yang beriman yang mempunyai hati yang berhubung mesra dengan Allah dan mempunyai kelegaan dan keselesaan yang dipupuk oleh bayu (rahmat) Allah yang sepoi-sepoi bahasa dan meni'mati hembusan-hembusan yang mesra dan lembut, mereka tidak berputus asa dari rahmat Allah walaupun mereka dikepung oleh kesusahan dan penderitaan, kerana orang yang beriman itu sentiasa berada di dalam kelegaan dan keselesaan di bawah naungan imannya dan sentiasa berada dalam hubungan mesra dengan Allah, di samping berada di dalam ketenteraman kerana keyakinannya kepada Allah apabila ia berada di dalam kesusahan dan penderitaan yang mencemaskan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 93)

Mimpi Yusuf Menjadi Kenyataan

Kemudian saudara-saudara Yusuf masuk ke negeri Mesir bagi kali yang ketiga, mereka telah menderita kebuluran dan kehabisan wang. Mereka hanya membawa barang-barang penukar yang tidak berharga yang masih ada di sisi mereka untuk membeli bekalan makanan. Mereka masuk menemui Yusuf dengan nada yang rendah diri yang belum pernah berlaku di dalam percakapan-percakapan mereka sebelum ini. Mereka mengadu ditimpa kebuluran. Ini membuktikan bahawa mereka telah mendapat pengajaran dari hari-hari yang telah berlalu.

فَلَمَّا دَخَلُوا۟ عَلَيْهِ قَالُوا۟ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْعَزِيزُ مَسَّنَا وَأَهْلَنَا ٱلضُّرُّ وَجِئْنَا بِبِضَٰعَةٍ مُّزْجَىٰةٍ فَأَوْفِ لَنَا ٱلْكَيْلَ وَتَصَدَّقْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ يَجْزِى ٱلْمُتَصَدِّقِينَ ﴿٨٨﴾

"Maka apabila mereka masuk menemui Yusuf, mereka berkata: Wahai Perdana Menteri! Kami dan keluarga kami telah ditimpa kesengsaraan dan kami membawa barang-barang penukar yang tidak berharga, oleh itu sempurnakanlah sukatan makanan untuk kami dan bersedekahlah kepada kami, sesungguhnya Allah memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersedekah."(88)

Apabila keadaan mereka sudah sampai kepada tahap meminta belas kasihan, merayu menderita dan menunjukkan rendah diri, maka Yusuf tidak sampai hati lagi untuk terus berlagak sebagai Perdana Menteri dan menyembunyikan hakikat dirinya kepada mereka. Kini pelajaran-pelajaran (pahit) telah berakhir dan waktu kejutan besar telah pun tiba, iaitu kejutan yang tidak pernah terlintas di hati mereka. Tetapi Yusuf mengambil jalan yang lembut untuk membongkarkan hakikat itu kepada mereka. Beliau membawa mereka kembali ke zaman silam yang amat jauh yang hanya diketahui oleh mereka sahaja dan tiada siapa pun yang mengetahui melainkan Allah:

قَالَ هَلْ عَلِمْتُم مَّا فَعَلْتُم بِيُوسُفَ وَأَخِيهِ إِذْ أَنتُمْ جَٰهِلُونَ ﴿٨٩﴾

"Ujar Yusuf: Adakah kamu mengetahui perbuatan yang telah kamu lakukan terhadap Yusuf dan adiknya ketika kamu masih jahil."(89)

Dalam telinga mereka berdengung sebuah suara yang mungkin membangkitkan kenangan mereka kepada nada suara Yusuf, dan dalam benak mereka ternampak bayangan-bayangan rupa Yusuf yang mungkin tidak diperhati oleh mereka ketika mereka memandang beliau dalam gaya seorang Perdana Menteri dengan segala tanda-tanda kebesaran dan sifat-sifatnya, dan dalam hati mereka terpancar suatu ingatan yang lama:

قَالُوٓا۟ أَءِنَّكَ لَأَنتَ يُوسُفُ ۖ

"Mereka bertanya: Apakah engkau sebenarnya Yusuf."

Benarkah engkau Yusuf? Kini hati anggota-anggota dan telinga mereka dapat menangkap dan mengecam rupa paras Yusuf di zaman kecil pada rupa paras beliau yang telah menjadi orang besar itu.

قَالَ أَنَا۠ يُوسُفُ وَهَٰذَآ أَخِى ۖ قَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّهُۥ مَن يَتَّقِ وَيَصْبِرْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٩٠﴾

"Jawab Yusuf: Ya, akulah Yusuf dan inilah adikku. Allah telah melimpahkan kurnia-Nya ke atas kami. Sesungguh barang siapa yang bertaqwa dan bersabar, maka Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Muhsinin."(90)

Satu pengumuman yang memeranjat dan menarik yang dikemukakan Yusuf kepada mereka di samping mengingatkan dengan ringkas perbuatan mereka terhadap Yusuf dan adiknya ketika didorong oleh kejahilan dan selepas itu beliau tidak menambah apa-apa melainkan sekadar menyebut limpah kurnia Allah kepada beliau dan adiknya dan menyatakan bahawa punca limpah kurnia itu ialah taqwa, kesabaran dan keadilan pembalasan Allah.

Bagi saudara-saudara beliau, mereka semua telah ternampak di dalam hati dan mata mereka gambaran perbuatan mereka yang jahat terhadap Yusuf dan mereka diselubungi perasaan kecewa dan malu ketika berdepan dengan Yusuf yang telah memberi layanan yang baik kepada mereka walaupun mereka telah bertindak jahat terhadap beliau. Beliau telah memperlihatkan kesabaran beliau terhadap perbuatan mereka yang buruk kerana kejahilan mereka. Beliau telah menunjukkan sikap yang murah hati terhadap mereka walaupun mereka telah menunjukkan sikap yang kejam terhadap beliau:

قَالُوا۟ تَٱللَّهِ لَقَدْ ءَاثَرَكَ ٱللَّهُ عَلَيْنَا وَإِن كُنَّا لَخَٰطِـِٔينَ ﴿٩١﴾

"Ujar mereka: Sesungguhnya Allah telah mengutamakan engkau di atas kami dan sesungguhnya kami selama ini adalah orang-orang yang bersalah."(91)

Itulah pengakuan bersalah dan berdosa dari mereka dan itulah pengakuan mereka terhadap kelebihan yang mereka lihat telah dikurniakan Allah kepada Yusuf, iaitu kelebihan mendapat kedudukan yang tinggi, bersifat sabar, taqwa dan ihsan. (Perbuatan mereka yang jahat itu) telah dibalas oleh Yusuf dengan memberi kemaafan, keampunan dan menamatkan keadaan yang memalukan itu. Itulah sifat lelaki yang mulia. Kini Yusuf telah berjaya dalam ujian dengan ni'mat kesenangan sebagaimana beliau telah berjaya dalam ujian dengan bala kesusahan. Sesungguhnya Yusuf benar-benar dari golongan para Muhsinin.

قَالَ لَا تَثْرِيبَ عَلَيْكُمُ ٱلْيَوْمَ ۖ يَغْفِرُ ٱللَّهُ لَكُمْ ۖ وَهُوَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٩٢﴾

"Jawab Yusuf: Hari ini tiada sebarang kecaman lagi terhadap kamu. Semoga Allah memberi keampunan kepada kamu dan Dialah Yang Maha Pengasih di antara para pengasih."(92)

Yakni hari ini tiada lagi celaan dan tempelakan terhadap kamu. Perasaan marahku telah berakhir dan tidak lagi berakar (dalam hatiku) dan Allah jua yang memberi keampunan kepada kamu dan Dialah Yang Maha Pengasih di antara para pengasih. Kemudian Yusuf mengalih pembicaraannya kepada persoalan yang lain, iaitu persoalan ayahnya yang telah keputihan mata kerana duka nestapa. Beliau mahu menyampaikan berita gembira kepadanya dengan segera, mahu bertemu dengannya dengan segera dan seterusnya beliau mahu menghapuskan dengan segera segala duka nestapa yang terlekat di dalam hatinya dan kemeranaan yang menimpa tubuh badannya dan kekaburan yang menimpa matanya:

ٱذْهَبُوا۟ بِقَمِيصِى هَٰذَا فَأَلْقُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِى يَأْتِ بَصِيرًا وَأْتُونِى بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

"Pergilah kamu membawa bajuku ini dan letakkannya di atas wajah bapaku nescaya dia dapat melihat kembali dan bawalah semua keluarga kamu kepadaku."(93)

Bagaimana Yusuf dapat mengetahui bahawa baunya akan mengembalikan penglihatan bapanya yang kabur? Itulah rahsia yang telah diajarkan Allah kepadanya. Suatu berita yang memeranjatkan itu seringkali dapat melakukan mu'jizat-mu'jizat. Dan mengapa pula kejadian itu tidak merupakan mu'jizat, sedangkan Yusuf seorang nabi dan Rasul, dan Ya'kub juga seorang nabi dan Rasul?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 94 - 98)

Sejak sebentar tadi kita telah berdepan satu demi satu dengan peristiwa luar dugaan yang memeranjatkan di dalam kisah ini, dan adegan-adegannya yang menarik itu berakhir dengan ta'bir mimpi Yusuf yang dilihatnya sewaktu beliau masih kecil.

وَلَمَّا فَصَلَتِ ٱلْعِيرُ قَالَ أَبُوهُمْ إِنِّى لَأَجِدُ رِيحَ يُوسُفَ ۖ لَوْلَآ أَن تُفَنِّدُونِ ﴿٩٤﴾

"Dan apabila kafilah itu bertolak, berkatalah bapa mereka: Sesungguhnya aku mencium bau Yusuf jika kamu tidak menuduhku nyanyuk."(94)

Segala sesuatu boleh diterima kecuali bau Yusuf kerana tiada siapa dari mereka yang terlintas di dalam hatinya bahawa Yusuf masih hidup setelah dilalui masa yang sekian lama itu dan bahawa beliau mempunyai bau yang dapat diciumkan oleh orang tua yang telah padam penglihatannya itu.

Sesungguhnya aku benar-benar menghidu bau Yusuf. Jika kamu tidak menyifatkan kata-kataku ini sebagai kata-kata orang tua yang nyanyuk tentulah kamu turut percaya kepada cakapku bahawa aku mencium bau orang hilang yang jauh itu.

Bagaimana Ya'kub dapat mencium bau Yusuf sejak kafilah itu bertolak dan di mana kafilah itu bertolak? Setengah-setengah Mufassirin berpendapat bahawa maksudnya ialah sejak kafilah itu bertolak meninggalkan negeri Mesir dan dari tempat yang jauh inilah Ya'kub dapat mencium bau baju Yusuf, tetapi pendapat itu tidak mempunyai apa-apa dalil. Mungkin juga dimaksudkan dengan bertolak itu ialah kafilah itu bertolak di persimpangan-persimpangan di negeri Kan'an menuju ke kampung Ya'kub tidak beberapa jauh dari situ.

Dengan penjelasan ini kami tidak bertujuan menafikan bahawa mu'jizat yang seperti ini mungkin berlaku kepada seorang nabi seperti Ya'kub dan kepada seorang nabi seperti Yusuf, malah maksud kami yang sebenar di sini ialah kami ingin berhenti setakat garis yang dibataskan oleh pengertian nas Al-Qur'an atau oleh riwayat yang mempunyai sanad yang sahih sahaja, kerana di sana tiada terdapat satu riwayat yang mempunyai sanad yang sahih mengenai

perkara ini, sedangkan pengertian nas Al-Qur'an tidak memberi saranan sejauh yang dikehendaki oleh para Mufassirin.

Tetapi keluarga yang ada di sekeliling Ya'kub tidak mempunyai kedudukan yang sama dengan kedudukan Ya'kub di sisi Allah. Oleh sebab itulah mereka tidak dapat mencium bau Yusuf:

قَالُواْ تَٱللَّهِ إِنَّكَ لَفِي ضَلَٰلِكَ ٱلۡقَدِيمِ ﴿٩٥﴾

"Jawab mereka: Demi Allah, sesungguhnya bapa masih dalam kekeliruan yang lama."(95)

yakni berada di dalam kekeliruan engkau yang biasa terhadap (kewujudan) Yusuf dan kekeliruan engkau menunggu-nunggu kepulangannya, sedangkan dia telah hilang dan tidak akan kembali lagi.

Tetapi peristiwa luar dugaan yang jauh itu telah berlaku, kemudian diiringi pula oleh peristiwa luar dugaan yang lain pula:

فَلَمَّآ أَن جَآءَ ٱلۡبَشِيرُ أَلۡقَىٰهُ عَلَىٰ وَجۡهِهِۦ فَٱرۡتَدَّ بَصِيرٗاۖ

"Dan apabila pembawa berita gembira itu tiba dia pun meletakkan baju Yusuf di atas wajah Ya'kub lalu dia pun terus dapat melihat kembali."

Yang menjadi peristiwa luar dugaan di sini ialah baju yang menandakan Yusuf masih hidup dan dia tidak lama lagi akan bertemu dengannya, dan peristiwa luar dugaan (yang kedua) ialah Nabi Ya'kub dapat melihat kembali setelah kedua matanya menjadi putih. Di sinilah Ya'kub menyebut hakikat pengetahuan yang diajarkan Allah kepadanya. Itulah hakikat yang pernah dijelaskannya kepada mereka sebelum ini, tetapi mereka tidak dapat memahaminya:

قَالَ أَلَمۡ أَقُل لَّكُمۡ إِنِّيٓ أَعۡلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٩٦﴾

"Bukankah aku telah katakan bahawa aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui kamu?"(96)

قَالُواْ يَٰٓأَبَانَا ٱسۡتَغۡفِرۡ لَنَا ذُنُوبَنَآ إِنَّا كُنَّا خَٰطِـِٔينَ ﴿٩٧﴾

"Mereka berkata: Wahai bapa kami! Pohonkanlah untuk kami keampunan terhadap dosa-dosa kami. Sesungguhnya kami selama ini adalah orang-orang yang bersalah."(97)

Di sini kita dapat perhatikan bahawa di dalam hati Ya'kub masih ada sesuatu yang terkilan terhadap anak-anak yang belum lagi diterangkan kepada mereka walaupun beliau berjanji akan memohon keampunan Allah kepada mereka setelah hati beliau kembali jernih, tenang dan rehat:

قَالَ سَوۡفَ أَسۡتَغۡفِرُ لَكُمۡ رَبِّيٓۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡغَفُورُ

"Jawab Ya'kub: Aku akan memohon kepada Tuhanku supaya memberi keampunan kepada kamu, sesungguh Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(98)

Ungkapan beliau dengan kata-kata "*aku akan memohon kepada Tuhanku supaya memberi keampunan*" itu mengandungi suatu isyarat yang menunjukkan ada keterkilanan di dalam hati seorang bapa yang luka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 100)

Al-Qur'an terus menayangkan peristiwa-peristiwa luar dugaan kisah ini dengan memendekkan waktu dan melangkaui tempat, dan tiba-tiba kita bertemu dalam adegan penghabisan yang amat mengharukan:

فَلَمَّا دَخَلُواْ عَلَىٰ يُوسُفَ ءَاوَىٰٓ إِلَيۡهِ أَبَوَيۡهِ وَقَالَ ٱدۡخُلُواْ مِصۡرَ إِن شَآءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ ﴿٩٩﴾ وَرَفَعَ أَبَوَيۡهِ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ وَخَرُّواْ لَهُۥ سُجَّدٗاۖ وَقَالَ يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأۡوِيلُ رُءۡيَٰيَ مِن قَبۡلُ قَدۡ جَعَلَهَا رَبِّي حَقّٗاۖ وَقَدۡ أَحۡسَنَ بِيٓ إِذۡ أَخۡرَجَنِي مِنَ ٱلسِّجۡنِ وَجَآءَ بِكُم مِّنَ ٱلۡبَدۡوِ مِنۢ بَعۡدِ أَن نَّزَغَ ٱلشَّيۡطَٰنُ بَيۡنِي وَبَيۡنَ إِخۡوَتِيٓۚ إِنَّ رَبِّي لَطِيفٞ لِّمَا يَشَآءُۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡعَلِيمُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿١٠٠﴾

"Dan apabila mereka masuk menemui Yusuf dia pun memeluk dua ibu bapanya dan berkata: Silalah masuk ke negeri Mesir Insya Allah dalam keadaan aman sentosa(99). Dan dia mengangkatkan kedua ibu bapanya ke atas singgahsana dan sekalian mereka merebahkan diri sujud kepada Yusuf, lalu ia berkata: Wahai bapaku, inilah ta'bir mimpiku sebelum ini. Sesungguhnya Tuhanku telah menjadikan mimpi itu suatu kenyataan. Dan sesungguhnya Tuhanku telah mengurniakan layanan yang sebaik-baiknya kepadaku apabila dia mengeluarkanku dari penjara dan membawa kamu ke mari dari desa Sahara setelah syaitan merosakkan hubungan di antaraku dengan saudarasaudaraku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Halus terhadap sesuatu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(100)

Alangkah hebatnya adegan ini setelah sekian lama dilalui tahun-tahun dan hari-hari, setelah putus asa dan harapan berkecai, setelah mengalami penderitaan dan kesusahan, setelah melalui ujian dan dugaan dan setelah menaruh rindu dendam, duka nestapa dan keinginan yang melonjak-lonjak.

Alangkah hebatnya adegan yang penuh emosi, debaran jantung keterharuan, kegembiraan dan titisan air mata.

Alangkah hebatnya adegan penghabisan yang bersambung dengan adegan permulaan kisah di mana satu di alam ghaib dan satu lagi di dalam realiti, dan di antara dua masa itu Yusuf sentiasa mengingati Allah dan tidak pernah melupakan-Nya:

فَلَمَّا دَخَلُوا۟ عَلَىٰ يُوسُفَ ءَاوَىٰٓ إِلَيْهِ أَبَوَيْهِ وَقَالَ ٱدْخُلُوا۟ مِصْرَ إِن شَآءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ ﴿٩٩﴾

"Dan apabila mereka masuk menemui Yusuf dia pun memeluk dua ibu bapanya dan berkata: Silalah masuk ke negeri Mesir Insya Allah dalam keadaan aman sentosa."(99)

Yusuf terkenangkan mimpinya dan melihat ta'birnya menjadi kenyataan di hadapannya, di mana para saudaranya sujud kepadanya, sedangkan dua orang tuanya telah diangkatkan beliau ke atas singgahsana yang didudukinya, dan kini beliau melihat sebelas bintang bersama matahari dan bulan sujud kepadanya:

وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى ٱلْعَرْشِ وَخَرُّوا۟ لَهُۥ سُجَّدًا ۖ وَقَالَ يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأْوِيلُ رُءْيَٰىَ مِن قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّى حَقًّا ۖ

"Dan dia mengangkatkan kedua ibu bapanya ke atas singahsana dan sekalian mereka merebahkan diri sujud kepada Yusuf, lalu ia berkata: Wahai bapaku, inilah ta'bir mimpiku sebelum ini. Sesungguhnya Tuhanku telah menjadikan mimpi itu suatu kenyataan."

Kemudian beliau menyebut ni'mat Allah ke atasnya:

وَقَدْ أَحْسَنَ بِىٓ إِذْ أَخْرَجَنِى مِنَ ٱلسِّجْنِ وَجَآءَ بِكُم مِّنَ ٱلْبَدْوِ مِنۢ بَعْدِ أَن نَّزَغَ ٱلشَّيْطَٰنُ بَيْنِى وَبَيْنَ إِخْوَتِىٓ ۚ

"Dan sesungguhnya Tuhanku telah mengurniakan layanan yang sebaik-baiknya kepadaku apabila dia mengeluarkanku dari penjara dan membawa kamu ke mari dari desa Sahara setelah syaitan merosakkan hubungan di antaraku dengan saudara-saudaraku."

Kemudian beliau menyebut pula tentang kehalusan tadbir Allah dalam melaksanakan kehendak masyi'ah-Nya:

إِنَّ رَبِّى لَطِيفٌ لِّمَا يَشَآءُ ۚ

"Sesungguhnya Tuhanku Maha Halus terhadap sesuatu yang dikehendakiNya."

Allah merealisasikan kehendak masyi'ah-Nya dengan cara yang amat halus hingga tidak disedari oleh manusia:

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(100)

Ungkapan ini sama dengan ungkapan yang diucapkan oleh Ya'kub ketika Yusuf menceritakan mimpi beliau kepadanya di permulaan surah:

إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

"Sesungguh Tuhanmu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana"(6)

supaya awal dan akhir kisah ini seia sekata dan selaras sehingga kepada kata-kata ungkapan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 101)

Sebelum tirai dilabuhkan menutup adegan terakhir yang mengharukan itu, kita melihat Yusuf mengeluarkan dirinya sebentar dari suasana pertemuan, peluk-memeluk, kesukaan, kegembiraan, kebesaran, kekuasaan, kesenangan dan keamanan itu untuk bertawajjuh kepada Allah, bertasbih, bersyukur dan mengingati Allah. Dan di dalam suasana kebesaran kuasa dan kesukaan kerana impian telah menjadi kenyataan, beliau hanya memohon kepada Allah agar diwafatkan beliau sebagai seorang Muslim dan menggabungkannya dengan para Solehin:

رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِىِّۦ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian dari kuasa pemerintahan dan Engkau telah mengajarkanku sebahagian dari ta'bir mimpi. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi, Engkaulah Pelindungku di dunia dan di Akhirat. (Wahai Tuhanku!) Wafatkanku sebagai seorang Muslim dan gabungkanku dengan para Solehin."(101)

رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian dari kuasa pemerintahan."

Yakni Engkau telah mengurniakan kepada aku ni'mat kekuasaan, kedudukan, kebesaran dan kekayaan. Itulah ni'mat hidup dunia.

وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ

"Dan Engkau telah mengajarkanku sebahagian dari ta'bir mimpi."

Yakni ilmu ta'bir yang dapat memahami dan mentafsirkan maksud-maksud mimpi. Itulah ni'mat ilmu pengetahuan. Wahai Tuhanku, itulah ni'mat pengurniaan-Mu yang dikenangi dan dihitungkanku.

فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ

"Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi!"

Engkau telah menciptakannya dengan sepatah kata "kun", dan Engkaulah yang telah memegang teraju urusannya, dan qudrat Engkaulah yang menguasainya dan menguasai para penghuninya.

أَنتَ وَلِيِّۦ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِۖ

"Engkaulah Pelindungku di dunia dan di Akhirat."

Yakni engkaulah satu-satunya Penolongku. Wahai Tuhanku! Itulah ni'mat-ni'mat atau anugerah-Mu dan itulah qudrat kuasa-Mu.

Wahai Tuhanku! Aku tidak memohon kuasa, tidak juga kesihatan dan tidak pula harta kekayaan, tetapi wahai Tuhanku! Aku hanya memohon sesuatu yang lebih kekal dan lebih kaya iaitu:

تَوَفَّنِي مُسۡلِمٗا وَأَلۡحِقۡنِي بِٱلصَّٰلِحِينَ ١٠١

"Wafatkanku sebagai seorang Muslim dan gabungkanku dengan para Solehin."(101)

Demikianlah lenyapnya segala pemandangan kebesaran dan kekuasaan dan hilangnya segala pemandangan suasana pertemuan, percantuman keluarga dan saudara-saudaranya yang meriah itu, dan yang muncul hanya pemandangan yang terakhir, iaitu pemandangan seorang hamba sedang memohon kepada Tuhannya agar dipeliharakan keislamannya sehingga ia diwafat dan dipulangkan kepada-Nya dan agar digabungkannya bersama-sama para Solehin.

Itulah kejayaan yang sempurna di dalam ujian yang terakhir.

(Kumpulan ayat-ayat 102 - 111)

ذَٰلِكَ مِنۡ أَنۢبَآءِ ٱلۡغَيۡبِ نُوحِيهِ إِلَيۡكَۖ وَمَا كُنتَ لَدَيۡهِمۡ إِذۡ أَجۡمَعُوٓاْ أَمۡرَهُمۡ وَهُمۡ يَمۡكُرُونَ ١٠٢ وَمَآ أَكۡثَرُ ٱلنَّاسِ وَلَوۡ حَرَصۡتَ بِمُؤۡمِنِينَ ١٠٣ وَمَا تَسۡـَٔلُهُمۡ عَلَيۡهِ مِنۡ أَجۡرٍۚ إِنۡ هُوَ إِلَّا ذِكۡرٞ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٤ وَكَأَيِّن مِّنۡ ءَايَةٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ يَمُرُّونَ عَلَيۡهَا وَهُمۡ عَنۡهَا مُعۡرِضُونَ ١٠٥ وَمَا يُؤۡمِنُ أَكۡثَرُهُم بِٱللَّهِ إِلَّا وَهُم مُّشۡرِكُونَ ١٠٦ أَفَأَمِنُوٓاْ أَن تَأۡتِيَهُمۡ غَٰشِيَةٞ مِّنۡ عَذَابِ ٱللَّهِ أَوۡ تَأۡتِيَهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغۡتَةٗ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ١٠٧ قُلۡ هَٰذِهِۦ سَبِيلِيٓ أَدۡعُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِۚ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا۠ وَمَنِ ٱتَّبَعَنِيۖ وَسُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٠٨ وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِم مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡقُرَىٰٓۗ أَفَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَيَنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۗ وَلَدَارُ ٱلۡأٓخِرَةِ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ١٠٩ حَتَّىٰٓ إِذَا ٱسۡتَيۡـَٔسَ ٱلرُّسُلُ وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُمۡ قَدۡ كُذِبُواْ جَآءَهُمۡ نَصۡرُنَا فَنُجِّيَ مَن نَّشَآءُۖ وَلَا يُرَدُّ بَأۡسُنَا عَنِ ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ١١٠ لَقَدۡ كَانَ فِي قَصَصِهِمۡ عِبۡرَةٞ لِّأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِۗ مَا كَانَ حَدِيثٗا يُفۡتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصۡدِيقَ ٱلَّذِي بَيۡنَ يَدَيۡهِ وَتَفۡصِيلَ كُلِّ شَيۡءٖ وَهُدٗى وَرَحۡمَةٗ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ١١١

"Itulah di antara berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu, sedangkan engkau tidak pernah ada bersama mereka (saudara-saudara Yusuf) ketika mereka membuat keputusan sebulat suara dan ketika mereka merancangkan rencana jahat mereka (terhadap Yusuf)(102). Dan kebanyakan manusia tidak akan beriman walaupun engkau sangat mengingininya(103). Dan engkau tidak pernah meminta upah dari mereka (sebagai bayaran da'wah), kerana ia tidak lain melainkan hanya peringatan kepada seluruh manusia(104). Dan berapa banyak bukti-bukti (Uluhiyah Allah) di langit dan di bumi yang dilalui mereka, sedangkan mereka berpaling darinya(105). Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya (106). Apakah mereka merasa aman dari ditimpa 'azab Allah yang menyelubungi mereka atau dari didatangi Qiamat secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar (107). Katakanlah: Inilah jalan perjuanganku, di mana aku dan orang-orang yang mengikutku mengajak kamu kepada agama Allah dengan bukti yang jelas. Maha Suci Allah dan aku bukannya dari golongan Musyrikin(108). Dan Kami tidak utuskan sebelummu melainkan lelaki-lelaki dari penduduk kota yang Kami wahyukan kepada mereka. Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka dan sesungguhnya negeri Akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa, tidakkah kamu berfikir?(109). Sehingga apabila para rasul tidak mempunyai harapan dan yakin bahawa mereka terus didustakan, maka

datanglah pertolongan Kami kepada mereka, lalu diselamatkan mereka yang Kami kehendaki, dan 'azab Kami tidak sekali-kali dapat ditolakkan dari golongan orang-orang yang berdosa (110). Sesungguhnya di dalam kisah-kisah mereka terdapat pengajaran kepada orang-orang yang berakal. Al-Qur'an itu bukanlah cerita yang diada-adakan, tetapi ia membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya dan ia merupakan penjelasan terhadap segala sesuatu, juga sebagai hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman.(111)"

Kisah Yusuf telah berakhir untuk dimulakan pula dengan ulasan-ulasan dan kesimpulan-kesimpulan yang telah Kami singgungkan di dalam pendahuluan memperkenalkan surah, di samping dimulakan bersama-sama dengannya berbagai-bagai peringatan dan sentuhan, berbagai-bagai penjelajahan di alam buana, di alam jiwa, di dalam kesan-kesan kebinasaan umat manusia zaman silam, di alam ghaib yang majhul yang tersembunyi di sebalik masa kini yang diketahui umum. Kita akan menghuraikan semuanya mengikut tertibnya yang disebut di dalam Al-Qur'an, iaitu tertib yang memang mempunyai tujuan yang tertentu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 102)

Kisah Yusuf Merupakan Kisah Benar Dari Wahyu Allah

Kisah ini belum lagi tersebar luas di kalangan kaum Quraisy, di mana Muhammad s.a.w. telah dilahirkan dan diutuskan sebagai Rasul kepada mereka. Di dalam kisah ini terdapat rahsia-rahsia yang tidak diketahui melainkan oleh mereka yang tidak mengetahuinya dari watak-watak kisah, sedangkan mereka telah dilalui berabad-abad lamanya dan di permulaan surah ini Allah telah menerangkan kepada nabi-Nya dengan firman-Nya:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ ٱلْقَصَصِ بِمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ وَإِن كُنتَ مِن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٣﴾

"Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) seindah-indah kisah dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu dan sesungguhnya engkau sebelum ini adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui."(3)

Kini sesudah kisah ini tamat Allah iringi pula dengan kata-kata kesimpulan yang mengaitkan akhir kisah dengan awalnya:

ذَٰلِكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ ۖ وَمَا كُنتَ لَدَيْهِمْ إِذْ أَجْمَعُوٓا۟ أَمْرَهُمْ وَهُمْ يَمْكُرُونَ ﴿١٠٢﴾

"Itulah di antara berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu, sedangkan engkau tidak pernah ada bersama mereka (saudara-saudara Yusuf) ketika mereka membuat keputusan sebulat suara dan ketika mereka merancangkan rencana jahat mereka (terhadap Yusuf)."(102)

Yakni kisah-kisah yang telah diceriterakan di dalam ayat-ayat tadi adalah dari berita-berita ghaib yang tidak diketahui engkau, tetapi Kamilah yang mewahyukannya kepadamu, dan sebagai bukti bahawa kisah itu dari wahyu Allah ialah kisah itu adalah suatu perkara ghaib dibandingkan kepadamu, kerana engkau tidak ada bersama mereka ketika mereka berkumpul mencari kata sepakat dan merancangkan tipu daya mereka yang telah diceritakan oleh kisah ini pada tempatnya. Mereka merancangkan tipu daya mereka terhadap Yusuf dan terhadap bapanya. Mereka telah mengaturkan langkah-langkah mereka setelah adik Yusuf ditahan pemerintah Mesir dan mengadakan mesyuarat sesama mereka. Kata-kata "مكر" di dalam ayat ini dipakai dengan erti "merancang". Begitu juga beliau (Muhammad) tidak ada bersama mereka ketika perempuan-perempuan bangsawan itu merancangkan tipu daya mereka terhadap Yusuf dan ketika pembesar-pembesar Raja merancang untuk menyumbatkan Yusuf ke dalam penjara. Semuanya merupakan rancangan-rancangan tipu daya yang tidak dihadiri dan disaksikan oleh engkau (Muhammad) untuk membolehkan engkau menceritakannya kepada orang lain, malah itulah penceritaan dari wahyu menerusi surah ini supaya engkau menjelaskannya (kepada umum) di samping menjelaskan persoalan-persoalan 'aqidah dan agama ini yang disebut di sana sini di dalam berbagai-bagai adegan kisah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 103 - 107)

Al-Qur'an Hidangan Yang Disajikan Untuk Semua Manusia

Berdasarkan kebenaran wahyu, pengajaran kisah-kisah, berbagai-bagai peringatan dan singgungan Al-Qur'an yang menyedarkan hati itu sepatutnya semua manusia (Quraisy) beriman kepada Al-Qur'an kerana mereka sendiri melihat Rasulullah s.a.w. dan mengetahui keadaan-keadaan hidupnya serta mendengar segala apa yang dijelaskan beliau, tetapi malangnya kebanyakan manusia (Quraisy) tidak juga beriman. Mereka sendiri melihat bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan di sana sini di alam buana, tetapi mereka tidak memberi perhatian yang wajar kepadanya dan tidak memahami tujuannya. Bandingan mereka sama dengan orang yang memalingkan mukanya ke arah yang lain menyebabkan dia tidak lagi nampak apa yang ada di hadapannya. Apakah lagi yang ditunggu-tunggukan mereka, sedangkan 'azab Allah mungkin menimpa mereka secara mendadak di luar kesedaran mereka:

وَمَآ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ وَلَوْ حَرَصْتَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

وَمَا تَسْـَٔلُهُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٤﴾
وَكَأَيِّن مِّنْ ءَايَةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ يَمُرُّونَ عَلَيْهَا وَهُمْ عَنْهَا مُعْرِضُونَ ﴿١٠٥﴾
وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُم بِٱللَّهِ إِلَّا وَهُم مُّشْرِكُونَ ﴿١٠٦﴾
أَفَأَمِنُوٓا۟ أَن تَأْتِيَهُمْ غَٰشِيَةٌ مِّنْ عَذَابِ ٱللَّهِ أَوْ تَأْتِيَهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٠٧﴾

"Dan kebanyakan manusia tidak akan beriman walaupun engkau sangat menginginginya(103). Dan engkau tidak pernah meminta upah dari mereka (sebagai bayaran da'wah), kerana ia tidak lain melainkan hanya peringatan kepada seluruh manusia(104). Dan berapa banyak bukti-bukti (Uluhiyah Allah) di langit dan di bumi yang dilalui mereka, sedangkan mereka berpaling darinya (105). Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya(106). Apakah mereka merasa aman dari ditimpa 'azab Allah yang menyelubungi mereka atau dari didatangi Qiamat secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar.(107)

Rasulullah s.a.w. amat mengingini agar kaumnya beriman, kerana beliau hendak menyampaikan kebaikan yang dibawanya kepada mereka dan kerana kasihan belas kepada mereka dari ditimpa 'azab yang menunggu kaum Musyrikin di dunia dan Akhirat, tetapi Allah Yang Maha Mengetahui dengan hati, tabiat dan keadaan makhluk manusia telah memaklumkan kepada beliau bahawa keinginannya yang berkobar-kobar agar mereka beriman itu tidak akan membawa kebanyakan kaum Musyrikin itu kepada keimanan kerana mereka - sebagaimana diterangkan oleh ayat-ayat tadi - tidak menghiraukan bukti-bukti kekuasaan Allah yang dilalui dan disaksikan mereka, dan sikap tidak peduli mereka itu tidak melayakkan mereka untuk menjadi ahlil iman dan tidak membolehkan mereka mengambil manfa'at dari bukti-bukti keimanan yang bertaburan di alam buana.

Sesungguhnya engkau (Muhammad) tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam keimanan mereka, kerana engkau tidak menagih upah menyampaikan hidayat dari mereka. Sikap mereka yang menolak hidayat itu amat aneh, kerana hidayat itu diberikan kepada mereka tanpa sebarang upah dan bayaran:

وَمَا تَسْـَٔلُهُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٤﴾

"Dan engkau tidak pernah meminta upah dari mereka (sebagai bayaran da'wah), kerana ia tidak lain melainkan hanya peringatan kepada seluruh manusia."(104)

Yakni tugas engkau (Muhammad) ialah mengingatkan mereka dengan ayat-ayat Allah dan menarik pandangan dan hati nurani mereka kepada-Nya. Ayat-ayat Allah itu diberikan kepada seluruh manusia. Ia tidak dibolot oleh mana-mana umat, mana-mana bangsa dan mana-mana suku kaum. Ia tidak meletakkan sebarang harga yang tidak dapat dibayar oleh seseorang hingga menyebabkan si kaya berbeza dari si miskin. Ia juga tidak meletakkan sebarang syarat yang tidak dapat dipenuhi oleh seseorang hingga menyebabkan si yang mampu berbeza dari si yang lemah. Ia adalah peringatan kepada seluruh manusia dan ia adalah hidangan umum yang disajikan kepada siapa sahaja yang suka.

وَكَأَيِّن مِّنْ ءَايَةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ يَمُرُّونَ عَلَيْهَا وَهُمْ عَنْهَا مُعْرِضُونَ ﴿١٠٥﴾

"Dan berapa banyak bukti-bukti (Uluhiyah Allah) di langit dan di bumi yang dilalui mereka, sedangkan mereka berpaling darinya."(105)

Sikap Kebanyakan Manusia Terhadap Bukti-bukti Uluhiyah Allah Di Merata Pelosok Alam

Bukti-bukti yang menunjukkan kewujudan, wahdaniyah Allah dan kekuasaan adalah amat banyak. Ia bertaburan di merata pelosok alam buana. Ia muncul tersergam di hadapan mata kasar dan mata hati. Ia terbentang di langit dan di bumi. Ia dilihat dan dilalui manusia pagi dan petang, malam dan siang. Ia bercakap seolah-olah menyeru manusia supaya menerimanya. Ia kelihatan begitu jelas kepada semua penglihatan dan perasaan. Ia menyampaikan saranan-saranan kepada segenap hati dan akal, tetapi sayang mereka tidak melihatnya, tidak mendengar seruannya dan tidak merasa kesannya yang mendalam.

Sesungguhnya sedetik renungan pada matahari terbit dan terbenam, sedetik renungan pada perkembangan bayang-bayang yang perlahan-lahan memendek dan memanjang, sedetik renungan pada lautan yang bergelora, pada matair yang memancut dan menghilangkan dahaga, sedetik renungan pada benih yang baru tumbuh, pada ceding-ceding dan tunas-tunas muda pokok-pokok, pada bunga-bunga yang sedang kembang dan pada jerami-jerami tuaian yang reput, sedetik renungan pada burung-burung yang terbang di udara, pada ikan yang berenang dalam sungai, pada ulat-ulat yang menyusup dalam lubang, pada semut-semut yang bergerak, malah pada segala makhluk dan umat-umat haiwan, serangga dan hidupan-hidupan yang seni, sedetik menungan pada sa'at-sa'at pagi dan sa'at-sa'at petang, pada malam yang tenang dan sa'at-sa'at siang yang sibuk, sedetik menungan pada nada-nada alam buana yang aneh yang didengar oleh hati nurani manusia... sesungguhnya sedetik renungan dari

renungan-renungan ini sahaja sudah cukup untuk membuat hati nurani gementar dan terharu dengan keinsafan dan kefahaman yang bersedia menyambut da'wah, tetapi sayang...

يَمُرُّونَ عَلَيْهَا وَهُمْ عَنْهَا مُعْرِضُونَ ﴿١٠٥﴾

"Banyak bukti-bukti (Uluhiyah Allah) di langit dan di bumi yang dilalui mereka, sedangkan mereka berpaling darinya."(105)

Langkah-langkah Menjauhi Syirik

Oleh sebab itulah kebanyakan mereka tidak beriman.

Dan hinggakan orang-orang yang beriman juga masih banyak yang diresapi syirik dalam hati mereka - dalam mana-mana bentuknya. Justeru itu keimanan yang tulen memerlukan kepada kesedaran yang berterusan untuk menolak dari hati seseorang setiap fikiran syaitan dan setiap pandangan tinggi kepada nilai-nilai kuasa di bumi dalam setiap gerak dan tindak supaya seluruh pandangan tertumpu kepada kuasa Allah sahaja dan tidak kepada yang lain dari-Nya. Keimanan yang tulen itu memerlukan kepada pendirian tegas yang sempurna terhadap persoalan kuasa yang menguasai hati, tindak tanduk dan tingkah laku manusia supaya tidak ada sebarang keta'atan dan kepatuhan di dalam hati seorang melainkan hanya kepada Allah S.W.T. sahaja dan supaya tidak ada sebarang perhambaan atau 'Ubudiyah melainkan hanya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, di mana tiada siapa yang dapat menghalangkan apa yang dikehendaki-Nya:

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُم بِاللَّهِ إِلَّا وَهُم مُّشْرِكُونَ ﴿١٠٦﴾

"Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya."(106)

Yakni mereka mempersekutui Allah dengan nilai-nilai kuasa di bumi dalam melaporkan peristiwa-peristiwa, sesuatu dan individu-individu manusia. Mereka mempersekutui Allah dengan sesuatu sebab di samping qudrat Allah sebagai berkuasa memberi manfa'at atau mudharat. Mereka mempersekutui Allah dengan memberi keta'atan dan kepatuhan kepada kuasa yang lain dari kuasa Allah, iaitu kuasa-kuasa pemerintah dan pemimpin yang tidak mengambil undang-undang dari syari'at Allah. Mereka mempersekutui Allah dengan meletakkan harapan kepada yang lain dari Allah, iaitu meletakkan harapan kepada mana-mana hamba Allah. Mereka mempersekutui Allah dengan melakukan pengorbanan yang bercampuraduk dengan hasrat untuk mendapatkan penghargaan manusia. Mereka mempersekutui Allah dengan perjuangan dan jihad untuk mencapai sesuatu manfa'at atau menangkiskan sesuatu mudharat yang bukan kerana Allah. Mereka mempersekutui Allah dengan melakukan ibadat yang bertujuan kerana yang lain dari Allah di samping bertujuan kerana Allah. Oleh sebab itulah Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

الشرك فيكم أخفى من دبيب النمل

"(Jejak) syirik (yang meresap) dalam hati kamu itu lebih halus dari jejak semut." [4]

Di dalam hadith-hadith terdapat berbagai-bagai contoh syirik khafi atau syirik yang halus ini:

At-Tarmizi telah meriwayatkan sebuah hadith dari riwayat Ibn Umar dan menyifatkannya sebagai hadith hasan:

من حلف بغير الله فقد أشرك

"Barang siapa yang bersumpah dengan nama yang lain dari nama Allah, maka ia telah melakukan syirik."

Al-imam Ahmad, Abu Daud dan lain-lainnya telah meriwayatkan dari Ibn Mas'ud r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن الرقى والتمائم شرك

"Sesungguhnya jampi dan azimat-azimat itu syirik."

Di dalam Musnad al-Imam Ahmad ada sebuah hadith dari Uqbah ibn Amir katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

من علق تميمة فقد أشرك

"Sesiapa yang menggantungkan azimat, maka ia telah melakukan syirik.

Daripada Abu Hurayrah dengan sanadnya sendiri katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

يقول الله : أنا أغنى الشركاء عن الشرك ، من عمل عملا أشرك فيه معى غيرى تركته و شريكه

"Firman Allah: Akulah sekutu-sekutu yang terkaya dari syirik, barang siapa yang melakukan sesuatu amalan dengan mempersekutukan yang lain bersama-Ku, nescaya Aku akan tinggalkannya bersama sekutunya."

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dari Abu Said ibn Abu Fudhalah katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

إذا جمع الله الأولين والآخرين ليوم لاريب فيه ينادي مناد: من كان أشرك في عمل علمه الله ، فليطلب ثوابه من عند غير الله، فإن الله أغنى الشركاء عن الشرك

"Apabila Allah mengumpulkan angkatan-angkatan manusia yang dahulu dan angkatan-angkatan manusia yang kemudian pada hari (Qiamat) yang tidak diragui itu, maka seorang juruhebah akan berseru pada hari itu: Sesiapa yang mempersekutukan orang lain dalam sesuatu amalan yang dilakukan kerana Allah, maka hendaklah dia mencari pahala pada yang lain dari Allah kerana Allah adalah sekutu-sekutu yang terkaya dari syirik."

Al-Imam Ahmad telah meriwayat dengan sanadnya dari Mahmud ibn Labid bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

---

[4] *Diriwayatkan oleh al-Hafiz Abu Ya'la dengan sanadnya dari Ma'qil bin Yasar katanya: Aku melihat Nabi s. a w. atau katanya: Aku telah diceritakan oleh Abu Bakr as-Siddiq daripada Rasulullah s. a. w. .....*

إن أخوف ما أخاف عليكم الشرك الأصغر ، قالوا: وما الشرك الأصغر يا رسول الله ؟ قال الرياء، يقول الله تعلى يوم القيامة إذا جاء الناس بأعمالهم: إذهبوا إلى الذين كنتم تراؤون في الدنيا فانظروا هل تجدون عندهم من جزاء

"Perkara yang paling ditakuti olehku terhadap kamu ialah syirik yang terkecil." Lalu mereka bertanya: "Apakah syirik yang terkecil itu wahai Rasulullah?" Jawab beliau: "Itulah ria'. Allah Ta'ala akan berkata pada hari Qiamat apabila manusia membawa amalan mereka: Pergilah kamu kepada orang-orang yang kamu menunjuk-nunjukkan amalan kamu kepada mereka dan lihatlah di sana adakah kamu akan mendapat apa-apa pahala di sisi mereka."

Inilah syirik khafi (halus) yang memerlukan kepada kesedaran dan kewaspadaan yang berterusan untuk menghindarkan diri darinya supaya iman itu terpelihara bersih dan tulen.

Di sana ada syirik kasar yang ketara iaitu memberi keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah di dalam mana-mana urusan kehidupan seperti keta'atan kepada undang-undang (yang lain dari undang-undang Allah) - Inilah pengertian syirik yang dinaskan Allah yang tidak dapat dipertikaikan lagi - dan keta'atan kepada tradisi-tradisi manusia seperti merayakan hariraya-hariraya, dan musim-musim yang ditetapkan manusia dan tidak ditetapkan Allah, juga keta'atan memakai pakaian-pakaian tertentu yang berlawanan dengan perintah Allah, juga mendedah atau menunjukkan aurat-aurat yang wajib ditutup mengikut syari'at Allah.

Perbuatan-perbuatan yang seperti ini akan melewati batas perbuatan yang berdosa apabila ia bertentangan dengan syari'at Allah, iaitu apabila ia dipatuhi dan dita'ati kerana adat resam yang lumrah yang diciptakan manusia dan meninggalkan perintah yang jelas dari Allah Tuhan sekalian manusia. Ketika ini perbuatan itu ia bukan lagi merupakan satu perbuatan yang berdosa, malah merupakan satu perbuatan syirik kerana ia menunjukkan keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan perintah Allah, dan dari segi inilah ia merupakan satu perbuatan yang merbahaya.

Oleh sebab itulah Allah berfirman:

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُم بِٱللَّهِ إِلَّا وَهُم مُّشْرِكُونَ ﴿١٠٦﴾

"Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya."(106)

Keterangan ayat ini tepat dengan orang-orang Arab yang dihadapi oleh Rasulullah s.a.w. di Semenanjung Tanah Arab, juga merangkumi orang-orang yang lain dari mereka di sepanjang zaman dan tempat.

Kemudian apakah yang ditunggu-tunggu oleh orang-orang yang berpaling dari ayat-ayat Allah yang terbentang di lembaran alam buana setelah mereka tidak menghiraukan ayat-ayat Al-Qur'an yang tidak diminta apa-apa bayaran dari mereka?

Apakah yang ditunggu-tunggu mereka?

أَفَأَمِنُوٓا۟ أَن تَأْتِيَهُمْ غَٰشِيَةٌ مِّنْ عَذَابِ ٱللَّهِ أَوْ تَأْتِيَهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٠٧﴾

"Apakah mereka merasa aman dari ditimpa 'azab Allah yang menyelubungi mereka atau dari didatangi Qiamat secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar."(107)

Ayat ini mencubit perasaan mereka dengan kuat untuk menyedarkan mereka dari kelalaian agar mereka menjaga diri dari keburukan akibat kelalaian itu, kerana 'azab Allah yang tidak diketahui waktunya oleh sesiapa pun itu mungkin menimpa mereka sekarang ini dengan suatu keseksaan yang menyelubungi seluruh mereka. Dan mungkin Qiamat telah pun berada di depan pintu, di mana hari yang amat dahsyat itu akan merempuh mereka secara mendadak di luar kesedaran mereka. Sebenarnya pintu-pintu alam ghaib itu tertutup rapat, tiada mata dan tiada telinga yang dapat sampai kepadanya, malah tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan berlaku di sa'at ini. Oleh itu bagaimana orang-orang yang lalai dapat merasa aman dari 'azab Allah?

(Pentafsiran ayat 108)

Seandainya ayat-ayat Al-Qur'an yang membawa dalil kerasulan dan bukti-bukti Uluhiyah Allah yang memenuhi alam buana dan tersergam di hadapan mata itu hanya dilihat dan disaksikan mereka begitu sahaja tanpa perhatian, dan kebanyakan mereka terus melakukan perbuatan syirik kasar yang ketara dan syirik khafi yang halus terhadap Allah, maka Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya tetap berjalan terus di atas jalannya yang lurus tanpa menyeleweng dan terpengaruh kepada golongan yang sesat itu:

قُلْ هَٰذِهِۦ سَبِيلِىٓ أَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا۠ وَمَنِ ٱتَّبَعَنِى وَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

"Katakanlah: Inilah jalan perjuanganku, di mana aku dan orang-orang yang mengikutku mengajak kamu kepada agama Allah dengan bukti yang jelas. Maha Suci Allah dan aku bukannya dari golongan Musyrikin."(108)

قُلْ هَٰذِهِۦ سَبِيلِىٓ

"Katakanlah: Inilah jalanku"

yang tunggal dan lurus, tiada bengkang bekok, tiada keraguan dan tiada kekeliruan.

أَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا۠ وَمَنِ ٱتَّبَعَنِى

"Aku dan orang-orang yang mengikutku mengajak kamu kepada agama Allah dengan bukti yang jelas."

Yakni kami sekalian berada di dalam hidayat dan cahaya petunjuk dari Allah. Kami mengetahui jalan kami dengan jelas dan kami berjalan mengikutinya dengan pandangan, kefahaman dan ma'rifat yang jelas, kami tidak meraba-raba dan mengagak-agak. Itulah keyakinan yang terang lagi bersuluh. Maha Suci Allah dari segala sifat yang tidak layak dengan Uluhiyah-Nya. Dan kami sekalian terasing dan berbeza dari golongan Musyrikin:

"Dan aku bukannya dari golongan Musyrikin"(108)

sama ada Musyrikin yang zahir atau Musyrikin yang khafi.

Inilah jalan aku. Oleh itu sesiapa yang suka dia boleh ikut, dan sesiapa yang tidak suka, maka aku tetap berjalan terus mengikut jalan yang lurus ini.

Para penda'wah kepada Allah pastilah melakukan pembezaan ini. Mereka pasti mengumumkan bahawa mereka merupakan satu umat yang bersendirian dan terpisah dari orang-orang yang tidak berpegang dengan 'aqidah mereka, iaitu tidak menjadi pak turut mereka, tidak mengikut kepimpinan mereka, mereka mengambil haluan yang bersendirian dan tidak bercampur aduk dengan mereka. Para penda'wah agama ini tidak cukup dengan menyeru manusia kepada agama Allah, sedangkan mereka bergelumang di dalam masyarakat jahiliyah kerana da'wah yang seperti ini tidak membawa kepada sesuatu hasil yang bernilai, malah sejak hari yang pertama lagi mereka harus mengumumkan bahawa golongan mereka adalah berlainan dari golongan jahiliyah. Mereka harus membezakan diri mereka dalam bentuk satu kelompok tersendiri di mana tali ikatannya ialah 'aqidah yang berbeza dan nama kepimpinannya ialah kepimpinan Islam. Mereka harus membezakan diri mereka dari masyarakat jahiliyah dan seterusnya membezakan kepimpinanan mereka dari kepimpinan jahiliyah.

Kedudukan para penda'wah yang bergelumang dan hanyut di dalam masyarakat jahiliyah dan kekal bernaung di bawah naungan kepimpinan jahiliyah akan menghapuskan pengaruh yang dibawa oleh 'aqidah mereka, menghilangkan keberkesanan yang dapat diwujudkan oleh da'wah mereka dan seterusnya menghilangkan segala daya penarik yang mungkin wujud pada da'wah yang baru itu.

Hakikat ini bukan hanya terserlah dalam bidang da'wah para nabi di dalam masyarakat-masyarakat kaum Musyrikin sahaja, malah terserlah dalam bidang da'wah umumnya, iaitu setiap kali munculnya jahiliyah menguasai kehidupan manusia. Nilai-nilai dan ciri-ciri semulajadi jahiliyah abad dua puluh ini juga tidak berbeza dari nilai-nilai dan ciri-ciri semua jahiliyah yang lain yang dihadapi oleh da'wah Islam di sepanjang sejarah.

Para penda'wah yang menyangka bahawa mereka boleh mencapai sesuatu hasil yang baik menerusi tindakan turut bergelumang dan hanyut di dalam masyarakat jahiliyah dan pertubuhan-pertubuhan jahiliyah dan menerusi penyusupan secara halus ke dalam masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan jahiliyah untuk berda'wah kepada Islam, maka mereka adalah orang-orang yang tidak memahami tabiat agama ini dan caranya mengetuk pintu hati manusia. Jika pejuang-pejuang mazhab-mazhab ilhadiah (yang tidak percaya kepada Tuhan) secara terbuka sanggup mendedahkan tanda mereka, barisan hadapan mereka dan arah mereka, garis pejuangan mereka, maka apakah pejuang-pejuang da'wah Islamiyah tidak sanggup mengumumkan tanda istimewa mereka dan cara perjuangan mereka yang secara total berbeza dari cara perjuangan jahiliyah itu?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 109 - 111)

Mencari Pengajaran Dan Teladan Dalam Kebinasaan Umat-umat Yang Silam

(Ayat berikut) menarik pandangan kepada Sunnatullah mengenai risalah-risalah-Nya dan kepada beberapa bukti Uluhiyah Allah di bumi dalam bentuk kesan-kesan kebinasaan umat-umat yang terdahulu. Sebenarnya Muhammad bukannya seorang rasul yang pertama dan risalah yang dibawa beliau itu juga bukanlah risalah yang pertama dan lihatlah akibat-akibat orang-orang yang dahulu kala yang telah mendustakan bukti-bukti Uluhiyah Allah yang tersergam di bumi.

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِم مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡقُرَىٰٓۗ أَفَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَيَنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۗ وَلَدَارُ ٱلۡأٓخِرَةِ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ١٠٩

"Dan Kami tidak utuskan sebelummu melainkan lelaki-lelaki dari penduduk kota yang Kami wahyukan kepada mereka. Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka dan sesungguhnya negeri Akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa, tidakkah kamu berfikir?"(109)

Renungan pada kesan-kesan kebinasaan umat-umat yang silam boleh menggoncang dan menyedarkan hati manusia walaupun hati orang-orang yang zalim dan bermaharajalela. Detik-detik mengkhayalkan kembali gerak-geri mereka, senyap diam mereka dan fikiran-fikiran yang terlintas di dalam hati mereka, juga mengkhayalkan mereka hidup kembali di tempat-tempat itu, di mana mereka sibuk berulang alik menaruh ketakutan dan harapan, berangan-angan dan bercita-cita, tiba-tiba seluruh mereka diam dan sunyi senyap, tiada sebarang gerak, segala kesan-kesan mereka menyepi, mereka telah digolong

kebinasaan dan turut tergolong bersama mereka ialah perasaan-perasaan mereka, alam-alam mereka, fikiran-fikiran mereka, gerak diam mereka dan dunia mereka yang tersergam di mata dan tersembunyi di dalam hati nurani dan perasaan. Renungan-renungan yang seperti ini dapat menimbulkan kesedaran yang penting di dalam hati manusia biar bagaimana keras, lalai dan kejam sekalipun. Justeru itulah Al-Qur'an dari satu masa ke satu masa memimpin tangan manusia supaya merenungi kesan-kesan dari akibat-akibat kebinasaan umat-umat yang silam:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِم مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡقُرَىٰٓۗ

"Dan Kami tidak utuskan sebelummu melainkan lelaki-lelaki dari penduduk kota yang Kami wahyukan kepada mereka."

Yakni mereka bukannya malaikat-malaikat atau makhluk-makhluk yang lain, malah mereka adalah manusia seperti engkau dari penduduk kota bukannya dari penduduk desa supaya mereka mempunyai kelakukan dan tingkahlaku yang lebih halus dan lebih lemah lembut, juga lebih gigih dan lebih sabar menanggung tugas-tugas menyampaikan da'wah dan hidayat. Justeru itu kerasulan engkau juga berlangsung mengikut kehendak-kehendak Sunnatullah yang mengutuskan lelaki-lelaki dari jenis manusia sebagai rasul-rasul yang diwahyukan kepada mereka.

أَفَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَيَنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۗ

"Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka"

agar mereka insaf bahawa nasib mereka juga sama dengan nasib umat-umat itu dan sedar bahawa Sunnatullah yang dapat dilihat akibat-akibatnya yang jelas pada kesan-kesan peninggalan umat-umat yang silam itu akan bertindak terhadap mereka pula dan mereka lambat laun akan lenyap dari bumi ini:

وَلَدَارُ ٱلۡأٓخِرَةِ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْۚ

"Dan sesunggahnya negeri Akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa."

Yakni lebih baik dari negeri dunia yang tidak pernah mantap itu.

"Tidakkah kamu berfikir?"(109)

Apakah kamu tidak berfikir bagaimana Sunnatullah bertindak ke atas umat-umat yang silam? Apakah kamu tidak berfikir agar kamu mengutamakan keni'matan Akhirat yang kekal abadi dari keni'matan dunia yang pendek?

Sa'at Gawat Yang Dihadapi Para Rasul

Kemudian ayat yang berikut menggambarkan sa'at-sa'at cemas dan genting dalam hidup para rasul, iaitu menjelang sa'at-sa'at pemutus di mana terlaksananya janji Allah dan berlakunya Sunnatullah yang tidak pernah mungkir itu:

"Sehingga apabila para rasul tidak mempunyai harapan dan yakin bahawa mereka terus didustakan, maka datanglah pertolongan Kami kepada mereka, lalu diselamatkan mereka yang Kami kehendaki, dan 'azab Kami tidak sekali-kali dapat ditolakkan dari golongan orang-orang yang berdosa."(110)

Itulah gambaran yang mengharukan, yang melukiskan sa'at-sa'at genting, susah dan cemas dalam hidup para rasul semasa berjuang melawan kekufuran, kesesatan, kedegilan dan keingkaran. Masa berlalu dan mereka terus berda'wah, tetapi tiada yang menyambut da'wah mereka melainkan segelintir manusia sahaja. Tahun-tahun berlalu lagi, tetapi kebatilan terus kuat dan mendapat pengikut-pengikut yang ramai, sedangkan golongan Mu'minin masih terus berada dalam bilangan yang sedikit dan mempunyai kekuatan yang lemah.

Itulah sa'at-sa'at genting, di mana kebatilan terus bermaharajalela, bertindak ganas, menyerang dan mengkhianat, sedangkan para rasul menunggu janji Allah yang belum lagi menjadi kenyataan di bumi ini dan mereka diharui berbagai-bagai perasaan. Tidakkah engkau melihat mereka telah dibohongi kaum mereka? Tidakkah engkau melihat mereka telah dikecewakan hati mereka semasa mengharapkan pertolongan Allah dalam hidup dunia ini?

Pendirian seorang rasul tidak sampai ke tahap ini melainkan apabila dia mengalami kesusahan, penderitaan dan kesempitan di luar kemampuan dan penanggungan manusia. Apabila anda membaca ayat ini dan ayat yang berikut:

أَمۡ حَسِبۡتُمۡ أَن تَدۡخُلُواْ ٱلۡجَنَّةَ وَلَمَّا يَأۡتِكُم مَّثَلُ ٱلَّذِينَ خَلَوۡاْ مِن قَبۡلِكُمۖ مَّسَّتۡهُمُ ٱلۡبَأۡسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ وَزُلۡزِلُواْ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ مَتَىٰ نَصۡرُ ٱللَّهِۗ أَلَآ إِنَّ نَصۡرَ ٱللَّهِ قَرِيبٞ ﴿٢١٤﴾

"Apakah kamu mengira dapat memasuki Syurga, sedangkan kamu belum lagi mengalami ujian seperti ujian yang telah

dialami oleh orang-orang sebelum kamu? Mereka telah ditimpa malapetaka dan kesengsaraan, mereka telah digoncangkan (hati mereka) sehingga Rasul dan pengikut-pengikut yang berada bersamanya berkata: Bilakah datang pertolongan Allah? Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat"

(Surah al-Baqarah: 214)

anda akan merasa betapa terharunya perasaan anda apabila menggambarkan penderitaan yang amat berat yang dialami oleh Rasul, iaitu penderitaan yang tersembunyi di dalam perasaan beliau, penderitaan yang menggoncangkan hati beliau, juga menggambarkan keadaan jiwa beliau yang berat di sa'at-sa'at itu dan menggambarkan penderitaan batinnya yang tidak tertanggung itu.

Di sa'at-sa'at memuncaknya penderitaan dan kesusahan hati para rasul, di mana tiada lagi tenaga simpanan mereka yang dapat digunakan, maka tepat pada sa'at inilah datangnya pertolongan Allah yang sempurna dan muktamad:

جَآءَهُمۡ نَصۡرُنَا فَنُجِّيَ مَن نَّشَآءُۖ وَلَا يُرَدُّ بَأۡسُنَا عَنِ ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ١١٠

"Maka datanglah pertolongan Kami kepada mereka, lalu diselamatkan mereka yang Kami kehendaki, dan 'azab Kami tidak sekali-kali dapat ditolakkan dari golongan orang-orang yang berdosa."(110)

Itulah Sunnatullah dalam perjuangan da'wah. Perjuangan itu pastilah menempuh kesusahan dan penderitaan hingga kehabisan segala usaha dan tenaga, dan selepas itu barulah datang pertolongan dari Allah, iaitu setelah punca-punca yang lahir yang menjadi tempat pergantungan manusia itu tidak dapat diharapkan lagi. Pertolongan itu datang dari Allah menyelamatkan orang-orang yang wajar diselamatkan dari kebinasaan yang menimpa para pendusta. Mereka terselamat dari penindasan-penindasan manusia-manusia yang zalim dan sewenang-wenang. 'azab Allah yang ditimpakan ke atas orang-orang yang berdosa itu telah membinasa dan menghancurkan mereka. Mereka tidak berdaya lagi menolak 'azab itu dan tiada siapa pun yang sanggup menjadi penolong dan pelindung untuk menghalangkan 'azab itu dari mereka.

Perjuangan Da'wah Bukan Perjuangan Main-mainan

Demikianlah (hakikat perjuangan da'wah) supaya kemenangan da'wah itu tidak merupakan suatu kemenangan yang murah hingga perjuangan da'wah itu merupakan perjuangan mainan-mainan sahaja. Seandainya kemenangan itu begitu mudah tentulah setiap hari akan muncul pejuang-pejuang yang mendakwa memperjuangkan da'wah tanpa menanggung apa-apa beban atau menanggung sedikit beban sahaja. Perjuangan da'wah yang benar tidak seharusnya dijadikan perjuangan cuma-cumaan dan mainan-mainan sahaja kerana perjuangan da'wah ialah perjuangan menegakkan dasar-dasar dan sistem hidup manusia. Oleh itu perjuangan ini pasti dijaga dan dipeliharakan dari pejuang-pejuang palsu, kerana mereka tidak sanggup memikul beban da'wah. Justeru itulah mereka takut mendakwa diri mereka sebagai pejuang da'wah yang sebenar dan mereka berani mendakwa, mereka tidak akan sanggup memikul bebannya dan akan terus membuangnya. Perbezaan di antara kebenaran dan kebatilan akan ketara apabila diuji dengan batu-batu uji kesusahan dan penderitaan yang tidak sanggup dipikul melainkan oleh pejuang-pejuang yang benar yang tidak akan meninggal da'wah Allah walaupun mereka yakin bahawa mereka tidak mungkin mencapai kemenangan dalam hidup dunia ini.

Perjuangan da'wah kepada Allah bukannya perniagaan jangka pendek, iaitu sama anda mendapat keuntungan yang terbatas di dunia ini atau tinggalkan sahaja perjuangan itu dan pilihlah satu perniagaan yang lain yang lebih cepat mendatangkan hasil keuntungan. Pejuang da'wah kepada Allah di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah - iaitu masyarakat-masyarakat yang memberi keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah di mana-mana zaman atau tempat - hendaklah meyakinkan hatinya bahawa dia bukannya sedang berada dalam satu perjalanan yang senang dan rehat dan bukannya menjalankan perniagaan barangan-barangan jangka pendek, malah dia harus yakin bahawa dia akan menghadapi tuhan-tuhan palsu (Taghut) yang memiliki kekuatan dan kekayaan dan mempunyai kuasa memperbodohkan orang ramai sehingga mereka memandang yang hitam itu putih dan yang putih itu hitam dan seterusnya mereka mempunyai kuasa mengemblengkan orang ramai untuk menentang pejuang-pejuang da'wah kepada Allah dengan usaha merangsangkan nafsu keinginan mereka dan mengancam mereka bahawa tujuan pejuang-pejuang da'wah itu ialah untuk mengharamkan mereka dari nafsu keinginan mereka. Para pejuang da'wah pastilah yakin bahawa perjuangan da'wah kepada Allah itu meminta pengorbanan yang amat banyak dan penglibatan diri dalam perjuangan menentang jahiliyah, juga meminta pengorbanan yang banyak. Justeru itulah dalam peringkat awal perjuangan da'wah, orang ramai yang lemah tidak ikut melibatkan diri dalam perjuangan itu, malah golongan yang sanggup melibatkan diri ialah golongan pilihan dari generasi itu, golongan yang mementingkan hakikat kebenaran agama ini dari kerehatan dan keselamatan diri dan dari seluruh keni'matan hidup dunia ini, namun begitu, bilangan mereka selalunya amat kecil, tetapi Allah menyelesaikan pertikaian di antara mereka dengan kaum mereka dengan penyelesaian yang benar setelah mereka melancarkan jihad sama ada dalam masa yang panjang atau pendek, dan di waktu inilah sahaja orang ramai akan datang berduyun-duyun masuk ke dalam agama Allah.

Di dalam kisah Yusuf terdapat berbagai-bagai bentuk kesusahan dan penderitaan, iaitu penderitaan hidup dalam perigi, dalam istana al-'Aziz dan dalam

penjara, juga terdapat berbagai-bagai kehampaan dari mendapat pertolongan manusia, tetapi akhirnya kesudahan yang baik tetap dicapai oleh orang-orang yang bertaqwa tepat sebagaimana yang dijanjikan Allah yang tidak pernah mengecewakan hamba-Nya. Kisah Yusuf juga merupakan satu contoh dari kisah-kisah para rasul yang memberi pengajaran dan teladan kepada orang yang berfikir. Dalam kisah Yusuf juga terdapat pengesahan terhadap hakikat-hakikat yang dijelaskan di dalam kitab-kitab suci sebelum ini, di mana tidak ada pertalian di antara Muhammad dan kitab-kitab suci itu. Tentulah tidak mungkin bahawa apa yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. itu suatu cerita bohong kerana cerita-cerita bohong tidak dapat mengesahkan satu sama lain dan tidak dapat memberi hidayat, juga tidak dapat memberi ketenangan dan rahmat kepada hati yang Mu'min:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

"Sesungguhnya di dalam kisah-kisah mereka terdapat pengajaran kepada orang-orang yang berakal. Al-Qur'an itu bukanlah cerita yang diada-adakan, tetapi ia membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya dan ia merupakan penjelasan terhadap segala sesuatu, juga sebagai hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(111)

Demikianlah pertautan yang harmoni di antara permulaan dan penghabisan dalam surah, di samping pertautan yang harmoni di antara permulaan dan penghabisan di dalam pembentangan kisah. Kata-kata ulasan dan kesimpulan yang terdapat di awal, di akhir dan di celah-celah kisah itu adalah dikemukakan selaras dengan maudhu' kisah, cara penceritaan dan susunan kata-katanya. Dengan demikian kisah ini dapat memenuhkan matlamat keagamaan dengan sempurna dan dapat memenuhkan ciri-ciri seni penceritaan dengan sempurna di samping mengemukakan cerita yang benar dan maudhu' yang selaras dengan realiti.

Kisah Yusuf ini bermula dan berakhir di dalam satu surah sahaja kerana keadaan cerita itu memerlukan bentuk penceritaan yang seperti ini. Ia merupakan kisah sebuah mimpi yang menjadi kenyataan secara perlahan-perlahan, hari demi hari, peringkat demi petingkat. Maksud pengajaran dari kisah ini tidak mungkin tercapai, begitu juga penyusunan seni kisah ini tidak mungkin tercapai melainkan apabila ayat-ayat di dalam surah ini terus menceritakan sekaligus langkah-langkah kisah dan peringkat-peringkat perkembangannya dari awal hingga akhir. Penceritaan satu babak sahaja dari kisah ini di mana-mana tempat pembicaraan tidak dapat mencapai sesuatu apapun dari tujuan-tujuan tadi sebagaimana yang dapat dicapai oleh penceritaan sebabak di dalam kisah-kisah para rasul yang lain seperti babak kisah Sulaiman dengan Ratu Balqis atau babak kisah kelahiran Maryam atau babak kelahiran Isa atau babak kisah Nuh dengan banjir besar dan sebagainya, semua babak ini dapat memenuhi tujuannya dengan sempurna di tempat pembicaraan masing-masing. Adapun kisah Yusuf, maka ia memerlukan diceritakan sekaligus meliputi segala babak dan adegannya dari awal hingga akhir. Amatlah benar firman Allah Yang Maha Besar:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَٰذَا الْقُرْآنَ وَإِن كُنتَ مِن قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٣﴾

"Kami akan menceritakan kepadamu (Muhammad) seindah-indah kisah dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu dan sesungguhnya engkau sebelum ini adalah dari golongan orang-orang yang tidak mengetahui."(3)

(Diiringi Jilid Yang Keenam)